PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14

23 HINGGA 25 OGOS 2021



DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI PERTAMA
23 OGOS 2021 (ISNIN)

KANDUNGAN

HARI PERTAMA: 23 OGOS 2021 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT - MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-3 DEWAN NEGERI PAHANG KE-14	1
4	TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	3
5	BACAAN DOA OLEH SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI PAHANG	8
6	PEMASYHURAN DARIPADA YANG DI-PERTUA	11

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Pertama : 23 Ogos 2021 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, - **Tioman**
SSAP., DIMP., PPA.
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Abd Rahim bin Muda, DSAP., AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	-	**Cheka**

Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Tuan Saiful Edris bin Zainuddin

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Isnin, 23 Ogos 2021
bersamaan 14 Muharam 1443 Hijrah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

SETIAUSAHA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam bahasa Arab]. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat, pergaulan; mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri, menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama; serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. [Bacaan dalam bahasa Arab]. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Dewan Negeri Pahang.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 16, 17, 18, 19 dan 20 November 2020 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mohon izin membawa cadangan bahawa peringatan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-14 pada 16, 17, 18, 19 dan 20 November 2020 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Soalannya ialah suatu cadangan bagi mengesahkan peringatan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-14 pada 16, 17, 18, 19 dan 20 November 2020 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila nyatakan "ya".

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak".

Tiada. Peringatan mesyuarat tersebut disahkan tanpa pindaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Menurut Bahagian Dua Bab 4 Perkara 29 Undang-undang Tubuh Negeri Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Titah Diraja.

Oleh yang demikian, saya mohon izin untuk mengadap merafak sembah mempersilakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat masuk bersemayam di Dewan ini dan seterusnya akan menyampaikan Titah Diraja. Dengan ini saya tempohkan Dewan ini sebentar. Terima kasih.

[*Persidangan ditempohkan*]

TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat.

Perkara ke-3: Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. [Bacaan dalam bahasa Arab]

Alhamdulillah, marilah kita menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita semua masih diberikan kesempatan untuk bernafas di dunia yang sementara ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, serta para keluarga dan sahabat baginda.

Saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan, kerana menunjukkan komitmen tinggi menghadiri Sidang Dewan Negeri ini, walaupun kita semua masih berada dalam penularan wabak pandemik COVID-19.

Saya menyeru agar semua Yang Berhormat Ahli Dewan berbahaslah secara rasional dan berpeganglah kepada prinsip mendahulukan kepentingan rakyat serta kemakmuran negeri dalam setiap hujah yang disampaikan.

Hadirin sekalian,
Mengambil kesempatan ini, saya menzahirkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-9. Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab besar yang telah diamanahkan oleh Allah SWT dengan sebaik-baiknya.

Saya menasihatkan kepada semua Wakil Rakyat agar berubah kepada politik yang lebih matang, jujur dan ikhlas untuk membantu rakyat dan memajukan negara. Rakyat dan negara tidak wajar dibebani dengan kemelut politik dan perebutan kuasa yang tidak berkesudahan.

Suka saya ingatkan sekali lagi kepada semua Wakil Rakyat saya, ini bukanlah masa untuk kita berebut kuasa. Ini bukanlah masanya untuk kita semua bersengketa. Ini bukanlah masanya untuk kita banyak bicara tanpa berbuat apa-apa. Sebaliknya, inilah masanya untuk kita semua bersama, demi negara, negeri dan rakyat jelata. Dalam keadaan wabak pandemik ini, rakyat menaruh harapan yang sangat tinggi kepada kita semua.

Hadirin sekalian,
Seperti yang kita semua sedia maklum, kes COVID-19 di negeri Pahang masih tinggi. Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh rakyat saya, supaya mengamalkan langkah-langkah keselamatan dan kebersihan diri, seperti yang dianjurkan oleh pihak kerajaan.

Mengambil kesempatan ini, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh petugas barisan hadapan dalam memerangi wabak pandemik COVID-19 ini. Menyentuh soal kebajikan rakyat dalam tempoh pandemik ini, saya harus memberikan kredit kepada usaha kerajaan saya, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif, untuk membantu rakyat yang terkesan dengan penularan wabak pandemik COVID-19.

Saya kira bantuan kepada rakyat yang terkesan ini, bukan sahaja datang daripada kerajaan saya semata-mata, malah turut tidak terkecuali, badan korporat, persatuan dan NGO serta individu yang berkemampuan, turut menghulurkan sumbangan.

Seperti yang saya titahkan semasa sambutan Awal Muharam baru-baru ini, kita semua harus cakna kepada persekitaran dan kejiranan kita. Mungkin ada antara mereka yang baharu diberhentikan kerja, kehabisan bekalan makanan serta keperluan asas, ataupun tidak mampu membayar sewa rumah, maka sebagai jiran tetangga, bantulah sebaik dan seboleh yang kita mampu. Wabak pandemik ini seharusnya menjadikan kita, insan yang banyak bersyukur dan membantu mereka yang memerlukan.

Hadirin sekalian,
Baru-baru ini saya ada bertitah agar semua pihak untuk mengamalkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus atau *Environmental, Social, Governance* (ESG) di Negeri Pahang. Saya menyeru sekali lagi kepada semua pihak termasuk kerajaan saya, syarikat korporat dan swasta dan juga orang perseorangan untuk mengambil serius tentang pelaksanaan ESG. Janganlah ianya menjadi retorik semata-mata, sebaliknya prinsip ESG ini, perlu menjadi amalan dan panduan kita, dalam menjadi khalifah di bumi ini.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 60, “Dan janganlah kamu melakukan kejahatan di bumi dengan membuat kerosakan”. Sesungguhnya, apa jua peranan dan pekerjaan kita dalam segala lapis masyarakat, kita haruslah memimpin menguruskan segala nikmat alam yang dipinjamkan oleh Allah SWT.

Kepada kerajaan saya, semak dan teliti semula peraturan serta SOP yang sedia ada. Apa yang kurang baik, maka perbaikilah ianya, agar selari dengan prinsip ESG.

Saya mengalu-alukan pembangunan yang maju dan serba moden. Walau bagaimanapun, ianya bukanlah alasan untuk kita mengabaikan alam sekitar dan melakukan kemusnahan sesuka hati. Matlamat tidak sesekali menghalalkan cara. Pembangunan dan kemajuan yang kita harapkan, mestilah mengekalkan kelestarian alam sekitar, flora dan fauna. Kerajaan saya sendiri mestilah ditadbir dan menjadi contoh dalam mengamalkan prinsip ESG.

Hadirin sekalian,
Negeri Pahang dengan keluasan hampir 3.6 juta hektar mempunyai peratusan kawasan hutan yang masih tinggi, iaitu kira-kira 57% dari keluasan negeri. Mengambil kira peratusan ini, Pahang merupakan penyumbang oksigen utama dan habitat bagi hidupan liar, flora dan fauna di Semenanjung Malaysia.

Saya menyeru kepada kerajaan saya agar keluasan kawasan hutan simpanan kekal kini yang berjumlah 1.59 juta hektar, dapat ditambah dari semasa ke semasa agar Pahang kekal signifikan sebagai *Green Lung* untuk Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan,
Dalam hal ini, saya menyokong usaha kerajaan saya bertindak tegas dalam aktiviti penguatkuasaan. Sebagai contoh, Operasi Lestari yang dilaksanakan di Cameron Highlands membuahkan hasil yang membanggakan. Sungai Ichat di Cameron Highlands yang telah tercemar teruk tahap 4, berjaya dibersihkan dan akhirnya mencapai tahap 1. Begitu juga dengan beberapa operasi penguatkuasaan, untuk membanteras gejala penerokaan tanah secara haram di negeri ini.

Tahniah saya ucapkan, terutamanya atas ketegasan secara konsisten, yang ditunjuk dan dibuktikan oleh orang tua saya, Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail. Saya berharap, ini diteruskan *without fear or favour*, demi memastikan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan dan alam sekitar di negeri ini berkekalan.

Saya yakin dalam melulus apa jua pembangunan, kita mempunyai pelbagai SOP yang telah digariskan. Walau bagaimanapun, saya melihat aspek pemantauan dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan SOP tersebut, masih boleh ditambah baik. Kepada jabatan dan agensi yang terlibat dengan penguatkuasaan, jalankanlah amanah tersebut dengan sebaik mungkin. Usahlah takut dan gentar dengan cabaran dan dugaan yang mendatang.

Saya menyeru kerajaan saya untuk memberikan lebih penekanan, kepada pembangunan dan keperluan agensi dan jabatan yang berkaitan penguatkuasaan, supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap, dan efisien.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan,
Pandemik COVID-19 ternyata telah memberi impak kepada ekonomi negara dan Pahang tidak terkecuali. Pahang merekodkan sedikit penyusutan pada tahun 2020, dengan pencapaian nilai KDNK sebanyak RM54.9 bilion berbanding RM58.4 bilion pada tahun 2019. Saya dimaklumkan, sektor pertanian masih mengekalkan sumbangan yang besar kepada pembangunan negeri.

Pengeluaran produk makanan untuk rakyat diteruskan oleh kerajaan saya melalui penyaluran peruntukan kepada para petani dan pengusaha meliputi pelbagai program pembangunan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, kelapa, tanaman herba serta produk industri asas tani. Saya dikhabarkan negeri saya telah mengeluarkan 624,000 tan produk makanan, yang terdiri daripada buah-buahan,

sayur-sayuran, tanaman kontan, padi, dan lain-lain dengan nilai RM2.9 bilion pada tahun 2020.

Saya berharap kerajaan saya akan terus memberikan lebih penekanan kepada sektor pertanian, di samping sektor-sektor lain sedia ada. Konsep pertanian konvensional perlulah diubah kepada pertanian moden dan berteknologi tinggi. Penggunaan IOT atau *Internet of Things*, dalam sektor pertanian perlu diperhebatkan. Dengan adanya teknologi, kita tidak memerlukan tanah yang luas dan besar untuk menggandakan hasil dan keuntungan.

Justeru, saya menyeru kerajaan saya untuk menarik lebih ramai usahawan tani, terutama golongan orang muda untuk menceburkan diri dalam sektor ini. Sokongan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan pelbagai bentuk kemudahan seperti geran, dana pinjaman, tanah, khidmat nasihat serta pemasaran amat diperlukan untuk mereka yang mungkin mempunyai minat, tetapi tidak tahu bagaimana untuk mendalami bidang ini.

Kepada golongan muda dan belia, pemikiran skeptikal terhadap bidang pertanian yang tidak menjamin masa depan atau berpendapatan rendah, perlu dibuang jauh. Sekiranya dibuat dengan betul, sektor ini mampu menjana pendapatan puluhan ribu ringgit setiap bulan, insya-Allah.

Hadirin sekalian,
Saya sangat mengalu-alukan pelabur luar dan tempatan untuk datang melabur ke negeri Pahang. Saya berasa sukacita dengan usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Menteri Besar dan seluruh jentera kerajaan dalam mempromosi dan menarik pelaburan asing dan tempatan ke negeri saya.

Saya difahamkan pada tahun 2020 sahaja, pelaburan yang berjaya ditarik ke negeri Pahang berjumlah RM6.8 bilion. Begitu juga dengan misi-misi pelaburan yang telah berjaya dilaksanakan, melibatkan negara-negara seperti Belgium, Belanda, Singapura, China, serta yang terbaharu, Thailand. Ia sudah pasti berjaya memberi impak positif, kepada perkembangan ekonomi negeri dan bakal mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat saya.

Saya menyeru kepada kerajaan saya, lihatlah potensi pelaburan yang bersesuaian dan yang paling penting ianya mestilah selari dengan konsep ESG yang saya tekankan. Segala pelaburan tersebut, haruslah dilaksanakan dengan penuh berintegriti dan tidak mengabaikan kelestarian alam sekitar, flora dan fauna.

Kemungkinan keperluan projek pembangunan tersebut menyebabkan untuk suatu kawasan baharu dibuka, maka ianya mestilah dilaksanakan dengan impak yang paling minima kepada alam sekitar. Kawasan-kawasan perlindungan flora dan fauna serta Hutan Simpan Kekal, Taman Negara, Taman Negeri Endau-Rompin, hutan lipur dan hutan rimba, Tasik Chini, Tasik Bera, Bukit Fraser, gunung-ganang, kawasan gua, kawasan tadahan air dan sungai, kawasan pantai dan pulau-pulau serta kawasan penempatan Orang Asli, hendaklah terus kekal dipelihara.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan,
Saya menyokong segala usaha kerajaan saya, untuk mengekang ketirisan hasil, demi memastikan penjanaan hasil yang optimum. Saya amat berpuas hati dengan kutipan hasil negeri pada tahun lepas, yang telah berjaya mengutip sebanyak RM850 juta berbanding sasaran asal, RM744 juta iaitu pencapaian sebanyak 115%.

Tahniah kepada orang tua saya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan seluruh jentera pentadbiran kerajaan saya, yang telah bertungkus lumus meningkatkan hasil tersebut. [Ahli Dewan tepuk meja]. Ianya adalah selari dengan prinsip tadbir urus yang baik, atau *good governance* dalam ESG. Saya berharap prestasi kutipan pada tahun ini juga lebih baik berbanding tahun lepas, insya-Allah.

Gunakanlah lebihan kutipan hasil tersebut, untuk melaksanakan projek fizikal dan bukan fizikal, serta inisiatif yang bersesuaian, demi kesejahteraan rakyat saya jua. Dalam soal untuk meningkatkan hasil, saya menyeru kerajaan saya, agar berusaha sebaik mungkin mencari sumber alternatif baharu dan tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil bumi dan hutan semata-mata. Saya yakin Pahang juga boleh menjadi sebuah negeri maju dan berpendapatan tinggi tanpa perlu mengorbankan alam sekitar, hutan, flora dan fauna.

Hadirin sekalian,
Saya berpuas hati dengan keprihatinan kerajaan saya, dalam menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat. Saya berasa sukacita atas keprihatinan kerajaan saya mewujudkan program khusus bagi membina rumah mampu milik di negeri ini, iaitu PR1MA Pahang dan Rumah Makmur.

Saya dimaklumkan sehingga kini, kerajaan saya telah pun meluluskan 156 projek PR1MA Pahang dengan jumlah hampir 40,000 unit rumah, sedang dan akan dibina.

Begitu juga dengan 25 projek Rumah Makmur yang telah diluluskan, ianya akan memberi manfaat kepada 6,700 pemilik baharu nanti dengan harga hanya RM150,000.00 sebuah bagi rumah PR1MA dan RM80,000.00 sebuah bagi Rumah Makmur. Ianya sudah pasti sangat membantu golongan B40 dan M40 untuk mempunyai sebuah kediaman kekal.

Saya juga menyeru kerajaan saya agar dapat membina lebih banyak Rumah Rakyat Pahang (RRP) bagi mereka yang layak dan tidak berkemampuan. Sekiranya dahulu kita bergantung kepada projek PPRT melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan, namun dengan hasil Kerajaan Negeri yang positif, kita kini dapat membina Rumah Rakyat Pahang untuk diberikan kepada golongan yang sewajarnya secara percuma.

Kepada pemaju yang melaksanakan projek perumahan tersebut, buatlah dengan sebaik mungkin. Jagalah kualiti, dan berikanlah jiwa dan hati, dalam pembangunan projek tersebut, agar ianya memberi manfaat yang sebaik mungkin kepada pemiliknya kelak.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan,
Pada pagi yang berbahagia ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas usaha keras dalam memakmurkan negeri saya, walaupun menghadapi situasi yang serba sederhana. Saya menyeru kepada semua Ahli Dewan agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan serta Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

Mengambil kesempatan ini, saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada orang tua saya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan semua kakitangan awam yang terlibat dalam urusan mentadbir kerajaan saya demi faedah rakyat sekalian. Semoga Allah SWT membalas jasa dan budi yang ditaburkan dengan ganjaran pahala dan kebaikan, insya-Allah.

Akhir titah, saya sentiasa berdoa semoga Allah SWT memberi petunjuk, taufik dan hidayah, dalam apa jua yang kita lakukan untuk negeri ini.

Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada pagi ini. Sekian. Wabillahit-taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Ahli Dewan menepuk meja]

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat. Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang mohon membaca doa.

SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI PAHANG

Al-Fatihah [Ayat al-Quran]

Ya Allah, Ya Latif, Ya Hafiz,
Maha Suci Allah Yang Maha Esa, yang tiada sekutu bagi-Nya dan segala pujian adalah kepunyaan-Nya dan Dialah Tuhan Yang Maha Berkuasa atas sesuatu. Sesungguhnya kami memohon limpahan rahmat-Mu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ke-14 pada pagi yang penuh keberkatan ini.

Ya Allah, Ya Zal Jalali Wal Ikram,
Kurniakanlah perhimpunan kami di Dewan Yang Mulia ini keberkatan, usaha yang diterima, amal soleh yang dimakbulkan, perancangan yang tidak merugikan dan dosa yang diampuni. Dan janganlah Engkau Ya Allah, biarkan perpecahan dan perselisihan di antara kami melainkan Engkau perkukuhkan hubungannya; dan janganlah Engkau

biarkan segala hajat, maslahah dan keperluan rakyat dalam negeri ini melainkan Engkau perkenankan serta permudahkan segala urusannya.

Ya Allah, lindungilah Negeri Pahang Darul Makmur daripada kemunduran, kejahilan, kemiskinan serta selamatkan dari segala ancaman bala dan selamatkan daripada kekacauan dan huru hara. Khususnya Engkau angkatkanlah wabak COVID-19 dalam negeri dan negara ini.

Kami bermohon kepadamu Ya Allah, Ya Zal Jalali Wal Ikram, kurniakanlah negeri Pahang kemajuan, kejayaan dan keamanan, agar kami dapat hidup di dalam aman sentosa dan selamat sejahtera serta jadikanlah negeri ini maju jaya di bawah pemerintahan Sultan kami, Sultan Pahang selaku Ketua Agama dan Raja yang kami kasihi. Mudah-mudahan Negeri Pahang Darul Makmur dikurniakan keberkatan, kemakmuran dan maju jaya dan agama-Mu didaulatkan Ya Allah.

Ya Allah Ya Latif, Ya Hafiz,
Kami bermohon barang dipelihara dan diredhai oleh-Mu, maka perkenankanlah doa kami. Semoga engkau memberkati hari-hari pemerintahan, Sultan yang kami kasihi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, sultan dan raja pemerintah bagi negeri Pahang Darul Makmur serta segala jajahan takluknya, dengan mengurniakan kepada baginda taufik, hidayah, ri'ayah dan 'inayah, sihat walafiah berpanjangan, selamat sejahtera, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam rahmat pemeliharaan-Mu Ya Allah. Kekal karar memerintah, bersemayam di atas singgahsana tahta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur,

Dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Tengku Ampuan Pahang.

Dipohonkan juga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Yang Amat Mulia Paduka-paduka Anakanda, Putera-puteri, cucunda dan kerabat, para pemimpin, alim ulama, muslimin dan muslimat serta rakyat jelata sentiasa berada di dalam keselamatan kesejahteraan serta mendapat keredhaan dan keampunan dari-Mu Ya Allah.

[Bacaan dalam bahasa Arab]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang mulia ini merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas Titah Diraja Tuanku.

Ahli-ahli Yang Behormat sekalian,
Dengan sempurnanya Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sebentar tadi, maka sukacita saya menempohkan sementara Dewan ini bagi majlis santapan ringan dan jamuan pagi. Saya akan menyambung semula persidangan ini pada jam 11.00 pagi. Terima kasih. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditempohkan]

[Persidangan disambung semula]

PEMASYHURAN DARIPADA YANG DIPERTUA

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Pemasyhuran daripada Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada hari ini kita dapat meneruskan persidangan kita.

Di kesempatan ini, marilah kita bersama-sama merakamkan rasa menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang kerana telah berangkat menyempurnakan Perasmian Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 dan seterusnya menyempurnakan Titah Diraja mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Sesungguhnya Persidangan Pertama Penggal Ke-4 bagi Negeri Pahang Ke-14 ini, kita berada di dalam gelombang penularan COVID-19 yang amat menggerunkan dan landskap politik negara yang cukup mencabar dan akhirnya kehidupan rakyat yang amat memedihkan. Sudah pasti episod malang ini adalah pertama kali menyentuh kita. Ianya juga menghantui seluruh pelusuk dunia.

Suka saya memaklumkan terdapat dua Wakil Rakyat yang tak dapat hadir bersama-sama kita dalam persidangan kali ini iaitu Yang Berhormat ADUN Kemayan, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Fadil bin Osman; dan Yang Berhormat ADUN Tanjung Lumpur, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar. Mereka disahkan mendapati CC1, *close contact 1* dan dikuarantin di rumah. Marilah kita berdoa semoga mereka segera sembuh dan kembali bertugas.

Persidangan kita hari ini dan seterusnya bersandarkan kepada SOP yang ketat, bagi mengelakkan kebarangkalian penularan COVID-19 boleh tercetus di sini. Saya mematuhi arahan dan akur nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepenuhnya. Semoga dengan pendekatan dan pelaksanaan SOP ini, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tiada halangan dan marilah kita bersama-sama melaksanakannya bagi menjaga kemaslahatan diri, keluarga dan masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Saya juga ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang telah diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu telah berkenan melantik Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Ahli Parlimen Bera sebagai Perdana Menteri yang Ke-9 pada 21 Ogos 2021 yang baru lalu. [Ahli Dewan menepuk meja]

Sesungguhnya kebijaksanaan dan kepintaran Kebawah Duli Tuanku telah merungkaikan isu politik negara dengan baik, selamat dan pantas, dan telah melegakan kerunsingan dan kegundahan rakyat jelata. Kita berharap semua para pemimpin parti politik dan… menjunjung setinggi-tinggi solusi yang telah diputuskan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 43(2) (a).

Semoga kita akan menikmati sinar baharu yang aman, bahagia dan makmur serta harmoni sebagai sebuah keluarga besar, Keluarga Malaysia.

Baiklah, marilah kita beralih kepada aturan urusan mesyuarat selanjutnya.

KENYATAAN-KENYATAAN DARIPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima: Kenyataan-kenyataan daripada Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahirahmannirrahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua atas keizinan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua memberi ruang ini kepada saya untuk berucap mengenai hal yang hendak saya kemukakan.

Pada lazimnya, Persidangan Dewan kita ditangguhkan setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Shah menyempurnakan Titah Diraja.

Namun atas keperluan, saya mohon ruang ini diberikan khusus kepada saya untuk menyampaikan ucapan ringkas berkaitan hal yang turut disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenaan perlantikan jawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang baharu.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Sukacita saya mewakili Kerajaan Negeri mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob sempena pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-9 atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Lantikan ini… [Ahli Dewan menepuk meja]. Lantikan ini sudah tentu membanggakan kita semua, terutamanya kita yang berada di bumi Pahang. Dengan pelantikan ini juga, sudah 3 anak jati negeri diangkat menjadi Perdana Menteri. [Ahli Dewan menepuk meja]

Bermula dengan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussein iaitu pada tahun 1970 hingga tahun 1976 seterusnya anakanda Dato'… anakandanya, Dato' Sri Mohammad Najib pada tahun 2009 hingga 2018, dan kini Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Turut membanggakan kita ialah apabila pelantikan dan pengurniaan Surat Cara Pelantikan beliau disempurnakan pada petang Sabtu lepas, oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Semestinya kita menjunjung titah dan menjunjung kasih atas kebijaksanaan serta perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku melantik dan menyempurnakan pelantikan ini. Pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri ke jawatan eksekutif tertinggi negara ini pula ialah secara meteorik ataupun secara mendadak. Ini adalah terutamanya apabila beliau baharu sahaja dilantik ke jawatan Timbalan Perdana Menteri yang disandang pada 7 Julai, pada 21 Ogos yang lalu dan dalam tempoh 45 hari sahaja beliau telah dilantik ke jawatan Perdana Menteri.

Inilah yang dikatakan pepatah, "*tuah ayam nampak dikaki, tuah manusia siapa yang tahu*". Hanya Allah SWT sahajalah yang menentukan segala-galanya. Pemilihan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri pula adalah melalui proses yang teliti serta menepati kehendak undang-undang. Pemilihan ini juga adalah bermerit sama ada daripada segi jawatannya dalam parti mahupun Kerajaan Persekutuan juga daripada segi kelayakan akademiknya.

Beliau merupakan lepasan Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Malaya. Pada tahun 1983, kerjayanya meliputi sebagai peguam kemudian sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan iaitu pada tahun 1995 hingga 1999.

Pada tahun 2004, beliau bertanding dan menang seterusnya menjadi Ahli Parlimen Bera sehingga kini. Bermula 2008, beliau menyertai Kabinet Kerajaan Persekutuan pimpinan Barisan Nasional sebagai Menteri Belia dan Sukan iaitu daripada tahun 2008 sehingga 2009 disusuli sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan iaitu pada tahun 2009 hingga 2013 dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani 2013 hingga 2015.

Menyertai semula Kabinet Kerajaan Persekutuan kali ini pimpinan Perikatan Nasional sebagai Menteri Kanan Pertahanan pada Mac 2020 seterusnya sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Julai yang lepas.

Menerusi jawatan-jawatan yang disandangnya di kementerian-kementerian berkenaan, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri tentunya cukup berpengalaman termasuklah pengalamannya mengendalikan isu wabak pandemik COVID-19.

Daripada segi perjalanan politik khususnya UMNO, pengalamannya tidak boleh dinafikan. Beliau kini ialah Naib Presiden parti dan pernah seketika menjalankan tugas-tugas sebagai Timbalan Presiden parti. Pada awal perjalanan politiknya, beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Temerloh pada tahun 1987, kemudian berjaya meningkatkan diri kepada kedudukan Ketua Penerangan UMNO Bahagian pada tahun 1988, Ketua Pemuda UMNO Bahagian tahun 1993 dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Temerloh yang sama pada tahun 2001.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
apabila UMNO Bahagian Bera diwujudkan, beliau menjadi Ketua UMNO Bahagiannya yang pertama pada tahun 2004. Beliau bertanding seterusnya menang dan menjadi Ahli Parlimen pertama Bera, kawasan parlimen baru diwujudkan ketika itu.

Demikianlah serba ringkas yang saya boleh katakan mengenai Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri, daripada segi itu adalah sangat sesuai dan kena pada tempat dan masanya beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-9.

Saya berharap semua pihak memberi kerjasama sepenuhnya kepada beliau agar beliau dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan khususnya dalam menangani wabak pandemik COVID-19 serta kesan-kesan sosial ekonomi yang diakibatkan oleh pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membuat ucapan ringkas berkaitan perlantikan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru.

Semoga dengan ucapan tahniah yang dilafaz dan direkodkan dalam Persidangan Dewan Yang Mulia ini dapat menjadi kebanggaan kepada kita semua seterusnya memastikan kepimpinan beliau menerajui Kerajaan Persekutuan akan memberi impak sebaik-baiknya kepada negara dan juga negeri kita Pahang, insya-Allah.

Dengan kata-kata itu saya sudahi dengan Wabillahit taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUAN DEWAN

Terima kasih. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Demikianlah kata-kata tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang ke-9 yang cukup cemerlang bagi melayakkan beliau dinobatkan sebagai Perdana Menteri yang ke-9 dan akan dirakamkan di dalan Dewan Yang Mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya akan menempohkan Persidangan kita ini pada hari ini dan insya-Allah dengan kita akan bersambung semula pada hari esok Selasa, 24 Ogos 2021 bersamaan 15 Muharam 1443 Hijrah bermula jam 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan. Assalamualaikum WBT. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 11.30 pagi]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-2
24 OGOS 2021 (SELASA)

KANDUNGAN

HARI KE-2: 24 OGOS 2021 (SELASA)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	29

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Kedua : 24 Ogos 2021 (Selasa)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Abd Rahim bin Muda, DSAP., AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	-	**Bukit Ibam**

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	-	**Cheka**
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Tuan Saiful Edris bin Zainuddin

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri Pahang, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Selasa 24 Ogos 2021
bersamaan 15 Muharam 1443 Hijrah
Masa : 9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama : Doa

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bissmillahirahmanirahim. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahaan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagian meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar-tukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua : Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bissmillahirahmanirahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Utama Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat meneruskan Persidangan pada hari ini yang berbahagia ini.

Saya nampak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kelihatan ceria, segar dan bersedia untuk saya meneruskan urusan kita pada pagi ini. Oleh kerana, kita perlu mengisi masa yang ada sebaik-baiknya, saya berharap soalan tambahan mestilah jelas tentang isu yang berkaitan dan dalam masa 1 minit sahaja.

Baiklah, untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Kemayan, silakan.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili ADUN Kemayan mengemukakan soalan nombor 1. Terima kasih.

> [Berapakah kos yang telah disumbangkan Kerajaan Negeri Pahang kepada rakyat negeri Pahang bermula dari PKP 1.0, PKP 2.0 dan PKP 3.0 mengikut pecahan setiap PKP?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhomat Dato' Fadil yang mewakilkan kepada er… daripada ADUN Kemayan yang mewakilkan kepada ADUN Sungai Lembing bertanyakan soalan nombor 1 iaitu berkaitan dengan kos yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang er... berkenaan dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang pertama, yang kedua dan juga yang ketiga.

Sukacita saya maklumkan di sini bahawa PKP yang pertama, Kerajaan Negeri... Kerajaan Negeri Pahang telah membelanjakan sebanyak RM24.39 juta. Manakala bagi Fasa Kedua... iaitu Fasa Pertama ada 5 Fasa untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Keseluruhan RM24 juta dan kita bagi berfasa kerana kita ingin menyampaikan bantuan ini sampai kepada mereka yang terkesan ataupun terjejas dengan COVID-19 ini ya, khususnya bagi kawasan-kawasan yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan ataupun Perintah Kawalan Pergerakan Yang Diperketatkan.

Jadi Fasa Pertama - RM15.39 juta, Fasa Ke-2 - RM4.22 juta, Fasa Ke-3 - RM2.34 juta, Fasa Ke-4 - RM614,750.00, Fasa Ke-5 - RM1.83 juta iaitu PKP yang pertama RM24.39 juta, dan er... bantuan secara bersasar ini melibatkan pelbagai masyarakat termasuklah er... peniaga, pemandu teksi, pemandu pelancong, nelayan dan lain-lain lagi.

Manakala bagi PKP Ke-2, Kerajaan Negeri... hanya Fasa Pertama iaitu melibatkan sejumlah RM9.65 juta, manakala bagi PKP 3 melibatkan RM15.84 juta. Yang ini melibatkan dua kali iaitu pertama RM9.65 juta dan yang ketiga RM6.19 juta. Jadi jumlah keseluruhannya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah sebanyak RM48.9 juta yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri kepada mereka yang terkesan akibat COVID-19 ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Baik. Saya terus kepada soalan yang kedua. Saya jemput Yang Berhormat Muadzam Shah.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kemukakan soalan nombor 2.

> [Semenjak penubuhan Pasukan Penguatkuasa Bersepadu (Unified Enforcement) oleh Kerajaan Negeri Pahang;
>
> i) Setakat mana keupayaan dalam melaksanakan tindakan atas aduan yang dibuat.

ii) Berapa jumlah tindakan yang telah diambil mengikut Daerah.

iii) Berapa jumlah kompaun yang telah diterima.]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Muadzam… [*Corporation Mining Skill]* kerana telah bertanyakan soalan penubuhan Unit Penguatkuasaan Bersepadu ataupun *Unified Enforcement* bahasa singkatannya UE oleh Kerajaan Negeri Pahang. Ada 3 kluster soalan, kita sebutkan klusterlah ya.

Yang pertama sekali, Yang Berhormat bertanyakan keupayaan dalam melaksanakan tindakan atas aduan yang dibuat? Yang ke-2 bertanyakan jumlah tindakan yang telah diambil mengikut daerah dan yang ke-3 berapakah jumlah kompaun yang telah diterima?

Jadi, bagi menjawab soalan yang pertama Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan di sini bahawa sejak penubuhan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang pada 1 November 2019 baharu sahaja ditubuhkan iaitu lebih kurang setahun lebih 2019, 2020 tak sampai 2 tahun lagi. Unit ini telah menerima sebanyak 192 aduan dibawah Kanun Tanah Negara 1965, Enakmen Mineral 2001, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Sumber Air 2007.

Setakat ini, Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang atau singkatannya UPNP telah menyelesaikan sebanyak 142 aduan dengan kadar penyelesaian sebanyak 74%. Baki 50 aduan yang masih belum diselesaikan, kini dalam tindakan susulan unit-unit yang berkaitan.

Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi aduan yang diterima, sekiranya didapati berlaku kesalahan di bawah akta dan enakmen yang disebutkan di atas, maka tindakan akan diambil meliputi prosedur serbuan, rampasan serta sitaan jentera atau mesin, siasatan, pengenaan kompaun dan tindakan pendakwaan terhadap pelaku kesalahan.

Di antara aduan yang sering kita terima ialah pencerobohan tanah kerajaan dan juga pencerobohan hutan simpan termasuklah pencerobohan yang menyebabkan pencemaran air. Itu soalan yang pertama, kluster yang pertama.

Bagi yang ke-2, jumlah tindakan yang telah diambil mengikut daerah. Sukacita saya memaklumkan di Dewan Yang Mulia ini, bahawa sebanyak 114 tindakan yang telah diambil, jika dipecahkan mengikut daerah: Kuantan - 8 yang telah diambil tindakan, Pekan - 4, Rompin - 5, Maran - 8, Bera – 1. Bera ni kalau Dato' PTG dia sebut "B-e-r-a". Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat berborak dengan Dato' PTG kalau dia sebut "bra ke B-e-r-a"?... "B-e-r-a". Ha... itu… dia tak boleh nak ubah dah… tetapi dia akan *pronounce* Bera, tapi yang sebenarnya Bera, yang tidak benarnya Bera [ketawa]. Jadi er… mana pula tadi jadi Bera 1, Temerloh 7, Jerantut 6, Bentong 11, Raub 20, Lipis 37, Cameron Highland 7. Jadi jumlah keseluruhannya 114 sepertimana yang saya nyatakan tadi. Manakala daripada segi perincian Yang Berhormat ya daripada Muadzam, jumlah kompaun yang telah Kerajaan Negeri dapat saya suka nyatakan di sini bahawa er… nilai sitaan jentera dan mesin kita telah dapat sebanyak RM4 juta dan nilai kompaun RM422,000.00.

Ini baru kita tubuh pada tahun 2019 pada bulan November tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kegiatan-kegiatan haram penerokaan tanah haram hutan simpan masih lagi berlaku tetapi dalam keadaan yang tidak sebanyak mana sebelum penubuhan UE ini. Tetapi ianya masih berlaku dan insya-Allah Kerajaan Negeri akan terus er… pertingkatkan penguatkuasaan dengan syarat Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada laporan boleh terus membuat laporan kepada Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang. Insya-Allah Kerajaan Negeri ambil tindakan.

Jadi er… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, itulah jawapan saya bagi pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Muadzam.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Ketari. Sila.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 3.

[Kelestarian Tasik Chini :

Tasik Chini seperti yang diketahui oleh ramai telah diklasifikasikan sebagai Biosphere Reserves (BR) oleh UNESCO pada tahun 2009. Namun sejak kebelakangan ini telah timbul isu mengenai aktiviti pembalakan dan terbaru aktiviti perlombongan di kawasan Tasik Chini.

Bilakah audit seterusnya yang akan dijalankan oleh UNESCO untuk status BR Tasik Chini? Apakah status BR Tasik Chini buat masa kini?

Apakah usaha kerajaan negeri dalam memulihara keadaan Tasik Chini untuk mengekalkan status BR yang diperolehi? Adakah perlombongan dan pembalakan yang dijalankan telah menyebabkan status BR Tasik Chini kini dikaji semula oleh UNESCO?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan nombor 3 berkenaan dengan keles... keles... lestarian Tasik Chini. Er... bagi audit yang... yang akan dijalankan oleh UN... UNESCO, Kerajaan Negeri telah menghantar laporan iaitu berkala iaitu *Periodic Review*... *Periodic Review* pada 22 Disember 2020. Namun begitu, pihak UNESCO telah meminta Kerajaan Negeri melaksanakan beberapa penambahan... penambahbaikan kepada pengurusan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini atau (TCRB).

Berdasarkan er... soalan kedua, 1, 2, berdasarkan cadangan penambahbaikan yang telah dikeluarkan oleh UNESCO, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

Satunya memperluaskan lagi keluasan er... Tasik Chini Reserve Biosfera kepada 9,147 hektar. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah bersetuju untuk mewartakan kawasan seluas 7,100 hektar di dalam kawasan TCRB sebagai Rizab Hutan Simpan Kekal Chini.

Kita juga melalui Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang menjalankan pemantauan kualiti air Tasik Chini bermula daripada tahun 2005. Terdapat 15 stesen yang telah ditetapkan merangkumi 12 laut di seluruh kawasan Tasik Chini dengan frekuensi se... sekali sebulan. Parameter yang dipantau adalah sebanyak 20 parameter termasuk logam berat dan antaranya adalah parameter Keperluan Oksigen, Biokimia, Pepejal Terampai (SS), Nitrogen Ammonia (AN), Besi (Fe), Arsenik, Raksa, Cadmium dan lain- lain. Berdasarkan National Water Quality Standards For Malaysia, data kualiti air Tasik Chini pada tahun 2020 hingga dan hingga Mac 2021 dikategorikan sebagai bersih.

Cumanya kawasan tersebut Yang Berhormat Yang di-Pertua, memang dari segi *content* air dia besi ni memang dia banyak pasal di bawah tu pun di bawah Tasik Chini itu pun banyak logam besi ataupun *iron ore*. Itu sebabnya logam besi tersebut dia agak tinggi sedikit. Dia memang macam tu. Kalau sekiranya di kawasan tersebut ada emas, apabila kita buat pemantauan, maka indikator tersebut akan menunjukkan bahawa er... bacaan untuk logam emas tu dia tinggi sikit. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan. Okey, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah er… apakah usaha pemantauan yang dilakukan oleh Pihak Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kejadian pembalakan dan perlombongan di sekitar Tasik Chini tidak melebihi zon er… dan mencerobohi zon penam… penampan yang telah ditetapkan?

Yang kedua, bagaimanakah kelulusan boleh diberikan untuk aktiviti perlombongan dan pembalakan di sekitar Tasik Chini dan apakah kriteria yang dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan sewaktu mengeluarkan lesen atau diluluskan?

Dan yang ketiga, berapa banyakkah lesen perlombongan dan ataupun pembalakan yang aktif sehingga hari ini? Itu sahaja, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya nak tanya Wakil daripada Ketari, dia tau tak maknanya er… *Man and Biosphere* ni? Saya nak tanya dia, kalau dia pa… kalau dia tahu, saya tak payah jawablah. Kalau dia tak faham, baru saya jawab.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Saya fahamlah tapi kalau, kalau Yang Berhormat nak terangkan dalam Dewan ni pun boleh, sila terangkan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Maknanya tak berapa nak fahamlah. Yang Berhormat Yang di-Pertua, apa maksud *biosphere? Biosphere* dalam Bahasa Melayu adalah... *Man and Biosphere*... maksudnya manusia dan tumbuh-tumbuhan, dan juga *nature,* sungai, tasik, hutan simpan dan juga aktiviti-aktiviti ini yang boleh menambahbaikan maksudnya aktiviti-aktiviti ini terpaksa berjalan kerana dia menunjukkan bahawa apa yang disebut sebagai biosfera ini di mana manusia dan seluruh alam sekeliling dan alam sekeliling tersebut mak... mak... maksudnya manusia tersebut boleh *survive* di dalam keadaan itu.

Dia berinteraksi di antara biosfera ataupun apa namanya manusia dengan persekitaran yang ada. Hah ini dia. Maksudnya balak boleh tetapi mesti mengikut apa yang telah ditetapkan. Kemudian lombong boleh tetapi mesti mengikut SOP yang telah ditetapkan. Orang yang duduk di situ dia pun kena makan juga. Sebagai contoh, hasil negeri pun kena ada juga tetapi dia mesti mengikut apa yang telah ditetapkan. Kerana itu, dulunya ada 6 lombong ya. Sekarang ni hanya tinggal 2 sahaja. Kita dah buat *stop order* semua. *Stop of* er... stop apa namanya *work*, *stop work order.* Dan saya nak maklumkan bahawa kerana kawasan tersebut, lombong- lombong tersebut telah pun memasuki kawasan *reserve* tambahan yang telah kita tetapkan.

Dia mengambil masa yang lama sedikit. Kita bukannya tanam pokok ni hari ni kita tanam besok kita tumbuh ya. Dunia pun berubah. Kalau dulu ni kita tak pernah pun dunia bercerita tentang *climate change,* sekarang dunia bercerita tentang *climate change.* Kalau dulunya dunia tidak pernah bercerita tentang *carbon credit*. Kerana apa? Kerana ketika itu tak ada benda ni semua. Tetapi bila lama-lama kelamaan... lama kelamaan maka perkara tersebut telah menjejaskan alam sekitar. Jadi kita pun begitu juga. Keputusan-keputusan yang lepas dia tidak ada. Dia tidak... tidak pernah ada perkara-perkara sebegini rupa. Kita pun tidak pernah di... iktiraf oleh UNESCO.

Kita diiktiraf pada tahun 2009. Jadi sebab itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua, apabila kita telah diiktiraf dan dunia pun sekarang ni ke arah er... apa namanya seperti yang dititah oleh Kebawah Duli Tuanku iaitu ESG, *Environmental, Social and Good Governance,* maka kita juga terpaksa menukar arah er... macam menukar arah politik jugalah, sekali sokong sekali tak sokong, kan? Maka kita terpaksa menukar arah untuk mengikut perkembangan dunia kerana apa? Kalau tidak dunia akan tidak akan apa lama kelamaan tidak akan selamat untuk diduduki.

Jadi sebab itulah kalau dulunya ya, tidak ada terminologi-terminologi seperti *environmental-environmental* aktivis dan sebagainya. Sekarang ada. Kerana apa? Kerana dunia berubah dan kita terpaksa mengikut kerana apa? Kalau tidak kita tidak dapat mewariskan apa yang kita ada ni kepada generasi yang akan datang. Jadi, Kerajaan Negeri mengakui dulu tak ada, tak ada kaedah-kaedah ESG ni semua tak ada er... apa nama *climate change*, *global warming* ni semua tak pernah disebut pun.

Saya pernah semasa belajar di Amerika dulu. Kita buat satu *essay*, er… buat satu apa namanya ini…ini karangan, *essay* er… *assignment* tentang *insurance.* Tentang apa? Tentang dipanggil *Acid Rain.* Tak kena tangkap pun *Acid Rain* ni… dia *defrost,* hujan asid. Tak ada, kerana ketika itu tidak digubalkan apa-apa perundangan. Tidak ada lagi *Kyoto Protocol*, tak ada. *Rio Protocol*, tak ada, tapi apabila dunia berubah maka kita juga terpaksa berubah. Sekarang Perdana Menteri baru, kita pun terpaksa berubah.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Boleh saya mencelah sikit? Soalannya mudah sahaja. Okey, memang kita perlukan perlombongan, pembalakan sebagainya, untuk… di antara masyarakat dan sebagainya, tetapi adakah *SOP* diikuti, dijalankan? Adakah pemantauan yang berterusan daripada pihak Kerajaan Negeri ataupun agensi yang terlibat melakukan pemantauan yang berterusan yang er… pemantauan yang keras terhadap aktiviti-aktiviti tersebut? Kerana apa yang kita lihat er… apabila isu Tasik Chini ini tersebar di media sosial dan sebagainya. Sehingga Pemangku Raja pun er… mencemar duli perlu turun ke bawah melihat keadaan, situasi. Kenapa kita perlu tunggu sehingga ia

tersebar di media sosial? Baru kita nak mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Perkara pertama yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar selepas beliau menjawat jawatan Menteri Besar adalah beliau telah menambah, *reserve* Hutan Simpan Tasik Chini ya, di tambah lagi ya, ditambah lebih kurang 7,000… 7,000 hektar lagi. Jadi dulunya kawasan tersebut memang tidak termasuk di dalam biosfera dan juga kawasan hutan *reserve* simpan tetapi apabila kita dah masuk, bila kita dah masuk kita kena baikilah. Kita kena pastikan mereka mengikut *SOP* yang telah ditetapkan. Jadi soal apa namanya, apa ni dalam media sosial dan sebagainya. Ini biasa, itu kita faham sebab itu Kerajaan Negeri bertanggungjawab. Kita tidak pernah mengaku bahawa kita tak buat, tetapi itu dulu ya, itu dulu.

Jadi apabila perkara tersebut telah di… di apa nama dipersetujui maka insya-Allah kita akan pastikan Tasik Chini er… akan kita jaga dengan baik dan begitu juga, ya begitu juga dengan tempat-tempat yang lain, kerana itulah pada Sidang Dewan ini kita bawa dua Usul, dua RUU. Satu, RUU Perbadanan Taman-Taman. Satu lagi RUU Majlis, Majlis apa namanya *Biodiversity.* Ha, Majlis *Biodiversity*. Kita yang cadang, kita pun lupa. Majlis *Biodiversity* untuk supaya apa? Supaya kita ada punca kuasa untuk menjaga. Tak apalah ini saya akan huraikan nanti apabila kita bentang RUU tersebut. Terima Kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin menambah sikit apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Ketari. Yang pertama, saya ingin tegaskan di sini bahawa setiap kelulusan, *SOP* mesti dipatuhi dan diikuti. Jika tidak dipatuhi dan tidak diikuti seperti apa yang berlaku di Tasik Chini, kita *stop work order*. Walaupun mereka telah ada ML tapi kerajaan negeri telah menghentikan operasi kerana mereka tidak mematuhi *SOP* yang telah ditetapkan.

Yang kedua, saya nak bagitahu kepada Yang Berhormat Ketari dan Ahli-ahli Dewan, yang diviralkan. Bukan sebab diviralkan itu, kita ambil tindakan, tidak. Sebelum itu pun, boleh sahkan dengan Dato' PTG memang kita telah er… tidak berhasrat untuk meluluskan yang di kawasan Jelai tu, *lanthanide* kalau tak silap saya. Tetapi setiap permohonan yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri berpandukan kepada kelulusan dan akan diproses oleh PTG, dan setiap permohonan ada Laporan Teknikal, Laporan Awal Teknikal. Kita bergantung kepada situ, tetapi akhirnya yang ini saya ingin tegaskan, akhirnya sebelum pelaksanaan ataupun ML diluluskan, dia mesti ada dua perkara yang mesti dipatuhi kalau tidak dia tak boleh melombong.

Yang pertama sekali Laporan EIA, ya Alam Sekitar. Yang kedua OMS, *Operation Mining Scheme.* Tanpa kedua-dua ini mereka tidak boleh beroperasi. Jadi itu, jangan… jangan salah faham tetapi kawan-kawan daripada belah sana telah menunjukkan bahawa ianya telah diluluskan. Masuk jadi netizen, rakyat semua jadi *confuse* termasuk masyarakat Orang Asli. Tak boleh, kena bagitahu kepada mereka bahawasanya Kerajaan Negeri, proses bergantung kepada Laporan Awal Teknikal. Itu yang pertama.

Next step mesti ada OMS, yang kedua mesti ada Laporan EIA. Baru ada kelulusan, baru dapat sijil untuk melombong. Selagi tidak ada kedua-dua ini, mereka tidak boleh melombong. Maknanya kalau kawan-kawan daripada sebelah sana nak buat bising, nak bagitahu kepada rakyat. Tunggu kalau mereka dah dapat ML, dapat kelulusan OMS, dapat kelulusan EIA, baru boleh cakap Kerajaan Negeri telah luluskan, tapi sekarang ni mana lulus lagi. Kita hanya berpandukan kepada laporan awal dan setiap permohonan kita daftar, kita proses dan Kerajaan Negeri dapatlah sedikit apa ni hasil daripada mereka memohon dan kita tidak boleh menghalang orang untuk memohon ya.

Jadi yang ni saya nak *clear* Yang Berhormat daripada Ketari ya, jelas atau tidak? Dua perkara sebelum melombong. Macam kita nak bernikahlah laki syarat dia, perempuan, lagi apa lagi Exco Agama? Tak ingat, apa dia?

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Tak apa, saya dah nikah dah. Saya dah tahu jawapan itu.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya? Ha… jadi saya tak payah bagitahu dah. Tak panggil pun.
Jadi itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya nak jelaskan di Dewan Yang Mulia ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua faham ya.

Yang pertama, proses awalan laporan daripada teknikal, itu *state*. Sebelum dikeluarkan OMS kena ada *Operational Mining Scheme* dan mesti ada Laporan EIA. Kalau nak bising pun kawan-kawan belah sana dah dapat kelulusan daripada ni, orang tak puas hati baru boleh. Sekarang ni jangan bising lagi sebab benda tak betul, mengelirukan rakyat. Jadi kita fokuskan untuk membantu rakyat, COVID dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Teruntum, tak puas hati lagi? Tak apa

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih jawapan dari pihak kerajaan. Saya nak tanya sini er… tadi yang Menteri Besar katakan setiap perlombongan atau setiap er… perlu ada kan EIA *report* tapi sebelum ini tadi jawapan dari Wakil Kerajaan juga katakan ada enam perlombongan. Adakah semua mempunyai EIA *report* sebelum ini? Kalau tiada, kenapa boleh biarkan dijalankan beroperasi? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Dulu memang tak ada. Sebelum 2015 memang tak ada, tapi selepas 2015 seperti dinyatakan, seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar nyatakan. Selepas 2015, kita perketatkan setiap masa, setiap waktu kita ada peraturan-peraturan baru. Supaya apa? Supaya kita dapat menjaga alam sekitar dan kita buat ini bukan… bukan… bukan kita cipta sendiri, tidak. Tetapi ini mengikut keperluan dan juga desakan, maksudnya ini dasar. Jadi, semua perlombongan di… di… apa di Negeri Pahang ini mesti kena ada EIA dan juga OMS, selepas 2015. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua…Yang Berhormat Yang di-Pertua, sikit je.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya nak *clear*kan di Dewan ini berhubung dengan Tasik Chini, Yang Berhormat Ketari bagitahu. Saya ingin nyatakan di sini bahawa Hutan Simpan Tasik Chini telah diwartakan pada Ogos 2021 dan dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan. Tiada pembalakan dibenarkan, ada kakitangan yang mencukupi telah ditempatkan di Hutan Simpan Tasik Chini. Ini untuk makluman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik. Soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat daripada Beserah.

YB. TUAN ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan yang ke-4.

[Mengikut Portal Rasmi Jabatan Perikanan, pengeluaran *vessel* nelayan telah dibekukan semenjak tahun 1982. Sila nyatakan:

1) Apakah sebab utama pengeluaran lesen ini dibekukan dan bagaimanakah nelayan-nelayan yang baharu ingin memohon lesen?

2) Bagaimanakah jabatan menangani isu permohonan lesen bagi nelayan pantai yang telah lama memohon tetapi masih tidak diluluskan?

3) Berapa lamakah tempoh kelulusan permohonan membaharui lesen nelayan-nelayan pantai?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,
Terima kasih kepada rakan saya daripada Beserah kerana telah membangkitkan soalan yang berkaitan dengan Industri Perikanan di masa ini, dan antara yang ditanyakan ialah tentang pengeluaran lesen yang telah dibekukan sejak daripada tahun 1982.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Akta Perikanan 1985 memperuntukkan Jabatan Perikanan Malaysia bertanggungjawab terhadap pemuliharaan, pengurusan dan pembangunan perikanan tangkapan di laut dan di muara. Melalui kajian penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, sejak tahun 1970 lagi didapati bahawasanya stok sumber perikanan negara terutamanya semakin merosot.

Kemerosotan stok sumber perikanan ini terutama sekali dari segi jenis ikan dasar laut adalah berpunca daripada aktiviti penangkapan ikan secara berlebihan menggunakan peralatan *destructive*, pencerobohan kawasan oleh nelayan tempatan dan nelayan asing, kerosakan habitat, tempat perlindungan dan pembiakan ikan, pembangunan tidak lestari atau tidak mesra alam dan sebagainya lagi.

Umum… umumnya kajian mendapati bahawa sumber perikanan pantai ini di kawasan kurang daripada 30 batu nautika daripada pantai telah mencapai tahap eksploitasi… eksploitasi yang optimum, itu tujuannya. Ini bermakna jika usaha penangkapan ikan melebihi daripada keupayaan yang dikira melalui bilangan *vessel*, mengikut zon, jenis-jenis peralatan, kuasa kuda enjin dan bilangan nelayan yang ada sekarang maka ia akan menjejaskan sumber perikanan dan seterusnya mengancam usaha menjamin bekalan makanan ataupun *food security*, dengan izin, daripada sumber perikanan laut dengan sebab itulah pengeluaran lesen *vessel* dan peralatan khususnya bagi perikanan pantai kurang daripada 30 batu nautika ini telah dibekukan.

Malahan kalau ikut dari segi kajian Jabatan Perikanan dalam tahun 2016 hanya masih terdapat 4.4% sahaja ini dipanggil *biomass* ikan ataupun ikan yang terdapat di pantai Semenanjung Malaysia dan dijangka dalam 30 tahun lagi sumber ini akan pupus dan er… sepertimana yang kita sedia maklum baru-baru ini ada er… akhbar melaporkan mengikut kajian yang telah dibuat, temu ramah, kaji bertemu dengan nelayan-nelayan termasuk di Kuantan, di Pahang dan juga di er… Johor bahawasanya sumber ikan ini memang dah berkurangan.

Mereka er… mendapati bahawasanya hasil yang diperolehi hanya setakat kurang daripada 10% daripada sebelum-sebelum ini dan ini semua adalah kerana penjejasan dari segi stok ikan yang ada er… dalam kawasan 30 batu nautika daripada pantai. Itulah sebabnya lesen-lesen er… ini pengeluaran lesen ini bagi *vessel-vessel* nelayan telahpun dibekukan sejak daripada tahun 1982.

Namun soalan kedua yang telah dibangkitkan oleh rakan saya daripada Beserah ialah tentang er… bagaimanakah ini pihak kerajaan menangani status permohonan-permohonan daripada nelayan-nelayan yang telah lama dikemukakan. Jadi untuk ini…

menjawab soalan tersebut kita dah ada dah siling ya ada kuota macam kita dah ada dah… ditetapkan tidak boleh melebihi daripada bilangan atau angka yang tersebut. Sekiranya berlaku pengosongan ekoran daripada kematian, ekoran daripada tindakan yang telah diambil oleh pihak Jabatan Perikanan ya penguatkuasaan, kita terpaksa membatalkan lesen tersebut. Maka bila wujudnya kuota ataupun wujud kekosongan seumpama ini maka pihak Jabatan Pertanian ya eh *sorry*… Perikanan melalui er… Jabatan Perikanan Negeri memproses dan membuat ini kelulusan er… termasuk juga sekiranya berlaku pindah milik kepada er… pemilik-pemilik yang baharu.

Dan dalam konteks yang seumpama itu Jabatan er… Perikanan telah pun meluluskan dalam tahun 2020, 50 permohonan ya, 50 permohonan yang telah pun dikeluarkan di er… luluskan dan terdapat 124 permohonan yang telah diproses dan telah dikeluarkan surat er… kelulusan tapi belum diluluskan lagi lesen kerana nak lulus lesen ini Jabatan Perikanan kena tengok er… dia punya *vessel* tu, bot-bot dia, dia tengokkan memenuhi semua spek termasuk penandaan dan sebagai-sebagainya ada 124 dan insya-Allah ianya akan dikeluarkan setelah pemeriksaan akhir dibuat oleh Jabatan Perikanan er… Pahang, insya-Allah.

Dan bagi menjawab soalan yang ketiga, berapa lamakah tempoh kelulusan permohonan membaharui… membaharui ya lesen nelayan pantai? Yang ini tidak lama sebenarnya lebih kurang dalam 2 minggu je, 2 minggu sahaja er… ianya akan diambil kita tengok maknanya Jabatan Perikanan tengok rekod-rekod yang ada dan er… ianya akan diluluskan pembaharuan lesen-lesen… pelesen yang sedia ada, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Soalan tambahan. Terima kasih er… Wakil Kerajaan, terima kasih Yang di-Pertua. Er… apa yang saya bangkitkan, apa yang kita perlu lihat adalah bagaimana apa… terlupusnya stok-stok makanan ikan ini disebabkan oleh penggunaan peralatan yang tidak sepatutnya dan kita tahu bahawa penggunaan peralatan ini kebanyakannya datang daripada nelayan-nelayan asing yang masuk menangkap ikan di kawasan kita sehingga menjejaskan er… kita punya *food security* seperti yang dinyatakan. Jadi apakah langkah kerajaan untuk mempastikan nelayan-nelayan asing ini tidak dibenarkan langsung untuk menangkap ikan di perairan kita?

Apa yang saya terima maklumat nelayan asing memang berleluasa sedangkan kita pun dah banyak bot di situ. Yang keduanya bila kita tidak memperbaharui lesen mereka yang telah tamat, ada dimaklumkan sampai setahun lebih dah, dia akan menjejaskan bantuan nelayan. Kita ada bantuan sara hidup nelayan, dia akan menjejaskan diesel subsidi untuk nelayan dan juga akan menjejaskan kelangsungan kehidupan nelayan-nelayan tersebut maka perlu ada satu langkah dan konkrit supaya nelayan-nelayan ini terbela dan boleh meneruskan usaha mereka mencari ikan, terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Er… yang pertamanya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita maklumkan bahawasanya er… pelesen-pelesen yang sedia ada ya pelesen-pelesen yang sedia ada tidak terjejas maknanya kalau sekira mereka er… membuat penangkapan ikan ini mengikut syarat-syarat, mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan maka lesen

mereka tidak akan di*revoke*lah, tidak akan dibatalkan. Maka sebab itu kita katakan tadi dalam dia nak memperbaharui lesen-lesen ini nelayan sedia ada ini tadi dia kena kemukakan dan proses yang biasa ini tidak memakan masa lebih daripada 2 minggu.

Kalau sekiranya semua peraturan yang telah ditetapkan malahan kalau sekiranya ini er… adakalanya er… ini apa nama kurang daripada 2 minggu itu kita ini Jabatan Perikanan perbaharui jadi soal sama ada elaun sara hidup nelayan ini akan terjejas ini tak timbul ya… tak timbul tapi kalau mereka er… melanggar syarat-syarat itu maka Jabatan Perikanan di bawah Akta Perikanan akan mengambil tindakan er… penguatkuasaan termasuk er… membatalkan lesen-lesen tersebut dan sepertimana yang saya telah maklumkan tadi dari segi er… pertambahan lesen. Lesen bagi yang telah pun batal ini boleh dipohon oleh er… permohon-pemohon baru yang cukup er… syarat-syaratnya, itu sahaja.

Yang keduanya, dari segi penguatkuasaan. Memang betul kita ada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang mengadakan rondaan dan penguatkuasaan bukan sahaja kepada nelayan asing tetapi nelayan tempatan kerana kita ini ada zon dia ya kita ada zon-zon tertentu. Yang kita ada Zon A, Zon B, Zon C dan Zon C 2, dia ada 30 nautika… batu nautika daripada pesisiran pantai. Jadi, nelayan pesisiran pantai ni boleh menjalankan ini penangkapan dia ini dalam julat yang sebegitu dan bagi pemegang lesen yang er… iaitu C dan C2 ni dia tidak boleh masuk ke… ke pesisiran pantai kerana penggunaan er... alat penangkapan ini berbeza. Sebab tu dalam konteks seumpama ini kita tahu bahawasanya ada nelayan-nelayan terutama sekali nelayan-nelayan asing yang menggunakan pukat-pukat seperti pukat gading er… dia pukat gading ni dia ada 2 *trawlers,* dengan izin… 2 *vessel* yang besar, dia duduk bersebelahan tu kemudian dia ikat ini dia punya pukat tu antara satu sama lain, kemudian dia pergi apa nama memukatlah, menangkap ikan.

Jadi, pukat gading ini adalah satu pukat yang boleh memusnahkan habitat termasuk terumbu ya *coral* ya dengan izin, di bawah ni, dia bila dia kaut tu, dia randuk tu maknanya dia pergi tu… dia bawa semua tu habis… maknanya habis habitat-habitat yang ada di mana ikan-ikan ni tadi boleh membiak.

Jadi, ini sebenarnya adalah satu perkara yang cukup bahaya, sebab itu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia mengambil tindakan, mengambil tindakan menangkap dan juga mengambil tindakan di bawah Akta Perikanan termasuk memusnahkan *vessel-vessel* ini tadi, tetapi sepertimana yang kita sedia maklum terutama sekali di perairan kita yang di Laut China Selatan ni dia luas, jadi bot-bot ni dia *sophisticated* dengan izin, dia cukup canggih dengan ada alat peralatan yang boleh memantau dan juga ada kalangan mereka ni mempunyai senjata-senjata yang… yang agak canggihlah.

Sebab itu er… saya yakin dengan… dengan kewibawaan agensi penguatkuasaan kita yang melaksanakan tanggungjawab ni dan banyak juga rekod telah pun dibuktikan bahawasanya kita telah membuat tangkapan dari semasa ke semasa. Dan pada masa yang sama juga kita juga mengingatkan nelayan kita yang ada lesen yang C2 ni tadi seharusnya tidak pergi ke pesisiran pantai kerana ini boleh menjejaskan orang kata peluang dan juga rezeki daripada nelayan-nelayan pesisiran pantai kita.

Sebab itu dalam konteks seumpama ini, kita juga tidak menggalakkan ini menggunakan dia panggil pukat tagan. Pukat tagan ni dia pukat dia pun sama juga dia bila dia buat tu dia memusnahkan habitat. Sebab itu dalam konteks seumpama ini kita lihat bahawasanya habitat-habitat pembiakan ikan ini penting. Sebab itu dalam konteks seumpama ini kita lihat usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan ni

sebenarnya kita tahu bahawasanya pesisiran pantai ini adalah merupakan habitat untuk membiakkan ikan.

Jadi, bila pesisiran pantai ni tadi dijaga, maka ikan-ikan yang membiak ni tadi akan pergi ke tengah-tengah laut. Sebab itu er… sebenarnya kita merasakan bahawasanya nelayan-nelayan daripada zon A dan B ini mestilah memperkasakan diri mereka supaya dapat mereka meneroka zon yang lebih apa nama… orang kata lebih mencabar lagilah maknanya *offshore* iaitu lebih daripada 30 *nautica mile*… 30 nautika batu… batu nautika dan pihak kerajaan ada menyediakan kemudahan-kemudahan itu termasuk menambah baik *vessel-vessel,* peralatan dan sebagainya untuk membolehkan nelayan-nelayan kita yang pesisiran pantai ni tadi pergi meneroka hingga ke laut dalam, insya-Allah. Terima kasih Dato' Sri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 5.

> [Berdasarkan *trend* yang berlaku sekarang, besar kemungkinan pandemik COVID-19 akan berterusan untuk tempoh yang lebih panjang lagi.
>
> Mohon Kerajaan Menjelaskan:
>
> 3.1 Selain daripada bantuan barang-barang keperluan harian dan wang *One-Off* yang diberikan secara berkala, apakah langkah jangka panjang pihak Kerajaan Negeri bagi membantu golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti peniaga kecil, pemandu teksi, tukang-tukang rumah, penoreh getah, peladang, petani dan nelayan dapat terus bekerja bagi menyara kehidupan seperti biasa tanpa bergantung kepada pihak kerajaan.]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Untuk menjawab Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan 5 daripada Ahli Padang Tengku. Ingin saya terlebih dahulu menjelaskan bahawa pihak Kerajaan Negeri sepanjang tempoh pandemik COVID-19 sepertimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dalam menjawab soalan pertama tadi.

Kita juga telah memfokuskan bantuan kepada golongan-golongan seperti disebutkan oleh Ahli Padang Tengku seperti peniaga kecil, pemandu teksi, tukang rumah, penoreh getah, peladang, petani, nelayan ni ya… kita kumpulkan di dalam Program Bantuan Prihatin Pahang yang mana keseluruhan er… belanja yang telah dikeluarkan untuk Bantuan Prihatin Pahang ini ialah sejumlah RM23,872,150.00 yang mana melibatkan 3 fasa. Fasa pertama sebanyak RM6.17 juta, fasa kedua RM9.39 juta dan fasa 3 sebanyak RM6.179 juta dan kita ada juga peruntukan khas belia di bawah Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan iaitu sebanyak RM495,000.00.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er… sumbangan *one-off* yang telah diberikan ya membabitkan juga penerima-penerima bantuan daripada JKM yang mana kita *top up* daripada Kerajaan Negeri, daripada Bantuan Prihatin Pahang ini kepada warga emas yang berumur 80 tahun ke atas penerima bantuan JKM seramai 2,169 orang telah pun menerima manfaatnya.

Manakala golongan OKU pula 20,757 orang dan pelajar OKU yang bersekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang seramai 13,154 orang dan para pelatih di Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) seramai 1,279 orang, Dato' Sri Yang di-Pertua dan Kerajaan Negeri juga melalui Pihak Berkuasa Tempatan juga telah memberikan bantuan-bantuan *one-off* ya kepada untuk tahun 2021 sahaja kepada 11,099 orang penjaja peniaga kecil, 824 orang pemandu teksi, 6,133 orang pekerja khidmat penghantaran (COD) serta 1,209 orang pemandu ataupun penunggang *e-hailing* yang telah mendapat manfaat daripada Bantuan Prihatin Pahang.

Dan Dato' Sri Yang di-Pertua, ini termasuk jugalah inisiatif daripada pihak berkuasa tempatan yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun mengumumkan baru-baru ini diskaun sebanyak 50% kepada sewaan premis-premis di PBT di negeri Pahang dan untuk jangka panjang, menjawab soalan Padang Tengku ya… sebenarnya kita sedang dalam perbincangan er… dan masih dalam peringkat Mesyuarat Jawatankuasa, tiga portfolio telah pun bergabung iaitu portfolio keusahawanan di bawah Exco Usahawan, Pengerusi Belia dan Sukan dan di bawah saya sendiri selaku Pengerusi Exco Kebajikan.

Kita telah berbincang kemungkinan ya untuk kita berkolaborasi ataupun bekerjasama dengan mana-mana bank untuk memberi pinjaman tanpa faedah, pinjaman mudah tanpa faedah kepada usahawan-usahawan kecil kita yang terkesan akibat COVID-19 ini. Sekian, terima kasih.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Er… Dato' Pengerusi…

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Sila, ni Padang Tengku, Padang Tengku dulu.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Terima kasih kepada jawapan yang dikemukakan oleh Ahli Exco tadi. Saya lihat salah satu daripada jalan keluar sebab kita jangka pandemik ni kita tak dapat jangka pandemik ni sampai bila, mungkin berpanjangan, mungkin cepat habisnya tapi kalua benda ni perancangan kita mesti ada satu perancangan supaya tidak ada tidak kita beri secara *one-off* dan sebagainya tetapi mungkin ada jalan keluar. Saya nampak salah satunya kita kena membudayakan ekonomi untuk baru er… revolusi 4.0 ni.

Justeru itu, saya lihat ataupun saya nak tanya apakah persiapan kerajaan er… yang Kerajaan Negeri bagi kita ataupun rakyat kita dapat mendepani ekonomi bentuk baru ini? Itu yang pertama. Yang keduanya, sejauh mana kesedaran telah diterapkan kepada golongan-golongan rakyat khususnya belia bahawa mereka terpaksa menghadapi satu kaedah bentuk mata pencarian yang berbeza dengan yang dahulu

dan yang ketiganya ialah apakah bentuk latihan yang telah diberikan kepada pekerja-pekerja persendirian ini ataupun golongan belia untuk tidak mereka… untuk mereka tidak tercicir dari terus dapat nikmat dalam ekonomi bentuk baru di era pasca COVID ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih kepada soalan tambahan Padang Tengku, suka saya nak berkongsi dengan Ahli Dewan bahawa kita sentiasa membincangkan ya, semua Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa yang ada di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa berbincang dan sentiasa berusaha untuk memberi latihan ya. Bukan sahaja beri bantuan *one-off* tetapi juga bagi persediaan sepertimana yang disebutkan oleh Wakil daripada Padang Tengku tadi dan Pengerusi Belia dan Sukan sendiri sebenarnya banyak menganjurkan program-program er… secara maya, secara *online.*

Er… begitu juga er… di bawah Majlis Pembangunan Wanita Pahang, di bawah Majlis Tindakan Sosial Pahang, di bawah Majlis Belia Negeri ya banyak sekali program-program latihan yang kita berikan secara maya er… kepada belia-belia kita, kepada wanita kita, kepada Ibu Tunggal juga untuk memberi mereka er… pengetahuan. Ini yang disebut juga dalam Titah Diraja semalam, *Internet of Thing* ya. Jadi er… memang ada cara baru untuk er… kita membuat pemasaran er… dagangan dan sebagainya. Jadi er… insya-Allah mungkin Exco Belia dalam ucapan beliau nanti akan men*detail*kan apakah er… latihan-latihan yang telah diberikan kepada belia kita. Terima kasih.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Triang… Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Terima kasih atas bantuan kerajaan yang dihulurkan kepada pelbagai lapisan masyarakatt api ada satu golongan yang masih tercicir dalam sistem kebajikan kerajaan iaitu ibu tunggal bukan warganegara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Ibu tunggal, golongan ini mereka kahwin ke Malaysia, mereka berkahwin dengan warganegara Malaysia. Apabila pasangan meninggal dunia, dia menjadi ibu tunggal dan terpaksa membesarkan anak-anak yang masih kecil. Kesemua anak ini adalah warganegara. Disebabkan ibu tunggal ini bukan warganegara Malaysia mereka tidak layak untuk apa-apa bantuan termasuk BPR, BPN, BKC, JKM, semua tidak dapat. Jadi, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu mereka?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih er… soalan yang menarik daripada Triang. Sebenarnya memang kalau mengikut daripada sistem yang ada, bukan warganegara memang tidak layak mendapat bantuan tetapi saya suka nak memaklumkan kepada Ahli Dewan banyak

sekali sebenarnya bantuan secara tidak langsung ya, telah pun kita berikan kepada mereka… anak… khususnya anak-anak yang bukan warganegara ini, Dato'Sri Yang di-Pertua.

Ini melalui er… permohonan kepada Wakil-wakil Rakyat ataupun daripada Wakil-wakil Kerajaan secara *direct* ya tetapi memang kita tak boleh nak bagi bantuan bulanan tadi itu memang betul tetapi kita cuba membantu mereka contohnya anak-anak yang lahir di negara kita mereka layak sebenarnya untuk mendapat warganegara dan kita mewujudkan Unit Wanita dan Sosial di bawah Kerajaan Negeri yang ini banyak kita menerima aduan-aduan sebegini dan kita bantu mereka.

Yang terkini Dato'Sri Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Dewan juga kita membantu golongan gelandangan dan rentan di Jalan Wong Ah Jang, Kuantan yang mana ramai juga di kalangan mereka ini terdiri daripada bukan warganegara ya dan kita bantu mereka juga dari segi pendidikan, kita bantu mereka untuk dimasukkan ke sekolah ya, dan kita bantu juga untuk mereka ada yang tak ada sijil kelahiran pun, tak ada kad pengenalan MyKid ya, kita bantu mereka ini melalui JKM er… MUIP secara bersepadu, Yayasan Pahang, Majlis Bandaraya Kuantan dan agensi-agensi seperti Imigresen dan sebagainya, Dato'Sri Yang di-Pertua.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanah Rata, sila.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih, selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah er… di sepanjang pandemik COVID-19 ini, di sepanjang PKP er… pelaksanaan PKP ini kita tahu banyak golongan khususnya peniaga-peniaga yang terletak di destinasi-destinasi pelancongan mereka tiada pendapatan, sumber pendapatan sudah bukan sahaja dikurangkan tetapi boleh katanya telah diberhentikan sebab tiada pelancong, tiada perniagaan.

Oleh itu, mereka tidak mampu membayar sewa rumah kedai ataupun mereka tidak mampu membayar gaji untuk pekerja mereka. Oleh itu, soalan saya di sini adakah kerajaan… pihak kerajaan bersedia untuk menggunakan kewangan *reserve* negeri untuk membantu golongan yang terjejas tersebut er… sama ada katanya, misalnya memberi potongan cukai taksiran kepada mereka khususnya kepada peniaga-peniaga di destinasi pelancongan? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih soalan daripada Wakil daripada Tanah Rata. Sebenarnya banyak sekali bantuan-bantuan yang diberikan terutama daripada Kerajaan Persekutuan sendiri ya er… ni ramai yang tak tahu dan tak tahu bagaimana nak *apply,* Dato'Sri Yang di-Pertua ya tetapi bagi pihak Kerajaan Negeri saya dah sebutkan tadi PBT telah pun bagi sewaan 50% ya dan saya kira PBT juga sentiasa terbuka, Kerajaan Negeri terbuka untuk mana-mana pihak yang terkesan akibat pandemik ini untuk tampil ke hadapan dan berbincang.

Even saya dimaklumkan pembayaran cukai tanah, pembayaran cukai pintu juga boleh dibuat perbincangan cara pembayaran yang dapat membantu er… mereka yang terkesan ini. Bukanlah maknanya er…mesti dipaksa ya boleh dibincangkan dan saya yakin ya er… PBT-PBT yang ada di negeri Pahang ini sangat bertimbang rasalah dalam er… apa ni er… membantu mereka yang terkesan khususnya dalam bidang pelancongan ya dan untuk jangka panjang tulah saya sebut tadi kita dah sebut insya-Allah ya, kita akan… sebab benda ni belum *final* lagi Dato' Sri Yang di-Pertua, belum muktamad lagi.

Kita masih dalam perbincangan, kita akan memberikan er… kita cuba untuk memberikan kemudahan pinjaman tanpa faedah, pinjaman mudah kepada mereka yang terkesan ya akibat er… pandemik ini menggunakan apa ni er… hasil daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat daripada Bilut.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua… Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Boleh saya tambah sikit er… rakan saya punya maklumat boleh? Berhubung kait dengan soalan Tanah Rata tadi. Sikit je.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nanti YB boleh… dalam ucapan penangguhan ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ya… okey baik, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya jemput YB.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor enam.

> [Adakah Kerajaan Negeri akan melancarkan program komputer riba ataupun tablet pintar percuma untuk pelajar-pelajar daripada golongan B40 untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran atas talian dalam norma baru?]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Seterusnya, Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak er… Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan.

Dato' Yang di-Pertua,
Berkenaan dengan soalan er… adakah Kerajaan Negeri akan melancarkan program komputer riba ataupun tablet pintar percuma untuk pelajar-pelajar daripada golongan B40 ya? Sebenarnya kita telah pun menyampaikan er… bantuan komputer riba

jenama *Chromebooks* daripada Acer kepada 1,100 orang er… pelajar er… dari golongan B40 yang akan mengambil SPM pada tahun 2021 ini ya dan ianya membabitkan peruntukan sejumlah RM1.5 juta lebih kurang ya, RM1.5 juta yang mana er… 824 penerima bantuan.

Anak-anak penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun kita hantar sendiri kepada mereka er… komputer riba ini dan juga kepada yang bukan penerima, sebanyak anak-anak miskin er… B40 ini ialah 276 orang er… jadi jumlah keseluruhannya ialah 1,100 orang, itu dari pihak Kerajaan Negeri.

Di bawah Kerajaan Persekutuan pula Jabatan Pendidikan Negeri Pahang terlibat juga dalam memastikan pembekalan peranti digital kepada murid er… B40 ini melalui inisiatif CERDIK ya yang mana jumlah keseluruhan peranti yang dijangka diterima adalah sebanyak 11,052 unit melibatkan 130 buah sekolah bagi tahun 2021.

Jumlah semasa peranti yang telah diterima ialah 6,141 unit iaitu sehingga 2 Julai 2021 ya peranti ini merupakan sumbangan syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan. Peranti ini disediakan ya, yang ini program daripada Kerajaan Persekutuan disediakan secara pinjaman kepada penerima yang terdiri daripada murid-murid tingkatan tiga dan tahun empat Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan.

Data penerima ini adalah diperolehi daripada Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi itulah antara program yang dijalankan membabitkan kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih YB.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Er… terima kasih atas balasan daripada atas jawapan daripada pihak kerajaan. Bolehkah saya tahu, adakah program ini akan diteruskan dan juga jika ada er… program ini akan buka kepada semua er… untuk golongan yang lain. Er… jika ada, apakah caranya untuk membuat permohonan untuk mendapat tablet percuma ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Setakat ini kita belum lagi er… ada er… tambahan kepada apa yang telah saya sebutkan tadi, tapi saya suka juga nak memaklumkan sebenarnya ramai yang membuat permohonan er… secara langsung kepada Wakil-wakil Rakyat, kepada Wakil Kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar ya, dan ramai juga yang

telah mendapat faedah sebab kita tengok er… kita tak nak bagi kepada mereka yang sebenarnya tidak layak.

Jadi mereka yang memohon kepada kita, kita siasat sama ada mereka layak ataupun tidak dan kita bantu ya, dan insya-Allah saya yakin program er… yang saya sebutkan tadi di bawah Kerajaan Negeri kepada mereka yang akan mengambil SPM ini insya-Allah akan diteruskan ya tertakluk kepada hasil Kerajaan Negeri pada tahun akan datang. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan, Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, selain masalah komputer riba ataupun *tablet* pintar, ibu bapa golongan B40 yang mempunyai ramai anak pelajar menghadapi satu masalah iaitu bayaran untuk perbelanjaan *top up* untuk menggunakan *internet*. Jadi soalan saya, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan pakej yang lebih murah, yang lebih baik untuk memudahkan ibu bapa membayar *top up* ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Satu cadangan yang baik daripada Cheka, tapi saya nak maklumkan juga, Kerajaan Negeri pernah juga sebenarnya untuk pelajar yang mengambil SPM pada tahun lepas telah pun memberi RM50.00 *top up* er… kepada mereka untuk membantu mereka dalam perbelanjaan PDPR mereka. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan *Speaker*, soalan saya, soalan nombor tujuh.

> [Sila nyatakan ada berapa katil ICU di semua hospital kerajaan Pahang. Setakat hari ini, berapa orang mangsa COVID-19 yang meninggal dunia di ICU hospital kerajaan Pahang?]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*,
Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan oleh Tras yang bertanyakan berkaitan dengan er… katil-katil di ICU dan berapa ramaikah er… mangsa COVID yang meninggal di ICU, hospital-hospital kerajaan. Untuk makluman Sidang Dewan yang dimuliakan, di seluruh negeri Pahang sehingga ke hari ini ada 11 buah hospital kerajaan yang beroperasi.

Daripada 11 buah hospital ini hanya ada 4 sahaja hospital berpakar yang mem… yang memberikan ataupun mempunyai Unit Rawatan Rapi ataupun ICU ini. Jadi er… menjawab soalan Yang Berhormat, soalan pertama Yang Berhormat berkaitan dengan bilangan katil er… 4 hospital yang saya maksudkan adalah pertamanya Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan, ada 37 er… sebenarnya ada 61 katil secara keseluruhannya. Er… Hospital Temerloh ada 36, Hospital Kuala Lipis ada 6, dan Hospital Pekan ada 4.

Untuk makluman Yang di-Pertua, dalam menguruskan mangsa COVID ini, pihak hospital tidak memperuntukkan semua katil-katil ICU ini untuk menguruskan er… COVID. Sebahagiannya masih lagi diperuntukkan untuk pesakit-pesakit bukan COVID.

Jadi secara keseluruhannya daripada 107 bilangan katil yang diperuntukkan itu, diperuntukkan 61 er… katil untuk COVID dan 46 untuk bukan COVID. Dalam erti kata lain kebanyakan pesakit-pesakit kritikal dalam hospital hari ini adalah berkaitan dengan mangsa COVID.
Seterusnya soalan ke-2 Yang Berhormat, berkaitan dengan kes-kes kematian di ICU. Maklumat yang saya perolehi sehingga 20 Ogos 2021, sebanyak 394 kes kematian er… berkaitan COVID-19 yang meninggal dunia di seluruh negeri Pahang ataupun 2.9% daripada keseluruhan kes di Malaysia. Seramai 166 pesakit direkodkan meninggal di ICU di hospital-hospital kerajaan. Dengan pecahan 117 kes kematian di Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan, 46 kes kematian di HOSHAS Temerloh dan 3 kes di Hospital Lipis. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan *Speaker*,
Bolehkah saya tanya adakah semasa *period* COVID ini, er… kerajaan… hospital kerajaan Pahang ada tambah ICU yang *special* untuk er… mangsa COVID, dan apakah panduan atau langkah daripada Kerajaan Negeri Pahang kepada mangsa-mangsa COVID… keluarga mangsa COVID yang sudah meninggal dunia. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Perkhidmatan kesihatan ini disampaikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kesihatan Malaysia. Jadi Pihak Kerajaan Negeri tidak apa… menguruskan ataupun menyediakan perkhidmatan perubatan ini. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan tekanan yang ditanggung oleh kerajaan ini, pihak Kerajaan Persekutuan sedar masalah ini dan di negeri Pahang ini dan alhamdulillah kita dapat peruntukan RM10.2 juta untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan rawatan di ICU.

Hospital-hospital yang terbabit yang menerima bantuan adalah Hospital Tengku Ampuan Afzan menerima RM4.8 juta ya ini untuk perolehan peralatan-peralatan

perubatan ya tambahan er… HOSHAS RM3.8 juta dan Kuala Lipis RM1.6 juta. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Ataupun inisiatif Kerajaan Negeri untuk mangsa ya bagi kes-kes yang membabitkan kematian er… mangsa-mangsa COVID boleh membuat tuntutan melalui NADMA dan alhamdulillah er… Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga prihatin dan bantuan turut kita salurkan untuk er… mangsa-mangsa berkaitan melalui PKOB dan Pejabat Agama Islam. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Tuan Yang di-Pertua… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Bolehkah saya tahu setakat ini adakah ICU di negeri Pahang ini mencukupi untuk menangani atau menerima mangsa-mangsa COVID? Ini soalan pertama.

Yang kedua, jika sekiranya katil-katil ICU ini tidak cukup, adakah kerajaan bercadang untuk mengguna ataupun menghantar mangsa-mangsa COVID ini kepada er… ke hospital swasta ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Sekian.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Minta maaf, soalan pertama tadi Yang Berhormat, saya *missed* soalan pertama. Saya dah terfikir soalan kedua.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Adakah er… katil ICU ini mencukupi untuk mangsa COVID?

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Sehingga ke hari ini, er… kapasiti hospital… saya tidak er… tak dapat nak cari angkanya di sini. Alhamdulillah masih lagi cukup dan *trend* penggunaan ICU dalam minggu ini, er… kita mempunyai penurunan dari segi penggunaannya. Erti kata lain kita boleh bertahan.

Dan er… bercakap tentang pembabitan katil-katil ICU di hospital swasta, di negeri Pahang ini ada di Kuantan khususnya, kita ada 5 hospital tapi walau bagaimanapun hanya ada 2 sahaja hospital bukan kerajaan yang er… memperuntukkan katil dia untuk rawatan ICU iaitu er… hospital UIA - 7 katil dan KPJ - 1 katil. Walau bagaimanapun untuk er… *dedicated* kepada… itu katil ICU ya. Walau bagaimanapun, semua hospital swasta ini turut memperuntukkan katil untuk pesakit COVID yang berjumlah 80 katil.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor lapan.

[Peruntukan untuk Badan Persatuan, NGO, atau Pertubuhan Bukan Kerajaan.

a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada badan-badan Persatuan, NGO dan Pertubuhan Bukan Kerajaan di negeri Pahang dari tahun 2018 sehingga 2020 dan bagaimana pemilihan dibuat untuk mendapat peruntukkan dari kerajaan negeri?

b) Apakah galakan yang telah diberi kepada NGO, Badan Persatuan atau Pertubuhan dalam usaha menyemarakkan aktiviti mereka dalam kerja-kerja kesukarelawanan, kemasyarakatan atau keselamatan penduduk.]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Saya ucap terima kasih kepada ADUN Kawasan Teruntum, Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang atas er… perkongsian soalan yang ditujukan kepada saya iaitu berhubung kait dengan peruntukan untuk er… Badan Persatuan, NGO atau Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan sepanjang tahun 2018 ke hingga… sehingga tahun 2020. Untuk menjawab soalan ini, saya ingin nyatakan kepada Sidang Dewan. Pada tahun 2018, peruntukan kepada kelab dan persatuan sebanyak RM320,000.00 kepada kelab dan persatuan. Manakala kepada NGO Pertubuhan Bukan Kerajaan, RM113,000.00 dan jumlah keseluruhan kelab dan persatuan serta NGO ini adalah RM432,000.00 dan pada tahun 2019, Yang Berhormat Yang di-Pertua, sumbangan atau peruntukan kepada kelab dan persatuan sebanyak 4 juta… RM4,523,000.00 juta manakala kepada NGO adalah sebanyak RM1,496,000.00 juta. Jumlah keseluruhannya kedua-dua pihak ini, RM6,020,000.00 juta.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Pada tahun 2020 pula, peruntukan yang diagihkan kepada kelab dan persatuan adalah sebanyak RM7,138,000.00 juta dan kepada NGO serta Pertubuhan Bukan Kerajaan iaitu RM1,590,000.00 juta. Keseluruhan sepanjang 20 er… tahun 2020 iaitu RM8,729,000.00 juta dan keseluruhan bagi tiga-tiga tahun ini melibatkan kedua er… NGO dan juga kelab persatuan adalah sebanyak RM15,181,606.50 juta dan bagaimana pemilihan dibuat untuk mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri Pahang.

Permohonan-permohonan datang daripada NGO ataupun kelab serta persatuan ini adalah secara langsung sama ada melalui Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang atau melalui Pejabat Exco-exco dan ada juga yang melalui pejabat ADUN-ADUN kawasan.

Bagi menyelaraskan peruntukan ini, saya amat berterima kasih melalui Kerajaan Negeri juga yang mana peruntukan-peruntukan yang dimohon ini sekiranya menjurus kepada portfolio Exco-exco tertentu, Pejabat MB akan menyalurkan kepada pihak-pihak Exco yang memegang portfolio berkenaan untuk menyelaras supaya tidak lari daripada matlamat asal permohonan peruntukan tersebut dan bajet yang dimohon itu mengikut klasifikasi dan kategori agar tidak membazir dan salah guna dari segi peruntukan tersebut. Ini satu tindakan yang sangat baik.

Kedua, bagi yang melalui Exco pula, melalui portfolio masing-masing juga sama ada melalui peruntukan Exco itu sendiri ataupun dipanjangkan daripada peruntukan Exco, dimajukan kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Begitu juga kepada ADUN-ADUN sama ada peruntukan itu disalurkan kepada Exco berkenaan atau peruntukan sedia ada ADUN-ADUN disalurkan kepada mereka yang memohon di kalangan NGO-NGO dan juga persatuan-persatuan.

Dan untuk makluman Sidang Dewan Yang Mulia, yang terbaru ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh saudara er... apa ni oleh Yang Berhormat Dato' Sri Shahaniza sebentar tadi, Wakil Kerajaan menyatakan bahawa RM495,000.00 merupakan peruntukan yang terbesar diberikan kepada Majlis Belia Negeri yang melibatkan Majlis Belia Daerah serta badan-badan gabungan.

Iaitu RM495,000.00 melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM100.00 setiap seorang, melibatkan 3,300 orang iaitu bermakna setiap daerah akan menerima 300 barangan kit makanan termasuk RM100.00 setiap seorang dan ini RM300.00, RM100.00 untuk anak-anak muda belia dan beliawanis, RM100.00 untuk NGO dan RM100.00 lagi untuk sukarelawan. Ini adalah satu pengagihan yang terbesar bagi anak-anak muda dalam negeri Pahang dan Kerajaan Negeri telah berbuat perkara tersebut sejak 2 minggu yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Apakah galakan yang diberikan kepada NGO, badan persatuan atau pertubuhan dalam usaha menyemarakkan aktiviti mereka ini dalam kerja kesukarelawan, kemasyarakatan dan keselamatan penduduk? Alhamdulillah, Kerajaan Negeri sangat menghargai pengorbanan sukarelawan ini, NGO-NGO ini dalam negeri Pahang. Sebab itu, saya berterima kasih juga melalui rakan seperjuangan iaitu Exco Kebajikan telah mewujudkan gabungan Pertubuhan Sukarelawan Negeri Pahang yang menjuruskan kepada aspek-aspek kebajikan dalam negeri Pahang.

Begitu juga kita ada Majlis Tindakan Sosial Pahang ya yang banyak bertungkus-lumus sepanjang pandemik COVID-19 membantu mereka di PPV, sanitasi dan sebagainya. Begitu juga Skuad Bencana Pahang, begitu juga MAYC... Malaysia Association Youth of Club dan juga Persatuan India Prihatin Pahang, Jabatan Amal pun ada. Jadi ini adalah gabungan-gabungan yang banyak membantu sepanjang pandemik COVID-19.

Justeru, Kerajaan Negeri telah membantu dengan peruntukan RM495,000.00 ini adalah satu tindakan yang sangat bijak kepada anak-anak muda kita dalam negeri Pahang dan sebelum itu Majlis Belia Negeri Pahang melalui badan-badan gabungan mendapat RM120,000.00 untuk Majlis Belia Negeri dan RM20,000.00 kepada persatuan ataupun majlis belia di setiap daerah, RM20,000.00. RM20,000.00 setiap Majlis Belia Daerah dan kepada badan gabungan RM150,000.00 iaitu RM10,000.00 setiap badan gabungan iaitu sebanyak 15 badan gabungan, dan untuk mengiktiraf pengorbanan mereka ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan Malam Jasamu Dikenang sepertimana dilakukan sebelum COVID-19 tempoh hari di Bukit Tinggi melibatkan 100 NGO dan badan-badan persatuan kelab sebagainya.

Begitu juga melalui Kerajaan Negeri telah meluluskan tambahan untuk COVID-19 ini setiap NGO RM1,000.00 untuk pentadbiran sepanjang masa COVID ini ya. Alhamdulillah dan begitu juga Kerajaan Negeri ada membantu dalam bentuk peralatan, dalam bentuk uniform (*vest*), dalam bentuk kenderaan (van) dan sebagainya. Alhamdulillah bagi saya dalam hal ini Kerajaan Negeri sangat membantu dalam menyelaraskan peruntukan-peruntukan dan sebagainya.

Begitu juga kadang-kala Kerajaan Negeri melalui Exco ataupun ADUN-ADUN yang memohon peruntukan tersebut terhadap persatuan-persatuan ini kita salurkan kepada pihak JBS... Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Sukan Pahang, Stadium, Majlis Belia dan tak lupa juga kepada Pejabat MB untuk melihat kapasiti permohonan supaya tidak lari daripada matlamat asal.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya tambah sikit yang Tanah Rata sebentar tadi iaitu tentang peruntukan yang Kerajaan Negeri bagi kepada industri pelancongan ini sama juga di Pulau Tioman sebagai contoh, di Taman Negara sebagai contoh. Mereka er... *player* ataupun pengusaha-pengusaha bot pelancong juga mendapat peruntukan sumbangan daripada Kerajaan Negeri.

Sebagai contoh baru-baru ini di Pulau Tioman, pengusaha bot pelancong dapat 136 orang yang sebelum itu RM600.00, yang baru ini RM100.00 dan begitu juga kepada pemandu pelancong lebih kurang 50 orang lebih. Ini diusahakan oleh Kerajaan Negeri melalui kerjasama Tourism Pahang dan juga MOTAC. Begitu juga kepada mereka yang terjejas, premis-premis diberi harga er... separuh, beberapa bulan untuk sewaan premis-premis tersebut. Jadi saya kira dengan sedikit sebanyak kepentingan ini dapat mencakupi soalan yang dibangkitkan, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, saya jemput soalan seterusnya.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu soalan tambahan.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih jawapan dari Wakil Kerajaan. Saya hairan juga kenapa ada agihan 300 di kawasan saya, saya tak tahu pun. Bolehkah saya tahu di mana 300 pek itu diagihkan, kepada siapa dan macam mana diaorang akan agih di kawasan saya? Saya ingat semua ADUN pun tak tau ada agihan 300.

Soalan nombor 2 saya, berapa peruntukan telah diberikan kepada NGO? Tadi katakan RM100.00 kepada semua NGO di seluruh Pahang dan untuk peruntukan menyelesaikan masalah pandemik COVID, berapakah peruntukan telah diberi kepada semua NGO di Pahang? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih ADUN Teruntum atas soalan tambahan tersebut. Saya ingin nyatakan di sini Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan tersebut itu adalah hasil daripada perbincangan dan juga masa Malam Penghargaan yang kita maklumkan kepada NGO-NGO yang hadir pada malam itu. Jadi ini adalah secara bersasar dan terpilih pada malam tersebut jadi melibatkan hanya 100 NGO sahaja. Jadi jika ada mana-mana NGO yang tidak dapat ataupun tertinggal dalam hal ini maknanya mereka tidak termasuk dalam kumpulan yang bersasar tersebut tetapi mereka boleh

memanjangkan permohonan sekiranya nak mohon permohonan sebegitu kepada pihak kerajaan, pertama.

Yang kedua, berhubung dengan 300 pek kit makanan tersebut kita agihkan melalui Majlis Belia Daerah. Majlis Belia Daerah, pengerusi-pengerusi mereka akan menyenaraikan senarai yang 300 penerima untuk sukarelawan, 300 untuk NGO dan 100 untuk anak-anak muda. Jadi penyelaras tersebut sedang berjalan sejak 2 minggu yang lalu. Jadi itu untuk makluman YB ADUN Kawasan Teruntumlah. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Boleh bagitahu tak kita senarai siapa yang bagi. Saya tahu er... siapa yang dapat terima, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya ingat pihak Majlis Belia Negeri boleh, apa ni orang kata bersama dengan pihak ini dan saya juga boleh melihat perkara tersebut tiada masalah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik. Soalan terakhir pada pagi ini. Saya jemput Yang Berhormat Chini.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan ke-9.

> [Apakah usaha kerajaan negeri bagi membantu menyelesaikan permasalahan masyarakat orang asli berkaitan bekalan asas seperti bekalan air bersih dan elektrik di beberapa lokasi dalam DUN Chini.
>
> - Kg. Patah Jelutong, Batu Gong (air & elektrik)
> - Kg. Sega, Batu Gong (air & elektrik)
> - Kg. Gantung Geriang, Batu Gong (air & elektrik)
> - Kg. Bahuk, Dusun (air & elektrik)
> - Kg. Semambu, Dusun (air & elektrik)
> - Kg. Puput & Kg. Cendahan, Tasik Gumum (air & elektrik)
> - Kg. Tebas Buang, Arong (air)]

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang memberi laluan kepada saya bagi menjawab pertanyaan daripada sahabat saya dari Chini mengenai kemudahan air dan letrik bagi kampung Orang Asli.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Berdasarkan data perkampungan Orang Asli negeri Pahang menunjukkan bahawa semua perkampungan yang dibangkitkan dikategorikan sebagai Kampung Tambahan

yg dibina sebagai kampung satelit kepada perkampungan utama yang berada ataupun yang berdekatan.

Identiti ini dapat dikenal pasti daripada jumlah Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah serta latar belakang asal usul kependudukan mereka. Pihak JAKOA sangat menyedari dan memahami situasi kekurangan atau ketiadaan bekalan kemudahan asas di semua perkampungan ini. Masalah kekurangan atau ketiadaan bekalan elektrik dan bekalan air ini adalah disebabkan oleh faktor jarak perkampungan yang berada jauh daripada perkampungan utama yang mana ia melibatkan kos pembekalan kemudahan asas yang tinggi berbanding jumlah penerima manfaat yang kecil dan sederhana sedangkan kemudahan asas yang lengkap telah pun disediakan di perkampungan utama dari mana mereka berasal. Penilaian ini dibuat berdasarkan kemampuan peruntukan pihak jabatan.

Selain daripada itu juga terdapat antara perkampungan tersebut yang terletak di dalam kawasan ladang kelapa sawit yang berstatus bukan tanah kerajaan dan juga bukan rizab Orang Asli. Kekangan ini menyebabkan pembekalan sukar dilaksanakan yang mana ianya memerlukan kebenaran khas daripada pemilik ladang ataupun tanah.

Bagi Kampung Puput dan Cendahan Tasik Chini, sebenarnya saya berkesempatan sampai ke kampung di tepi ataupun di pinggir Tasik Chini yang mana kawasan itu jauh daripada perkampungan utama iaitu di Gumum... di Gumum dengan jarak melalui tasik dan juga hutan. Tapi walau bagaimanapun usaha-usaha er... untuk menyampaikan bekalan elektrik telah dibuat melalui sistem solar, tapi projek ini saya nampak tidak begitu berjayalah sebab saya sampai tu rumah ada tapi dia punya kemudahan tidak ada. Ini adalah kerana dia punya apa *maintenance* itu agak tinggi. Apabila berlaku kerosakan ianya memerlukan penggantian yang agak tinggi contohnya bateri ya kan... dan yang lain-lain tu. Jadi walau bagaimanapun usaha-usaha ini akan cuba juga diteruskan.

Bagi Kampung Tebas Buang pula pihak JAKOA telah menyenaraikan di dalam projek bekalan air terawat pada tahun 2021 dan sedang menunggu peruntukan. Manakala untuk bagi Kampung Patah Jelutong telah pun dibekalkan sistem air sementara dan pihak JAKOA telah menyenaraikan di dalam cadangan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) untuk tahun 2021 dan juga 2022.

Pihak JAKOA Pahang sentiasa memantau dan mengambil maklum situasi dan kemaslahatan masyarakat Orang Asli negeri Pahang dengan pelbagai perancangan pembangunan, sosioekonomi, pendidikan, kebajikan agar kemakmuran penghidupan dapat dinikmati oleh mereka.

Namun begitu terdapat beberapa kekangan dan cabaran yang perlu dihadapi dan diselesaikan terutamanya melibatkan kekuatan peruntukan dan juga faktor demografik kaum Orang Asli tersebut. Bagi pembekalan jabatan PAIP dan TNB, saya mendapat laporannya tidaklah menjadi masalah cuma masalah yang besarnya adalah dari segi peruntukan, itu saja, dari segi teknikalnya tidak jadi masalah.

Kerajaan mengambil maklum berkenaan permohonan di kawasan Perkampungan Orang Asli yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Chini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, objektik utama program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah untuk menyambungkan bekalan air bersih dan terawat kepada rumah-rumah di kawasan perkampungan tradisional yang masih belum mendapat bekalan. Manakala objektif utama program

Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) adalah untuk memperluaskan liputan bekalan elektrik 24 jam ke kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun segala perancangan pembangunan bagi Perkampungan Orang Asli adalah di bawah tanggungjawab ini Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA. Sekian, terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat…

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Silakan.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Terima kasih kepada Dato' Sri Exco atas penerangan. Pertama saya nak ucap terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas bantuan sebelum ini kepada kemudahan kepada masyarakat OA melalui permohonan JPKKOA. Seterusnya apa yang ingin saya menarik perhatian tentang kampung OA yang disenaraikan er... memang benar dari segi kampung serpihan ataupun tambahan yang disebut tapi penghuni telah tinggal sehingga apa… dalam 30 tahun.

Dan apa… soalan saya apakah alternatif yang bagi menyediakan kemudahan tersebutlah seperti yang disebut melibatkan kos yang besar untuk adakan kerana kampung Orang Asli ini… kampung-kampung tambahan ini adalah kampung yang jaraknya jauh. Memang kita memahami dari segi kedudukan kewangan untuk membantu kampung-kampung yang kecil ini tapi saya melihat apakah alternatif yang boleh diusahakan oleh pihak kerajaan bagi membantu menyediakan jugak seperti Dato' Sri Exco sebut tadi kampung Orang Asli di tasik itu, solar tu tapi walaupun gagal, tapi apakah mekanisma terbaik yang boleh difikirkan dapat kita sediakan juga akhirnya kepada kampung-kampung tambahan ini. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Yang Berhormat daripada Chini. Sebenarnya Pihak Kerajaan cuba mengusahakan alternatif lain iaitu dengan mengadakan contohnya dari segi bekalan air ini kita mengambil ini air daripada tanah ataupun air daripada bukit. Ianya sedikit sebanyak telah diselaraskan juga dengan Kementerian Kesihatan. Kalau bagi kawasan-kawasan perkampungan yang hampir dengan bukit ianya kurang masalah.

Banyak kawasan-kawasan perkampungan air… perkampungan Orang Asli di pinggir bukit saya rasa boleh dikata semua kita dapat salurkan bukanlah air bersih tetapi air bukit… air bukit yang kita empang kita salurkan terus ke perkampungan-perkampungan Orang Asli. Jadi ini bagi kampung-kampung Orang Asli di pinggiran bukit. Tapi bagi perkampungan Orang Asli di kawasan bawah ini ianya terpaksa dibina air apa dipanggil ini *tube well,* Jerantut dia buat… *tube well*. Kita pernah mengadakan apa program *resin water* dan sebagainya. Tetapi ianya bukanlah yang dipanggil air

terawat lagi, maknanya air bersih aje, dia tidak terawat. Air yang kita ambil daripada bukit dan terus kita salur.

Begitu jugalah dengan bekalan elektrik kita telah cuba untuk mengadakan bekalan mini hidro ini telah kita cuba dan ada beberapa masalah yang kadangnya kefahaman dari segi masyarakat Orang Asli sendiri. Bila kita sebut hidro mereka sendiri menolak kerana bimbang ke kampung mereka ni tenggelam. Sebenarnya mini hidro ini adalah kita mengambil sikit sebahagian daripada air itu untuk kita salur untuk *generate* dia punya *dynamo* itu dan menghasil tapi tidaklah boleh menggunakan er… banyak kemudahan-kemudahan elektrik seperti er… apa orang kata *washing machine* er… apa seterika dan sebagainya. Cuma kita boleh membekalkan er… setidak-tidak yang minima la er… ini apa lampu dan kemudahan-kemudahan asas sahaja la kan.

Jadi inilah di antara er… alternatif yang kedua yang kita sedang ini usahakan untuk nak memberi kemudahan kepada kampung-kampung Orang Asli yang memang sukarlah ha… contoh ada yang sampai 50 km. Macam mana kita nak bekalkan elektrik dan air 50 km yang melibatkan kos berjuta-juta. Er… jadi kita terpaksa menggunakan alternatif yang kedua sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon perhatian berkaitan dengan COVID-19. Di atas er… meja Ahli-ahli Yang Berhormat ada *Antigen Rapid Test* ataupun *Oral Fluid* ujian kendiri. *Test* telah diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dan Ketua Jabatan di dalam Dewan pada hari ini. Arahan dan tatacara penggunaan ada dimaklumkan di dalam surat yang disertakan oleh Urus Setia.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 9 Pertanyaan dan Jawapan. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan pagi ini untuk minum pagi dan persidangan kita disambung semula pukul 11.20 pagi. Saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat bergerak keluar Dewan dalam keadaan tertib dan mematuhi penjarakan fizikal. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada pukul 11.10 pagi]

[Persidangan disambung semula]

USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang Yang Bersidang Pada Hari Ini, Bersetuju Menjunjung Kasih Atas Limpah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Berangkat Menyempurnakan Titah Diraja Kepada Dewan Negeri."**

Saya juga berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh YAB. Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis ialah satu Usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan Negeri."**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang, kita meneruskan dengan aturan urusan selanjutnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Perbahasan usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Sekarang saya kemukakan semula usul tersebut untuk perbahasan. Suka saya memaklumkan dan mengalu-alukan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membahaskan dalam tempoh masa 10 atau 12 minit. Ini bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang bersetuju turut serta dalam perbahasan pada hari ini juga. Baiklah saya jemput YB daripada Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Assalamualaikum WBT, alhamdulillah [Ayat al-Quran]. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya berpeluang bagi membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,
Pertamanya saya menjunjung kasih ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang kerana berkenan merasmikan Persidangan Dewan dan seterusnya menyampaikan titah ucapan perasmian di majlis yang gemilang pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua,
Dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang jelas kepada kita Tuan Yang di-Pertua bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku begitu prihatin dan juga mengambil berat tentang perkembangan-perkembangan semasa, sama ada yang berlaku di negara kita mahupun di negeri kita Pahang yang tercinta ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Tuan Yang di-Pertua menekankan bahawa dalam menghadapi kemelut pandemik COVID-19 yang ada pada masa sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan kepimpinan yang begitu kuat semangatnya terutama sekali dalam kepimpinan baru yang ada ini untuk kita menyelesaikan masalah yang ada.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, rakyat sebenarnya sudah tak tertahan lagi menghadapi tekanan-tekanan yang ada dengan kes kematian yang meningkat, dengan kes yang mencapai 1 juta dan juga dengan adanya kejadian-kejadian bunuh diri, permohonan-permohonan menyelesaikan masalah hutang, masalah tak bayar sewa rumah, semuanya adalah menjadi satu tanggungjawab ataupun perlu difikirkan oleh kepimpinan.

Jadi bagi saya Yang di-Pertua, kita merakamkan penghargaan terima kasih kepada Kebawah Duli… menyembahkan penghargaan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang baru. Sememang kita tahu dalam keadaan yang bermasalah pada masa sekarang ini pemimpin yang hebat macam mana pun belum tahu lagi boleh menyelesaikan kemelut polemik yang berlaku di negara kita.

Kita berdoa, kita berharap dengan kerjasama, sokongan kuat daripada penyokong-penyokong dan juga sokongan kuat kepada semua sekali pemimpin-pemimpin parti yang kita katakan konsep rentas parti itu mudah-mudahan Perdana Menteri kita ini

yang baru ini dari negeri Pahang ini akan dapat menjalankan tugas dengan baik dan saksama.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, hanya pada hari semalamlah kita tengok rombongan Perdana Menteri ramai sangat yang ke Kedah tu, kita takut juga er… apa jadi masalah terutama sekali daripada segi SOP, daripada segi er… lain-lain jawatan ke apa itu kita tidak tau.

Tuan Yang di-Pertua,
Di samping itu juga, masalah pusat kita serahkanlah kepada kepimpinan yang baru, mudah-mudahan dengan barisan ataupun bersama-sama agar dapat membentuk Kabinet yang mantap ya, sebab saya dengar 6/9 ni ada pula dah cubaan-cubaan nak ganggu apa ni pemerintahan yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua,
Bagi saya apa yang penting sekali, kita di negeri Pahang ini sangat bertuah kerana pertamanya di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja kita. Kita tengok dalam Titah Ucapan Tuanku jelas melambangkan, membayangkan bahawa pengharapan Tuanku sangatlah besar dan tinggi kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Pahang di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar terutama sekali daripada segi kita menambahkan pendapatan negeri. Sekarang ini memang dah bertambah… pendapatan yang telah apa ni… peruntukan ataupun pendapatan… perolehan Kerajaan Negeri pada tahun lepas.

Kemudian daripada segi ketegasan integriti pun jelas nampak pemerintahan Kerajaan Negeri yang pada masa sekarang ini, jelas bahawa kita di mana-mana yang tegas, kita perlu bertegas kepada rakyat tapi bagi saya… saya juga mengucapkan banyak terima kasih dan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana walaupun kita di negeri Pahang pun memang terkesan… terkesan juga yang sangat-sangat akibat daripada pandemik ini, tetapi secara umumnya, rakyat negeri Pahang ini kita tengok aman, tak banyaklah kes-kes kata nak gantung bendera putih, kes bunuh diri pun adalah satu kalau tak silap saya di Pekan, di Kuantan ada satu nak cuba-cuba nak bunuh diri tapi jiran Nampak, sebab apa Tuan Yang di-Pertua? Tak bayar sewa rumah, tuan rumah mendesak.

Jadi itulah sebenarnya antara keresahan-keresahan, kesusahan yang dihadapi, dialami oleh rakyat. Misalannya pada masa sekarang ini kita… wabak. Wabak semakin meningkat, rakyat kalau tak kerja tak dapat makan. Macam mana kita nak selesaikan perkara tersebut? Daripada segi bantuan kita tau Kerajaan dah buat yang terbaik tapi nak sampai pada semua sekali kepada rakyat tu, itu kita tak pasti. Tapi alhamdulillah dengan kerjasama NGO er… kerjasama syarikat-syarikat korporat dan juga adanya tabung-tabung apa… er… tabung-tabung infak di peringkat kampung-kampung, di peringkat masjid. Semuanya meredakan daripada segi keresahan rakyat. Ha, itulah dia keadaan yang ada di negeri Pahang yang tercinta ini.

Saya juga dalam hal ini, menyanjung tinggi di atas usaha-usaha Kerajaan Negeri menambahkan daripada segi membina Perumahan Mampu Milik, jadi kita tahu projek PR1MA akan er… membolehkan 40,000 unit rumah di negeri Pahang akan didirikan, akan, sedang dan telah didirikan ataupun dibina dan juga Projek Makmur ada 25 projek. Di samping itu juga yang terbaharu sekali yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang er… Projek Rumah Rakyat Pahang.

Jadi saya sangat menyanjung er… Projek Perumahan Rakyat Pahang ini kerana dalam projek itulah kita dapat membantu mereka-mereka yang benar-benar kesusahan, tak ada rumah, keluarga ramai jadi kita beri mereka peluang untuk memperolehi rumah sendiri. Saya juga menyeru kepada er… Kerajaan Negeri kalau er… dapat peruntukan yang lebih lagi supaya Projek Rumah Rakyat Pahang itu dapat ditambah atau diperluaskan lagi.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga er… ingin membawa masalah-masalah yang ada di kawasan saya, tapi sebelum itu kita juga jangan lupa pesanan daripada amanat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang bahawa dalam setiap perkara sekarang ini kita mesti menitikberatkan konsep ESG. Di samping kita menyediakan projek-projek yang banyak, peluang-peluang pekerjaan yang banyak kita juga kena melestarikan dengan alam sekitarnya dan juga terutama sekali daripada segi er… keindahan flora dan fauna di negeri Pahang ini. Pahang yang terkenal sebagai bank kepada oksigen di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Tuan Yang di-Pertua,
Er… isu pertama yang saya nak sentuh berkaitan dengan perlombongan bauksit di Bukit Goh, Bukit Kuantan dan juga di daerah Kuantanlah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhomat, Yang Berhomat ada 2 minit lagi. Sila…

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Mintak sikit lagi Yang di-Pertua, isu bauksit ini er… mohon supaya pihak kerajaan dapat mempertimbangkan dan juga er… kalau di Bukit Goh itu dan juga di Bukit Kuantan er… bagi peluang kepada peneroka-peneroka itu supaya mereka dapat hak mereka, mereka tuan tanah. Jadi kita tak nak, kata orang masa-masa dulu mereka dapat tulang sahaja, orang lain yang tak tahu menahu jadi kaya-raya. Jadi saya berharap pertimbangan yang saksama juga beri peluang kepada anak-anak peneroka, golongan muda turut bersama dalam perlombongan tersebut.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, Sungai Lembing ini terkenal dengan keindahan alam semula jadi. Baru-baru ini 4 kali banjir. Biasanya banjir sekali, dua kali setahun aja Tuan Yang di-Pertua. Kali ini 4 kali, Sungai Lembing dilanda banjir.

Jadi bila kita naik Bukit Panorama er… ada komplen daripada masyarakat iaitu kawasan bawah sana iaitu di kawasan Bukit Raja dan juga kawasan Bukit Panorama tu gondol akibat daripada aktiviti perlombongan. Jadi keindahan orang nak naik ke Sungai Lembing, ke bukit tersebut menjadi rosak. Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, mana-mana aktiviti-aktiviti ataupun kelulusan yang berkaitanlah pembangunan ke, perlombongan kita kena bincangkan dengan teliti dan juga saksama supaya kehijauan itulah, nilai ataupun modal di Sungai Lembing. Kalau hilang kehijauan tu Tuan Yang di-Pertua, nanti esok orang dah mungkin tak datang lagi ke bandar Sungai Lembing.

Tuan Yang di-Pertua,
Di samping itu juga, saya juga berharap cadangan Sungai Lembing – Jerantut, walaupun kita tahu ini cadangan apa… peruntukan yang agak besar tapi sebenarnya jalan menyambungkan Sungai Lembing ke Jerantut sebenarnya akan membuka

peluang yang lebih besar lagi pembangunan, terutama sekali untuk pembangunan di Wilayah Jengka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, er… di kesempatan ini itulah sahaja ucapan saya, saya berdoa kepada Allah dengan naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja kita dan juga kecemerlangan, ketegasan, kesungguhan, kepimpinan di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kita yang tercinta ini, Pahang akan terus maju. Terima kasih, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Sungai Lembing. Saya jemput Wakil daripada Beserah, sila.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bissmilahiramahnirahim. Assalamulaikum WBT, salam sejahtera. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam kita membahaskan Titah Diraja yang telah dilafazkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semalam semasa merasmikan Persidangan kita.

Saya dikesempatan ini, ingin mengambil ruang menyampaikan salam daripada sahabat saya Tanjung Lumpur, beliau dan keluarga beliau 11 orang kena kuarantin akibat daripada positif COVID-19, jadi kita doakanlah agar segala urusan beliau dipermudahkan dan kita semua rakyat dilindungi oleh Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua,
Apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semalam adalah sangat bertepatan dengan suasana yang sedang kita hadapi pada hari ini. Setiap daripada kita tidak boleh lari daripada berdepan dengan suasana pandemik yang begitu asing daripada kita untuk tempoh 2 tahun kebelakangan ini. Pandemik COVID-19 telah banyak merubah cara kita bertindak, cara kita berfikir, juga telah merubah psikososial dan psikologi setiap daripada kita. Tidak ada rakyat yang tidak terkesan daripada pandemik COVID-19 ini. Maka perubahan-perubahan yang berlaku perlu juga diselangi ataupun dituruti dengan cara perubahan kita mengurus dan mengendalikan permasalahan tersebut.

Khasnya di peringkat kita, di peringkat negeri dan pembuat dasar dalam Dewan ini, kita perlu melihat apakah hala tuju, apakah perancangan yang perlu kita sediakan kepada rakyat dan negeri ini, pasca COVID-19 yang kita sendiri pun tak pasti bila akan berakhirnya pandemik ini. Kemungkinan kita akan berkekalan sebegini, hanya dalam ilmu Allah sahaja yang tahu penghujungnya.

Namun kita sebagai yang diberikan amanah oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir negeri Pahang ini, perlu ada satu pelan tindakan yang komprehensif dan strategik untuk mengatasi segala perubahan rakyat yang berlaku demi untuk mempastikan kelangsungan kehidupan dapat diteruskan selepas ini dan yang kedua mempastikan bahawa kita mampu melonjakkan balik semangat, psikologi, psikososial dan semua yang telah terkesan selama tempoh 2 tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,
Kita melihat perancangan yang ada pada hari ini berjaya dan mampu untuk menyekat penularan COVID-19 dalam masa yang kita jangkakan sehingga akhir tahun ini. Negeri Pahang contohnya, jumlah kes semalam er… kita telah mencatatkan jumlah kes daripada awal penularan COVID sebanyak 38,000 kes dan kes yang aktif sekarang ada 9,700 kes. Mencatatkan jumlah 414 kematian dan kita telah berada dalam Fasa Kedua Pelan Pemulihan Negara dan dimaklumkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri mengumumkan kita akan masuk Fasa 3 dalam masa yang terdekat.

Namun satu awasan yang peringatan yang saya ingin sampaikan dalam Dewan ini adalah, sebelum kita melangkah kepada fasa yang berikutnya, kita perlu melihat kesiapsiagaan kita dan bagaimana kita menangani penularan ini supaya tidak terus menular selepas ini.

Contohnya er… kadar vaksinasi yang telah diterima oleh rakyat negeri Pahang sehingga semalam kalau ikutkan untuk menerima 1 dan 2 dos yang lengkap dos adalah 42% berdasarkan jumlah populasi dewasa, tapi kalau ikut jumlah populasi penduduk dewasa keseluruhan, ia hanya baru mencapai 30%, dan sekiranya kita ingin membuka lagi sektor-sektor ekonomi dan aktiviti-aktiviti sosial pada fasa yang akan datang dibimbangi vaksinasi tidak mampu untuk nak *catch up,* dengan izin, untuk nak mencapai tahap sepertimana yang kita harapkan.

Jadi saya mengharapkan pihak Kerajaan Negeri memandang serius tentang perkara ni supaya kita ada vaksin yang cukup. Keutamaan perlu diberikan kepada sektor-sektor yang bakal dibuka. Kepada mereka yang telah mendaftar vaksinasi perlu diberikan keutamaan. Sebahagian daripada rakyat merungut daftar bulan 2 lagi, sekarang pun tak dapat. Minta YB ada kuota, tanya YB punya kuota. Kita mana ada kuota nak… nak… nak bagi vaksin. Menunjukkan kita tidak ada isu rakyat menolak vaksin tapi kita tak cukup vaksin.

Oleh itu, saya mengharapkan ada usaha daripada Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan vaksinasi ini supaya kita boleh buka sektor-sektor yang sepatutnya boleh dibuka dan rakyat boleh kembali menjalankan aktiviti dia. Itu yang pertama.

Yang kedua Yang di-Pertua, kita kena ambil juga dari sudut positif. COVID-19 telah mengubah cara sosial kehidupan kita. Perasan atau tidak kadar jenayah semakin menurun. Dalam tempoh 2 tahun, jenayah berat laporan daripada pihak polis PDRM menyatakan kadar jenayah turun. Bila kita lihat kenapa boleh menurun? Pertama, aktiviti luar rumah selepas pukul 12.00 telah tak boleh. Disko, pub, tempat perjudian perka… tempat-tempat yang… yang perkumpulan dan sebagainya ditutup.

Bermakna Allah bagi *warning* kepada kita, peringatan kepada kita, kita perlu *reset* balik cara hidup kita. Dalam tempoh 2 tahun ini, er… kedai judi tutup, kedai arak tutup, kedai-kedai minum sampai pukul 10.00 je. Er… disko, pub ditutup. Kita boleh menjalani kehidupan dengan lebih baik. Tidak ada isu jenayah berat. Tidak ada orang mabuk, langgar orang dan sebagainya. Maka kita kena ambil peluang ini, Allah bagi peluang untuk kita bertindak daripada pandemik COVID ini. Selepas ini, kita buat satu polisi, Pahang sifar pub, disko, tempat judi dan sebagainya supaya kehidupan…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta laluan. Tuan *Speaker*.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah, benarkan?

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Sekejap je.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Bolehkah saya tahu…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

1 minit…1 minit.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Bolehkah saya tahu apa bukti daripada er… YB Beserah bahawa kedai judi, pub dan disko akan menyebabkan jenayah? Apa itu bukti dan kadar jenayah? Sila nyatakan.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tras. Bukti dia kadar jenayah menurun. Kalau kita tengok statistik yang dibentangkan oleh PDRM, kadar jenayah berat, pecah rumah, mabuk, perkelah… perkelahian er… apa pergaduhan akibat mabuk dan sebagainya semakin menurun peringkat di daerah Kuantan. Saya ada data itu. Itu di daerah Kuantan. Dalam masa yang sama, anak-anak, dia tak boleh keluar, tak boleh lepak kedai. Pukul 10.00 kedai dah tutup. Mak bapa rasa senang, anak-anak ada depan mata di rumah. Ayah pun samalah. Pukul 12.00 dah ada di rumah, kalau tidak kul 3.00 pagi, ngeteh lagi. Ini… ini realiti, kehidupan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

ADUN Beserah, boleh?

YB. CIK LEONG YU MAN

Sekejap sahaja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

1 minit sahaja.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya rasa YB Beserah mungkin lupa satu, salah satu faktor penyumbang kepada kadar jenayah yang penting juga iaitu masalah dadah.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Ya, ya saya setuju. Saya setuju. Itu salah satu daripada yang kita perlu lihat dalam konteks yang berbeza masalah dadah ni. Bagi saya, kita sebagai yang membuat dasar dan polisi kena lihat ini secara gambaran yang besar. Kalau sekiranya sebelum ini kita ada masalah sosial, masalah remaja keluar rumah, balik pukul 3.00 pagi… 4.00 pagi, anak-anak muda bersukan, beriadah sampai pukul 12.00 malam lepas tu singgah kedai minum kopi, minum teh pukul 3.00 pagi baru balik. Esok nak pergi kerja. Ini akan memberikan impak atau kesan sosial dan psikologi kepada kita individu.

Jadi dengan adanya COVID ini, positif dia 12.00 malam semua orang duduk rumah, senyap. Anak-anak duduk rumah, ayah duduk rumah, mak duduk rumah. Jadi kekeluargaan jadi lebih baik dan jenayah lain nak mencuba, maka kita dah ada di rumah. Maka ini kita kena lihat kita kena *reset* cara kita berfikir, bertindak sempena COVID ini. Kita sebagai pembuat dasar, kena ada dasar ini juga. Sebab itu saya kata kita boleh bergerak ke arah sifar pusat judi, arak dan sebagainya.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

YB Beserah, bolehkah saya cadangkan, adakah kamu cadangkan Kerajaan Pahang tutup Genting kerana Genting adalah kasino sana. Adakah kadar jenayah di Genting paling tinggi?

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Saya cuba mencadangkan tebut… tersebut sebagai dasar. Kita kena lihat benda ini. Peluang nilah, kita tengok kalau sekarang ni takda judi di Genting, okey je hidup, takda masalah. Ke betul… salah saya cakap ni. Sekarang ni pusat judi tutup di Genting ada masalah ke? Tiada masalah kenapa kita perlu buka? Itu… itu yang kita kena… kena…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua. [ketawa]

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Kena tambah… [ketawa]

YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dia begini Yang Berhormat daripada Beserah, bagi kita takda masalah, yang ada masalah belah sana. Terima kasih. [ketawa]

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Sebab tu saya kata….

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Sebab tu… maksud… maksud saya…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta laluan…

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Itu dah pandang lain macam Yang di-Pertua. Sebab tu saya kata ini peluang untuk kita *reset* balik kehidupan kita. Tengok balik sebab kita diberikan amanah untuk bawa rakyat ini menuju keberkatan Allah SWT dan walau kita banyak duit takda keberkatan kita akan susah. Jadi nak dapatkan keberkatan mestilah buat sesuatu yang menurut kehendak syariat Allah SWT. Kalau tak berjaya pun kita ada jawapan depan Allah. Kita berusaha untuk buat. Ini yang saya maksudkan. Cuba kita ambil ini positif, usaha, kita reset balik kehidupan kita.

Yang di-Pertua,
Saya beralih kepada perkara yang kedua. Titah Kebawah Duli Yang Tu er… Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semalam, supaya kita melihat bagaimana Kerajaan Negeri mencari sumber baharu. Sumber untuk menarik pelabur. Saya ucap tahniah Kerajaan Negeri telah berjaya membawa pelaburan tahun 2020 sebanyak RM6.8 bilion. Satu usaha yang sangat baik. Namun saya nak sentuh sikit je, usaha yang baik ini perlu diiringi dengan perancangan juga.

Bagaimana kita nak ambil manfaat daripada pelaburan yang besar ini? Apa yang saya nak sampaikan adalah, yang sedang berlaku sekarang bagaimana sumber tenaga manusia yang diperlukan tidak dapat dipenuhi oleh penduduk dan rakyat kita sendiri. Contohnya sebuah syarikat di kawasan perindustrian Gebeng memerlukan tenaga pekerja seramai 3,000 orang, teknikal. Kita bagi senarai er… mereka yang layak dengan *degree*, teknikal dan sebagainya menghadiri temuduga yang diambil bekerja hanya 10 orang. Cari 3,000 orang, yang dapat diisi 10 orang je. Kenapa? Kerana tidak memenuhi kehendak syarikat tersebut dari segi kemahiran, dari segi pengetahuan dan sebagainya.

Oleh itu, saya mencadangkan Kerajaan Negeri, sebarang pelaburan baharu yang dibawa masuk perlu diiringi dengan perancangan sumber manusia yang diisi oleh rakyat tempatan. Kita ada banyak institusi pengajian. Kita ada Pahang Skills, kita ada UCYP, kita ada KIPSAS. Agensi ini perlu digemblengkan bersama dengan pelabur supaya bila pelabur datang Universiti dan Kolej ini telah menyediakan tenaga-tenaga mahir untuk mengisi keperluan tenaga kerja syarikat yang… yang tersebut.

Akhir sekali Yang di-Pertua, di tempat saya ni ada satu isu besar yang perlukan tindakan segera daripada Kerajaan Negeri iaitu isu tanah. Kita ucap terima kasih Kerajaan Negeri telah menambah er… jumlah Rumah Rakyat Pahang, tahun lepas 2, tahun ini jadi 4 dan sebagainya. Sekurang-kurangnya mengurangkan letih, tak tahu, lelah pakai *mask* bila bercakap, tercungap.

Tapi yang menjadi masalah sekarang di kawasan saya itu ada beberapa lokaliti kampung yang penduduknya telah duduk situ hampir 40-50 tahun, telah mohon tanah tapi tidak dapat diserahkan atau diberikan milik sampai hari ini, yang memohon pun dah tak ada sebahagiannya. Lebih malang lagi apabila dimaklumkan oleh pemilik tanah itu, Kerajaan Negeri telah serahkan tanah mereka pohon ini, yang mereka duduki ini, kepada anak syarikat Kerajaan Negeri.

Maka ini memberikan satu er… implikasi yang besar kepada penduduk. Bagaimana mereka duduk situ 40 tahun, mohon tak lepas, tak dapat tapi diserahkan kepada

agensi Kerajaan Negeri untuk dimajukan, tetapi tidak diuruskan dengan baik, mereka yang duduk ni. Maka saya mencadangkan kita kena selesaikan, kena bincang dengan semua pemohon ini. Syarikat yang telah diberikan milik tadi, jumpa penduduk yang telah memohon. Bagaimana kita nak selesaikan ni. Mereka dah duduk situ, beranak cucu kat situ dah ni. Ramai, bukan sikit, seluruh kawasan itu telah diserahkan kepada agensi.

Jadi saya minta supaya tindakan segera, penyelesaian tuntas supaya sekurang-kurangnya keprihatinan Kerajaan Negeri untuk beri milik tapak rumah. Kalau kita tak boleh bagi rumah dekat dia, kita bagi tapak rumah. Biar dia buat sendiri, sebab kebanyakan mereka ada rumah dah kat situ. Cuma nak besar tapi tak ada hak milik, tak boleh nak diwariskan dan sebagainya. Jadi saya harap Kerajaan Negeri boleh membantu sebagai pemudah cara, antara agensi Kerajaan Negeri dan pemilik untuk sama-sama berbincang dan selesaikan. Saya rasa itulah yang dapat saya sama-sama sampaikan saya mohon… (tidak jelas)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil seterusnya daripada Bilut. Sila YB.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat-Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, salam sejahtera.

Saya merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Amat Mulia Pemangku Raja hari semalam. Pertamanya, sejak Februari 2020 wabak COVID-19 mula merebak di Malaysia. Penularan COVID-19 menjadi lebih parah kebelakangan ini dan hal ini mencetuskan panik antara rakyat jelata. Negeri Pahang tidak terkecuali daripada wabak ini dan terdapat kes positif di hampir semua daerah. Lebih-lebih lagi negeri Pahang sekarang diancam oleh Varian Delta. Varian ini paling mudah tersebar dan keadaan kita akan menjadi kritikal sekiranya kes-kes sedemikian tidak ditangani dengan baik.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,
Kementerian Kesihatan Malaysia mejelaskan bahawa banyak kes positif, tiada gejala. Hal ini bermaksud mungkin ramai orang dalam komuniti telah dijangkiti wabak tanpa pengetahuan. Oleh itu, kit ujian kendiri menjadi bahan keperluan keluarga supaya orang ramai berpeluang melakukan ujian saringan COVID-19 sendiri di rumah. Akan tetapi, kit ujian yang terdapat di pasaran berharga tinggi. Sekiranya ahli keluarga banyak, ia merupakan satu perbelanjaan yang membebankan. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri boleh memberi subsidi ataupun mengagihkan kit ujian secara percuma kepada keluarga B40 supaya rakyat negeri boleh melakukan ujian dalam rumah dan mengelakkan penghasilan kluster.

Kedua, jumlah kumulatif kes positif telah mencecah lebih daripada 30,000 kes. Manakala kes kematian adalah lebih daripada 400 kes. Rakyat Pahang kehilangan ahli keluarga tersayang kerana jangkitan COVID-19. Apa yang lebih membimbangkan adalah situasi di mana anak-anak kecil kehilangan kedua-dua ibu bapa mereka. Saya dimaklumkan bahawa terdapat keluarga B40 yang tidak mampu untuk menjelaskan perbelanjaan pengebumian, kos sara hidup pada masa depan akan menjadi cabaran mereka. Kami bertanggungjawab untuk menjaga keluarga yang menghadapi masalah sedemikian.

Saya mencadangkan bahawa kerajaan mendirikan tabung khas untuk menjaga golongan tersebut dan memberi bantuan kewangan kepada mereka untuk jangka masa yang tertentu supaya membantu mereka menghadapi krisis kewangan buat sementara waktu.

Seterusnya sejak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pengerakan menyeluruh atau *full lockdown,* dengan izin, pada bulan Jun, kebanyakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah menghadapi kejutan ekonomi besar serta aliran tunai ketat, dan ramai pengusaha terpaksa gulung tikar. Hal ini kerana mereka perlu menanggung kos operasi yang tinggi walaupun tiada pendapatan, malah ramai yang telah menghabiskan simpanan. Penutupan perniagaan adalah satu-satu caranya untuk mengelakkan kerugian yang lebih teruk dan berhutang tinggi.

Penutupan perniagaan bukan sahaja menjejaskan penghidupan pengusaha-pengusaha ini, malah akan mencetuskan *domino effect* dan krisis ekonomi seperti kadar pengangguran tinggi, penarikan pelaburan dan lain-lain. Ini akan memberikan impak negatif terhadap ekonomi negara buat tempoh yang panjang. Oleh hal yang demikian, saya menyeru agar kerajaan Pahang memberi bantuan kewangan kepada PKS untuk melalui masa yang sukar ini, kerana kelangsungan perniagaan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Er... tadi saya er… bila saya dengar ucapan daripada sahabat saya dari Beserah. Beliau beritahu kepada kami bahawa jika Genting sekarang operasi tidak beberapa bulan pun tak ada *effect* tetapi saya nak beritahu kepada sahabat saya juga, adakah Yang Berhormat tahu? Dalam tempoh masa ini, dah ramai pekerja-pekerja di Genting ni dah hilang kerja. Bukan sahaja… bukan sahaja mereka tidak ada pendapatan tetapi keluarganya. Beribu-ribu orang hilang kerja dan mereka tidak berpendapatan. Ini akan menjejaskan kehidupan mereka dalam tempoh masa ini.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh… boleh mencelah sikit?

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Okey,sila.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh ya.

Yang di-Pertua,
Saya… saya setuju kalau kita tutup tempat tu orang ramai hilang kerja tapi kita tak kata tutup tempat. Kita tutup aktiviti perjudian. Dia boleh cari. Saya rasa usahawan-usahawan besar ni, mereka kreatif, kalau dia tak dapat buat bisnes ni dia akan buat bisnes lain dan sebagainya. Maka bukan dengan kita kata hapuskan judi tu, semua orang tak boleh kerja. Dia boleh cari bisnes lain. Tempat tu okey, tempat menarik boleh jadi benda lain yang boleh kita supaya… yang penting saya kata tadi, kita nak supaya kesan positif COVID ini kita ambil peluang supaya kita tengok balik, semak balik keadaan kehidupan kita.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Okey, terima kasih penjelasan daripada Yang Berhormat Beserah. Er… kerana Genting ini berada di kawasan Bentong ni. Kami telah pun dapat ramai, banyak sangat aduan ataupun cadangan daripada pekerja-pekerja di kasino khususnya, kerana mereka hilang kerja. Mereka dapatkan… mereka… sebelum ni mereka dapat gaji beribu-ribu ringgit er… dalam… bila mereka ada kerja tetapi sekarang satu bakul makanan pun mereka tidak mampu nak bayar. Inilah kesan dia bukan saja-saja cakap tutupkan kasino… tutup sahaja.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta laluan.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Okey sila.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan *Speaker*…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Bolehkah saya nak tanya YB er… YB dari Beserah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat saya ingat… Yang Berhormat tak perlu Yang Berhormat bertanya kepada Beserah. Beliau dah selesai berucap.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Elok bertanya kepada YB yang sedang bercakap sekarang ni sedang berhujah.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Di Pahang ada kasino tapi kadar jenayah jika berbanding dengan Kelantan dan Terengganu. Mana negeri yang paling tinggi? Jangan-jangan siap-siap cakap ada kasino dan kadar jenayah akan tinggi, yang ini adalah satu tuduhan yang tak betul.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta celah sikit.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Ya, sila.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih kepada YB. Bilut bagi masa. Saya ingat Beserah kena tahu pelancongan yang paling tinggi er… penyumbangan yang paling tinggi…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat... Yang Berhormat Teruntum, saya tidak mahu mengambil masa Bilut oleh kerana Yang Berhormat Beserah telah pun menyampaikan hujah-hujah dia saya kira biarlah pihak kerajaan yang akan menjawab dan mengulas…

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Okey, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jadi saya tidak mahu polemik ini dipanjangkan lagi, elok Yang Berhormat pergi ke fakta…

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Okey gulung-gulung, okey terima kasih Yang Berhormat Tuan yang di-Pertua.

Akhir sekali, industri pelancongan ha… sekarang ini saya sentuh pelanconganlah Genting adalah salah satu er… kawasan pelancongan yang paling er… ramai pelancong mengunjungi. Industri pelancongan adalah sektor ekonomi utama dan sumber pendapatan utama kepada negeri Pahang malah kebanyakan perusahaan bergantung pada industri pelancongan untuk mencari nafkah namun ketika pandemik melanda, perniagaan-perniagaan tersebut telah mengalami kerugian besar. Ini termasuk sektor perhotelan, restoran dan kedai makanan dan pemborongan dan peruncian… peruncitan.

Syarikat-syarikat pelancongan, pemandu pelancong dan mana-mana sektor yang berkaitan tidak melarat menampung perniagaan mereka lagi. Oleh itu, saya mendesak supaya kerajaan mengambil serius terhadap masalah yang dinyatakan tadi. Cadangan saya adalah kerajaan memberi pengecualian cukai pintu dan cukai tanah bagi sektor-sektor ekonomi yang berkaitan dengan industri pelancongan.

Selain itu, sebelum keadaan pandemik COVID-19 bertambah baik kerajaan juga harus membekalkan sumbangan kewangan kepada pengusaha-pengusaha ini supaya kelangsungan kehidupan mereka dapat terjamin buat masa yang kritikal ini. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey baik, terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, salam sejahtera. Terima kasih kerana diberi peluang untuk Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah. Hari ini saya ingin membawa beberapa isu rakyat yang meliputi aspek kesihatan awam, ekonomi, alam sekitar dan sosial. Memandangkan masa yang diberikan singkat saya akan cuba rumuskan isu-isu tersebut seringkas yang mungkin.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Isu pertama adalah berkenaan dengan kaedah menangani COVID. Kita semua maklum bahawa kadar vaksinasi di Pahang masih lembap. Sehingga 22 Ogos, hanya 60% yang menerima vaksin dos pertama dan 43% untuk kedua-dua dos. Dengan kadar vaksinasi yang perlahan tambahan dengan kawasan Pahang yang luas lama lagi Pahang dapat melayakkan diri untuk memasuki fasa keempat… tiga dan empat.

Saya difahamkan fasa tiga kita bakal er… masuk ya dalam masa terdekat. Er… saya juga sedar bahawa laman web vaksin.pahang.gov.my sudah tidak lagi berfungsi seperti dulu. Segala urusan ataupun er… bila kita *click* ianya akan ditujukan ke laman Kerajaan Persekutuan. Er… apakah rasional tersebut er… laman itu dibuka sebelum ini dan sekarang tidak lagi aktif?

Saya menggesa kerajaan menggandakan program vaksinasi dengan beberapa langkah. Yang pertama, mengarahkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) supaya beroperasi 7 hari seminggu. Saya dapati terdapat PPV yang hanya beroperasi 5 hari seminggu er… bagi saya masa sekarang masa kritikal kita kalau boleh patutnya mengarahkan supaya ianya beroperasi 7 hari seminggu. Kedua, mengutamakan vaksinasi di pusat bandar dan pusat ekonomi yang mana penduduknya pesat dan kadar jangkitannya tinggi. Ketiga, memperbanyakkan trak vaksin bergerak untuk kawasan luar bandar sebab Pahang adalah sebuah negeri yang kawasannya luas dan keempat menaikkan kadar pendaftaran dengan segera.

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya yakin…

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Boleh saya mencelah? Saya takut nanti penggulungan saya tidak dapat menjelaskan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

1 minit ya YB.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Saya percaya jawapan ini boleh juga memberikan kefahaman yang pastinya sebahagian besar dewan kita tertanya-tanya er… saranan Yang Berhormat, nombor dua ini tadi meningkatkan vaksinasi di dalam kawasan-kawasan berpendudukan tinggi penempatan yang tinggi kawasan-kawasan bandar itulah juga sebenarnya er… Yang Berhormat, dua strategi yang telah dijalankan oleh er… JKJAV ataupun Jawatankuasa

Jaminan Akses Vaksin yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan er… di bawah MOSTI jadi masalah yang kita hadapi hari ini er…

Yang Hormat Dato' Sri di-Pertua,
Bagi pihak Kerajaan Negeri kita membantu sepenuhnya usaha-usaha untuk memvaksinasikan seramai mungkin rakyat di negeri Pahang ini dan kapasiti untuk kita memvaksinkan er… rakyat negeri Pahang ini, sebenarnya kita boleh vaksinkan sehingga 32,000 sehari dengan menggunakan 175 pusat vaksinasi. Jadi isunya adalah bukan soal pusat vaksinasi, isunya bukanlah soal er… *vaccinator* ataupun misi yang nak mencucuk itu.

Isu yang sebenarnya adalah kita menerima kekurangan vaksin berbanding dengan er… Lembah Klang sepertimana Yang Berhormat fikirkan itu, itulah sebenarnya telah difikirkan oleh Persekutuan. Jadi sebahagian besar vaksin kita telah diperuntukkan pada Lembah Klang. Jadi alhamdullilah er… saya fikir sebahagian besar kita dah dengar pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru, kerajaan telah pun berjaya membeli sebanyak 6 juta dos vaksin. Jadi saya percaya ini pastinya dapat membantu kita untuk menyegerakan proses vaksinasi di negeri Pahang. Jadi secara umumnya kita tidak ada masalah yang besar kecuali kelewatan ketibaan vaksin daripada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey YB, sila teruskan.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih, er… memandangkan terdapat pusat-pusat PPV di Lembah Klang pun mula ditutup saya yakin kita dapat gandakan usaha er… vaksinasi di Pahang dan saya yakin Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempunyai iltizam dan mampu melaksanakan cadangan tersebut er… apatah lagi sekarang Perdana Menteri baru juga datang dari Pahang jadi di situ ada kemahuan di situ ada jalan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin memaklumkan bahawa keadaaan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 PKRC Gambang dan KUIPSAS mengecewakan sekali. Aduan pesakit-pesakit kepada saya termasuk tandas tidak cukup sehingga puluhan orang terpaksa kongsikan satu tandas. Katil yang diaturkan adalah katil bertingkat dan memudahkan jangkitan berkelompok.

Terdapat insiden sampah tidak dikutip dan tahap kebersihan amat kurang memuaskan. Walaupun PKRC digunakan untuk menempatkan pesakit berisiko rendah namun saya berasa standard asas perlu dijaga dan dicapai lebih-lebih lagi ianya melibatkan ratusan jika tidak ribuan rakyat dan pesakit setiap hari. Pohon pihak kerajaan mengambil perhatian atas perkara ini. Isu kedua tentang kelestarian ekonomi rakyat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mendapati bahawa *homestay* yang dibenarkan beroperasi dalam fasa kedua, tidak dapat kelulusan untuk menjalankan perniagaan mereka. Contohnya di Kuantan, MBK dan MOTAC saling menuding jari. Puas pengusaha-pengusaha mencari jalan keluar tetapi tiada penyelesaian sehingga hari ini. Saya berharap bahawa pihak kerajaan dapat mengambil berat tentang isu tersebut.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Pada 16 Julai, Kerajaan Negeri menetapkan potongan 50% sewa bulanan bagi premis-premis milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Pahang selama 4 bulan. Ini satu inisiatif yang baik yang dapat mengurangkan beban penjaja-penjaja kecil yang sudah jatuh ditimpa tangga. Walau bagaimanapun, saya mendapati gerai-gerai yang disewakan oleh Koperasi Kakitangan Majlis Perbandaran Kuantan ataupun KOSPEK tidak memberikan sebarang diskaun kepada penyewa premis-premis mereka.

Walaupun kebanyakan penjaja sedang mengalami kerugian, mereka tetap dikenakan bayaran sewa sebanyak RM500.00 sebulan. Sewajarnya koperasi-koperasi yang ada hubung kait dengan kerajaan sama bertimbang rasa dan mengikuti jejak langkah Kerajaan Negeri, memandangkan pelbagai kemudahan telah diberikan untuk membantu kemajuan koperasi-koperasi tersebut. Maka saya ingin meminta supaya Exco Kerajaan Tempatan mengambil perhatian terhadap isu ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya juga ingin menyanjung tinggi titah Pemangku Raja agar semua pihak untuk mengamalkan prinsip ESG di Pahang. Pemangku Raja juga bertitah bahawa pembangunan maju dan serba moden bukanlah alasan kita untuk mengabaikan alam sekitar dan melakukan kemusnahan sesuka hati. Matlamat tidak sesekali menghalalkan cara.

Maka atas semangat ini saya ingin merujuk kepada satu projek melombong nadir bumi ataupun *rare earth* di Hutan Simpanan Kekal Hulu Jelai. Sepertimana yang dinyatakan dalam surat Pejabat Tanah dan Galian bertarikh 30 November 2020 kepada penggerak projek. Pelaksanaan projek perlu melibatkan penyahwartaan 660 hektar tapak lombong dari rizab Hutan Simpanan Kekal. Persoalannya, kenapakah PTG memberikan kelulusan kepada projek ini pada masa bila lokasi perlombongan jelas masih dikategorikan sebagai Hutan Simpanan Kekal dalam pelan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Lipis?

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Perlombongan nadir bumi merupakan aktiviti yang baru di Malaysia dan teknologi *in-situ leaching* dari China ini ingin digunakan oleh penggerak projek, tidak pernah diguna pakai sebelum ini untuk perlombongan di Malaysia. Mengambil prinsip ESG, adakah Kerajaan Negeri telah membuat kajian bebas risiko pencemaran perlombongan ini kepada komuniti terdekat iaitu Kampung Orang Asli Pos Lanai dan juga rakyat Pahang keseluruhannya? Tapak lombong dipercayai akan mencemari Sungai Pahang yang menjadi sumber air minuman untuk warga Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Isu terakhir adalah berkenaan dengan pembukaan ruang sosial khususnya bagi rakan-rakan umat Islam saya. Untuk makluman Dato' Sri Yang di-Pertua, umat Islam dewasa di negeri Pahang tidak dapat bersolat Jumaat sudah lebih daripada tiga kali berturut-turut bahkan ada yang sudah berbulan-bulan lamanya akibat PKP dan juga penguatkuasaan SOP yang telah menghadkan jumlah jemaah yang sedikit di masjid. Ramai mengeluh dan kurang senang dengan perkara ini yang sudah berlanjutan begitu lama sehingga sekarang.

Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri lakukan untuk mencari jalan keluar membantu umat Islam di Pahang supaya dapat memastikan majoriti umat Islam dewasa tidak tercicir ataupun ketinggalan daripada menunaikan Solat Jumaat mereka? Contohnya seperti mendapatkan fatwa-fatwa ataupun hukum-hukum daripada ulama-ulama muktabar untuk melaksanakan Solat Jumaat dua kali di masjid,

ataupun bolehkah surau-surau yang berkapasiti lebih 40 orang diberi kebenaran kegunaan untuk melaksanakan Solat Jumaat sepertimana yang telah diamalkan di beberapa negara luar sewaktu keadaan darurat akibat pandemik COVID.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya bukan orang Islam tetapi lebih 60% penduduk saya di kawasan Semambu adalah orang Islam. Maka menjadi tanggungjawab saya untuk membawa pandangan serta memikirkan penyelesaian bersama-sama. Akhirnya, saya bersyukur dapat bertemu dengan semua Ahli-ahli Dewan dan Ketua-ketua Jabatan di sini. COVID telah mengubah cara kita berjumpa dan berkomunikasi tetapi saya yakin hubungan kita akan lebih dihargai walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran ekoran situasi COVID.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Bersama dengan usaha semua pihak telah pun berjaya mengaturkan Sidang DUN kali ini. Syabas saya ucapkan kepada semua kakitangan yang terlibat. COVID melanda seluruh dunia, perniagaan ditutup rakyat menderita, biarpun Kerajaan BN, Kerajaan PN, bantu rakyat sekarang juga. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat Semambu. Saya jemput Wakil daripada Pulau Manis. Sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik menjunjung kasih di atas Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku Yang Maha Mulia mencemar duli bagi merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-14 pada 23 Ogos, semalam bersamaan dengan 14 Muharam 1443 Hijrah di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang. Ampun Tuanku.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Pertamanya di Dewan Yang Mulia ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Ismail Sabri bin Yaakob melalui kebijaksanaan Kebawah Duli Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong selaku ketua negara telah memperkenankan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dilantik sebagai Perdana Menteri Yang Ke-9. Mudah-mudahan Perdana Menteri akan diberikan petunjuk dan hidayat dari Allah untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan serta dapat menyelesaikan kemelut negara yang berlaku ketika ini.

Dato' Sri… boleh saya… bukak ni? Kerana macam lemaslah rasa… macam rasa lemas.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bolehlah kalau lemas, bukalah.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tebal… tebal sangat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau dah rasa lemas elok bukak, kang lain pula jadinya kan… [ketawa]

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jadi, saya benarkanlah.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Pertamanya kita kena merakamkan syukur kepada Allah SWT kerana pada hari ini kita dapat bersama-sama bermesyuarat, berbahas dan berbincang di dalam Dewan Yang Mulia ini, walaupun kita telah diminta untuk mematuhi berbagai-bagai SOP disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara kita ini. Kita tak tahu bila masanya COVID-19 ni akan akan berakhir sama ada tahun depan akan berakhir ataupun 5 tahun lagi baru berakhir. Kita tak tahu, hanya Allah SWT sahaja yang tahu tapi walau bagaimanapun…

Walau bagaimanapun dengan kepatuhan kita kepada SOP yang telah ditetapkan kepada kita, mudah-mudahan kita semua akan terhindar daripada COVID-19 ini. Walaupun waktu kita hadir tadi, kita diberitahu bahawa *swab test* yang telah dilakukan pada 22 hari bulan yang lalu akan berakhir hayatnya pada malam ini. Besok kena buat sendiri pulak, ada dah dibekalkan dalam kotak ni. Kita belajarlah malam ni kat rumah macam mana nak buat. Jadi, mudah-mudahan itu semua adalah untuk kebaikan kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Pertama sekali, saya ingin merakamkan di Dewan Yang Mulia ini kepada Kerajaan Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita… iaitu Dato' Sri Utama Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang telah dari awal-awal lagi dari permulaan berlakunya COVID ini lagi telah pun mengambil langkah-langkah yang proaktif seperti yang disebutkan oleh Exco kita tadi.

Iaitu pihak kerajaan yang menyatakan apa sahaja jenama yang disebut sama ada daripada yang terkesan daripada pendapatan hilang, orang meniaga, ibu tunggal, keluarga miskin, nelayan, pemandu teksi, pemandu Grab, peniaga kantin sekolah telah disalurkan bantuan daripada PKP 1, 2 dan 3 dan kemudian saya sendiri pun terkejut juga dengan sahabat saya daripada Triang apabila tiba-tiba bangun mencelah menyatakan tidak ada pulak untuk… untuk ibu tunggal warga asing.

Jadi, pada saya benda ni kecik sangat, tak perlulah benda macam tu pun dibawa dalam dewan ini. Warga asing… kalau ada ibu tunggal warga asing dalam kawasan kita, bantu sendiri. Setakat RM50.00 ke RM100.00 bagi 1 bakul yang kita bekalkan takda masalah ha. Saya sendiri pun…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan… Minta laluan.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya sendiri pun Dato' Yang di-Pertua ya… daripada Thailand...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Orang luar…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB Pulau Manis, sekejap.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

… daripada Indon… orang luar… datang mengadu hal.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bertenang Yang Berhormat, saya nak bercakap ni.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau *Speaker* bercakap, dia pun nak bercakap juga… duduk dulu, duduk dulu. Dia, Triang minta laluan, benar ke tidak?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya… masa sikit sangat, ayat… bercerita banyak… jadi minta maaflah Triang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, teruskan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Satu perkataan, satu *line* sahaja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak bagi Yang Berhormat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tak boleh, saya… masa tak banyak sangat. Jadi, sekarang ni saya bersyukur kerana bukan itu sahaja kita juga mengambil inisiatif tiap-tiap hari ada sahaja senarai baru orang yang terlibat dengan kes kuarantin. Ha, ni pun kita kena bantu juga. Hari pertama kita kata sabarlah takkan hari pertama pun beras dah habis. Hari kedua pun kita kata sabarlah tapi bila sampai tiga hari kita terpaksa hantar terpaksa pergi sama ada kita dapat hadir sendiri ataupun wakil kita akan pergi menghantar bekalan di pintu pagar. Memang takut, bukan kata kita berani sangat jangan sebut berani bahaya jadi kita hadir dan menyelesaikan masalah tersebut. Tiap-tiap hari sentiasa ada kes baru yang berlaku di dalam kawasan di mana-mana saja sama ada di Pahang ataupun di negara kita Malaysia.

Jadi Dato' Sri Yang di-Pertua, saya teringatlah kepada motto yang dibawa oleh ADUN Jelai sekarang ni dah jadi MB iaitu dia mengatakan "Tiada Janji, Lihat Bukti". Ha, yang ni kita nak buat, ini yang kita sedang laksanakan. Ha, inilah kepentingan kita sebagai Wakil Rakyat jangan setiap perkara kita minta kerajaan hantar. Ha, ini untuk kluster Ibu Tunggal bukan warganegara, tak ada. Kita sendiri ada pemikiran bagaimana nak selesaikan masalah tu. Ha, tu dia satu.

Yang kedua, saya juga er… terperasan tadi rakan saya, sahabat saya dia baik dengan saya walaupun dia belah sana tapi dia baik dengan saya, ADUN Semambu. Dia baru mencadangkan supaya buat itu, buat ini tentang vaksin. Saya nak beri tahu sebenarnya kami di Pekan ya dan di Kuantan ini kami dah buat benda yang dicadangkan tu tadi.

Maksudnya, apabila kita cadangkan supaya vaksinasi ini dilakukan di peringkat kampung jadi kita dah bawa KKM pergi. Saya mengambil contoh di Sri Makmur… Sri Makmur. Saya ni susah sikit Pulau Manis ni kerana Pulau Manis ni ada tiga daerah. Ada kawasan Maran, ada kawasan Kuantan dan yang lain tu kawasan Pekanlah.

Jadi di Sri Makmur, Maran… kawasan Maran, KKM Maran datang yang pertama kali menyelesaikan masalah suntikan pertama. Selesai masalah 600 orang boleh suntik. Tinggal dua keluarga je, dua keluarga sahaja yang memang mengaku tidak mahu suntik. Ha, jadi dua kali datang. Kemudian di belah Pekan pulak kami buat di IKBN. Pihak KKM mencabar boleh tak kumpul 800 orang ha, tengok kami boleh buat bergabung dengan DUN Bebar, bergabung dengan DUN Chini beribu orang datang ke IKBN Paloh Hinai. Jadi maknanya KKM telah masuk kawasan, masuk kampung tak perlu turun ke bandar begitu juga dengan kawasan lain seperti di apa ni Jaya Gading. Di Jaya Gading tu kita…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, saya nak ingatkan sahaja Yang Berhormat ada dua minit lagi. Ha, itu sahaja. Takut Yang Berhormat tak terpandang ke atas sana, elok…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi Dato' Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya apa yang telah kita laksanakan ini sebenarnya semuanya untuk kebaikan rakyat. Jadi kalau saya cerita pasal vaksin ni panjang lagi. Tapi saya nak masuk hal kawasan saya sikitlah. Ini berkenaan dengan air. Air ni memang sebenarnya sentiasa berlaku dan tak pernah tinggal. Saya mula-mula malas nak cakap, tapi saya rasa saya perlu bercakap sebab

sahabat saya CEO pun ada jadi mudah-mudahan dia dengar luahan daripada Wakil Rakyat kawasan dapat selesailah.

Masalah air ini di Sri Makmur berlaku kerana paipnya pecah akibat jalan runtuh. Jalan runtuh kerana air hujan sekarang ni tak menentu lebatnya. Ha, itu yang berlaku dekat Yan tu. Kepala airnya langgar sampai orang pun dia bawak lari. Jadi yang di kawasan Lata Mentagan ni pun begitu juga. Air yang terjun daripada atas bukit terjah kepada jalan menyebabkan jalan pecah dan berlubang. Maka sekarang ni daripada satu lubang dah jadi tiga lubang. Tiga lubang tu tadi di celah lubang tu ada paip air. Paip air ni tadi bergantung kepada jalan kerana dia ikut jalan nak disalurkan ke Sri Makmur.

Jadi apabila nak bela paip air kena bela jalan dulu. Jadi berbalah, siapa yang kena buat. Jadi untuk makluman kita dah buat penyelesaian. Saya terima kasih kepada Pegawai Daerah Pekan dia cantumkan er… bersama-sama JKR dan juga PAIP dan berbincang bagaimana penyelesaiannya. Jadi akhirnya penyelesaiannya dah fikir dah tapi masalah sekarang ni ialah kewangan, kewangan untuk selesaikan masalah tersebut. Ha, itu yang berlaku di Sri Makmur Dato' di-Pertua, tapi satu lagi masalah air ialah berlaku di bandar Pekan. Kita dah ada loji air baru iaitu Loji Air Ganchong yang dibekalkan ke Pekan sama ada ke Kuala Pahang, ke bandar Pekan ataupun ke Sungai Miang.

Tetapi saya zaman dahulu zaman saya budak-budak dulu ya berada di Pekan yang bekalkan air di Pekan ni terdiri daripada Loji Air Seberang Peramu, Loji Air Pelangkah, Loji Air Sekor tetapi sekarang ni dengan bertambah satu lagi loji air yang lebih *power* tetapi air pulak berlaku tak ada dekat Pekan. Ha, jadi saya berharaplah sama ada ECER ke ataupun sesiapa yang mengetahui keadaan ini supaya boleh selesaikan masalah ini.

Dan yang terakhirnya Dato' Yang di-Pertua, seperti kawan-kawan juga sebut tadi kita nak menjana semula ekonomi tapi kalaulah ekonomi kita terutama di Pahang bergantung sangat kepada sawit yang diusahakan oleh FELDA ataupun diusahakan oleh FELCRA. Tapi bagaimana nak … kita nak dapat hasil yang banyak kalau saya ambik contoh di ladang Kampung Mencupu 1,000 ekar… 1,000 ekar ladang buah tengah molek, harga tengah naik tapi pekerja ada tiga orang je. Ha, memang [ketawa] ya orang kata tak tahulah macam mana dia boleh buat.

Jadi sekarang ni kita selesaikan masalah tu. Masalahnya ialah kita selesaikan pekerja yang selama ini dulu ada waktu tak ada COVID dulu sekarang ni bila ada COVID pekerjanya tak ada. Kenapa? Ke mana pergi? Ha… yang ni kita selesaikan. Mudah-mudahan dengan kita dapat mencari jalan penyelesaian tersebut ha… kita dapat menjana sedikit pertambahan ekonomi hasil daripada sawit untuk negara kita di Pahang ni dan yang terakhir saya ha ni akhir betul-betul dah ni ya saya er… ingin apa ni berpantun Dato' Yang di-Pertua. Sebab tahun lepas berpantun sekarang ni saya nak balas pantun tu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bagilah pantun tu.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Pantun saya yang pertama sekali ya.

Zapin Pekan nama diberi,
Langkah di atur penuh gemalai;
Budi Tuanku tidak terperi,
Kasih rakyat takkan terlerai.

Dan yang terakhir pantunnya ialah,

Orang berdagang pergi berempat,
Singgah sebentar membeli damar;
Raja bijaksana raja berdaulat,
Simbol suci jangan dicemar.

Ha… inilah peringatannya, janganlah sekali-kali kita cemarkan simbol keagongan negara kita Malaysia. Kita bergantung kepada ya, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Jadi apa yang berlaku kita dah hantar SD, kita dah hantar sumpah ha jadi kita kena taat. Ha… ni dia. Ha Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi Titah Tuanku supaya kita bersama-sama, bersama-sama berganding bahu, bersama-sama kita bermuafakat tanpa mengira parti ya maka sama-samalah kita berpakat pada dua tiga hari ni untuk mencadangkan kepada Dato' Sri MB kepada Kerajaan Pahang bagaimana penyelesaian yang terbaik yang dapat kita laksanakan untuk rakyat Pahang. Itu saja ucapan saya. Sekian, wabillahitaufik walhidayah Assalamualaikum WBT [Ahli Dewan menepuk meja]. Pulau Manis mohon menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Daun serai daun selasih,
Sila duduk terima kasih.

Baik kita pergi kepada wakil berikutnya saya menjemput ADUN daripada Padang Tengku. Masa yang sama ya Yang Berhormat. 10 ke 12 minit.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. (Bahasa Arab). Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menjunjung kasih di atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja yang telah dilafazkan semalam di mana di antara penekanan beliau harus mencari garis panduan kita inilah masanya untuk kita, ini bukan masanya untuk kita berebut kuasa, ini bukan masanya untuk kita bersengketa, ini bukan masanya untuk berbicara tetapi tak buat apa-apa, tetapi inilah masanya untuk kita semua bersama-sama demi negara, negeri dan rakyat.

Jadi di atas Titah ini marilah kita sama-sama menyahutnya supaya kita wujudkan Dewan kita dan negeri kita sebagai sebuah negara, negeri yang aman damai yang kita berpadu bersama-sama melaksanakan tugas yang telah diamanahkan kepada kita. Di samping itu, saya juga mewakili seluruh warga Padang Tengku ingin menyatakan dan memberikan penghargaan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang telah dipilih menjadi Perdana Menteri Yang Ke-9 dan sesungguhnya ini merupakan satu penghargaan kepada negeri Pahang khususnya. Kita Ketua Negara orang Pahang, Ketua Kerajaan orang Pahang.

Dan seharusnya tuan-tuan, puan-puan kita juga melihat ini sebagai satu peluang dan ruang untuk kita membangunkan negeri Pahang dan juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada UMNO dan juga Barisan Nasional yang kembali semula mengetuai Putrajaya yang sebelum ini, selama lebih kurang 3 tahun ini kita hanya sekadar di pinggiran saja.

Dan kita harapkan bahawa peluang dan ruang ini, peluang yang telah diberikan oleh Allah SWT er… sekali lagi kepada kita ini dapat kita gunakan sepenuhnya dan ini hanya dapat dilaksanakan, jika kita semua bekerjasama, jika kita semua sama-sama berpadu dan insya-Allah, Allah akan bersama orang-orang, rakyat-rakyat, hamba-hamba yang bersatu-padu.

Dan kita lihat dalam contoh kerja bersama ini, negeri Pahang telah menunjukkan satu er… contoh model yang cukup baik di mana di bawah pemerintahan er… ketuaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy, kita melihat bahawa Pahang ini aman, tak macam berlaku di Pusat dan keamanan inilah yang harus kita contohkan dan harus menjadi ikutan kepada kita dan harus kita banggakan.

Kita tak dapat ataupun tak dapat nafikan sumbangan yang telah diberikan dengan kerjasama di antara dua pihak macam dalam kita ni walaupun kita ada BN, kita ada PAS, kita ada DAP, kita tak jadi macam dititahkan oleh er… Tuanku Sultan Johor umpamanya dah diberi peringatan awal-awal jangan jadi Dewan beruk, jangan jadi sangkar beruk tetapi di Dewan Negeri Pahang ini, saya tengok hubungan yang begitu mesra dan kita mempunyai idea yang cukup bernas dan akhirnya kita dapat membangunkan negeri Pahang dalam tempoh yang tiga tahun ini telah membuktikan bahawa kita menuju ke arah yang cukup baik.

Justeru itu, banyak program-program, banyak aktiviti-aktiviti yang kita laksanakan. Dalam kes COVID ini, kita tak boleh nafikan sumbangan diberikan oleh negeri Pahang. Saya nak beri contoh, tadi kita sebut macam-macam yang kita dah berikan. Di sebelah rumah saya, ada seorang ibu tunggal. Ibu tunggal saya kira-kira dia ni dapat sumbangan COVID saja, bakul makan tu sebanyak 8 kali. Ini untuk COVID yang fasa ataupun PKP yang ketiga ni. Sebab kita mula sebelum er… sebelum hari raya. Selepas hari raya tu, er… dia ni menghadapi masalah apa nama ni, er… CC1. Jadi dapat… kena CC1, Kerajaan Negeri dah hantar dah barang, gambar MB terpampang.

Bagi satu barang makanan dengan duit RM50.00. Kemudian Wakil Rakyat hantar, Ahli Parlimen hantar, DUN hantar, kemudian dia ni ibu tunggal, ibu tunggal dapat pulak ibu tunggal. Kemudian JKK bagi, yang er… tiap-tiap JKK dapat aper ni tu… dia bagikan juga, hah… dah dapat lagi, gambar MB juga, ibu tunggal gambar MB juga. Lepas tu dapat pulak kerana dia isteri kepada bekas tentera, dapat bekas tentera pulak.

Maknanya dia sorang je tuan-tuan, 8 kali, 4 daripadanya datang *direct* daripada sumber yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri Pahang, gambar terpampang potret gambar MB kita. Iaitu er… apa nama yang disebutkan oleh Pulau Manis tadi, apa nama ni… lihat bukti… apa… tiada janji, lihat bukti. Tapi lelah sungguh ya pakai benda ni, saya mintak bukak jugaklah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Satu program yang saya kira cukup baik yang harus kita… kita puji ialah langkah Yang Amat Berhormat ataupun Kerajaan Negeri Pahang mengadakan satu majlis, menubuhkan satu majlis yang dikenali sebagai tindakan sosial… Majlis Tindakan Sosial Pahang (MTSP).

Dan kita lihat, ini merupakan satu kejayaan yang berjaya menyungkil bakat-bakat dan juga daya kepimpinan anak-anak muda khususnya dalam aktiviti kesukarelaan dan juga pembangunan modal insan. MTSP ini jugak sangat berkesan membantu masyarakat dan jentera kerajaan bersama-sama Jentera Kerajaan Negeri dalam penglibatan mereka ketika dilanda banjir dan juga er… di sewaktu pandemik ini.

Dan saya secara khususnya kagum melihat usaha-usaha yang dilakukan oleh sukarelawan MTSP ini, sebagai apa nama menguruskan pusat-pusat vaksin. Di tempat-tempat saya memang nampak peranan mereka begitu terasa, peranan mereka begitu menyerlah bersama-sama dengan apa dan apa nama pasukan-pasukan atau *team-team* yang lain.

Dan satu perkara yang cukup menarik yang apa nama ni, mereka ni terlibat secara langsung dalam selain daripada tolong di pusat vaksin, mereka juga menjalankan kempen-kempen. Sebab satu ketika dulu, kita difahamkan negeri Pahang ni di antara yang terendah dari segi pendaftaran er… vaksin ini tetapi usaha, penggemblengan yang dibuat oleh kumpulan sukarelawan ini telah membuktikan mereka telah menjalankan aktiviti yang cukup hebat, cukup baik di mana jumlah itu meningkat dengan begitu mendadak.

Dan ada di tempat-tempat saya umpamanya, kumpulan-kumpulan yang er… pada mulanya menolak vaksin terutamanya er… kumpulan-kumpulan warga emas, kumpulan-kumpulan pemuda-pemuda. Orang-orang muda ini dia tunggu. Dia tunggu dan lihat dan akhirnya tuan-tuan dengan berkat daripada usaha dilakukan oleh kumpulan sukarelawan MTSP ini telah membuktikan bahawa mereka sebenarnya berjaya menarik sokongan ataupun menarik orang-orang yang selama ini menolak, bersama-sama untuk vaksin.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pahang mengiktiraf kumpulan-kumpulan ini terutamanya dengan mungkin kita mengeluarkan sijil, surat-surat penghargaan. Mereka ini kebanyakannya merupakan orang-orang sedang menunggu untuk melanjutkan pelajaran. Kemudahan-kemudahan diberikan, keutamaan untuk menikmati kemudahan-kemudahan er… dari segi pembiayaan pembelajaran dan juga kalau ada peluang dan peluang diberikan juga mereka er… peluang-peluang er… menjawat jawatan-jawatan yang jika ada kekosongan dalam jawatan-jawatan, jabatan-jabatan Kerajaan Negeri ataupun agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Izinkan saya menyentuh isu yang mungkin berkait sikit er… dengan masyarakat ini. Pertama ialah saya nak mencadangkan Kerajaan Negeri er… mewujudkan satu enakmen ataupun lain-lain langkah sebagai punca kuasa bagi meletakkan PIBG, Sekolah Menengah Agama yang selama ini er… ada yang daftar dengan apa nama ROS, pendaftar pertubuhan, ada yang sebenarnya bersendiri-sendiri.

Daripada 18 buah Sekolah Menengah Agama, PIBG sebenarnya 6 daripadanya tak daftar pun dengan ROS. Saya boleh dapat er… yang tidak berdaftar ini. Sekolah Menengah Agama Al-Basriah Jerantut, Sekolah Menengah Agama Bukit Muadzam er… Bukit Az… Bukit Ibam. Minta maaf ya, Bukit Ibam, Sekolah Menengah Agama Al-Attas Pekan, Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan Kuantan, Kulliah As-Sultan Abu Bakar Pekan, Sekolah Menengah Agama Rompin.

Jadi sekolah ini tak daftar pun, tapi sekolah-sekolah yang lain, 12 lagi daftar. Saya nampak macam ada satu kecelaruan di sini. Justeru itu, saya dah bangkitkan perkara ini kepada Pengarah er… JAIP dua tahun yang lepas tapi kita tak nampak lagi perkembangannya. Apa yang saya mintak supaya kita keluar je daripada ROS, kita buat macam Jabatan Pendidikan di mana PIBG di er… apa selaraskan oleh Jabatan Pendidikan.

Selama ini pun tuan-tuan, sedara-sedara, sahabat-sahabat saya, kita di Sekolah Agama ni, saya kebetulan pengerusi PIBG. Kita menggunakan er… apa nama ni, perlembagaan yang PIBG yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan. Kita ikut cara pendidikan dah, tiba-tiba kami, kebanyakan Pengerusi-pengerusi PIBG ditegur oleh ROS.

Mula surat kuning, kemudian dapat surat merah yang menyatakan berlaku er… tidak penyelarasan tidak berlaku apa er… penyelarasan di antara perlembagaan dengan apa yang dibuat oleh pentadbiran PIBG kerana kita menggunakan garis panduan yang dibekalkan oleh… yang kita guna sama dengan Jabatan Pendidikan sedangkan er… kita mempunyai perlembagaan yang berbeza.

Di antara benda yang ditegur ialah keahlian. Ahlinya kalau ikut senarai PIBG, dia ikut senarai mula didaftar dulu, sebab kita ingat secara automatik je tiap-tiap tahun ahli akan bertukar mengikut er… murid dan jugak pelajar semasa tetapi dia kata, hah… ini ahli tak sama dengan apa nama ni yang kita buat sekarang.

Justeru itu, saya nak mencadangkan supaya Jabatan Agama Islam er… membuat satu enakmen atau Kerajaan Negeri Pahang membuat satu enakmen untuk menyelaraskan PIBG ini supaya jabatan dapat mengawal hala tuju dan menentukan arah tujuan yang bersesuaian dengan kehendak dan apa nama jabatan, matlamat jabatan itu sendiri.

Dan yang seterusnya Dato' Sri Yang di-Pertua, saya juga nak minta supaya lihat sikit ataupun wujudkan program atau lihat er... tentang masalah orang-orang Bateq. Orang-orang Islam suku Bateq, di tempat saya Orang Asli suku Bateq Bechah Kelubi yang beragama Islam sejak daripada kira-kira 20, kira-kira 28 tahun yang lalu, maknanya tahun 1979 dah memeluk agama Islam dan mereka dari segi umurnya, ada lebih daripada 70 orang yang berumur 80... 18 tahun ke atas berugama Islam, tapi dari segi penghayatan mereka, mereka ini semakin jauh pada Islam dan ada kumpulan-kumpulan yang datang menghasut, NGO-NGO yang datang menghasut mereka untuk mereka meninggalkan Islam.

Justeru itu, saya mohon mencadangkan beberapa langkah diambil. Pertama ialah memohon MUIP dan JAIP mengadakan program dakwah secara berterusan dan tersusun berkaitan dengan fardhu ain dan perkara-perkara asas dalam Islam, mengimarahkan surau yang sedia ada.

Yang ke-2, NGO yang berasaskan kepada kecintaan terhadap alam sekitar perlu dikenal pasti bagi menerapkan kefahaman Islam secara halus dan santai bagi membantu MUIP dan JAIP dalam usaha dakwah ini.

Yang ke-3, menetapkan seorang penggerak masyarakat yang benar-benar berwibawa yang dapat memenangi hati Orang Asli ini secara tetap, bukannya datang sekali sekala.

Yang ke-4, memohon JAIP membina sebuah rumah yang sesuai bagi penggerak masyarakat atau pendakwah tinggal dan bergaul dengan masyarakat setempat.

Yang ke-5, kepimpinan kampung berjiran seperti JKK, Tok Gunung dan kampung-kampung yang berhampiran perlulah er... perlulah lebih proaktif untuk mendampingi masyarakat Orang Asli dengan melibatkan mereka dalam kegiatan masyarakat setempat dan jika perlu dilantik wakil Orang Asli sebagai ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung.

Yang ke-6, memohon KEMAS mewujudkan kelas tadika bagi melatih anak-anak Orang Asli menguasai kemahiran asas membaca, mengira dan menulis sebagai alternatif kepada peranan yang telah dimainkan oleh pihak-pihak NGO tertentu selama ini.

Yang ke-7, memohon Yayasan Pahang mengenal pasti anak-anak Orang Asli Bechah Kelubi yang berpotensi mengambil mereka sebagai peserta pengajian pembangunan tamadun masyarakat Orang Asli pertama untuk tujuan menjadi Da'i kepada masyarakat mereka sendiri.

Yang ke-8, meningkatkan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli Bechah Kelubi yang er... di antaranya ialah membaiki jalan perhubungan desa, menaik taraf padang bola sepak, menguruskan atau mengadakan bekalan air bersih, membina dataran kejat berhampiran dengan gelanggang sepak takraw yang sedia ada, mengenal pasti dan menyegerakan rumah penghuni yang rosak, membaiki rangkaian telekomunikasi di Kampung Bechah Kelubi, membina dewan kecil untuk kegiatan masyarakat seperti tempat berkumpul atau lawatan klinik ibu dan anak dan;

Yang ke-9 mengawasi secara serius kemasukan dan kegiatan NGO-NGO seperti MYCAT dan lain-lain yang mencurigakan dan disyaki menghasut orang-orang kampung supaya anti kepada masyarakat setempat dan kerajaan, dan seterusnya Skim Bayaran Dividen TSK (Tanam Semula Kelompok) yang diusahakan oleh RISDA Berhad supaya dijadikan peluang dan ruang untuk mengadakan program motivasi dan membina minda kepada aktiviti-aktiviti secara bulanan, maksudnya pembayaran ini dibuat secara tunai dan serahan cek bukannya melalui yang diamal sekarang terus ke bank. Jadi dengan ini saya ingin mencadangkan, terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Padang Tengku. Masa pun dah cukup, Padang Tengku pun dah berhenti. Seterusnya saya menjemput Wakil daripada Luit. Ya, silakan.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT, Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan kepada Luit untuk bersidang kali ini. Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan, pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan.

Pertamanya, menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Al-Mustafa Billah Shah. Mengambil kesempatan ini, saya pertamanya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh petugas barisan hadapan dan rakyat ramai dalam memerangi, dalam usaha memerangi wabak pandemik COVID-19 terutama di kawasan saya dan negeri Pahang khasnya.

Juga saya nak rakamkan juga rasa dukacita kerana masih ada segelintir daripada masyarakat kita ini yang degil, degil masih melanggar *Standard Operation Procedure* dalam kita memerangi wabak COVID ini.

Juga menyentuh soal kebajikan rakyat dalam tempoh pandemik ini saya bersyukur dan berterima kasih atas usaha kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat yang terkesan dengan penularan wabak pandemik 19 ini terutama di kawasan DUN sayalah.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya... dua perkara sahaja pada ruang yang saya diberikan, tigalah campur penutup. Yang pertamanya, kewajaran sebuah lagi jambatan merentangi Sungai Pahang di DUN Luit. Saya suka menyebutnya sebagai jambatan Lubuk Paku kerana Lubuk Paku ini mempunyai nostalgia sejarah tersendiri di negeri Pahang. Sebuah bandar yang tersohor juga pada suatu ketika dulu melalui jalan air yang menjadi tempat persinggahan Al-Sultan kita juga dan jadi pusat perdagangan di tengah negeri Pahang di kampung Lubuk Paku, dan kewajarannya saya ada sebut tiga perkara di sini.

Kenapa kita perlu sangat sebuah jambatan lagi di Sungai Pahang ini? Pertamanya, dia boleh mempercepatkan pertumbuhan atau pembangunan ekonomi, bukan untuk Maran tapi untuk tengah negeri Pahang ini, sebab kalau kita tengok geografi Maran ini kedudukan di tengah negeri Pahang berbanding dengan sebelah kita, jiran kita Temerloh itu. Dia di tengah Semenanjung, jadi elok sangatlah kalau tengah negeri Pahang ini kita minta tolong dengan Kerajaan Negeri Pahang.

Yang keduanya, terdapat banyak pelaburan besar yang ada di Maran, yang jelasnya lebuh raya dan rangkaian laluan kereta api ECRL yang sedang rancak dijalankan sebelah bandar Maran, dan yang ketiganya kita nak menyambung balik, sebab Maran ini untuk makluman Sidang Dewan. Maran ini satu-satunya daerah yang ada 6 jiran, ada 6 daerah sekeliling di daerah Maran ini daripada Jerantut, Kuantan, Pekan, Rompin, Bera, Temerloh er... ada 6, campur Maran jadi 7.

Jadi inilah kita nak sambung supaya menjadi satu daerah yang besar di tengah-tengah negeri Pahang, kerana saya sebut tadi pembangunan ekonomi ini seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semalam, dia menyebut tentang pentingnya ekonomi negeri Pahang ini, ekonomi pertanian, dan saya nampak dalam 7, dalam 6 daerah ini, kita ada penduduk lebih 1 juta, mungkin pergi kepada 1.2 juta sebab data ini data tahun 2017 kot dan kita ada sektor pertanian yang besar dengan jumlah lembu 100,000 lebih, saya bilang, ya termasuklah dalam daerah-daerah, kerbau pun saya bilang, ada 6... 40, 20 ke 30,000 ekor ya.

Sebenarnya jumlah ini bukan jumlah yang besar, jumlah ini boleh kita perbesarkan lagi dengan caranya bina jambatan tadilah, hah. Di mana pentingnya jambatan ini kerana saya percaya dengan adanya jambatan ini hasil-hasil penternakan, hasil-hasil pertanian kita dengan padinya ada 9,000 ke 10,000 hektar, kokonya beratus-ratus, 300 ke 400 hektar boleh kita jadikan bandar Maran itu sebagai pusat pengedarannya sebab falsafahnya kita buka pasaran ini, kita akan membangunkan, memperluaskan lagi perkembangan pertumbuhan ekonomi itu, sebab dengan ada stesen kereta api di Maran, dengan ada lebuh raya, pasaran menjadi luas, lebih luas. Kita boleh menghantar barang-barang kita dalam 6, 7 daerah ini ke Lembah Klang ataupun ke Pantai Timur, Terengganu dan Kelantan ya, hah.

Ini kepentingan dari sudut tu, juga pelaburan-pelaburan besar kerajaan di bandar Maran khususnya selain daripada lebuh raya dan ECRL, kita difahamkan hospital daerah pun kita dah lulus. Alhamdulillah, terima kasihlah kepada pimpinan-pimpinan terdahulu yang berusaha membawa balik hospital daerah ini. Pejabat-pejabat pentadbiran kerajaan, agensi-agensi dan pusat-pusat perniagaan, dan kita dapati semuanya masih belum *fully utilise.* Masih kita perlukan orang ramai datang ke Maran ini, untuk meningkatkan lagi perkembangan bandar ini.

Kita di daerah Maran pun ada 100 ke 120,000 penduduk, tak cukup. Jadi kita perlukan lagi, kalau betul 7 daerah ni ada dalam 1.2 juta atau 1 juta kita nak mintak 1% je datang dengan jabatan tadi pun, cukuplah dalam 10,000 orang datang ke Maran setiap bulan. Kalau seorang belanja RM50.00 dapatlah RM50,000.00 sebulan.

Bolehlah kita berbelanja, kepada penjual-penjual gerai-gerai goreng pisang dan sebagainya, dan saya juga melihat kepentingan jambatan ini terutamanya dari sudut dari segi mobilisasi penduduklah di kedua belah tebing itu, kerana dia bukan sahaja boleh meningkatkan perhubungan persaudaraan dan menghidupkan balik kembali kampung tradisi yang ditinggalkan juga pembukaan-pembukaan tanah terbiar dan sebagainya. Pembinaan gerai-gerai perniagaan, pendidikan persekolahan dan sebagainya.

Jadi Tuan YB. Speaker, saya yakin jambatan yang kita mohon ini bukan sahaja memberi kesan terus kepada daerah Maran tetapi kesan pada keseluruhan ekonomi di tengah negeri Pahang ini kerana kita daerah Maran ini, kita ada tiga YB. Parlimen ya, Kuala Krau, Maran, Jerantut. Sekarang ini macam senang sikitlah nak jumpa Ahli Parlimen ini ya, dan kita ada lima YB. DUN, DUN Luit, Chenor, Kuala Sentul, Jengka dan Pulau Tawar.

Alhamdulillah, saya percaya kelima-lima ADUN ini saya tak tanya pun. Saya rasa mereka bersetuju dengan cadangan ini, insya-Allah. Kemudian Tuan Yang di-Pertua perkara kedua, saya suka nak menyorot kembali Titah Ucapan Tuanku itu, saya mohon nak membaca Tuan Speaker. “Dalam soal meningkatkan hasil, saya menyeru kerajaan saya”, Tuanku titah ni ya. “Agar berusaha sebaik mungkin mencari sumber alternatif baru dan tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil bumi dan hutan semata-mata” dan satu lagi Tuanku bertitah, “Saya yakin Pahang juga boleh menjadi sebuah negeri maju dan berpendapatan tinggi tanpa perlu mengorbankan alam sekitar, hutan flora dan fauna”.

Susulan daripada titah Tuanku tu, saya juga nak menyebutlah perkara yang kedua iaitu atas keyakinan yang tinggi terhadap kewibawaan dan keupayaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato’ Sri Wan Rosdy Wan Ismail bersama dengan pasukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Kita yakin dan kita berhasrat dapatlah pihak kerajaan mengangkat lagi martabat negeri Pahang ni er… ke satu tahap yang lebih baik. Bukan maksudnya tak baik, dah baik tapi yang lebih baik, atas keyakinan kita kepada kerajaan yang ada pada hari ini.

Sehingga saya bolehlah menyebut, kalau boleh kita… kerajaan bawalah negeri Pahang ni keluar daripada persepsi negeri pantai timur, sebab negeri pantai timur ni sinonim sangat dengan suhu hutanlah, air terjunlah, kain batiklah, nasi daganglah, keropok lekor ya. Kita ambil peluang bawak Kerajaan Negeri Pahang ini keluar daripada persepsi negeri pantai timur, dan di sini er... kita boleh mengorak langkah baru menjadi sebuah negeri yang saya rasa kita boleh sebut sebagai praindustrilah.

Kita tidak bercadang untuk jadikan Pahang, negeri industri dalam masa terdekat, tapi kita boleh merencanakan satu perancangan untuk bawa negeri Pahang ni menjadi sebuah negeri yang praindustri. Di mana er... kita nak tengok sangat negeri kita pada satu hari nanti akan menjadi negeri orang kata *trendsetter*. Tempat orang tengok *trend… trend* dunia ini merujuk kepada negeri Pahang. Jadi sebuah negeri yang *design center*, sebuah negeri yang tempat yang menjadi tempat pelancaran produk-produk baru yang boleh melahirkan *designer*, negeri yang menjadi rujukan dalam industri.

Ini maknanya apakah produk yang kita nak buat? Kalau kita tak guna lagi hutan-hutan kita tadi dah. Jadi produk yang ingin saya cadangkan di sini ialah kita nak jual ni… kepala otak ni. Dalam otak ini ada idea, jadi-jadilah negeri Pahang ni kita bayangkan sebuah negeri yang boleh menjual idea-idea, dan di mana produk ini boleh kita dapat? Sudah tentulah kita kumpullah *designer-designer* yang ada beribu-ribu di seluruh negara ini. Sekarang ini, tak ada orang, tak ada negeri yang mengambil inisiatif untuk mengumpul mereka ini dalam satu negeri dengan menyediakan keperluan-keperluan yang diperlukan.

Sebab mereka ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada satu falsafah sebenarnya dia kata "*We are the brain in industrialisation"*. Makna ada, industri tu ada dalam kepala, dalam otak dia tu. Jadi yang inilah yang kita nak bawa keluar, nak jadikan produk negeri Pahang yang baru. Kemudian kita pun bukan kata benda ni mustahil sebab negara… negeri kita telah pun membuktikan kejayaan ini. Macam contoh Yayasan Pahang dulu, menghantar sekumpulan pelajar pertandingan robotik dunia sehingga berjaya menjadi juara dunia, dan ini patut kita mengambil kesempatan untuk jadikan satu produk negeri yang baru.

Saya juga nak mengambil kesempatan Tuan Pengerusi, nak berkongsi pengalaman saya. Nak cerita pasal otak tadilah ni, idea ini. Saya pernah bawa usahawan pergi ke Itali, Milan. Milan ni antara pusat pameran terbesar di dunia, menjadi rujukan seluruh *designer* di sana. Kita minta usahawan bawa produk. Ringkaskan cerita memang *booth* kita, ruang pameran kita tak dilayan, tak ada pengunjung, tak ada orang pandang, tak ada orang ambil gambar pun. Kali kedua kita diberi peluang oleh kerajaan untuk pergi lagi dan kita beri peluang kepada usahawan kita, awak buat R&D, *Research and Development.* Bangunkan produk-produk baru yang menepati kehendak pasaran dunia. Bertungkus-lumuslah usahawan ni buat, sama juga.

Jadi yang ketiga, kebetulan saya diberi tanggungjawab untuk menjaga Jabatan Rekabentuk. Kita pergi ke UiTM Shah Alam er… bukan… UiTM Jalan Osman, di situ ada pusat rekabentuk. Saya memilih 4 produk, kita pilih 4 produk bawa ke Milan, Itali dan memang betul daripada 4 produk itu hari pertama lagi kita dah dapat order tempahan berapa puluh kontena. Ini produk daripada pelajar kita. Nak tunjuk, nak bagitaunya, bahawasanya idea reka cipta, kreativiti orang kita ini, orang Malaysia ini khususnya orang Melayulah memang bertaraf dunia. Cuma kita je tidak *explore,* tak mengambil kesempatan untuk mengambil peluang-peluang ini.

Jadi atas apa yang saya ceritakan tadi, suka saya nak menyarankan kepada Kerajaan Negeri, kalau dapat kita bina satu Institut Reka Bentuk yang bertaraf nasional di negeri Pahang ini. Bertaraf seolah macam Institut Reka Bentuk Negara. Memang kita ada agensi-agensi yang berkaitan reka bentuk seperti SIRIM, MRM dan sebagainya tapi saya rasa keberkesanan bila sebuah Kerajaan Negeri yang mengambil alih usaha ini, saya rasa lebih mudah, kerana dasar-dasar, polisi-polisi yang kita boleh buat sendiri yang kita ada autonomi untuk menghidupkan ini, dan er...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa… masa, Yang Berhormat.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Sampai dah *message* saya agaknya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa Yang Berhormat.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Ya, baik. Terima kasih. Saya pergi yang ke-4, yang terakhir. Penutup.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang terakhir ya.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Ya

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Cuma tadi kena ingat baliklah. Kita nak minta Institut Reka Bentuk Negara tu, di sini tu. Dan yang terakhir sekali, saya nak mengambil kesempatan juga nak ucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke atas kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dalam menangani kemelut isu politik negara kita baru-baru ini sehingga terlantiknya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri Malaysia yang Ke-9 dan ucapan tahniah daripada kami.

Juga saya tak ketinggalan mengucapkan terima kasih jugalah kepada mantan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang telah memberi sumbangan khidmat bakti kepada negara. Cuma kepada menteri baru tu saya nak pesan jugalah jangan lupalah ke ADUN-ADUN negeri Pahang ini. Insya-Allah, kalau ada sampaikanlah ya, bantuan kepada kami seperti yang biasanya, dan akhirnya saya mengambil kesempatan berdoa-doalah kepada kerajaan yang baru dan juga kerajaan negeri Pahang ini supaya kita semua diberi petunjuk oleh Allah SWT.

Tapi untuk mendapat petunjuk itu saya suka nak mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Kita kembalilah merujuk lima ayat pertama surah Al-Baqarah tu kita baca selalu tu (Bacaan ayat al-Quran) dan ayat yang terakhir itu (Bacaan ayat al-Quran). Maknanya, "Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Allah dan merekalah orang berjaya" kerana tiga ayat yang kat atas tadi. Ayat kedua, ayat ketiga, ayat keempat itu, ikut quran, taqwa, beriman. Minta Allah janjikan petunjuk kepada kita. Insya-Allah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, Yang Berhormat.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Jadi sekian. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat di-Pertua atas peluang yang diberi. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Luit. Saya jemput Wakil dari Triang. Sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Terima kasih diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Pandemik COVID-19 berlaku sejak tahun 2020. Sudah 17 ta… bulan rakyat Malaysia hidup bawah PKP, PKPB, PKPP. Sesetengah kawasan PKPD dan kini masuk PPN Fasa 1 atau Fasa 2. Tiada orang boleh menafikan kesan ekonomi yang begitu ketara sehingga ada kempen bendera putih. Kami bersyukur pelbagai pihak telah berusaha menghulurkan bantuan makanan. Bukan sahaja Wakil Rakyat atau parti politik baik kerajaan atau pembangkang termasuk juga majlis ugama, pihak polis yang lancarkan Ops Bantuan, NGO-NGO, syarikat swasta seperti *Speedmart 99* dan *Econsave*.

Rakyat Malaysia atas inisiatif sendiri juga wujudkan *foodbank* di merata tempat. Kedai makan, kedai kopi, medan selera, stesen minyak, kedai farmasi dan lain-lain. Impak ekonomi ini ambil masa panjang untuk dipulihkan. Kini, walaupun lebih banyak sektor dibenarkan beroperasi, ini tidak bermaksud ekonomi boleh menjadi baik dalam sekelip mata. Rakyat masih tertekan dengan pelbagai hutang. Hutang sewa rumah, sewa bilik, sewa kedai, hutang bil air elektrik, hutang pinjaman bank. Ada yang gali lubang, tutup lubang. Mereka tidak mampu menanggung beban tambahan lagi.

Oleh itu, adakah rasional kerajaan mula melaksanakan tempat letak kereta berbayar di bandar Triang dan bandar Bera pada masa kini dengan kadar 60 sen sejam? Bandar raya Kuantan 65 sen, Cameron Highlands tempat pelancongan yang selalu sesak dan penuh dengan kereta 60 sen, bandar Bentong 50 sen, Temerloh 43 sen. Saya pelik tiba-tiba Bera lebih maju daripada Bentong dan Temerloh dan menjadi setaraf dengan Cameron Highlands.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Sila izinkan saya mengemukakan beberapa gambar di tempat komersial kawasan Triang. Ekonomi terjejas, pasaran sunyi, kedai buka pelanggan kurang, tempat letak kereta kosong. Peniaga-peniaga mengharapkan bantuan kerajaan untuk merangsangkan *purchase power*, dengan izin, ataupun aktiviti ekonomi. Tapi dengan *charge* letak kereta lagi susah *business*.

Saya berharap kerajaan bertimbang rasa dengan keadaan rakyat jelata. Jangan biarkan rakyat salah faham. Kerajaan menahan jerat di tempat genting, menangguk di

air keruh. Dengan ini diharap pelaksanaan *parking* berbayar dihentikan di bandar Bera dan bandar Triang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin mengucapkan tahniah kepada YAB. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia. Semoga daerah Bera akan mempunyai pembangunan dan perkembangan yang lebih baik. Sebagai contoh, hospital yang di… Hospital Bera yang dibina 9 tahun b,elum siap lagi. Bandar Triang sebagai pusat komersial di daerah Bera ada kemudahan bank-bank, kedai emas, pajak gadai. Ini tempat risiko, tak ada balai polis. Masalah kecurian sawit yang berleluasa yang menjejaskan pendepan… pendapatan pekebun kecil dengan teruk belum diselesaikan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Pemangku Raja Pahang melafazkan inilah masanya untuk kita semua bersama demi negara, negeri dan rakyat jelata. 2 hari lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan prinsip kebersamaan iaitu mewujudkan kerjasama rentas parti dan menawarkan ruang kepada kepimpinan pembangkang untuk menganggotai Majlis Pemulihan Negara dan Jawatankuasa Khas Menangani COVID-19.

Saya menyokong Titah Diraja dan kenyataan Yang Amat Berhormat. Biarlah kita lupa perbezaan politik, bersama melawan COVID pulihkan ekonomi negara. Wakil Rakyat pembangkang sentiasa bersedia bekerjasama tapi dengan pelbagai sekatan. Kadang-kadang kerja kita seolah pepatah Cina, (bacaan dalam Bahasa Cina) dengan izin, maksudnya kita meninjau harimau bintang melalui tiub sahaja. Yang boleh nampak hanya sebahagian kecil corak kulit harimau. Informasi yang pembangkang ada begitu terhad tapi kita tetap kena cari jalan untuk membantu komuniti demi menyahut saranan Pemangku Raja dan Perdana Menteri.

Kerajaan Negeri boleh memberi ruang kepada Wakil Rakyat pembangkang untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah untuk bincang bersama bagaimana bantu rakyat. Selain itu, peruntukan perlu diberi kepada pembangkang untuk jaga kebajikan rakyat. Tahun ini, pembangkang tiada peruntukan. Sekiranya negeri Johor, negeri Perak mampu beri peruntukan kepada pembangkang saya percaya Pahang boleh juga.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Kerajaan Negeri melaksanakan kadar cukai tanah baharu sejak tahun 2020. Antaranya, tanah yang tidak mempunyai syarat nyata dikenakan *charge* yang paling tinggi sehingga cukai tanah melonjak dari ratusan ringgit ke berpuluh-puluh ribu dan beratus-ratus ribu. Ramai telah hantar dan lulus permohonan tukar syarat tapi ada juga segelintir yang belum hantar permohonan.

Saya harap kerajaan jangan salah faham bahawa mereka ini degil, pastinya ada sebab-sebab tertentu. Dalam pandemik COVID, pergerakan manusia disekat. Ada yang terkurung di luar negara atau negeri lain. Diharap kerajaan beri kelonggaran sehingga tamat pandemik COVID untuk menerima permohonan tukar syarat kategori NIL tanpa sebarang denda lewat. Janganlah kerajaan merancang apa-apa cubaan untuk keluarkan notis dan merampas tanah yang belum bayar cukai tanah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Sudah 17 bulan kita hidup bawah PKP dan PPN sepatutnya kerajaan dah matang dalam mekanisme penentuan dan pemantauan SOP. Sehingga kini, rakyat masih keliru apabila SOP baharu dikeluarkan. Tanya lo… polis, minta rujuk Kerajaan

Tempatan. Tanya Kerajaan Tempatan, minta rujuk SOP MKN. Tanya MKN, minta rujuk Kerajaan Tempatan. Akhirnya, rakyat nak dengar arahan siapa?

Satu contoh, perdagangan peredaran. SOP MKN bahagikan jenis kedai kepada 2 jenis. Beroperasi tanpa syarat vaksin atau beroperasi dengan syarat pelanggan lengkap vaksin, ini jelas dinyatakan dalam SOP. Kenyataan media KPDNHEP pula menjelaskan syarikat tidak perlu mengemukakan maklumat pekerja yang dapat vaksin lengkap tetapi apabila rujuk dengan Majlis Daerah cerita sudah jadi lain. Pelanggan, majikan, pekerja perlu wajib lengkap vaksin. Majikan dan pekerja perlu papar bukti vaksin di kedai untuk tujuan pemeriksaan dan pemantauan. Dengan ini saya mohon penjelasan kerajaan di Dewan Yang Mulia ini. Untuk rakyat biasa, kita kena rujuk mana?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Triang… saya mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Triang. Boleh ya? Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya boleh menunggu masa penggulungan tapi yang ini saya nak bagi penjelasan sedikit la ya. MKN, Majlis Keselamatan Negara apa yang dikeluarkan oleh MKN, Kerajaan Negeri kena patuh. Itu adalah akta yang telah ditetapkan. Apa yang Kerajaan Negeri boleh buat ialah kita boleh perketatkan lagi tetapi tidak boleh melonggarkan apa yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Contohnya, katalah Majlis Keselamatan Negara er…. menghadkan kedai buka pukul 8.00 sampai pukul 8.00 malam. Kerajaan Negeri tak boleh buka pukul 8.00 hingga pukul 6.00 petang. Tak boleh. Tetapi kalau Kerajaan Negeri nak buat pukul 8.00 hingga pukul 12.00 malam… boleh. Itu dia punya prinsip er…. maknanya kita Kerajaan Negeri sebab itu bila keselamatan ini di bawah *federal* . Kita tidak boleh melonggarkan apa yang telah ditetapkan oleh MKN tetapi kita boleh perketatkan lagi. Itu dia punya prinsip dia.
Jadi yang ini Ahli Yang Berhormat kena faham, bukan kita tak nak ikut, kita nak ikut. Kalau boleh kita tak nak ikut semua yang ditetapkan oleh MKN sebab ada yang kita rasakan apa yang mereka buat itu kadang-kadang tidak sesuai dengan negeri kita tetapi telah termaktub di dalam Akta macam itu.

Biasalah *federal*, Kerajan *Federal* sebab ini keselamatan, keselamatan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Jadi di dalam kes COVID ini, kita boleh ketatkan lagi tetapi kita tidak boleh longgarkan apa yang telah diputuskan oleh Majlis Keselamatan Negara. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Amat Berhormat.

YB. CIK LEONG YU MAN

Terima kasih atas penjelasan Yang Amat Berhormat, masalahnya rakyat tidak faham untuk satu negeri Pahang di daerah masing-masing, di daerah berlainan ada SOP masing-masing. Jadi…

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Sebab tu Yang Berhormat dilantik sebagai Wakil Rakyat. Bila tak faham Yang Berhormatlah kena bagi penerangan, bukan mengelirukan lagi. Beritahu kepada rakyat, ini adalah keputusan MKN, Kerajaan Negeri kena patuh, kena ikut tak boleh longgarkan tetapi boleh perketatkan, kena beritahu. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Okey, cuma saya ada satu soalan Yang Amat Berhormat. Kalau ikut SOP MKN, dua jenis kedai ini sangat… sangat jelas. Satu tak perlu syarat vaksin, satu perlu. Jadi, untuk negeri Pahang, apakah syarat yang telah diperketatkan? Saya harap kita ada *black and white* supaya kita boleh maklumkan kepada rakyat. Masalah sekarang adalah mereka keliru bukan rakyat tidak mahu patuhi SOP tetapi mereka keliru.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Di atas tangan saya lebih 100 saman trafik. Kesemuanya kesalahan yang sama, iaitu gagal berhenti kenderaan apabila diarahkan oleh pegawai polis beruniform. Mengikut saman, kesalahan ini berlaku di pekan Triang, pekan Kerayong dan pekan Kemayan antara September 2020 hingga Februari 2021. Saya tanya penerima saman, berani anda polis panggil henti tidak mahu henti? Apa jawapan mereka, saya tidak pernah diarahkan henti oleh polis, saya tidak pernah jumpa polis ataupun saya berhenti sahaja apabila ada *roadblock*.

Kalau beberapa orang sahaja kena saman, mungkin kesalahan ini benar berlaku, tapi dengan lebih 100 saman, amat susah untuk percaya. Adakah rakyat berpakat, jom terus jalan bila polis tahan. Saya bercadang pihak polis ambil gambar semasa menjalankan tugas trafik biar tunjuk bukti disaman untuk mengelakkan perkara seperti ini berlaku. Ini sahaja ucapan saya. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Triang. Saya jemput Wakil dari Kuala Semantan. Sila YB.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Assalamualaikum WBT. (Ayat al-Quran). Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan Ahli Exco Kerajaan Negeri, Sidang Dewan yang dihormati sekalian.

Kuala Semantan airnya deras,
Sudahlah deras berliku-liku;
Demi amanah yang kita galas,
Bersidang berbincang untuk Pahangku.

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi laluan dan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja pada hari ini. Firman Allah SWT dalam surah Al-Asr (Ayat al-Quran), "Demi masa (Ayat al-Quran) sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian (Ayat al-Quran) kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (Ayat al-Quran) saling berpesan-pesan dengan kebenaran dan saling berpesan dengan kesabaran".

Inilah... inilah… Inilah tujuan sebenar kita bersidang pada hari ini Dato' Sri Yang di-Pertua. Masa yang diperuntukkan kepada saya hanya 12 minit. Banyak perkara yang hendak saya sentuh tetapi yang lebih penting saya nak nyatakan dalam sidang Dewan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian cemerlang Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang pertama, Kerajaan Negeri telah berjaya menarik komitmen pelaburan bernilai RM9.5 billion pada pertengahan pertama tahun ini. *Tagline* Yang Amat Berhormat Menteri Besar, "Tiada Janji tapi Lihatlah Bukti".

Yang kedua, yang sudah pastinya menggembirakan rakyat keseluruhan rakyat di dalam negeri Pahang, bantuan PKP 1, PKP 2 dan PKP 3 yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang melibatkan kos berjumlah RM48.9 juta. Bantuan prihatin Pahang Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3, Fasa 4 dan Fasa 5 yang melibatkan kos berjumlah RM24.39 juta. Inilah caknanya kepimpinan Kerajaan Negeri Pahang yang ada pada hari ini, yang memungkinkan kita dapat membantu rakyat yang terkesan dalam pandemik yang berlaku pada hari ini.

Yang ketiga, Dato' Sri Yang di-Pertua, ini kita bercakap soal perumahan. Saya begitu tersentuh cetusan idea daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, memperkenalkan Rumah Rakyat Pahang. Tahun 2020 diumumkan sebanyak 98 unit, awal 2021 diumumkan 102 unit. Baru-baru ini ada lagi tambahan 104 unit. Rumahnya begitu cantik sepertimana saya pernah bercakap dalam persidangan yang lalu, bagaimana penerima ini apabila kita serah kunci dengan linangan air mata rasa kesyukuran dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri.

Apatah lagi baru-baru ini 102 unit di kawasan saya dalam pembinaan. Ada yang terima datang ke pejabat saya, **"**Tok Mi, awak bawalah kawan jumpa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kawan kalau boleh koi nak jumpa Menteri Besar koi nak cium, nak sujud kaki Menteri Besar", tanda terima kasih. Kita mendengarnya cukup sebak hingga menitiskan air mata. Yang mahalnya Dato' Sri Yang di-Pertua, rumah ni dengan keluasan 650 kaki persegi dengan harga RM65,000.00 diberikan secara percuma, itu yang mahalnya.

Masalah sekarang ni Yang Amat Berhormat MB, bila kita dah bagi 3 Fasa ini, ramai pula berderet-deret jumpa kita, "tolonglah Dato', tolonglah Dato' ". Tak apa, insya-Allah tapi kena tengok juga, mereka-mereka yang layak kita pilih. Sebab itu insya-Allah Yang Amat Berhormat Dato' Sri, jalan terus. Insya-Allah kami barisan… seluruh barisan Ahli-ahli Yang Berhormat tetap teguh untuk membantu Dato' Sri mengemudi negeri Pahang ini, insya-Allah.

Dato Sri Yang di-Pertua,
Semalam kita mempertahankan kerajaan ini, hari ini kita menjaga kerajaan ini. Esok, lusa kita tetap akan mempertahankan kerajaan ini, insya-Allah.

Dato Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin menyentuh 3 perkara, masalah yang saya hadapi di kawasan saya. Yang pertama, pandemik COVID-19 yang berlaku pada hari ini yang mengubah cara hidup kita, dalam kita meneruskan kehidupan kita dengan norma baharu. Yang bekerja tak mampu tak boleh pergi ke pejabat, bekerja daripada rumah. Anak-anak kita yang belajar tak boleh ke sekolah. Duduk… kerajaan mengarahkan untuk belajar secara *online,* PDPR untuk meneruskan pendidikan anak-anak kita. Namun begitu Dato' Sri, masalah yang kita nampak ibu bapa pada hari ini masalahnya terpaksa berbelanja lebih nak membeli data internet. Kalau anak tu ramai berkongsi pulak dengan mak ayah bergilir-gilir nak pakai telefon.

Di kawasan saya, suka tak suka PIBG pun tulis surat, Dato' nak mohon tablet 10 ini anak-anak yang tak mampu. Suka tak suka bukannya ada duit juga tapi kita tetap membantu. Tapi alhamdulillah, Dato' Sri Menteri Besar kita orang yang baik. Kita masalah, kita jumpa, hulur surat, alhamdulillah. Ini masalah yang dihadapi oleh ibu bapa pada hari ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Harus diingat mereka ini adalah pelanggan kita. Mereka ini adalah *klien* kita. Pernah tak kita memikir berapa ramai terlibat dalam pemasalahan ini? Berapa ramai ibu bapa yang terlibat? Kalau di kawasan saya 20,380 ibu bapa yang terlilbat, ramai, kawasan luas. Kuala Semantan kawasan luas. Berapa guru-guru yang terlibat yang melibatkan 21 sekolah menengah dan sekolah rendah yang melibatkan 981 orang guru. Berapa bilangan pelajar? Pelajar sudah pasti ramai juga 10,377 pelajar yang terlibat. Kita kena lihat mereka ini semua adalah pengundi kita. Menang kalah kita ditentukan oleh mereka ini. Harus kita mengambil langkah yang lebih tersusun agar kita dapat mengatasi masalah yang kita hadapi pada hari ini.

Sebagaimana berlaku baru-baru ini, dalam Sukan Olimpik, contoh. Dato' Jojie, raja pecut kita yang kita meramalkan pingat emas ditangan kita tetapi kita tak berjaya untuk memenangi pingat emas, kerana apa? Rupanya kita tak boleh pecut lambat, kita kena pecut daripada awal. Jangan tunggu, *start* aja kita pecut betul-betul untuk kita memastikan kita sampai dulu ataupun kita memastikan kita mencapai kemenangan. Harus kita fikir apa yang saya… saya nyatakan contoh di sini pada hari ini.

Saya nak ucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana jendela kita menerima 270 menara baharu untuk negeri Pahang. Saya tengok dalam media diumumkan 26 menara baharu didirikan di Muadzam, 26 tak sampai 10% pun. 893 stesen pemancar dicadangkan tetapi yang berjaya disiapkan hanya jumlah 97 menara yang dibina. Saya dengar pulak ada masalah pulak menara didirikan tetapi capaian internet tetap masalah yang sama. Kita tak boleh lambat. Kita kena cepat. Kesan teruk PDPR anak-anak makin lesu.

Guru-guru datang berjumpa saya, kita pergi masjid, alhamdulillah, saya sentiasa berada dalam kawasan. Pergi surau, pergi masjid, pergi ke pasar, cikgu-cikgu datang. "Tok Mi, kalau peringkat awal dulu murid-murid yang mengikuti PDPR hampir 30%... hampir penuh tetapi sekarang ni tak ada dah. Nak cari 10 orang, 50 orang pun dah tak ada dah". Kerana apa? Apa masalah dia? Masalah mungkin ibu bapa tidak mampu, masalah mungkin anak dah kecewa. Ada tablet, dah beli data internet tapi masih tidak ada capaian internet. Kita perlu mendesak, alhamdulillah Perdana Menteri kita pada hari ini orang Temerloh, orang Bukit Tingkat, kawasan saya. Keluarganya adalah pengundi saya.

Dan kita minta kerajaan kita pergi jumpa, kita nyatakan apa permasalahan yang kita hadapi. Insya-Allah, saya cukup yakin kerana kita tidak dapat menjangkakan sampai bila pandemik ini. Mungkin setahun, mungkin dua tahun, mungkin tiga tahun, mungkin lima tahun. PDPR ini akan berpanjangan, berterusan. Kita perlu sediakan kemudahan agar tidak memberi kesan kepada anak-anak kita.

Yang kedua, pandemik yang berlaku pada hari ini, zaman ini zaman perjuangan Dato' Sri Yang di-Pertua. Peniaga-peniaga tak boleh berniaga. Nak bayar sewa rumah pun tak boleh. Bila boleh berniaga masalah pulak orang tak ada duit… tak berduit. Nak berniaga macam mana? Peniaga pasar malam tak boleh berniaga, pekan sehari pun gitu juga, *carboot sale* pun begitu jugak. Saya hendak merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Temerloh yang saya merasakan sentiasa mendengar permasalahan yang berlaku dalam masyarakat daerah Temerloh.

Saya mempunyai perhubungan yang rapat, saya berjumpa beritahu pegawai-pegawai kita kena bantu peniaga-peniaga ni. Alhamdulillah, mereka telah buat keputusan membenarkan peniaga-peniaga ini berniaga. Beri lesen sementara… permit sementara. Masalahnya Dato' Sri Yang di-Pertua, lesen sementara ini dikenakan bayaran RM11.00 sehari… RM11.00 sehari. Kita turun berjumpa dengan peniaga-peniaga ni. "*Macam mana awak meniaga hari ni? Entahlah Dato', hari semalam dapatlah RM30.00, hari ni dah ni pukul 2.00 dah RM10.00 pun tak sampai. Jadi macam mana awak bayar permit sementara awak? Tak tahulah*".

Saya hendak mencadangkan pada hari ini dalam Dewan Yang Mulia ini, PBT-PBT ini perlu berani untuk mengorbankan pendapatan daripada kutipan permit sementara ini untuk demi rakyat, untuk membantu rakyat. Kalau Kerajaan Negeri boleh berbelanja untuk bantuan prihatin RM23 juta, apalah sangat permit sementara ini RM11.00 sehari. Yang belum pastinya mereka-mereka berniaga itu mendapat keuntungan untuk menampung keluarga mereka.

Saya ingin cadangkan di sini Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua, MB kita. Saya hendak merayulah suara-suara penjaja ini peniaga-peniaga kecil ini, peniaga pasar malam, pekan sehari, *carboot sale* kita umumkan lepas ni Dato' Sri, kita kecualikan daripada bayaran… permit sementara ini, insya-Allah. Kerana apa saya cakap begini? Kita hendak rebut deposit kepercayaan dan sokongan rakyat kepada kita. Ini yang lebih penting. Dalam masalah yang kita hadapi pada hari ini dengan pandemik nak buat itu tak betul, nak buat ini tak betul, kita perlukan sesuatu dan saya cukup yakin dengan kebaikan, pemurahnya Menteri Besar kita, dia akan umumkan di penghujung Persidangan kita pada hari ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa dah sampai, Yang Berhormat.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Dato' Sri, bagi saya cakap… kalau tak saya kena marah orang kawasan saya. Ini penting ni. Sikit lagi *last*.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha *last* ya, sila.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Pengusaha sangkar ikan, kita kena tahu, kita cuba bila sebut sahaja Temerloh, kita tak boleh lari dengan orang menyebut Temerloh Bandar Ikan Patin. Di sepanjang Sungai Pahang, sepanjang Sungai Semantan hampir 500... 600 pengusaha sangkar ikan ini, nelayan darat yang rata-ratanya terdiri daripada anak-anak muda. Saya turun ke bawah, Benta pun tahulah kawasan-kawasan tu di mana.

Bulan lepas saya turun sendiri ke bawah, saya berjumpa dengan anak muda ni. Kita tengok sendiri, saya bertanya dengan dia, macam mana awak boleh jual tak ikan patin awak. "Susah Dato', kalau sebelum PKP dulu, saya boleh menjual 400 kilo", Dato' Sri Yang di-Pertua. Kebetulan saya datang hari tu, "hari ni saya dapat 40 kilo je jual". Habis tu macam mana? Tak tahulah lambakan ikan patin, ikan talapia ni. Ikan tak boleh jual. Ikan yang ada disangkar tu… dia ada lebih kurang 250 sangkar.

Ikan kena bagi makan, 1 beg pallet tu RM60.00. Kalau dah 250 sangkar, berapa? Hampir 6… 700 sehari. Masalah ikan pulak, yang permintaan tinggi ialah ikan dalam lingkungan 70… 700 ke 800 gram. Kalau tak boleh jual, bagi makan ikan terus membesar 1.5 kilo yerk… contohnya, siapa nak beli? Macam mana nak pasarkan? Kita minta agensi-agensi terlibat ni bantu, turun, tengok, bantu apa yang patut. Kalau boleh beri makanan ikan, beri makanan ikan.

Tengok sikit, yang ramai jumpa saya ini kompelin ni ya, Wakil daripada Benta saya nak beritahu sikit, buat permohonan kepada… kepada Jabatan Perikanan nak minta benih pun tak boleh lulus. Habis macam mana, kita nak buat apa? Orang minta molek, setidaknya pergi turun tengok. Jumpa Yang Berhormat Kawasan sebab Yang Berhormat Kawasan, dia lebih tahu, lebih tahu masalah orang kawasan dia. Itu kerja kita, itu kerja kita, kita nak tolong…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey Yang Berhormat…

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

… jadi mintak tolong, sikit je lagi…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta tolong Yang Berhormat…

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

… mintak tolong, sikit je lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa dah lepas Yang Berhormat.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Masalah kita beli juga nak ambik hati dia. 100 kilo… 100 kilo saya ambik sedekah ke orang kampung. Hari kedua, hari ketiga 100 kilo lagi. Wakil Lanchang dia Exco, kalau saya 200 kilo, dia mungkin 500 kilo. Kemudian berhadapan pula dengan ini

pengusaha telur masin ni. Pergi tengok, dia datang ke pejabat saya, "Mohlah Dato', datang ke apa ni reban, reban itik dia". Kita pun pergilah, kita ni mudah. Pantang orang ajak pergi saja. Rupanya dia nak ceritakan, dia suruh kita tengok masalah dia, berpuluh-puluh bekas telur masin, tak boleh jual. Nak jual ke mana? Pasar malam tak ada, restoran tutup, nak buat macam mana?

Nak ambil hati kesian tulah anak muda belia yang bekerja keras membantu kita, ambillah 500 bekas. Dengar cerita baru-baru ni, Wakil daripada Kerdau dia pau terus, sekali ambil 500, dua kali ambil. Saya *order* lagi ni, minggu lepas saya dapat Bantuan Prihatin Pahang ni. Terima kasih Dato' Sri, dapat dah 700. Saya pun *order* juga telur masin 700, saya nak kembarkan, nak numpang pahala Menteri Besar, insya-Allah. Jadi Dato' Sri…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Tuan Sri Pengerusi…

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Akhir kala... akhir kala…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Mohon laluan kejap boleh? Sekejap je, sekejap je.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Boleh, boleh… boleh.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Apa ni er… saya ucap terima kasihlah atas apa yang dibangkitkan tu. Memang saya tengok er… macam er… pemilik-pemilik ikan sangkar tu apabila berlaku perkara ni memang susah untuk memasar ikan-ikan tapi ada satu permohonan telah kita salurkan melalui peruntukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sebanyak RM10,000.00 kepada pemilik sangkar tu er… namun begitu yalah RM10,000.00 tu untuk satu pihak, tapi pihak tu ramai ya. Insya-Allah, terima kasih banyak atas bangkitkan perkara ini.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Terima kasih. Okey Tioman*. Last* Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Orang tua berjalan bertongkat,
Rimba nan jauh nampak dekat;
Kalau kita sudah sepakat,
Harimau di hutan dapat diikat.

Tanah ini tanah kita,
Amanah ini amanah kita;
Maju terus Pahang,
Pahang 1st .

Kuala Semantan mohon menyokong. Sekian, assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Baiklah seterusnya saya jemput Wakil daripada Cheka. Sila.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,
Kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di Dewan Yang Mulia ini. Saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang atas Titah Diraja di Dewan Undangan Negeri Pahang. Saya menjunjung titah Tuanku untuk berpegang kepada prinsip mendahulukan kepentingan rakyat dalam setiap usaha saya buat. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9. Kita semua berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar er… Perdana Menteri agar membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin menarik perhatian PAIP. Saya memuji usaha pihak Pengurusan Air Negeri Pahang (PAIP) kerana sentiasa berusaha meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bekalan air bersih. Walau bagaimanapun penduduk di kawasan saya sama ada di kawasan bandar atau di kampung sering menghadapi masalah paip bocor, paip pecah. Hal ini memang mengganggu kehidupan seharian mereka. Kalau bernasib baik, seminggu dua itu paip dibaiki, berbulan-bulan lamanya perkara biasa, malah kadang-kala langsung tiada *response.* Apabila tanya pada PAIP alasannya ialah kerja banyak, kakitangan terlalu sibuk.

Tuan Yang di-Pertua,
Alasan ini memang tidak boleh diterima oleh rakyat. Oleh itu saya berharap pihak PAIP berusahalah untuk menyelesaikan masalah ini kerana kepuasan pelanggan kita ini harus diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua,
Rangkaian multimedia yang berkesan dan menyeluruh penting semasa penularan wabak COVID-19. Murid sekolah terpaksa belajar di rumah dengan menggunakan internet. Di daerah Lipis khasnya kawasan saya Cheka, rangkaian multimedia masih tidak baik. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah berusaha untuk membaiki perkhidmatan internet secara positif. Exco yang menjaga portfolio multimedia sendiri turun padang untuk melihat dan menyelesaikan masalah, terima kasih.

Sememangnya usaha kerajaan sangat positif tetapi kelemahannya ialah maklumat ini tidak dikongsi bersama secara berkesan dengan pemimpin tempatan. Apabila sesuatu projek multimedia akan atau telah dilaksanakan, maklumat ini tidak disampaikan, tidak dikongsi dengan pemimpin tempatan. Oleh itu saya berharap, Kerajaan Negeri dan pihak syarikat multimedia berdialoglah dengan pemimpin tempatan untuk memperoleh hasil yang optimum.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap Kempen Vaksinasi di negeri Pahang. Kempen Vaksinasi di negeri Pahang walaupun menampakkan kemajuan dari semasa ke semasa tetapi belum mencapai kapasiti dan kelajuan yang diharapkan.

Di Lembah Klang, mereka menggunakan unit trak bergerak serta penyertaan klinik swasta. Dengan adanya model ini, Lembah Klang telah berjaya mencapai imuniti kelompok dalam masa yang singkat malah sebahagian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mulai ditutup. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri memohon bantuan segera dari Kerajaan Pusat supaya model vaksinasi di Lembah Klang diguna pakai sepenuhnya dalam negeri Pahang di samping kita memohon bekalan vaksin yang mencukupi. Oleh itu, kegunaan trak bergerak dan penyertaan klinik swasta secara berkesan, kita berupaya menggerakkan Kempen Vaksinasi secara besar-besaran boleh mendahului negeri lain untuk mencapai imuniti kelompok.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh hal…

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sekali lagi saya nak er… memaklumkan pada Sidang Dewan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

… khususnya sebagai apa *response* kepada saranan daripada Cheka. Er… masalah kita di negeri Pahang ini, kita dah sediakan semuanya daripada PPV awam sampailah kepada PPB *mobile* ini ya. Setiap daerah pun memang ada tapi masalah besar yang kita hadapi adalah ketidaksampaian vaksin daripada apa MOSTI ataupun JKGAD ke negeri Pahang secukupnya ya. Jadi sama-samalah kita doa.
Kalau ikutkan unjurannya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua… Timbalan Yang di-Pertua, er… kita sekiranya vaksin sampai seperti mana dijanjikan menjelang pertengahan bulan Oktober kita, akan menvaksinasikan seluruh rakyat negeri Pahang yang perlu kita vaksinkan.

Jadi dengan syarat bahawa vaksin yang dijanjikan itu tiba dan sepertimana yang saya sebutkan tadi dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan menambah 6 juta dos saya harap itu dapat melengkapkan vaksinasi di negeri Pahang. Terima kasih di atas saranan Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Terima kasih. Kami semua berharap begini.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin sentuh hal mewajibkan suntikan vaksin. Kempen suntikan vaksin kini berjalan sukarela. Mengikut perangkaan MySejahtera seramai atau sebanyak 77% orang dewasa telah mendaftar untuk divaksin manakala 23% orang dewasa masih tidak mendaftarkan diri. Ini bermaksud 77% orang dewasa menyokong Kempen Vaksinasi tetapi 23% adalah golongan minoriti tetapi tindakan mereka menolak vaksin boleh menyuburkan penularan wabak itu lalu mengancam keselamatan dan kesihatan semua orang serta menggagalkan Pelan Pemulihan Negara.

Dalam penglibatan penyokong… menyokong vaksin atau menentang vaksin, kita faham bahawa sentimen hak asasi manusia atau kebebasan peribadi perlu diambil kira tetapi kita perlu menekankan kewajipan setiap anak negeri Pahang untuk

membantu kempen lawan COVID. Saya yakin kerajaan masih akan meneruskan kempen pujuk rayu dan promosi vaksin tetapi apabila semua pendekatan lemah-lembut tidak berjaya, maka tindakan yang berani dan tegas perlu difikirkan. Misalnya dengan mengenakan sekatan kepada mereka yang enggan divaksin atau mengenakan prasyarat bagi mereka yang ingin memohon atau membaharui bantuan kebajikan dari Kerajaan Negeri kecuali mereka yang mendapat pengecualian bertulis daripada pakar perubatan. Dengan cara ini ramai lagi anak negeri Pahang akan menerima vaksin.

Tuan Yang di-Pertua,
Sebagai kesimpulan, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh petugas barisan hadapan dalam memerangi wabak pandemik COVID-19 ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang prihatin mengambil inisiatif melaksanakan Bantuan Prihatin Pahang fasa demi fasa untuk membantu rakyat yang terkesan dengan penularan wabak pandemik COVID-19 ini. Saya mewakili rakyat di kawasan saya mengucapkan terima kasih daun keladi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat daripada Jengka.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. (Bacaan dalam Bahasa Arab)

Terima kasih Yang di-Pertua, kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk membahas Titah Diraja. Saya menjunjung kasih Titah Diraja semalam satu titah yang penuh dengan nasihat dan harapan daripada Pemangku Raja Pahang terhadap Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat dalam negeri Pahang.

Yang kedua, tahniah kepada Pahang khususnya orang Bera. Orang Kedah kata, “B-r-a”. Orang Bera mujur tak bangun ada dalam ni kerana Perdana Menteri kita daripada Bera. Jadi bila Perdana Menteri daripada Bera, maka ramailah yang *upload* gambar. Pernah bergambar dengan Perdana Menteri? Saya tak ada gambar nak *upload* dengan Perdana Menteri cuma nak kabor sini saya pernah mondok di Bukit Kledang. Bera jugalah tu. Alhamdulilah ya, pada tahun 80an.

Dato’ Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin ucapkan ucapan tahniah Dato’ Sri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru kita di atas pelantikan Perdana Menteri yang Ke-9. Saya kira kejayaan ini adalah hasil daripada kerjasama erat daripada 114 Ahli Parlimen daripada pelbagai parti daripada Barisan Nasional daripada PAS daripada PPBM, GPS dan lain-lain parti sehingga terbentuknya sokongan yang padu kepada Perdana Menteri yang baru dan Agong memperkenankan.

Jadi ini menunjukkan bahawa perpaduan itu mesti diteruskan dan diperkukuhkan bagi menjamin kestabilan politik dalam negara dan negeri. Apabila politik stabil dalam negara kita maka di sana memberikan kita ruang untuk kita menangani COVID dan

membina negara dengan lebih baik tanpa ada gangguan. Inilah yang disarankan oleh Allah bagi kita orang Islam kita berpegang dengan ajaran ini.

Allah kata (bacaan dalam Bahasa Arab), Jangan kamu berbantah, berbalah. Apa natijahnya kalau kamu berterusan (bacaan dalam Bahasa Arab) kamu akan hilang semangat, semangat jadi luntur bagaimana nak menangani isu COVID ini (Bacaan dalam Bahasa Arab) dan hilang kekuatan kamu. Jadi apa yang Allah minta (Bacaan dalam Bahasa Arab) kita kena sabar kerana Allah akan bersama dengan mereka yang bersabar

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ucap tahniah kepada Menteri Besar Pahang dan pasukan Kerajaan Pahang dipimpin oleh Dato' SS kepada pasukan *frontliners* di atas usaha gigih mereka untuk mengawal, merawat, memutuskan rantaian COVID-19 sehingga berjaya meletakkan Pahang antara negeri yang jangkitan COVID hariannya setakat hari ini minta-minta janganlah, jadi tak sampai empat angka masih kekal di bawah tiga angka dan Kerajaan Pahang melalui pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam yang indikator yang diminta oleh Kerajaan *Federal* iaitu untuk masuk kepada fasa 3 itu hampir dipenuhi kerana sudah 40% lebih yang ini 480,000 lebih rakyat dewasa dalam negeri Pahang ini sudah lengkap 2 suntikan vaksin. Tahniah ya.

Namun… namun ia masih lagi membimbangkan kita di negeri Pahang ini. Ha… kita pun nak masuk Dewan esok pun nak kena *test* lagi ya supaya bersih daripada COVID ya tak tahulah esok apa jadi, Maran ya. Jadi jangkitan walaupun 500 ke 600 jangkitan di Pahang ia masih tinggi. Justeru program PPV mesti ditingkatkan terutama di kawasan pendalaman, di kawasan FELDA supaya target kita untuk mencapai 80% daripada penduduk negeri Pahang ini tercapai, insya-Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mengamati Titah Diraja semalam. Baginda menyeru agar kita semua berpegang kepada prinsip mendahulukan kepentingan rakyat. Baginda menasihatkan agar Wakil Rakyat berubah kepada politik yang lebih matang, jujur dan ikhlas, semua parti kena macam itu, politik matang. Saranan dan nasihat ini saya tengok bukan sahaja di Pahang, bahkan sekarang dipanggil musim Sidang Dewan Undangan Negeri di beberapa negeri. Kita lihat Raja-Raja yang merasmikan Istiadat Pembukaan Dewan ini, semua menekankan ke arah itu dan yang lebih tegas lagi ialah Sultan Johor sehingga memberikan amaran kepada Wakil-Wakil Rakyat kalau perbalahan berterusan mana Baginda tidak teragak-agak untuk membubarkan Dewan.

Menunjukkan kepada kita, ini ketegasan Raja-Raja dalam negara kita yang minta kita mengamalkan politik matang. Begitu juga kami daripada PAS menyambut baik pendekatan baru yang disebut oleh Perdana Menteri kita yang baru yang mengatakan kita adalah keluarga Malaysia, ini ucapan sulung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi semua ini adalah pendekatan bertujuan untuk menyatukan semua pihak di dalam menghadapi pandemik COVID-19 dan krisis ekonomi yang melanda negara. Kalau kita terus berbalah nak letak kerajaan ini nama BN ke PN ke kita masih lagi bertelagah dari sudut itu bertelagah itu dan ini akhirnya kita tidak berjaya untuk menangani COVID-19 dan membina krisis ekonomi yang teruk dirasai khususnya golongan B40, M40 dan sebagainya

Dato Sri Yang di-Pertua,
Jawatan khalifah ataupun jawatan kepimpinan ini Allah SWT tidak bagi malaikat walaupun malaikat tidak ada dosa, tak akan buat dosa. Allah SWT tak bagi jin, iblis apatah lagi haiwan Allah tak bagi dia tak ada akal tapi Allah bagi kepada manusia. Ia adalah satu kemuliaan yang Allah bagi kepada makhluk yang bernama manusia maka gunakan kemuliaan yang Allah bagi itu dengan mengurus dan mentadbir negara berdasarkan perintah Allah. Ini yang Allah sebut dalam Quran dengan izin, (Ayat Al-Quran). Kata Allah kami, Allah kemukakan amanah kepimpinan ini kepada langit dan bumi, langit dan bumi tidak mampu untuk memikulnya tetapi manusia yang ada persediaan ada akal dan ada kitab bimbingan mampu untuk mengurus dan mentadbir bumi ini. Maka kita yang diberikan amanah kita tadbirlah mengikut kehendak Allah SWT.

Dato Sri Yang di-Pertua,
Akhir sekali, saya tak lamalah pasal dah tengah hari ini lain macam sikitlah. Dalam Titah Diraja ,Tuanku ada menyentuh er… sektor pertanian adalah penyumbang besar kepada pembangunan negeri Pahang dan Baginda minta supaya diteruskan dan diperkasakan. Jadi saya nak sebut sikit di kawasan saya di Jengka yang saya dan sahabat-sahabat lain berhasrat untuk mewujudkan TKPM, Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan. Kalau di DUN Chenor sudah ada, di DUN Luit sudah ada dalam Majlis Daerah Maran. Jadi DUN Jengka ini dia dari segi daerah dia duduk dalam er… Majlis Daerah Maran, dari segi Parlimen, Parlimen Kuala Krau. Kadang saya kena pergi daerah Temerloh, kadang kena pergi daerah Maran takpelah oleh kerana Jengka itu dalam daerah Maran.

Saya dah… kita jumpa dengan er… apa ni pegawai ADO bahagian tanah ni Maran rupanya Jengka ni tidak ada dah katanya tanah paling kurang 50 ekar kalau nak buat TKPM jadi cari-cari tidak ada wallahu a'lam tidak ada. Jumpa dengan Pegawai Jabatan Hutan Temerloh, dia kata Temerloh pun kena cari dulu jadi semoga adalah. Jadi saya berhasrat mudah-mudahan di dalam DN Jengka itu ada er… satu kawasan TKPM yang memberikan infak ekonomi kepada rakyat dan kepada negeri, insya-Allah.

Dan yang kedua ialah, apa yang disebut oleh Wakil kita sebelum ini yang mengatakan hari ini komoditi sawit misalannya harganya tinggi dan er… buah pun makin banyak tetapi kita tidak ada tenaga buruh jadi harap-harap kerajaan boleh merangka satu pelan tindakan yang boleh melahirkan pekerja di kalangan anak tempatan yang sekali gus menjadi tenaga kepada hasil bumi khususnya sawit yang ada dalam negara yang kita tidak bergantung kepada buruh daripada luar. Mudah-mudahan hasrat itu akan berjaya dengan kita bekerjasama memberikan idea yang baik supaya ia memberikan manfaat yang banyak kepada negara dan negeri kita, insya-Allah. Jadi saya rasa sekadar itu ucapan daripada saya dan mohon menyokong, sekian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, tepat pada masanya 12 minit. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Muadzam Shah, sila.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

(Bacaan dalam Bahasa Arab) Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin melafazkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya saya berpeluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pada hari semalam.

Dalam ucapan titah Tuanku semalam telah menyentuh banyak perkara termasuk berbentuk nasihat dan peringatan tentang tugas dan tanggungjawab kepada Wakil-wakil Rakyat. Baginda juga menyentuh tentang kebajikan rakyat, Baginda juga meminta mengamalkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus ESG dan penggunaan teknologi *internet of things*. Pada pendapat saya keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini bertepatan dengan keberadaan kita di era revolusi industri 4.0.

Tuan Yang di-Pertua,
Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Yaakob… Ismail Sabri Yaakob atas Ahli Parlimen Bera sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-9 dan dengan perlantikan Perdana Menteri Ke-9 ini juga menjadikan negeri Pahang telah melahirkan 3 Tokoh Politik yang menjadi pemimpin nombor satu di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,
Di kesempatan ini juga saya mewakili rakyat dalam DUN Muadzam Shah ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Pahang yang diketuai oleh Menteri Besar… Yang Amat Berhormat Dato' Sri Utama Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, barisan Exco, pihak pentadbiran Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri, barisan hadapan yang menangani COVID-19 dan lain-lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas kerjasama yang baik mengurus negeri dan bertanggungjawab cakna kepada nasib rakyat sepanjang tempoh krisis pandemik COVID-19 ini bermula daripada Mac tahun 2020 hinggalah berlarutan ke hari ini.

Sudah 17 bulan rakyat dibelenggu dengan masalah kesihatan, terbatas langkah perjalanan akibat perintah kawalan pergerakan. Ada yang hilang pekerjaan, hilang pendapatan, punca pendapatan. Para pelajar tidak dapat hadir bersemuka ke sekolah dan lain-lain lagi masalah yang dihadapi oleh rakyat. Namun, kalau kita menyingkap kembali Pembentangan Bajet Tahun 2021 yang dibentangkan pada November 2020 pada tahun lepas. Yang Amat Berhormat Menteri Besar memfokuskan 3 strategi utama dan di antara 3 perkara tersebut, perkara nombor 3 ialah memfokuskan mensejahterakan kehidupan rakyat.

Alhamdulillah walaupun dalam keadaan ekonomi negeri yang terjejas akibat pandemik COVID-19 ini. Namun, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat demi mensejahterakan kehidupan rakyat. Dalam tempoh PKP 3.0 ini sahaja bermula pada bermula dengan fasa 1 hingga fasa 3 sebanyak RM23.13 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai pakej bantuan prihatin yang merangkumi segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, tanpa mengira usia kepada pelbagai kategori yang terjejas.

Kita kena akui semua ini dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan kerana kestabilan politik dan politik matang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam negeri Pahang ini menepati dengan *tagline "*Tiada Janji, Lihat Bukti". Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada barisan utama kempimpinan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin membawa 2 perkara berkenaan dengan isu penting er… dalam kawasan saya di Dewan Yang Mulia ini. Yang pertama, berkaitan dengan pencemaran dan cadangan.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin membawa perhatian kepada pihak kerajaan mengambil kira kesan daripada kejadian kes kolam pengolahan efluen pecah di salah sebuah kilang sawit yang berlaku pada 6 Julai baru-baru ini di kawasan saya. Saya kira pihak kerajaan perlu mengambil pengajaran daripada kejadian ini supaya perkara sebegini tidak berulang lagi pada masa hadapan.

Sebelum itu, izinkan saya menyorot kembali kronologi kejadian tersebut. Kejadian bermula pada 6 Julai dan saya turun ke lokasi kejadian pada hari kedua iaitu pada 7 Julai setelah menerima aduan. Salah satu kolam takungan fakultatif efluen nombor 1 telah pecah dan efluennya telah mengalir keluar ke alur berhampiran dan efluen tersebut mengalir ke Sungai Pukin dan seterusnya ke Sungai Keratong. 25 kilometer daripada tempat kejadian ni ke hilir ataupun *downstream* terdapat sebuah loji rawatan air kepunyaan pihak PAIP.

Loji air ini adalah loji yang terbesar di dalam kawasan daerah kecil Muadzam Shah yang berkapasiti 8 juta liter sehari dan membekalkan bekalan air bersih kepada rakyat sebanyak 11,500 akaun pengguna, dan lokasi agihan bekalan air ini kalau ke sebelah baratnya sehinggalah ke sempadan Negeri Sembilan. Manakala ke sebelah selatannya sampailah ke Gugusan Felda Selancar yang bersempadan dengan daerah Segamat, Johor dan melibatkan 2 kawasan undangan negeri iaitu Kawasan Muadzam Shah dan juga er… Kawasan Bukit Ibam.

Berpunca daripada itu menyebabkan kesan pencemaran yang sangat teruk terhadap Sungai Keratong dan bacaan parameter air mentah sungai tersebut melebihi julat normal standard piawai yang ditetapkan. Air bertukar menjadi berwarna hitam, bacaan ammonia yang sangat tinggi, bau mencapai bacaan sehingga ke angka 5 TON yang sepatutnya 0. Maka, oleh sebab itu rawatan loji rawatan air tersebut terpaksa ditutup operasinya.

Maka kesannya daripada kejadian itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua, rakyat menjadi kelam kabut akibat terputus bekalan air ini. Bekalan air ini bukan terputusnya sehari dua tetapi hampir 2 minggu untuk dipulihkan semula terutama di kawasan yang paling jauh sekalilah yang bersempadan dengan Johor dan juga Negeri Sembilan.

Yang kedua, kesan yang kedua adalah kepada kehidupan sungai kepada hidupan sungai. Ikan bergelimpangan mati termasuklah yang kecil yang besar bergelimpangan terapung di permukaan air. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Daerah Rompin, anggaran jumlah ikan yang mati untuk 5 hari pertama berjumlah 9 tan dengan nilai ringgitnya RM274,500.00.

Dan yang ketiganya kesan langsung kepada nelayan pula sudah pastilah tidak boleh turun ke sungai dalam tempoh tersebut. Hampir 2 minggu maka hilang mata pencarian nelayan kategori A yang sepenuh masa bergantung kepada hasil sungai ini. Begitu juga dengan nelayan kategori B yang bertugas separuh masa. Manakala kesan jangka panjangnya pula sudah pastilah hasil tangkapan ikan dan kepada nelayan akan terjejas kerana banyak hidupan sungai yang mati dan untuk pulih kembali hidupan sungai ini, para nelayan terpaksa menunggu pembiakan baru ikan selama 6 bulan hingga ke setahun. Bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, kesan yang lama dari segi tempoh masa terjejasnya hasil pendapatan kepada para nelayan sungai ini.

Yang keempat, sudah pastilah kerugian kepada pihak PAIP iaitu Pengurusan Air Pahang Berhad kerana tidak dapat beroperasi membekalkan bekalan air bersih kepada penggunanya sedangkan dalam masa sama pihak PAIP terpaksa

mengerahkan tenaga kakitangannya menghantar bekalan air dengan menggunakan *tanker-tanker* daripada awal pagi hinggalah ke tengah ke larut malam.

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Sidang Dewan, ini bukan kali pertama berlakunya isu pencemaran malahan daripada hujung ambil kira hujung pada tahun lepas sehingga kejadian ini sudah 3 kali berlaku pencemaran. Berpunca daripada efluen kilang sawit di mana 2 kejadian sebelum ini adalah dari kilang sawit yang berbeza yang mengakibatkan loji rawatan air tidak dapat beroperasi.

Untuk makluman Sidang Dewan, terdapat 7 buah kilang sawit yang berada di hulu atau *upstream* loji rawatan air ini. Perkara ini berlaku berulang kali dalam tempoh yang singkat dan ianya menjadi kemarahan kepada rakyat. Rakyat menganggap seolah-olah Pihak Kerajaan dan Wakil Rakyat setempat tidak mengambil berat atau peka kepada masalah rakyat yang disebabkan isu yang sering berulang kali berlaku.

Tuan Yang di-Pertua,
Industri sawit di Malaysia ini termasuk di negeri Pahang ini telah bermula lebih daripada 40 tahun yang lalu manakala premis kilang sawit adalah premis yang ditetapkan di bawah perintah Kualiti Alam Sekeliling 1977 dan perintah ini berkuat kuasa pada 1 Julai 1978. Di bawah perintah ini premis kilang sawit perlu dilesenkan di bawah Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Mengambil pengajaran daripada kejadian kes ini yang memberi kesan yang sangat buruk kepada banyak pihak, maka saya mencadangkan untuk pertimbangan pihak kerajaan supaya Kerajaan Negeri Pahang perlu mewujudkan sebuah *task force* atau satu unit kawal selia dan libat urus kilang-kilang kelapa sawit di negeri Pahang. Pasukan *task force* atau unit ini perlu membuat penilaian dan tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang perlu dilaksanakan segera oleh premis kilang di samping menambah baik peraturan dan undang-undang yang sedia ada kerana kita sedia maklum kebanyakan kilang-kilang sawit ini ada berusia 30 hingga ke 40 tahun lebih.

Sebagai contoh *task force* atau unit ini mungkin melibatkan beberapa jabatan atau agensi seperti pihak PTG, Pejabat Tanah Daerah, Badan Kawal Selia Air, PBT, SPAN, Jabatan Alam Sekitar, JPS dan lain-lain jabatan yang difikir sesuai. Untuk jangka pendek Tuan Yang di-Pertua, bolehlah semua premis kilang ini diarahkan untuk memastikan semua kolam pengolahan efluen dibentengkan dengan kukuh, diselenggarakan dengan sempurna dan berfungsi dengan baik pada setiap masa.

Yang kedua, memeriksa kolam-kolam dengan kerap bagi memastikan tiada berlaku kebocoran dan resapan bawah tanah pada semua kolam pengolahan efluen dan yang ketiga memastikan premis menjalankan *disludging* sekurang-kurangnya satu kali setahun bagi setiap kolam pengolahan efluen.

Manakala untuk jangka panjangnya bolehlah menyediakan satu garis panduan pematuhan bagi setiap premis kilang sawit. Kedua memastikan semua kilang-kilang sawit ini mengemukakan laporan penilaian yang disahkan selamat oleh pihak ketiga atau perunding bertauliah yang mempunyai kepakaran bagi menentukan kekuatan benteng kolam pengolahan efluen sebelum dikeluarkan lesen ataupun permit jabatan terlibat.

Yang ketiga, menilai dan memeriksa keberkesanan dan kaedah yang dijalankan oleh kilang sawit yang menjalankan pelupusan efluen atas tanah. Keempat, membuat kajian yang lebih teliti dan syarat-syarat yang lebih ketat setiap permohonan baru

kilang sawit sekiranya lokasi permohonan tersebut terletak di bahagian *upstream* er… loji rawatan air. Mungkin dengan wujudnya *task force* atau unit ini boleh mendatangkan juga er… tambahan hasil kepada Kerajaan Negeri sekiranya pihak Kerajaan Negeri mengenakan ataupun caj bayaran kepada pihak pengusaha-pengusaha kilang sawit ini.

Tuan Yang di-Pertua,
Perkara kedua yang ingin saya bawa ialah isu yang berkaitan dengan penyeludupan. Aktiviti penyeludupan ini seolah-olah berlaku secara bebas dalam kawasan saya. Saya terpaksa mendedahkan aktiviti penyeludupan di dalam Dewan Yang Mulia ini kerana saya beranggapan ini adalah perkara yang serius, yang melibatkan keselamatan serta perlu tindakan segera dari pihak berwajib. Aktiviti penyeludupan ini bukan perkara baru malah telah berlarutan beberapa tahun yang lepas. Walaupun ada tangkapan yang dibuat dengan kerjasama orang kampung, yang dilakukan sebelum ini ianya seolah-olah tidak mematahkan aktiviti penyeludupan ini.

Sebelum ini aktiviti penyeludupan hanya berlaku sekali-sekala sahaja. Namun sejak setahun lebih ini keadaannya sudah hampir… hampir seolah-olah macam setiap malam. Aktiviti penyeludupan ini boleh dipecahkan kepada dua peringkat. Peringkat pertama, aktiviti di laut… aktiviti di laut. Bermula dengan pemunggahan barang dari kapal besar ke bot laju yang lebih kecil di tengah laut kemudian bot-bot ini bawa bahan seludupan tersebut ke pesisiran pantai.

Manakala di peringkat keduanya pula aktiviti di darat. Kalau melihat keadaan lori keluar masuk seolah-olah aktiviti-aktiviti tersebut tiada apa-apa kesalahan yang dilakukan. Aduan dan rungutan kerap sekali disuarakan kepada saya seolah-olah negara kita ni tiada yang menjaga keselamatan.
Tuan Yang di-Pertua,

Sebenarnya sudah dua kali saya sendiri turun pada waktu malam melihat aktiviti tersebut, yang terakhir pada minggu lepas ya. Lori *bonded* bersaiz satu tan, tiga tan, lima tan, lalu-lalang depan mata secara bersahaja ya. Dalam tempoh masa antara jam 9:00 malam hingga ke 2:00 ataupun 3:00 pagi. Tidak kurang daripada 10 buah lori datang mengambil barang dan pergi ke tempat yang tidak diketahui dan setiap lori ni akan diekori dan diawasi oleh sebuah kereta tonto.

Saya dimaklumkan antara barang yang diseludup ini adalah rokok dan yang menjadi kebimbangan kepada saya dan masyarakat setempat ialah bukan setakat rokok sahaja yang diseludup tetapi benda-benda lain yang kita tidak tahu contohnya minuman keras atau yang lebih berat daripada itu mungkin juga senjata api dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya berharap dua perkara utama yang dibangkitkan tadi iaitu berkaitan dengan cadangan mewujudkan *task force* atau Unit Khas Kerajaan Negeri untuk kawal selia dan tadbir urus kilang sawit di negeri Pahang dan yang kedua berkenaan dengan isu penyeludupan mendapat perhatian dari pihak Kerajaan Negeri. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Rompin er… Muadzam Shah mohon menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih YB daripada Muadzam Shah. Sekarang tibalah masanya saya menjemput Yang Berhormat daripada Ketari. Sila, Yang Berhormat.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

(Bacaan dalam Bahasa Arab) Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan. Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Pertamanya saya ingin merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Terlebih dahulu ingin saya panjatkan kesyukuran er… kehadrat Ilahi kerana akhirnya Dewan Undangan Negeri Pahang ini, akhirnya dapat bersidang setelah sekian lama kita berehat. Banyak perkara yang perlu kita bincangkan bersama dan rungkaikan demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,
Perkara yang saya sering bangkitkan sejak dari tahun 2018 di dalam Dewan Yang Mulia ini adalah mengenai kerjasama Kerajaan Negeri dan juga pihak pembangkang. Kerjasama ini penting dalam memacu kemakmuran negeri dan menjadi berkali ganda lebih penting apabila berlakunya pandemik COVID-19. Saya agak terkilan kerana Kerajaan Negeri masih lagi enggan berkongsi data mengenai status berkaitan dengan kes dan kluster baharu dan juga pelan Kerajaan Negeri untuk memerangi COVID-19.

Kita faham setiap hari kita akan mendapat er… berita mendapat er… pelan apa ni kluster-kluster baru ataupun kes-kes baharu daripada MKN tetapi apa yang kami mahukan daripada pihak pembangkang adalah maklumat yang lebih… cepat daripada orang lain untuk Wakil-wakil Rakyat dikongsi bersama. Mungkin kami tak dilibatkan dalam mesyuarat tetapi mungkinlah paling senang pun diwujudkan satu *group* dalam *whatsapp group* untuk Wakil-wakil Rakyat bersama dengan er… Ketua-ketua Jabatan di setiap daerah supaya isu COVID, vaksin dan sebagainya kami dapat dengan segera kerana kalau dilihat di kawasan di Bentong kadang-kadang apabila PPV baru dibuka ataupun ada tempat baru vaksin dibuka kami tak tahu pun. Tiba-tiba ada saja penduduk yang tanya er… YB saya nak daftar boleh untuk vaksin? Jadi agak memalukanlah di sini apabila Wakil Rakyat sendiri pun tidak dapat berita terkini ataupun maklumat terkini er… apa yang sepatutnya kami patut dapat dahulu.

Jadi sebagai pihak pembangkang di negeri Pahang, kami tak ada pun niat nak merebut kuasa ataupun nak bermain politik kerana kami di sini hanya 9 orang sahaja berbanding pihak kerajaan yang ada berpuluh-puluh er… Wakil daripada pihak kerajaan. Apa yang kami mahukan adalah pihak Kerajaan Negeri dan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri er… bukan setakat sahaja kita sebelum ini, kita mahukan peruntukan yang sama tetapi kita mahukan maklumat dan data yang sama adil kepada Wakil Rakyat Pembangkang.

Er… ini juga seperti apa yang telah dititahkan daripada Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang bahawa inilah masa untuk kita semua bersama demi negara, negeri dan rakyat jelata. Er… rakyat menaruh harapan yang tinggi kepada kita jadi walau bagaimanapun… tetapi walau bagaimanapun saya ingin memujilah kepada er…

DO Bentong dan juga PKD Bentong kerana walaupun setiap hari kita kadang-kadang bertanya apa maklumat terkini, mereka sentiasa memberikan kerjasama dan memberikan maklumat-maklumat terkini.

Tetapi kalau saya bertanya kepada rakan-rakan saya di daerah-daerah lain, ada sesetengah mereka tak dapat pun maklumat apabila mereka menghubungi er… Ketua-ketua Jabatan dan sebagainya, sebab itulah kita rasakan perkongsian data maklumat mengenai COVID, vaksin, kes-kes baru dan sebagainya adalah sangat penting untuk kami sebagai Wakil Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat di kawasan masing-masing.

Er… selain itu juga Tuan Yang di-Pertua, jika kita… saya faham isu vaksin ini tadi er… Yang Berhormat Exco dah terangkan berapa kali isu vaksin banyak dibangkitkan tetapi saya nak sebut lagi sekali jugalah kerana kita nak ada dokumentasi dalam Dewan ini. Er… kita nak kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain kadar vaksinasi di negeri Pahang ini boleh dikatakan amat perlahan. Saya faham kenapa kerana vaksin yang diterima agak rendah dan saya dengar juga tadi er… bahawa pada pertengahan Oktober kita akan dapat tambahan yang lebih er… apa ni banyak lagi vaksin yang lebih banyak. Er… saya er… kita menunggu.

Namun kalau kita lihat ya pada data terkini iaitu 22 Ogos yang saya terima jumlah penduduk negeri yang sudah menerima satu dos ialah 41.8% berbanding 55.9% bagi seluruh negara dan bagi dua dos pula iaitu 29% berbanding 39.9% bagi seluruh negara. Kalau kita lihat kepada kadar pemberian vaksin harian terkini er… ia juga sangat rendah iaitu ada kalanya 28,000 sehari tetapi er… ada kalanya sehingga hanya 11,000 sahaja dan saya faham kenapa tadi kerana vaksin itu kita terima rendah dan saya harap untuk kita mencapai… untuk negeri Pahang mencapai 70% menerima vaksin pada akhir tahun ini er… kita dapat segerakanlah. Kalau rasa nak tunggu pertengahan Oktober ni agak lama YB Exco [ketawa], okey. Kejap ya, saya banyak nak cakap lagi ni.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Mohon mencelah.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okey.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Jadi kita singkatkan cakap yang berulang-ulang yang tak ada penyelesaian tu. Yang Berhormat Yang di-Pertua, minta maaf mencelah. Jadi ringkasnya kita sehingga ke hari ini kita memerlukan lebih kurang 2.3 juta dos vaksin. Jadi saya dah sebutkan tadi kapasiti kita dengan apa yang ada ni boleh memvaksinasikan 32,000 sehari. Ha… jadi kita tekan kalkulator, 2.3 juta ini bahagilah 30. Jadi kita boleh tahu berapa hari yang diperlukan untuk kita capai sasaran kita.

Jadi sebab tu saya katakan tadi mengikut unjuran yang berikan oleh CITF kita yakin kita boleh selesai memvaksinasikan dalam bulan 10 dengan andaian vaksin yang dijanjikan itu sampai ke negeri Pahang.

Seterusnya Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin apa terus memberi er… maklum balas kepada er… dakwaan Ketari yang mengatakan bahawa ada halangan untuk ADUN-

ADUN pembangkang untuk akses kepada maklumat-maklumat di apa… pejabat-pejabat daerah. Jadi saya tak faham apa data ataupun maklumat yang er… dimaksudkan itu. Saya fikir kalau ianya bersifat er… maklumat-maklumat kes secara spesifik, kita kena faham bahawa PKOB kita ada limitasi kerana maklumat peribadi pesakit ini ya, secara khususnya, nama dia, di mana dia duduk tu, tidak boleh diberikan dengan mudah kerana ianya menjadi sebahagian daripada kerahsiaan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Jadi selebih daripada tu, saya percaya bukan saja ADUN-ADUN pembangkang, tapi bila bercakap soal komunikasi, Exco sendiri pun kadang-kadang bila kita nak… nak berebut-rebut nak bekerja ni, bukan berebut nak kuasa ada kalanya kita pun er… terlepas pandang beberapa perkara. Pihak pentadbiran pun kadang-kadang terlepas pandang jugak untuk memaklumkan kepada kita, jadi janganlah disimpulkan bahawa ini adalah satu dasar Kerajaan Negeri untuk apa… *side line* ataupun mengenepikan ADUN-ADUN pembangkang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Er… maksud saya iaitu tentang kes harian setiap hari di kawasan dan juga kita bukan nak mahukan er… di mana tempat tinggal yang lebih tepat, ataupun nama, ataupun nombor telefon tetapi lebih kita mahu kepada… sebabnya kalau diumumkan di MKN, biasa dia sebut kluster jalan itu, jalan ini.

Kalau… tapi bagi kita pula, kita mahu tahu lebih jelas kawasan yang mana. Kalau… okey… contohnya di… di Ketari, Taman Harmoni, okey kami tahu di kawasan mana yang kami boleh terus sampaikan bantuan diperlukan oleh keluarga yang perlu kuarantin, ataupun keluarga yang perlukan bantuan dan sebagainya. Maklumat yang lebih jelas er… di kawasan masing-masing.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Mungkin sebahagian daripada kita pernah terdengar er… dalam bulan yang lepas, ada beberapa negeri yang mana pegawai-pegawai kesihatan yang er… secara kontrak itu telah mengambil tindakan er… mengancam untuk mogok, ya. Jadi saya tak pernah terfikir sebelum ini bahawa pegawai-pegawai perubatan yang dipercayai oleh rakyat boleh mengambil pendekatan sedemikian rupa.

Saya bukan nak menghakimi mereka, tetapi apa yang ingin saya kongsikan, maksudnya keadaan yang mereka alami tu, satu keadaan yang sangat luar biasa. Mungkin bagi mereka, itu keadaan tekanan kerja yang melampau, jadi saya tak dapat memberikan ukurannya.

Jadi sebab itulah juga berhadapan dengan pasukan kerja yang sedia ada ni, Yang Berhormat Ketari ya, saya rasa mereka ni memang sangat penat ya, sangat letih tapi saya tidak dapat mengukur dari segi sejauh mana sistematiknya kerja mereka. Saya tak boleh… tak boleh nak mengukur tapi cukuplah saya katakan mereka sangat tertekan.

Pengarah Kesihatan yang baru ni pun Yang Berhormat Yang di-Pertua, dia pun tak sempat pun datang jumpa Exco lagi. Saya menjawab bagi pihak kesihatan ni pun tak… bincang dengan anak buah je. Yang bawah-bawah ni saja. Pengarah, Timbalan Pengarah sangat sibuk, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan, Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Saya faham semua *frontliner* sangat kepenatan dan kita juga er… ingin membantu mereka dengan memudahkan kerja mereka.

Baiklah seterusnya, mengenai isu vaksin lagi Yang Berhormat er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya difahamkan er… kita memang tak mencukupi vaksin untuk warga tempatan. Apatah lagi, saya difahamkan memang untuk warganegara asing pun langsung tak dapat lagi buat masa ini.

Namun begitu, er… apalah kita… apa yang saya lihat apabila warga asing masih lagi tidak diberikan langsung suntikan vaksin, bagaimana dengan apabila baru-baru ini Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka sektor pelancongan.

Apa yang saya faham ialah, apabila sektor pelancongan yang akan dibuka pada Kerajaan Negeri, saya telah membuat tinjauan di Kampung Janda Baik yang mana juga terlibat dalam sektor pelancongan ini. Saya mendapati bahawa daripa… sebanyak 51.7% penduduk tidak bersetuju jika sektor pelancongan ini dibuka semula kerana ia khuatir akan meningkatkan kes dan menjejaskan kehidupan masyarakat di sana.

Dan saya difahamkan ramai pekerja-pekerja mereka yang di bawah sektor pelancongan ini adalah warga asing, di Janda Baik, di Bukit Tinggi tetapi pada hingga hari ini mereka tidak lagi er… mendapat suntikan vaksin. Jadi, bagaimana kita nak buka sektor pelancongan ini kalau masih lagi pekerja-pekerjanya tidak dapat suntikan vaksin walaupun satu dos. Er… itu yang seterusnya.

Kemudian kalau kita kembali kepada PPV, saya berharap selepas saja nanti kita terima er… jumlah vaksin yang banyak, akan banyak lagi PPV dibuka di kawasan-kawasan lain er… di kawasan luar bandar, *mobile*… *mobile service*, er… dan juga saya difahamkan oleh rakan saya dari Mentakab pun dia kata di… sekarang ni di Mentakab tak ada langsung PPV, yang ada di Temerloh, er… mungkin yang berdekatan dan sebagainya. Jadi, saya harap kawasan-kawasan yang tak ada ni dapat diwujudkanlah.

Apa pun yang penting, yang penting kita mahu vaksin itu sampai dulu supaya ia dapat er… segera diberikan kepada rakyat Pahang.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya lupa nak menekankan satu perkara yang ramai jugak sudah maklum ya. Jadi sekali lagi saya tekankan soal vaksin ini, kita usahakan yang terbaik, ya. Jadi, untuk makluman, bulan 8 kita walaupun kita mensasarkan sebenarnya 60 er… vaksin er… tambahan, tetapi bulan 8 kita kekurangan. Yang disasarkan 560,000 yang dapat 502,000 saja lebih kurang. Jadi maksud saya 60,000 *shortage*.

Jadi, saya tak berani menjanjikan bahawa vaksin ini sampai apa ni pada masanya. Tetapi apa saja yang diterima di peringkat negeri Pahang, kita akan laksanakan secepat mungkin, ya. Jadi er… dan satu perkara lagi Yang Berhormat Dato' Sri Yang

di-Pertua, kita negeri Pahang ni sebenarnya awal-awal lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar bercadang untuk membeli vaksin tapi kita minta maaflah nak dikongsi dengan Dewan ini, kita ada *inconsistency*, dengan izin, dari segi dasar sampai ke satu tahap, vaksin dah sampai ke negeri Pahang 10,000 pun, kita ada kesukaran untuk menjalankan vaksinasi.

Jadi saya rasa saya tak perlu nak ulas lebih panjang tapi saya harap Ahli-ahli Dewan faham apa yang saya kongsikan di sini adalah hanya untuk menjelaskan bahawa pihak Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan usaha yang terbaik untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan kita bersama. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, saya ingat elok kalau ada lagi…

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya harap masa saya tak diambil ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ketari, tak apa… Ketari, Ketari boleh teruskan dan saya beri masa tambahan la 1 minit. Oleh kerana banyak jawapan daripada pihak kerajaan. Saya berharap selepas ini pihak kerajaan boleh mengambil catitan dan ambil masa penggulungan besok, boleh memberi jawapan lebih terang dan lebih jelas lagi. *So*, sila, Ketari boleh teruskan.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Ok baik, baik. Terima kasih Yang di-Pertua.

Seterusnya saya beralih kepada isu er… Orang Asli. Saya juga ingin bangkitkan mengenai isu pewartaan tanah kampung Orang Asli. Pada tahun 2019, saya pernah bertanyakan mengenai soalan ini di dalam Dewan Yang Mulia ini. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli telah… telah memberikan jawapan bahawa Kerajaan Pahang sudah mewartakan sebanyak 7,153.6 hektar sebagai Tanah Rizab Orang Asli dan 8,571.36 hektar lagi dalam proses pewartaan.

Jadi, saya ingin bertanya, apakah er… proses perkembangan baki tanah yang sedang dalam proses pewartaan ini? Adakah ia sudah diwartakan kesemuanya dan ataupun masih dalam… masih lagi dalam proses dan bagaimana dengan tanah-tanah di kampung Orang Asli di… di bawah daerah Bentong?

Ini kerana, kalau di Ketari, contohnya di Kampung Sungai Miak, baru-baru ini saya berjumpa dengan Tok Batin. Beliau telah menunjukkan satu geran lama pada tahun 1948 iaitu kawasan er… saya tak pasti seluas berapa. Saya tak… tertinggal kertas ya dokumen er… adalah di bawah kawasan kampung Orang Asli.

Namun begitu, pada tahun 60-an, kawasan… separuh daripada kawasan tersebut telah diambil oleh syarikat swasta. Jadi kalau kita melambat-lambatkan pewartaan kepada… tanah er… Orang Asli ini, saya risau makin lama makin sikit tinggal er… tanah adat ini. Dan mereka juga risau takut nanti mereka kena halau keluar daripada kampung sendiri.

Dan er… saya faham tadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada telah mengulas sedikit tentang isu nadir bumi er… di Ulu Jelai. Tapi saya nak cerita, nak petik jugaklah sedikit Yang Amat Berhormat er… Tuan Yang di-Pertua, er… saya faham dengan penjelasan Yang Amat Berhormat mengenai apa sahaja permohonan yang masuk daripada syarikat-syarikat akan diproses dan perlu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Selagi tak selesai syarat-syarat tersebut, maka tak akan bermula projek tersebut Yang Amat Berhormat. Namun begitu, er…saya menerima… difahamkan bahawa kawasan nadir bumi yang telah dimohon itu adalah di bawah Hutan Simpanan Kekal Ulu Jelai. Dan kalau ia di bawah er… Hutan Simpanan Ulu Jelai, bagaimana permohonan itu boleh diproses? Tidakkah ia boleh terus di… diabaikan ataupun terus ditolak mentah-mentah kerana ia di bawah er… hutan simpanan er… Hutan Simpanan Kekal Ulu Jelai dan juga di bawah Pelan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Lipis.

Dan er… kerana bagi saya, kita juga mendapat satu salinan surat bahawa telah diluluskan lesen dan sebagainya. Bagi saya apabila perkara-perkara ini keluar di media sosial dan sebagainya, ia akan menarik perhatian orang ramai bukan setakat sahaja masyarakat di setempat, malah orang lain yang… yang mungkin tak tahu pun kawasan tu bagaimana.

Jadi ia akan menimbulkan persepsi yang tidak bagus kepada Kerajaan Negeri. Jadi saya harap, pihak Kerajaan Negeri kelak, mungkin pada penggulungan Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh menerangkan apa yang sedang berlaku dan bagaimana er… isunya tentang kejadian er… isu di perlombongan nadir bumi yang kononnya akan di… diwujudkan di kawasan Hutan Simpan Kekal Ulu Jelai kelak. Seterusnya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey Yang Berhormat, masa…

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Kejap, jap. Sikit je lagi, boleh ya? Dah nak balik dah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

3 minit je lagi.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okey, okey. Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi. Saya ingin menyentuh mengenai talian internet. Saya ucapkan terima kasih kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberi *respond* kepada pertanyaan saya mengenai talian internet yang tidak baik di Janda Baik.

Namun begitu, untuk kawasan Mempaga... baik er... kawasan Mempaga, kami tidak mendapat *respond* jadi saya harap ada *respond* daripada pihak er... yang berkaitan dan juga sekarang ini kita sedang... anak-anak sedang belajar PDPR jadi talian internet ini sangat penting bukan setakat kepada anak-anak pelajar sekolah tetapi kepada mereka yang bekerja secara *online*, talian jadi saya harapkan talian internet di seluruh kawasan negeri Pahang khususnya di luar bandar dapat diperbaharui dan

tambah baik dari semasa ke semasa dan ia perlu disegerakan kerana ia adalah sangat penting pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua,
Yang terakhir, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan dan juga terima kasih kepada Kerajaan Negeri juga kerana telah memberikan pelbagai inisiatif yang baik kepada rakyat negeri Pahang. Namun begitu masalah besar yang menanti kita selepas ini ialah kepada mereka anak-anak muda yang hilang pekerjaan, mereka yang hilang sumber pendapatan dan sebagainya jadi Kerajaan Negeri perlu memikirkan bantuan yang bagaimana untuk membantu mereka untuk berjalan semula, untuk mencari rezeki semula terutamanya kepada anak-anak muda dalam negeri Pahang ini. Jadi, kerana kita lihat banyak beratus, beribu perusahaan kecil yang terus mati, lingkup dan sebagainya. Jadi, bagaimana kita nak membantu mereka ini untuk kembali, boleh menyara kehidupan keluarga.

Baiklah, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini, sehingga setakat ini sahaja dan saya berharap kita pada masa... kita Kerajaan Negeri dapat memberikan fokus dalam menangani penularan jangkitan dan pemberian vaksin dan juga kita dapat merangka pelan pemulihan ekonomi serta pelan bagaimana jika virus ini kekal dalam kehidupan masyarakat, bagaimana kita nak meneruskan kehidupan kita pada masa akan datang. Sekian, terima kasih. Ketari menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat Ketari. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita dah hampir ke penghujung. Suka saya memaklumkan kita ada menyediakan sedikit jamuan ringan untuk Yang Berhormat nak membasah tekak dan juga mengalas perut dan kembali semula ke dalam Dewan untuk kita sama-sama mengakhiri persidangan kita pada petang ini.

Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang, saya tidak akan memakan masa yang lama. Jadi, untuk itu saya menjemput YB yang kedua terakhir, Yang Berhormat daripada Damak untuk membuat penghujahan. Sila, YB Damak.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

(Ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT (bacaan dalam Bahasa Arab)

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang saya kasihi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang, barisan Exco dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat. Insya-Allah ucapan saya ini tidak panjang kerana memahami keadaan kita yang mungkin ada belum solat tapi saya alhamdulillah, hari ini musafir lagi, boleh jamak jadi insya-Allah kalau ikutkan hati nak bercakap panjang tapi saya akan ringkaskan.

Pertama sekali, saya menjunjung kasih di atas ucapan Titah Diraja Pemangku Raja Pahang semalam yang sangat baik untuk kita jadikan pedoman. Apa yang menarik perhatian saya ialah Tuanku telah mengajak kita supaya mengamalkan politik matang, jujur dan ikhlas serta mengutamakan kepentingan rakyat.

Suka saya menarik perhatian Dewan pada hari ini bahawa apa yang disebut oleh Tuanku ini iaitu politik matang adalah selari dengan apa yang telah digagaskan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang pada 2016 telah menggagaskan budaya politik matang dan sejahtera dan kita juga amat suka dan bergembira kerana Perdana Menteri kita yang Ke-9 juga telah menggagaskan konsep

Keluarga Malaysia dan ini juga bertepatan dengan apa yang diamalkan di negeri Pahang ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang iaitu "Muafakat Membawa Berkat".

Jadi saya amat yakin jika perkara ini dapat digemblengkan bersama, insya-Allah kita akan dapat bersatu hati membangunkan negeri Pahang ini dan memacu kemajuan ke arah memastikan kemakmuran negeri Pahang Darul Makmur, insya-Allah. Saya ingin menarik perhatian sepertimana yang disebut oleh Syed Rashid Redha yang berkata, (bacaan dalam Bahasa Arab), "kita bertolong bantu dalam perkara yang kita sepakati dan kita saling bermaaf-maafan dalam perkara yang kita berbeza pendapat".

Tuan Yang di-Pertua,
Dalam ucapan ringkas saya ini, saya ingin menarik perhatian kepada apa yang telah disentuh oleh Tuanku iaitu supaya menjadikan Pahang ini kekal sebagai negeri yang menyumbang oksigen kepada Semenanjung Malaysia ini dan pusat habitat kepada flora dan fauna dan juga binatang-binatang liar.

Jadi justeru itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di mana apabila timbul isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar di daerah saya di DUN Damak, pendekatan yang kami ambil ialah bertemu dengan orang ramai, bertemu dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan berjumpa dengan MB sendiri dan alhamdulillah, melalui pendekatan dialog, berbincang dan bekerjasama ini...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Minta laluan sikit. Minta laluan Damak. Saya ucapkan syabas tahniah kepada Damak dan inilah pendekatan yang sebaik-baiknya. Tak payah tunggu Dewan bersidang, macam hari ini YB Ketari tanya pasal Jelai. Kalau datang jumpa saya 3 bulan dulu saya boleh jawab dah, tak ada kelulusan ML, hari ini baru sampai ke Dewan, dah tu orang dengar, keliru kan? Jadi macam Damak, saya ingat YB Ketari kena belajar dengan Damaklah sikit ya.

Jadi, tak payahlah tunggu sampai 4, 5 bulan bawa ke Dewan. Benda mudah aje Yang Berhormat Yang di-Pertua. Jumpa saya sambil berjalan, saya boleh jawab kalau ditanya, "Dato' Sri, apahal... apa ni yang di Jelai tu kata dah ada...". Saya boleh jawab, "Tak ada kelulusan ML". Maknanya tak adalah. Jadi Yang Berhormat Ketari bolehlah belajar dengan Damak apa salahnya kan. Kalau tak belajar yang itu boleh belajar benda-benda lain, janggut panjang (ketawa). Itulah Yang di-Pertua, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh, insya-Allah. Sila, Damak.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih kepada Yang Berhormat MB. Jadi saya rasa banyak usaha-usaha yang kita lakukan khususnya berkaitan dengan masalah air, masalah capaian internet jadi pendekatan yang kita ambil ialah berbincang, berdiskusi, berdialog dan alhamdulillah kita dapat jawapan-jawapan yang tuntas daripada pihak kerajaan dan pegawai-pegawai di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua,
Sepertimana yang saya sebut tadi, ucapan saya tidak panjang cuma saya ingin mencadangkan sepertimana yang ditegaskan oleh Baginda Tuanku supaya kita mengekalkan kelestarian alam ini, maka saya ingin mencadangkan isu yang agak panas pada pagi tadi iaitu berkaitan dengan Genting Highlands. Kita tak payah tutup Genting Highlands tapi kita mungkin berikan imej baru kepada Genting Highlands supaya imej baru ini iaitu pusat pelancongan keluarga dan pusat menikmati alam yang menghijau di*highlight*kan supaya sebelum ini imej bila kita sebut Genting Highlands kita hanya nampak kasino. Kita hanya nampak kasino itu diubah supaya insya-Allah akan memberikan manfaat dan imej baru kepada Genting Highlands ini. Jadi saya rasa itu sahaja yang ingin saya sampaikan...

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Triang minta laluan, okey? Sila, Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Memang Wakil Rakyat-wakil Rakyat boleh memberi cadangan kepada kerajaan untuk satu syarikat swasta, mungkin dia tukar hala tuju dengan pembangunan dia tapi kita kena ingat bahawa akhirnya itu kebebasan syarikat sendiri, usahawan itu sendiri untuk menjalankan perniagaan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Triang, apa... apa soalannya?

YB. CIK LEONG YU MAN

Jadi kerajaan tidak harus memaksa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa... apa soalannya? Apa soalan Yang Berhormat?

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan saya, kita boleh beri cadangan tapi jangan memaksa okey dan beri kebebasan kepada usahawan untuk tentukan sendiri.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Okey, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, terima kasih.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Baik, terima kasih. Sebab itu saya kata saya mencadangkan, saya bukan paksa pun. Jadi saya beri cadangan kepada Dewan, terpulang kepada...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Damak hanya mencadangkan ya.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Ada soalan kepada Damak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Semambu minta pandangan, boleh? Minta laluan.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih saya ucapkan dan diakhirnya saya akan akhiri dengan 2 rangkap pantun boleh?

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Mencelah sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Semambu minta, dia tak bagi Semambu. YB Damak boleh?

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Saya rasa saya pun dah letih, nak balik dah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha... dah letih. [Ahli Dewan ketawa]

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Jadi saya rasa saya akhiri dengan 2 rangkap pantun sahaja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang akan datang Semambu ya.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Minta maaf ya.

Berdiri buluh tegaknya galah,
Merayap tebuan jejak lelabah;
Pendirian kukuh tidak goyah,
Menghadap cabaran tidak gelabah.

Sungguh indah bunga dilaman,
Bunga raya ditanam sebelah;
Pemimpin beramanah serta beriman,
Rakyat dibawa mentaati Allah SWT.

Mohon mencadang. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Bunga raya tanam sebelah, sebelah mana tu? Okey Yang Berhormat boleh… jangan balik lagi, kita ada sediakan sedikit jamuan ringan. S*o* okeylah, terakhirnya saya ingin menjemput Wakil Rakyat daripada Inderapura. Sila.

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Bismillahhirahmanirahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas junjung kasih Usul Junjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Alhamdulillah kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT dalam kesempatan ini kita bersama-sama dapat mengambil bahagian dalam Dewan Yang Mulia ini bagi membentangkan, bagi meleraikan, bagi membincangkan apa juga masalah-masalah rakyat yang dapat dibawa ke hadapan.

Saya merujuk kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, saya tertarik dua perkara iaitu perkataan yang dikeluarkan, titah yang dikeluarkan perkataan ESG, *Environmental Social and Governance* dan juga satu lagi perkataan IoT, *Internet of Thing* yang ini menunjukkan betapa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja begitu prihatin, sensitif tentang masa depan anak cucu bangsa kita dan juga bagaimana menghadapi suasana situasi pandemik COVID-19 ini.

Dan izinkan saya membaca sedikit dua ayat daripada surah Al-Imran, ayat 22 yang berbunyi, (bacaan ayat Al-Quran). Itu ayat yang ke 22 dan satu lagi ayat yang bersangkutan dengannya juga (bacaan ayat Al-Quran). Pengertian ayat pertama saya baca, "tidak ada sesuatu kesusahan, bala bencana, musibah ini, pandemik COVID ini yang ditimpa atas bumi, bukan sahaja kita di Pahang, di Malaysia tapi seluruh negara menghadapi situasi yang sama yang juga tidak juga yang menimpa diri kita, tidak juga menimpa diri kita manusia melainkan telah sedia Allah maklum dalam pengetahuan Allah tentang apa yang berlaku ini sebelum kami menjadikannya sesungguhnya mengadakan demikian, nak buat perkara begini Allah senang, senang bagi Allah (bacaan ayat Al-Quran).

Kemudian makna ayat yang seterusnya ha ini yang kita perlu, yang perlu kita mengambil tindakan sebagai ikhtiar kita. "Kamu diberitahu tentang itu supaya kamu tidak bersedih. Bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu, yang hilang daripada kamu. Mungkin kita akan hilang harta, mungkin kita akan hilang bagai-bagai pekerjaan yang seperti diuar-uarkan oleh rakyat, kita simpati. Tapi kita kena ada ikhtiar, ada kesungguhan untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat. Dan ini kita hadir dan saya dalam soal ini saya ingin mohon satu contoh, capaian internet. Hari ini kita tengok kita dihimpit dengan masalah peranti. Ada yang tidak ada telefon, ada yang tidak ada komputer, ada yang tidak ada talian internet di luar-luar bandar.

Kerajaan negeri telah bersusah-payah berusaha, macam tahun lepas RM50.00 untuk pelajar SPM dapat ya. Baru-baru ini komputer dapat tapi tidak boleh menyeluruh, tak semua yang dapat. Tapi kita carilah ikhtiar. Saya simpati dengan rakyat, saya cuba juga tapi satu saya pujilah satu agensi kerajaan di bawah Yayasan Pahang saya diberitahu kejadiannya di dalam ladang-ladang tidak ada talian internet, tidak ada talian internet tetapi bagaimana pentadbir di sana mengusahakan menyewa rumah untuk anak-anak pekerja-pekerja ladang, yang mana sewaan rumah itu dibayar oleh syarikat. Dia menyediakan makan minum, ini pendekatan yang terpaksa kita bawa bersama.

Saya harap pihak-pihak yang bertanggungjawab tak kiralah apa juga peranan masing-masing, mereka boleh mengambil inisiatif ikhtiar dan dalam hal ini saya mungkin pihak Jabatan Pelajaran boleh mengambil suatu er... data. Ini data yang singkat saya ambil yang saya tahu di kawasan saya terdapat ramai juga anak-anak darjah 3 yang tidak tahu membaca. Apatah lagi untuk buat kerja sekolah, dan soal malas tu pun ada, tapi tak tahu nak buat kerja sekolah tak ada talian internet, yang ini untuk generasi kita akan datang kita ada *gap*.

Jadi saya mencadangkan supaya pihak jabatan yang terlibat mengambil satu data kajian berapa ramaikah jumlah pelajar-pelajar sekolah rendah yang masih tak tahu membaca tapi setakat yang saya tahu darjah 3 masih tak tahu membaca. Mungkin kekangan peranti, mungkin kekangan talian capaian talian internet, mungkin kekangan macam-macam la juga, ya keluarga yang susah, satu telefon kongsi ramai adik-beradik, dan banyak susah kita nak cakapkan, tapi itulah antara satu-satu contohnya.

Dan di contoh lain supaya kita dapat ikhtiarkan usaha bagaimana dalam suasana COVID ini kita perlu mendepani secara bijak. Saya mendapat aduan. Aduan daripada pengundi-pengundi saya, saya bacalah Dato Sri Yang di-Pertua, kalau saya boleh baca sekejap.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang ke Yang Berhormat? Panjang ke berita tu?

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dia… er… dia *whatsApp*, dia hantar kat saya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya lar w*hatsApp*.

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Saya baca sikit je.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sikit je.

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

"Tadi ada MPK datang tempat suami berniaga. MPK bagi notis minta clear tapak niaga Dato'. Saya baru lepas bersalin anak kecil, suami harap meniaga tepi jalan aje. Pada 16 Ogos saya dah hantar borang permohonan untuk tapak jaja, tapi hari ini tapak saya

kena kosongkan dalam masa 3 hari. Macam mana ya Dato'? Saya berharap meniaga untuk beli keperluan". Rintihan dia*.*

"Saya berharap meniaga untuk beli keperluan susu anak dan barang dapur. MPK bagitahu, saya tak cakaplah tu ya, dulu dapat lesen berniaga di tepi di Taman Tas tapi MPK tarik semula lesen untuk semua penjaja Taman Tas, depan Shell masa PKP 1, tahun lepas. Jadi saya mula berniaga di kawasan rumah saya di Inderapura Jaya."

Saya ingin mencadangkan supaya pihak, apa ni pihak Majlis Bandaraya Kuantan dapat buat satu kajian ke, dapat satu buat data-data, berapa peniaga kecil yang berniaga di rumah, berapa orang berniaga tepi jalan, kita longgarkanlah sikit.

Memang ada yang salah tapi jangan berniaga tengah jalan, jangan berniaga tengah jalan, tapi tepi jalan tu untuk zaman sekarang ni kita kenyit mata jelah. Itu harapan saya sebagai seorang Wakil Rakyat, kenyit mata, mana kita boleh bantu. Saya mohon, saya rayu Majlis Bandaraya Kuantan dapat membantu hal ini. Itu sahaja yang saya boleh… pendek je Dato' Sri Yang di-Pertua, dak? Ha tak lama dah, sikit je lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sikit lagi.

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Soal pendidikan saya sudah nyatakan dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang yang dapat mengemudikan kerajaan dengan begitu baik. Suasana politik kita aman, tak ada apa masalah, tapi kita kena bincanglah yang ini kita disifatkan dalam saya suka bawa ini… ini rahmat dan adanya rahmat. (Bacaan dalam Bahasa Arab) Ada perbincangan, ada pendekatan seperti cadangan Yang Amat Berhormat kepada YB. Ketari. Bincang dulu dengan MB, cerita dulu dengan MB kalau tak boleh dengan MB belajar dulu dengan YB. Damak. Ha… contoh, saya bagi contoh saya tak tahu la tadi, contoh yang terdekat.

(Bacaan dalam Bahasa Arab) Ini kita berazam, saya berazam ini nak menolong orang. Pahang dengan Bantuan Prihatin macam-macam, bagai-bagai. Bak kata rakan saya sebelah daripada Dong ini, muntah ya rakyat kita ya. Muntah dengan Bantuan Pahang Prihatin, muntah. Tapi Wakil Rakyat tak muntah lagi tak? Harap-harap dapat la Yang Amat Berhormat beri lagi-lagi la untuk kita ini tolong rakyat. Ha… harap-harap je la.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Insya-Allah.

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Er…. insya-Allah, alhamdulillah. Itu sahajalah saya nak ucapkan dalam ucapan hari ini dan saya menyokong penuh Usul Junjung Kasih daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian…

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*, boleh 3 minit?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Oleh kerana sepatutnya kita dah mengakhiri persidangan… menempohkan persidangan kita pada petang ini. Oleh kerana, Wakil Rakyat daripada Dong datang pun jauh saya ingat dan merupakan Wakil Rakyat yang *senior*, saya beri tempoh 5 minit Yang Berhormat. Boleh?

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Terima kasih Dato' Sri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

5 minit sahaja. Cukup 5 minit saya akan tutup *mic*. 5 minit, 5 *minutes only*.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

3 minit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

3? Okey, sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Dapat juga ruang untuk saya membahaskan Titah Ucapan Diraja tapi saya tak nak… 3 minit lagi. Yang pertama, nak menyokong penuh Ucapan Khas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Syabas tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Yang kedua, kita terima ini satu seorang, Titah Diraja. Tapi mungkin kita tidak perasan, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat mungkin tidak perasan dalam Titah Diraja ini ada 6 muka surat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja amat sukacita, puas hati ke atas pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita. [Ahli Dewan menepuk meja]

Mungkin orang tak perasan, yang pertamanya muka surat 9, yang kedua muka surat 17, yang ketiga muka surat 27, yang keempat muka surat 31, yang keenam muka surat 34. Kebawah Duli Tuanku bertitah *credit* kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam soal kebajikan, dalam soal COVID ini RM49 juta, Kerajaan Negeri berbelanja. Mana ada Kerajaan Negeri yang lain kecuali Selangor mampu berbelanja RM49 juta untuk rakyat seluruh peringkat. [Ahli Dewan menepuk meja]. Daripada yang tua sampailah Darjah 1. Itu satu.

Kemudian, Tuanku puji lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah seorang pemimpin peramah tetapi tegas. Ha… ini sebab itu tanah haram kena sodok… tegas. Bukan sahaja kaum Cina, tanah haram Melayu pun habis, lombong pun habis. Cameron Highlands atas ketegasan inilah mendapat pujian daripada Kebawah Duli Tuanku.

Yang ketiga, Tuanku berpuas hati dengan pelaburan RM6.8 juta daripada Belgium, Belanda, Singapore, China dan juga Thailand. Yang keempat, Tuanku Pemangku Raja berpuas hati dengan cara dan pelaksanaan Yang Amat Menteri Besar… Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam soal menangani ketirisan dan peningkatan pendapatan hinggakan tahun 2020… 2020 Kerajaan Negeri berjaya mengutip RM850 juta yang mana sasarannya RM744 juta bermakna 115%. Tepuk la sikit, gitu. [ketawa] [Ahli Dewan menepuk meja]

Dan *last* sekali, Kebawah Duli Tuanku merasa amat sukacita dan berpuas hati dengan pelaksanaan perumahan membela rakyat dalam negeri Pahang ini termasuklah Rumah Rakyat Pahang. Kerajaan Negeri Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah berbelanja hampir… mana angka ini tadi, RM19.7 juta.

Apa maknanya ini? Pemangku Raja puas hati, sukacita apa maknanya? Maknanya Kebawah Duli Tuanku amat menghargai prestasi, pemikiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan seluruh jentera pimpinannya untuk membangun dan membela negeri dan rakyat negeri Pahang ini. Ini dia ertinya. Sebab itu kita harus bangkit bersama. Pilihan raya mungkin setahun, dua tahun kita mesti bulatkan muafakat kita. Kita pastikan pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini menang lebih besar dalam Pilihan Raya Ke-15 nanti. [Ahli Dewan menepuk meja]

Ini semua, pertama saya lihat gan… di Dewan ini tak pernah kecoh kerana gandingan mantap di antara Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dengan Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*. Dato' Sri Yang di-Pertua boleh jaga Dewan dengan baik. Tak payah berhenti-henti dah [ketawa]. Yang kedua… [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa ayat Yang Berhormat? Tak dengar.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Kalau tidak tak bagi bercakap [ketawa]. Yang kedua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa lebih ke?

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Saya lihat tadi daripada semalam, apa tadi kita bincang, semalam bincang, tak ada orang pun sebut Dato' Sri SS kita. Kehebatan Kerajaan Negeri, pimpinan yang tegas, bijaksana, hormat orang, hormat dan kasih sayang bukan hanya kepada pimpinan Barisan Nasional tetapi pihak pembangkang PAS dan juga gandingan mantap dengan Dato' Sri SS dan jentera kerajaan membolehkan Pahang bangkit hebat sehinggalah hari ini. [Ahli Dewan menepuk meja]. Itu sahaja.

Jadi saya tak nak cakap lebih daripada itu lepas ini kita balik, kita cari masalah rakyat, kita dekati rakyat. PAS-UMNO muafakat, kalau kita berpecah habis lingkup semuanya. Apa lagi yang kita hendak. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sayang kepada Ahli-ahli PAS, hormat kepada Ahli-ahli PAS sebab itu muafakat ini akan memantapkan politik di negeri Pahang ini. Percayalah, saya pun yakin menengok wajah-wajah rakan-rakan daripada PAS rasanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri kita akan bersama.

Baik, insya-Allah. Haih… tepuk tak nak juga ya [Ahli Dewan menepuk meja]. Jadi itu sahajalah. Saya pun tidak hendak lebih daripada itu. Sekali lagi saya ucap terima kasih pada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua Dewan. Dengan ini saya menyokong Usul Titah Diraja. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. 5… 5 minit setengah Yang Berhormat. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seramai 16 Ahli telah mengambil bahagian. Saya mengucapkan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan lontaran idea-idea yang amat baik, bernas, fokus tanpa gagal mengangkat isu-isu rakyat di Dewan Yang Mulia ini.

Walaupun dalam tempoh masa yang terhad, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menggunakan masa itu dengan sebaik-baiknya. Saya dapat hayati setiap Yang Berhormat cukup matang, berhemah dan bijaksana, berhujah dengan begitu teliti sekali dengan masa yang telah ditentukan. Tahniah dan syabas.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kita bersidang dalam tatacara SOP tahap tinggi mengikut KKM dan MKN. Bukan lagi mengubah tataurus persidangan kita tetapi juga telah mengubah cara kita berkomunikasi, cara kita berhubung seperti memakai *mask*, jarak sosial, masa yang terhad malah telah mengubah cara hidup kita keseluruhannya.

Saya bercadang untuk memberi peluang kepada pihak kerajaan bagi memberi jawapan, ulasan pada hari esok, insya-Allah. Kita sambung semula persidangan pada 25 Ogos 2021, hari Rabu mulai jam 9:30 pagi. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan berada di Dewan yang ini… di Dewan Yang Mulia ini pada masa yang telah ditetapkan. Dengan itu, persidangan ditempohkan. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Persidangan ditempohkan pada pukul 3.25 petang]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-3
25 OGOS 2021 (RABU)

KANDUNGAN

HARI KE-3: 25 OGOS 2021 (RABU)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	JAWAPAN OLEH PIHAK KERAJAAN	18
5	RANG UNDANG-UNDANG:	
i	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN MAJLIS BANDAR RAYA KUANTAN 2021 KERTAS DN 1/2021	
	- BACAAN KALI PERTAMA	74
	- BACAAN KALI KEDUA	74
	- BACAAN KALI KETIGA	76
ii	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PAHANG 2021 KERTAS DN 19/2021	
	- BACAAN KALI PERTAMA	77
	- BACAAN KALI KEDUA	78
	- BACAAN KALI KETIGA	81
iii	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBADANAN TAMAN NEGERI PAHANG 2021 KERTAS DN 20/2021.	
	- BACAAN KALI PERTAMA	82
	- BACAAN KALI KEDUA	82
	- BACAAN KALI KETIGA	93

iv	**RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN BIODIVERSITI PAHANG 2021** **KERTAS DN 21/2021**	
	- BACAAN KALI PERTAMA	**94**
	- BACAAN KALI KEDUA	**94**
	- BACAAN KALI KETIGA	**100**
6	**USUL**	
	Usul Pelantikan Ahli Dewan Negara (1)	**101**
	Usul Pelantikan Ahli Dewan Negara (2)	**102**
7	**URUSAN-URUSAN AM**	**103**
8	**PENANGGUHAN**	**105**

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Ketiga : 25 Ogos 2021 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, - **Tioman**
SSAP., DIMP., PPA.
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	- **Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia**	- **Bebar**
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	- **Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Abd Rahim bin Muda, DSAP., AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	- **Lepar**
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	- **Pelangai**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	- **Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	- **Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	- **Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	- **Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	- **Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	- **Padang Tengku**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	- **Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	- **Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	- **Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	- **Muadzam Shah**

Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	-	**Cheka**
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Tuan Saiful Edris bin Zainuddin

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Rabu, 25 Ogos 2021
bersamaan 16 Muharam 1443 Hijriah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

SETIAUSAHA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam bahasa Arab]. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri, menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. [Bacaan dalam bahasa Arab]. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pada pagi yang ceria ini, kita masih diizinkan oleh Allah SWT berada dalam Dewan Yang Mulia bagi meneruskan persidangan kita pada pagi ini.

Marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran dan keinsafan dengan kalimah yang mulia Alhamdulillah, semoga Allah merahmati, melindungi dan selamatkan kita semua. Baiklah untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat kita pada kali ini saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Cheka untuk mengemukakan pertanyaan yang pertama. Sila Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama.

[Tahniah kepada negeri Pahang yang Berjaya meningkatkan nilai perdagangan Pahang ke 3.48 Bilion pada tahun 2020.

(a) Minta penjelasan sumber perdagangan yang menyumbangkan kejayaan ini.

(b) Minta bandingkan Nilai Perdagangan Pahang bagi tahun 2019 dan 2020]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Cheka yang bertanyakan soalan iaitu mengenai penjelasan sumber perdagangan yang menyumbangkan kepada RM3.48 bilion pada tahun 2020 dan yang kedua minta bandingkan nilai perdagangan pada tahun 2019 dan juga pada tahun 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua saya ingin menggabungkan soalan (a) dengan (b) ini disekalikan dan di samping itu saya minta juga Yang Berhormat daripada ADUN Cheka sebab ini agak... agak teknikal... angka, sediakan *calculator* supaya YB lebih faham sebab ini adalah perbandingan.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat daripada ADUN Cheka, nilai perdagangan kita kira adalah berdasarkan, jumlah nilai eskport campur dengan jumlah nilai import, seperti yang akan saya nyatakan tadi. Eksport maknanya barangan kita, kita hantar keluar, itu eksport. Import apa yang kita ambil daripada luar bawa ke dalam.

Jadi, Yang Berhormat ADUN Cheka pada tahun 2019... pada tahun 2019, nilai eksport kita ialah... "lemas juga la pakai ini, boleh minta ni dak"...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

... saya bimbang silap sebut angka. Saya sebut betul, takut dia keluar lain ya. [Ahli Dewan ketawa]. Pada tahun 2019 Yang Berhormat nilai eskport kita, yang kita eskport keluar RM25.399 bilion, okey dan nilai import yang kita bawa barang masuk ke negara kita… ke negeri kita RM13.566 bilion. Maknanya nilai perdagangan pada tahun 2019 ialah RM38.965 bilion eksport import ya, itu nilai.

Manakala bagi tahun 2020, nilai eksport kita RM28.793 bilion, pada tahun 2020, tahun lepas. Ini bermakna berlaku peningkatan kita bandingkan tahun 2019 dengan tahun 2020 sebanyak RM3.394 bilion. Angka tidak pernah berbohong ya, angka. Ini adalah

fakta. Maknanya tak boleh nak *adjust,* nak bagi naik, nak bagi turun, tak boleh. Ini adalah angka, yang benar dan tepat.

Manakala bagi nilai import kita pada tahun 2020 ialah RM13.654 bilion. *So* berbanding kenaikan berlaku sebanyak RM0.088 bilion berbanding 2019 dengan tahun 2020. Jadi, nilai perdagangan kita, eksport import ini, pada tahun 2019 RM38.965 bilion. Bagi tahun 2020, nilai perdagangan kita ialah RM42.447 bilion dan daripada situ kita dapatlah angka, Yang Berhormat ADUN Cheka tanya tadi, daripada manakah angka RM3.48 bilion pada tahun 2020? Maknanya kita daripada RM38 bilion ke RM42 bilion jadi berlakulah peningkatan RM3.48 bilion ya, jelas ya Yang Berhormat.

Saya hendak cerita sedikit lagi, peningkatan nilai eksport ini disumbangkan oleh 3 kompenan utama, 3 kompenan utama. Yang pertama sekali eksport barangan besi dan keluli, yang kedua barangan elektrik dan elektronik dan yang ketiga ialah keluaran petroleum bertapis.

Maknanya, kalau barangan besi dan keluli pada tahun 2019 RM3.940 bilion, manakala bagi tahun 2020 RM10.492 bilion peningkatan sebanyak RM6.55 bilion dan dari segi *percentage*nya 166%. Peningkatan daripada segi barangan besi dan keluli dan begitulah barangan elektrik dan sebagainya.

Yang Berhormat hendak tahu *details* lagi tak ataupun cukup setakat itu? Ya, Okey. Kalau tidak kita mengambil masa ya, sebab kita pun hendak pendekkan masa. Manakala daripada segi nilai import pula, nilai import saya sentuh sedikit iaitu barangan keluaran petroleum bertapis. Pada tahun 2019, RM1.338 bilion, pada tahun lepas 2020 RM1.85 bilion, berlaku peningkatan sebanyak RM477 juta ataupun 35.6%. Itu yang kita import.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan daripada saya… daripada Kerajaan agak jelas kerana kadang-kadang ada orang bertanya ataupun bukan dia mempertikaikan, tidak, tapi dia kata mana datang RM3.48 bilion ini, sebab ini adalah satu angka yang banyak dengan COVID dan sebagainya dan kita di negara ini dan kita di semenanjung Malaysia ini, kita menduduki tempat ketiga. Yang pertama Pulau Pinang, yang kedua saya tidak ingat, nombor tiga Pahang.

Jadi inilah angka-angka yang saya sebutkan di Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih. Kita pergi kepada soalan berikutnya. Jemput ADUN Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 2.

> [Sila nyatakan status projek RM18 juta yang diguna untuk mengatasi masalah kekeruhan air di Loji Sungai Bilut, Sungai Semantan dan Sungai Klau. Apa langkah akan digunakan oleh projek ini untuk membersihkan kekeruhan air sungai].

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya ucapkan terima kasih pada ADUN Tras yang bertanyakan soalan, "sila nyatakan status projek RM18 juta yang diguna untuk mengatasi masalah kekeruhan air di Loji Sungai Bilut, Sungai Semantan dan Sungai Klau. Apakah langkah-langkah yang akan digunakan oleh projek itu untuk membersihkan kekeruhan air sungai?"

Untuk makluman Yang Berhomat daripada ADUN Tras, peruntukan RM18 juta telah diluluskan untuk melaksanakan projek mengatasi masalah kekeruhan yang tinggi di Loji Rawatan Air Sungai Bilut, Loji Rawatan Air Sungai Semantan dan Loji Rawatan Air Sungai Klau.

Projek melibatkan pembinaan tangki pre-pemendapan, pre-pemendapan, YB tau pemendapan kan? Ataupun dalam bahasa inggerisnya, dengan izin, *pre-sedimentation Tank.* Makna kita hendak mendapkan air itu, ya. Ianya berfungsi untuk menakung air mentah yang keruh untuk tempoh masa tertentu di mana proses pra-rawatan air mentah yang ditakung ini akan dibuat dengan menggunakan bahan kimia yang bersesuaian untuk merendahkan nilai kekeruhan kepada nilai kekeruhan yang boleh dirawat oleh loji rawatan air berkenaan.

Seterusnya, air mentah ini akan disalurkan kepada Loji-loji Rawatan Air yang berkenaan untuk proses pengeluaran air bersih. Manakala daripada segi status kemajuan projek ini, yang pertama kerja-kerja segera bagi mengatasi masalah kekeruhan yang tinggi di Loji Rawatan Air Sungai Bilut, Daerah Raub, Kos Kontrak: RM 7.6 juta, tarikh mula kerja 27 April 2021, tarikh tamat 26 April 2022, jadual 13.5%, sebenar 10.5%. Berlaku sedikit kelewatan.

Ini saya rasa mungkin ada berkaitan dengan COVID ini. Kadang-kadang nak buat tapi barang tak ada. *Supply of chain* er… saya rasalah. Mungkin ada kaitan di situ. Manakala kerja-kerja tanah bagi *platform level* dan *piling survey* telah selesai.

Yang kedua, kerja-kerja segera bagi mengatasi masalah air kekeruhan yang tinggi di Loji Rawatan Air Sg.Semantan di Raub. Kerja kontrak: RM 5.2 juta, tarikh mula 22 Februari 2021, tarikh tamat 27 Februari 2022, jadual… mengikut jadual 26%, sebenarnya 26%. Yang ini mengikut jadual tidak berlaku kelewatan. Kerja-kerja jalan keluar masuk, longkang, kerja tanah dan pembersihan kawasan telah pun selesai.

Yang ketiga yang terakhir untuk makluman Yang Berhomat daripada er… Tras. Kerja-kerja segera bagi mengatasi masalah kekeruhan yang tinggi di Loji Rawatan Air Sg.Klau di Raub juga. Kos kontrak: RM 3.4 juta, mula kerja 22 Februari 2021, tarikh tamat 27 Februari 2022, sepatutnya mengikut jadual 42%, tetapi sebenar 37%. Lewat sebanyak 4%. Kerja-kerja pembersihan tanah bagi laluan sementara dan kerja-kerja pembersihan bagi tapak bina telah dilakukan pada 16 yang lalu. Kerja-kerja menambun tapak dan *piling* telah pun selesai.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya sendiri pernah pergi ker er… Dato' Aziz, hari tu saya pergi ke mana… Dato' Shah? Yang saya pergi melawat hari tu? Bilut, ha, saya sendiri pergi ke Loji Rawatan Air di Bilut untuk melihat kerja-kerja awalan. Jadi itu sahajalah Yang Berhomat Yang di-Pertua, saya harap

ADUN Tras mendapat penerangan yang jelas dari apa yang saya sebut tadi. Terima kasih Yang Berhomat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhomat baiklah kita beralih kepada soalan berikutnya saya jemput wakil daripada Chenor.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua soalan saya soalan nombor 3.

> [Kewujudan rumah rakit di persisiran sungai yang dijadikan "*Rakitstay*" atau penginapan rumah rakit boleh merancakkan sektor perlancongan domestik.berapakah jumlah "*Rakitstay*" yang didaftarkan dan apakah kerajaan menyediakan peruntukan untuk membantu usahawan "*Rakitstay*" ini?]

YANG BERHOMAT DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang di-Pertua,
Untuk soalan ya, terima kasih kepada Wakil daripada Chenor. Untuk soalan yang dikemukakan oleh wakil daripada Chenor yang mencadangkan supaya kita mempunyai satu *terminalogy* baharu kepada chalet ataupun rumah tumpangan yang ianya terapung dalam air iaitu rumah rakitlah, rumah rakit dinamakan sebagai Rakitstay.

Saya er… walau bagaimanapun setakat ini kita masih lagi belum mendapat apa-apa persetujuan daripada pihak kementerian. Walau bagaimanapun kita akan cuba untuk kita memaklumkan bahawa inilah adalah satu cadangan yang baik. Kerana di dalam *tourism* ini, pelancongan ini, yang paling penting ialah *branding, branding* itu penting. Orang kenal Kuantan sekarang ini kerana menaranya. Orang tau Temerloh kerana titik tengah Semenanjungnya. Orang tau Bentong kerana er… mungkin Janda Baik ataupun Genting Highlands. Orang tau Cameron Highlands kerana apa? Kerana dia sejuk. Orang tau Raub kerana apa? Kerana Durian Musang King.

This is a branding. Yang kena ada, yang kita kena buat. Kalau dulunya kita hanya ada homestay, kemudian ditukar menjadi kampungstay tetapi kita *segmentize*kan iaitu Rakitstay. Supaya orang dalam pemikiran pelancong dia dah tau dah bahawa Rakitstay ni adalah rumah yang terapung di atas air. *Because*…sebab ramai dikalangan pelancong-pelancong sekarang ini dia hendakkan pengalaman atau *exprerience,* dengan izin. *Exprerience* ataupun pengalaman itu sangat penting.

Walau bagaimanapun dari segi Rumah Rakit ini terdapat banyak di Rompin iaitu di Sungai Pontian dan Sungai Rompin sebanyak 50 rakit dan juga chalet. Dia ada 2. Siapa yang hendak *exprerience* duduk kat atas darat, dia duduk kat chalet. Sapa nak *exprerience* duduk di atas rakit, dia bergoyang. Jadi dia sentiasa bergoyang jadi tidak ada masalahlah dan dia sentiasa bergoyang maka dia er… apa namanya dan selamat. Kita juga terdapat er… rakit restoran. Restoran rakit er… ataupun rakit restoran di Taman Negara ya. Ada terdapat 2 atau 3 di Taman Negara. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik. Terima kasih Yang Berhomat. Kita jemput Wakil dari Muadzam Shah, soalan berikutnya.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya er… kemukakan er… pertanyaan nombor 4.

> [Sungai Rompin sangat popular dengan hasil udang galah malah ia menjadi tarikan utama kepada pelancong untuk berkunjung ke Rompin terutamanya kawasan R&R Leban Chondong.
>
> Selain dari menjadi menu makanan yg lazat, aktiviti melihat udang galah secara 'live' melalui kaedah memancing, mengempang dan sebagainya di Sg Rompin ianya juga berpotensi untuk menarik pelancong luar datang dan menetap di rumah-rumah rakit.
>
> Apakah Jabatan Perikanan Negeri Pahang atau mana-mana agensi yang berkaitan ada merancang utk mewujudkan 'sanctuary' udang galah secara semula jadi Sg Rompin?]

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Terima kasih kepada Yang Berhomat daripada ataupun sahabat saya daripada Muadzam Shah yang membangkitkan tentang er… industri ataupun er… udang galah ya, di Rompin ni. Dan sebenarnya sama ada pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan santuary udang galah di Rompin.

Jadi er… sebagaimana yang kita sedia maklum, melalui Jabatan Perikanan Negeri Pahang, kita menyedari bahawasanya daerah Rompin ini mempunyai potensi yang cukup baik dan terkenal dengan hasil perikanan khususnya udang galah dan er… bagi tujuan kelestarian, pihak jabatan telah mengadakan program-program tertentu untuk pastikan stok ataupun bekalan udang galah ini terus dapat dipertingkatkan.

Dan untuk itu Jabatan Perikanan dia… mengadakan program pelepasan benih. Pelepasan benih, benih udang galah ini ke sungai-sungai di daerah Rompin. Malahan kalau kita lihat misal contohnya mengikut statistik yang ada di jabatan er… Perikanan dalam tahun er… antara tahun 2010 hingga ke tahun 2018 sebenarnya er… Jabatan Perikanan telah melepaskan lebih kurang 320,000 benih-benih er... udang galah ini.

Dan usaha yang baik ini diteruskan daripada tahun 2019 hingga 2021 iaitu dalam bulan Julai, makna baharu-baharu ini kita er... apa nama pelepaskan lagi. Iaitu sejumlah tambahan 635,850 yang kita lepaskan dan antara sungai-sungai yang kita lepaskan benih-benih ini ialah di er... Sungai Rompin iaitu di kampung er... Gading, Kampung Kedaik dan juga Sungai Anak Endau. Sungai Anak Endau di Kampung Seringkin dan

ini kita buat program seumpama itu. Jadi alhamdulillah dan insya-Allah dengan usaha yang kita buat ni kita dapat terus er... meningkatkan lagi usaha untuk er… pengeluaran udang-udang galah ni er… dapat dilaksanakan dan daerah Rompin memang terkenal dengan keistimewaan ini.

Manakala soalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya itu sama ada kita nak ada perancangan untuk mengadakan santuari udang galah. Kalau ikut istilah santuari ini dia merupakan satu tempat perlindungan*, enclave*lah, *protection* dalam bahasa inggeris ya. Mana-mana… kalau santuari, kalau dia pergi situ kawasan tu akan dilindungi lin…dilindungi. Tak kiralah kalau santuari untuk udang begitu, santuari kelah misal contohnya di… di Taman Negara, kita ada santuari dan di kawasan itu kita ada er… tata ataupun tatasusila atau pun SOP yang telah pun ditetapkan.

Dan lazimnya memang er… kawasan tu kita tidak menjalankan atau tidak membenarkan aktiviti-aktiviti er… yang boleh menyebabkan spesis yang kita nak lindungi ini terancam. Sebab tu dalam konteks seumpama ini mana-mana santuari yang hendak dicadangkan kena ada buat kajian. Kajian ini perlu, bukan sahaja semata-mata kita er…isytiharkan kawasan tersebut sebagai kawasan santuari tetapi dia mesti melibatkan semua pihak.

Pertama dalam konteks seumpama ini ialah penduduk setempat. Bila ada sungai tu, kita katakan kawasan ini adalah santuari udang galah. Maka kawasan itu dilindungi dan apabila dilindungi, penduduk setempat tidak boleh pergi melaksanakan aktiviti seperti biasa. Tak bolehlah lepas tu dia nak menangkap udang seperti biasa.

So yang ini kena difahamkan. Maknanya penduduk setempat kena bersetuju untuk sama-sama menjayakan santuari ni, dan pada masa yang sama juga er… pihak-pihak lain yang ada di persekitaran. Contohnya santuari ni tadi kalau kita nak laksanakan, kita kena pastikan semua aspek termasuk alam sekitar dan aspek-aspek penjagaan itu dipatuhi.

Sekiranya ada misal contohnya sekeliling itu er… ladang-ladang sawit ataupun aktiviti pertanian, mereka ni mestilah diberi maklum bahawasanya tidak boleh sesuka hati melaksanakan…melaksanakan er… aktiviti-aktiviti mereka tanpa merujuk kepada aspek santuari ni tadi, sebab dia ni apa seperti yang saya katakan tadi santuari ni adalah hub ataupun tempat perlindungan…perlindungan, sebab tu dalam konteks seumpama ini.

Sebenarnya dalam dunia, kita tak ada lagi santuari udang ni… udang galah ni. Tak ada udang, susah. Maknanya kalau ikan tu mungkin kita boleh laksanakan tetapi er… udang ini nampaknya belum lagi. Sebab itu dalam aspek ini er… Jabatan er… Perikanan er… kalau sekiranya kita nak mencadangkan santuari menyatakan kita kena buat kajian. Kajian yang khusus mengenai perkara ini.

Insya-Allah, tapi idea tu baik, tinggal lagi sekiranya er… kita nak melaksanakan, dia kena mengambil pelbagai aspek yang perlu supaya santuari ni terus er… bertahanlah. Dapat bertahan lama, kalau tidak nanti mungkin ianya tidak dapat dipertahankan, insya-Allah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan yang berikutnya. Saya jemput ADUN dari Teruntum. Sila YB.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5.

[Dewan Sidang Pahang yang Baru di KotaSAS

a) Bilakah dewan sidang Pahang yang baru akan disiapkan sepenuhnya dan bilakah ianya boleh digunakan.

b) Berapakah kos yang diperuntukkan untuk projek ini?

c) Adakah semua urusan SUK Pahang akan dipindah pada waktu yg sama?

d) Selepas perpindahan, apakah rancangan kegunaan bangunan SUK sekarang?]

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Terima kasih di atas soalan yang diberikan untuk saya menjawab soalan daripada Teruntum. Teruntum bertanyakan er... soalan berkaitan dengan Dewan Sidang Pahang yang Baru di KotaSAS. Saya fikir Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua er... Dewan er... projek yang dimaksudkan oleh Teruntum adalah Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah yang dalam pembinaan.

Soalan pertama Teruntum bilakah Dewan Sidang Pahang yang baru akan disiapkan sepenuhnya dan bilakah ianya boleh digunakan. Er... untuk makluman Sidang Dewan Yang Dimuliakan, pada asalnya er... kita jangkakan kita telah boleh beroperasi tetapi disebabkan oleh pelbagai masalah, yang terkini er... kelulusan diberikan kepada pemaju atau pun er... syarikat pembina adalah pada 26 Julai 2021 untuk disiapkan.

Soalan yang kedua, berapakah kos yang diperuntukkan untuk projek ini?. Kos semasa adalah RM415.5 juta.

Soalan yang seterusnya, adakah semua urusan di pejabat SUK akan dipindah pada waktu yg sama? Jawapannya adalah perpindahan pejabat-pejabat yang ada di SUK ni akan dilaksanakan secara berperingkat tertakluk kepada tarikh penyiapan sebenar bangunan PPSAS yang berkenaan.

Soalan keempat, selepas perpindahan, apakah rancangan kegunaan bangunan SUK sekarang? Jadi bangunan SUK yang mana Dewan Sid... er...Dewan ini juga sebahagian daripada kompleksnya adalah er... hakmilik kerajaan. Jadi selepas daripada ini, pihak Kerajaan akan membuat keputusan bila sampai waktunya. Buat masa ini ada beberapa cadangan dan pertimbangan yang sedang dalam kajian. Jadi

saya percaya mana-mana pihak yang ada cadangan bolehlah mengemukakan kepada pihak YAB. Menteri Besar atau pun pihak SUK. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 6.

> [Begitu ramai yang bergantung kepada *video apps* untuk terus menyantuni antara satu sama lain ketika negara melaksanakan PKP bermula 18 Mac 2020 yang lalu. Sejauh mana teknologi 5G telah dilaksanakan di Pahang? Adakah tempat-tempat sub-urban seperti Kampung Jaya Gading dan Kampung Pulau Manis, Gambang disediakan dengan teknologi *wireless* yang mampu membolehkan masyarakat terus bergerak seiring dengan budaya baru ini?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirahmanirrahim, terima kasih kepada sahabat saya daripada Pulau Manis mengemukakan soalan nombor 6. Untuk makluman Sidang Dewan, er... buat masa ini tiada lagi masa yang spesifik tentang pelaksanaan liputan 5G di negeri Pahang dan perincian, dan perancangannya setelah diambil kira setelah kita menyiapkan projek Fasa 1 JENDELA bagi negeri Pahang.

Projek Fasa 1 ini adalah kita melibatkan penamatan perkhidmatan 3G secara berperingkat sehinggalah untuk digantikan dengan pemantapan rangkaian 4G sehingga tahun penghujung tahun 2022 dan pembangunan infrastuktur ini adalah termasuk untuk kita membina 20...270 tapak baharu dengan teknologi 4G.

Menaiktaraf 1,666 stesen pemancar kepada teknologi 4G dan di seluruh negeri Pahang dan menyediakan akses gentian optik kepada 118,260 premis. Di mana dalam JENDELA fasa 1 ini, 2 menara baharu akan dibina di Jaya Gading dan juga Pulau Manis, Gambang. Selain daripada 4 menara baru yang akan dibina di Kampung Mencupu, Kampung Pelak, Kampung Jambu Air dan Kampung Pulau Rusa.

Dan di antara kita untuk menaik taraf stesen pula, daripada 1666, 36 stesen yang akan dinaik taraf adalah di Pulau Manis. Manakala gentian optik daripada 118,260 premis yang akan dinaik taraf seluruh negeri Pahang, 1800 nya adalah berada di Pulau Manis. Jadi saya berharapkan dengan teknologi yang kita... dengan menara-menara yang akan dibina ini, dengan pencawang-pencawang yang akan dibina serta stesen-stesen yang akan dinaik taraf akan memberikan perkhidmatan 4G yang lebih baik pada masyarakat di DUN Pulau Manis. Sekian.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Er… pertamanya terima kasihlah apabila permohonan yang diajukan dalam perjumpaan di Cameron Highlands pada tahun lepas, jadi pada hari ini telah pun dijawab tapi ada beberapa perkara iaitu berkaitan dengan pencawang-pencawang yang telah di*upgrade* er… di kawasan-kawasan di perkampungan terutamanya. Adakah er… telah diuji keupayaan capaian internetnya di tempat-tempat yang berkenaan? Sebab kita masih lagi mendapat aduan daripada penduduk tempatan bahawa banyak lagi tempat-tempat dan kawasan yang sebenarnya tergendala berkaitan dengan capaian internet. Jadi sehubungan dengan keadaan kita PDPR sekarang, di mana keperluan tersebut amat diperlukan, jadi saya berharaplah supaya kegiatan kita untuk *upgrade* ini boleh menampung dan memberi manfaat kepada anak-anak kita dalam melaksanakan pembelajaran PDPR. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Pulau Manis. Untuk makluman Sidang Dewan, di kawasan Pekan hanya ada 2 menara baru yang telah siap *on air*. Pertamanya di Kampung Langgar, yang keduanya di Kampung Alu Ara, dan manakala bakinya daripada projek JENDELA ini akan mula dilaksanakan pada September 2021, dan belum dibina lagi setakat ini dan mana lebih itu akan dilaksanakan pada bermula pada September 2021.

Dan pada itu juga, saya ingin memaklumkan pada Sidang Dewan tentang spesifikasi pembinaan pencawang-pencawang ini mestilah memberikan liputan yang baik kepada masyarakat.

Untuk makluman Sidang Dewan, setiap pembinaan pencawang-pencawang baru mestilah menepati spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, dan apabila pencawang telah siap, ujian akan dilaksanakan sebelum diberikan kelulusan. Sebelum diberikan kita ke udara.

Jadi sebagaimana kita lawat, contohnya kita pergi di Cheka baru-baru ini di Kampung Sungai Lik dan kita melawat menara baru dan bila kita pergi situ, kita dapat lihat bahawa di bawah menara tersebut di kawasan berhampirannya mestilah ada 4G dan penuhnya dia punya liputan.

Begitu juga pelaksanaan atau pembinaan menara-menara di seluruh negeri Pahang, dan kita ingin memastikan bahawa menara-menara ini mesti dibina mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Dan juga saya juga ingin memintalah kerjasama daripada seluruh Ahli-ahli Dewan agar dapat memaklumkan kepada saya, pada kerajaan dan juga pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia supaya setiap aduan ataupun masalahan dapat kita ambil dengan sebaik-baiknya dan insya-Allah apa yang kita utarakan itu, kita akan membuatkan tindakan yang sewajarnya untuk memastikan liputan *internet* yang terbaik akan diadakan di negeri Pahang kita, insya-Allah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya difahamkan bahawa kerajaan bercadang untuk menaiktaraf perkhidmatan *Streamyx* ke *Unifi* di negeri Pahang dan dijangka siap mungkin tahun depan. Jadi untuk kawasan Triang, terutamanya Bandar Triang, masih ada beberapa kawasan yang belum ada liputan *Unifi*. Jadi mohon penjelasan kerajaan, apakah perkembangan setakat ini?

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih daripada Triang. Sebab itu saya katakan tadi, kerjasama semua pihak di antara kerajaan dan juga daripada Ahli-ahli Dewan dalam untuk kita menyampaikan maklumat dan keperluan rakyat dalam kawasan masing-masing dan kawasan Triang juga tidak terlepas. Jadi untuk perinciannya mungkin jawapan secara bertulislah ya. Saya tak ingatlah semua kat sini.

Jadi untuk Triang, kita berikan jawapan secara bertulis tetapi sukalah saya mengingatkan kita semua agar dapat memberikan maklumat-maklumat ini sebagai mana kita adakan di Cameron Highlands tempoh hari bersama Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya dapat menyalurkan maklumat tersebut dan pelaksanaan JENDELA ini, projek JENDELA ini akan dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Kadang-kadang mungkin tempat ini di A tapi sebenarnya patutnya di B. Maknanya maklumat itu kita akan kaji bersama dengan pihak SKMM supaya pelaksanaannya menepati, setiap yang apa dikehendaki oleh rakyat dalam negeri Pahang. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi soalan berikutnya saya jemput Wakil daripada Chini.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan ke-7.

> [Bagaimana usaha pihak FELDA dapat membantu kebajikan warga peneroka yang menghadapi sakit kronik dari segi bantuan perubatan dan keperluan peralatan sakit.]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih ADUN Chini. FELDA pada 2005 melalui Jabatan Pembangunan Komuniti telah mewujudkan Skim Bantuan Peneroka. Bermula pada 2005 dengan dana RM500,000.00 dan hingga kini FELDA telah memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta untuk FELDA Negeri Pahang bagi Skim Bantuan Peneroka-peneroka.

Tujuannya adalah untuk meringankan dan menampung kos perbelanjaan peneroka yang menghadapi masalah penyakit kronik, bencana alam dan memberi peralatan kesihatan seperti katil dan sebagainya. Sekian terima kasih.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Boleh.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Exco. Soalan saya, bagaimanakah untuk mendapatkan bantuan tersebut? Dan yang kedua, berapakah maksimum bantuan yang dapat dipohon mengikut kategori?

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih, suatu soalan yang jelas untuk ditatapi, didengar oleh peneroka-peneroka iaitu cara nak mohonnya adalah sangat mudah. Iaitu berjumpa dengan Pengurus Rancangan, isi borang, Pengurus Rrancangan hantar kepada Pegawai Wilayah, Pegawai Wilayah hantar ibu pejabat Kuala Lumpur. Itu cara paling mudah.

Nombor 2, soalan nombor 2 iaitu jumlah, iaitu bagi bencana alam, pihak pengurusan FELDA memperuntukkan RM10,000.00 jika ada rumah-rumah peneroka mengalami ribut kencang, runtuh atap dan sebagainya. Untuk penyakit kronik juga maksimum ialah RM10,000.00 juga iaitu er… tetapi mesti ada pengesahan doktor, resit rasmi kos perubatan daripada hospital yang terlibat.

Untuk kesihatan, beli-beli peralatan kesihatan. Kadar maksimum hanya RM5,000.00 sahaja, iaitu kena ada sebutharga daripada farmasi, serah kepada pihak pengurusan

FELDA di Rancangan, dapat surat *GL Letter.* Maknanya surat apa tu? Surat jaminan daripada FELDA boleh bawa surat tersebut pergi ke farmasi beli katil, beli peralatan-peralatan keperluan kesihatan.

Jadi FELDA terutama negeri Pahang, bersama Kerajaan Negeri, kita ada tiga jumlah peruntukan kesihatan untuk peneroka FELDA. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik terima kasih Pengerusi Jawatankuasa FELDA. Seterusnya soalan terakhir kita pagi ini, saya jemput Wakil daripada Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan saya, soalan 8.

> [Bandar Kuantan dilanda banjir kilat yang teruk pada awal tahun ini seperti di Jalan Dato' Lim Hoe Lek, Jalan Haji Ahmad, Jalan Bukit Setongkol. Apakah tindakan telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pahang dan agensi yang terbabit?
>
> Apakah perancangan Kerajaan untuk mengelakkan perkara ini berulang?]

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin menerangkan sedikit tentang geografi ya, tentang kejadian banjir terutamanya di Kuantan ini.

Minta izin untuk buka *mask,* Yang di-Pertua?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat Dato'.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Sebenarnya Sungai Kuantan ini panjangnya daripada ulu Sungai Lembing sehingga ke Kuala Muara Sungai Kuantan ini sejauh 83 kilometer kalau tak silaplah ya. Er… dan terdapat 16 *sub-basin.* Dimana anak-anak sungai kebanyakan yang mengalir daripada ulu sungai sama ada daripada Sungai Lembing dan akan mengalir keluar ke Kuala Sungai Kuantan termasuklah daripada tempat saya sendiri Gambang ya. Gambang masuk Sungai Belat dan kualanya masuk ke Sungai Kuantan ada 16 lah.

Boleh sebut ringkas di sini, Kuala Kenau, Sungai Kenau, Sungai Nadak, Sungai Riau, Sungai Pandan, Sungai Chereh, Sungai Reman, Sungai Soi, Sungai Tiram, Sungai Talam, Sungai Galing, anak Sungai Galing, Sungai Belat. Mungkin er… YB. Semambu pun tak mahir lagi, tak mengenal lagi beberapa sungai ni mungkinlah, saya harap beliau akan tahulah. Sebenarnya kejadian banjir ni disebabkan dua punca.

Pertama berkaitan dengan taburan hujan yang turun pada waktu berkenaan dan keduanya adalah waktu air pasang surut, sebab Kuantan ni kalau ikutnya paras air, paras Bandar Kuantan ni adalah 3.8 meter ataupun 4 meter daripada paras laut ya. Jika air pasang besar sehingga 4, 3.8 ataupun 4 meter, sebahagian air sungai, air laut akan masuk ke dalam Sungai Kuantan ya.

Saya pun dapat maklumat daripada pihak NAHRIM sebab kejadian banjir pada 2012 ya. Di mana dalam tempoh 1 jam kadar hujan yang turun sebanyak 300 millimeter ya, menenggelamkan sebahagian Bandar Kuantan yang bermula pada Sungai Galing dalam tempoh sejam sahaja ya, tenggelam dan manakala pada 2013, banjir besar melanda daerah Kuantan terutamanya di kawasan Sungai Isap dalam tempoh 48 jam, 960 milimeter air hujan yang turun ya. Jadi ini sebenarnya tidak dapat menampung ibarat kita mencurah satu botol air 1 liter ke dalam satu gelas yang berkapasiti 500 liter ya er… 500 mililiter. Jadi apabila hujan turun dengan lebat keadaan apa ni sistem perparitan tidak dapat menampung walaupun kita tengok sini adanya Parit Jawa.

Kalau saya sentuh kejadian berlaku di er… Bukit Setongkol ataupun Jalan Lim Hoe Lek ini. Kalau Bukit Setongkol ni sungai yang terlibat adalah daripada er… Sungai Talam ataupun Sungai Tiram dan er… kalau di Jalan Lim Hoe Lek ini melibatkan aliran air daripada sungai daripada Bukit Sekilau ya, kalau tak… yang ni maklumat yang saya dapatlah ya. Jadi air ini akan mengalir manakala sistem longkang yang ada di dalam bandar ni… Bandar Kuantan ini berkapasiti dapat menampung hujan dalam 600 mililiter hingga 100 mililiter sahaja ya.

Bila hujan turun dengan lebat, maka berlakulah limpahan menyebabkan banjir dan er… pihak JKR, pihak MBK ataupun JPS telah mengenal pasti punca kejadian banjir yang berlaku pada awal Januari tahun ini. Air hujan turun sebanyak pada 23 Januari; 319 mililiter, 24 Januari 2021; 126 mililiter dan pada 25 Januari 2021; 154 mililiter sedangkan kapasiti yang boleh menampung cuma 60 hingga 100, lebih daripada 100 jadi dan er… punca-punca telah dikenal pasti terutamanya Jalan Lim Hoe Lek. Kita tengok ada dalam video diviralkan sebuah kereta tenggelam ya. Sebenarnya tenggelam itu bukan apa, dia salah *alignment* masuk ke longkang, patutnya dia ikut jalan *straight* tapi dia dah ke tepi, ada 2 3 buah kereta yang tenggelam.

Punca-punca yang berlaku di Jalan Lim Hoe Lek ini, saya pun lepas pada hari berkenaan telah pergi sendiri bersama dengan beberapa pegawai saya ingat JPS, JKR dan MBK, mengenal pasti terdapatnya *cross culvert* dengan izin, antara longkang tepi jalan Jalan Lim Hoe Lek depan LA Lighting tu atau pun ada satu hotel dah lupa namanya hotel apa namanya, dah lupa dah ya.

Jadi, satu *cross culvert* cuma berkeluasan er… 2 kaki persegi. Mungkin dah lama dan berlakunya sumbatan buah kelapa di dalam tu ya, terdapatnya buah kelapa dan kita telah melakukan kerja-kerja pembersihan segera supaya aliran air terus mengalir daripada… air ini berpunca daripada Bukit Sekilau ya, Bukit Sekilau turun dan masuk ke *monsoon drain* Jalan Sekilau hinggalah lalu depan Kompleks Belia dan masuk ke er… anak Sungai Galing dekat dengan Kemaman Kopitiam tu dan *cross* er… masuk ke Sungai Galing ya. Aliran air berbentuk dalam *zig zag* lah ya, sebab keadaan muka bumi macam tu. Jadi inilah satu-satu punca apabila aliran air tersekat atau tersumbat ataupun aliran air yang berliku-liku menyebabkan keadaan banjir di sesuatu kawasan contohnya Jalan Lim Hoe Lek lah.

Kalau Bukit Setongkol pun samalah daripada Sungai Tiram, Sungai Talam masuk ke Parit Jawa dia terus masuk ke Sungai Kuantan. Ini menyebabkan er… apabila hujan yang lebat air pasang tapi pada hari berkenaan saya rasa air tidak pasang besarlah saya ingat dalam 2.5 atau 2.3 sahaja eh 3.5 atau 3.3 macam tulah tidak besar tapi sebab keadaan hujan yang lebat menyebabkan kerja-kerja er… longkang ni tersumbat dan menyebabkan er… apa ni gangguan pada penduduklah pada ketika itu.

Dan ada beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak agensi er… untuk tindakan segera memang kita melakukan kerja-kerja pembersihan ya. Kalau kita tengok Padang MPK 2 tu dulu adalah padang yang sangat popular dengan program Jom Heboh dan sebagainya. Sebahagian telah dibina er… padang futsal untuk bolasepak. Ini sebenarnya adalah kawasan yang sesuai untuk menadah air, dia panggil *retention pond* ya. Apabila air pasang dia akan melimpah dulu sementara masuk ke kawasan Padang MPK 2 ya. Jadi pada… pada hari kejadian itu hujan memang terlalu lebat yang menyebabkan tidak boleh menampung. Kalau ikut air daripada padang ni akan mengalir masuk ke Pasar Besar dan terus mengalir ke anak Sungai Galing dekat Megamall, itu beberapa cadangan yang berlaku untuk jangka masa pendek ya.

Untuk jangka panjang er… saya tengok pihak er… JKR pun ada mohon termasuk juga daripada JPS ya, telah memohon peruntukkan sebanyak RM2.5 hingga RM3.0 juta untuk membesarkan sistem-sistem perparitan yang terdapat di Bandar Kuantan. Kalau saya masa bekerja di MBK dulu, ini memang tugas sayalah saya nak cerita, di Bandar Kuantan ni ada 4 *tunnel* bawah tanah yang dibina oleh British dulu untuk mengatasi masalah banjir, memang besar.

Saya ingat kereta pajero pun boleh masuk bermula di Sekolah Sultan Abdullah hinggalah keluar ke Sungai Kuantan tapi er… teknologi kita sekarang ni lebih kepada *open rain* ya, *open rain* air boleh masuk dan menyebabkan limpahanlah. Tapi itu sebenarnya baik, tapi dengan ada peruntukkan yang lebih besar er… saya menganggarkan pihak Kerajaan Negeri sendiri sudah memohon pada Kerajaan Persekutuan untuk membesarkan sistem-sistem perparitan yang ada di dalam Bandar Kuantan ya er… Ini dalam laporan saya dapat dari JPS, Projek Lembangan Bersepadu Sungai Kuantan Fasa 1, 2, 3 dan 4 dalam RMKe-11 telah diluluskan sebanyak RM500 juta ya.

Fasa 1 Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu Sungai Kuantan di Sungai Belat yang sedang dilaksanakan sekarang adalah sebanyak RM112 juta, yang sedang dilaksanakan ya. Manakala Fasa 3 Projek Tebatan Banjir dengan membina dan mencegah banjir di Perkampungan Cenderawasih dan mempertingkatkan er… ban sedia ada di Sungai Isap serta berkaitan. Orang pun ada *complaint* sebab apa ban sebelah je. NAHRIM datang saya ingat pernah jumpa saya dulu, sebab apa ban sebelah? ban sebelah sini belah hala ke Sungai Isap tidak di sebelah Cenderawasih ya. Dah peruntukkan dapat belah Sungai Isap, Sungai Isaplah sekarang baru akan ada peruntukan untuk di belah Cenderawasih.

Kita tengok 2013 Cenderawasih memang teruk banjir sebab air tak lepas daripada er… seberang Sungai Isap sini dan dia akan pergi ke Cenderawasih. Itu adalah beberapa cadangan yang telah dikemukakan er… pada keseluruhannya ada

sebanyak 150 juta telah dimohon kepada Kerajaan Persekutuan dalam RMKe-12 untuk mendalamkan muara sungai serta membina struktur hakisan dan sehingga kini masih menunggu kelulusan daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Saya tengok Sungai Kuantan ini sendiri sebenarnya 2/3 adalah sedimen di muara ya, itu menyebabkan air hujan yang lebat dan paras air pasang akan menyebabkan sebahagian Bandar Kuantan ini akan tenggelam, sekian itu sahaja Dato' Sri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima kasih kepada pihak kerajaan er… penjelasan yang sangat terperinci er… dan er… kami dapat tahu ada juga langkah segera dan juga langkah jangka masa panjang untuk mengatasi isu ini er… saya juga turut cadangkan ataupun er… soalan saya adalah er… pihak kerajaan dapat jelas, dapat mengenal pasti tempat-tempat *bottleneck* contohnya depan Jalan Lim Hoe Lek depan stadium tu er… ada *culvert* yang terlalu kecil kapasitinya.

Jadi… maka ia menjadi *bottleneck* dan er… telah mengakibatkan banjir kilatlah berlaku. Bolehkah er… pihak MBK ataupun pihak kerajaan kerahkan pasukan contohnya pasukan komuniti prihatin ataupun ahli-ahli majlis yang ada, untuk mengenal pasti er… kita panggil *bottleneck-bottleneck* yang ada. Sebab *bottleneck* bukan sahaja wujud di Lim Hoe Lek, Jalan Haji Ahmad pun sama.

Jalan Bukit Setongkol saya jangka pun sama dia dibawah tanah er… untuk apa tu untuk menyeberangi ataupun melintas jalan tu bawahnya ada *culvert* yang terlalu kecil jadi semua ini saya rasa boleh diatasi dengan ada langkah yang lebih proaktif. Kita buat err… pengenalpastian lebih awal dan kemudian kita arahkan supaya pembersihan dibuat sebelum monsun. Jadi ini persoalan saya, terima kasih.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Hormat Yang di-Pertua,
Sebenarnya kita dah ada *taskforce team* dengan izin, yang diketuai oleh pihak er… MBK bersama dengan SWCorp, JKR, Roadcare, YP Maintanance er… dan ada beberapa agensi lagilah, yang sentiasa memantau kerja-kerja bukan sahaja pembersihan tapi melibatkan kerja-kerja pencucian longkang ya. Dan untuk makluman Ahli-ahli Dewan, saya difahamkan oleh pihak JPS, kerja-kerja pembersihan longkang monsun akan dilaksanakan setahun sebanyak 2 kali, bulan 5 sekali ataupun bulan 10

sekali ya. Itu yang kerja-kerja memang sudah ada *team* yang telah siap sedia dan pada hari kejadian itu *team* ini lah yang keluar menyebabkan banjir dapat diselesaikan membersih mengeluarkan apa nama ni longkang tersumbat dengan buah-buah kelapanya menyebabkan aliran air dapat diatasi dengan segeralah.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat cukuplah soalan ini…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Satu sahaja, satu sahaja…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat dah cukup. Sekiranya Yang Berhormat masih lagi belum berpuas hati, bolehlah bertanya secara bertulis dan Yang Berhormat Exco boleh menjawab secara bertulis, saya tidak bercadang untuk memanjangkan Persidangan kita pada pagi ini. Baiklah, minta maaf Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan pertanyaan dan jawapan. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan ini untuk kita minum pagi dan persidangan disambung semula pada pukul 11.15 pagi. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita semua berhati-hati, berjaga-jaga. Saya harap sama-sama mengekalkan SOP bagi melandaikan pandemic COVID-19 yang hari ini berada di mana-mana sahaja disekeliling kita. Jadi saya berharap Yang Berhormat dapat keluar Dewan dengan keadaan tertib dan mematuhi penjarakkan sosial yang telah kita tetapkan. Persidangan ditempohkan, terima kasih.

[*Persidangan ditempohkan pada pukul 10.30 pagi*]

[*Persidangan disambung semula*]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Utama Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan majlis ialah satu usul yang berbunyi

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju Menjunjung Kasih Atas Limpah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Berangkat Menyempurnakan Titah Diraja Kepada Dewan Negeri."**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun disokong dan dibahas pada 24 Ogos 2021. Sehingga kini, seramai 16 orang Ahli telah mengambil bahagian membahaskan Usul tersebut.

Sekarang saya menjemput pihak kerajaan untuk menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Usul tersebut. Yang pertama saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Pertama, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat saya menggulung perbahasan pada Persidangan kali ini.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh tentang portfolio saya iaitu berkaitan dengan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyembahkan setinggi-tinggi Menjunjung Titah Ke Sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Saya juga ingin merakamkan ucapan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah melantik beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-9.

Saya mengambil kesempatan ini juga, untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sebagai tanda penghargaan di atas segala jasa dan usaha dalam membangunkan negeri dan memajukan negeri Pahang serta usaha menangani isu COVID-19 di negeri Pahang.

Saya juga ingin merakam sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga diberikan kepada semua petugas barisan hadapan *frontliner* dengan izin, sama ada dari segi, dari agensi persekutuan, negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang bertungkus-lumus menangani wabak COVID-19 yang telah melanda negara ini amnya dan negeri Pahang khususnya yang telah berlanjutan sehingga pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
saya amat teruja dengan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap portfolio saya yang dizahirkan melalui soalan-soalan yang dikemukakan semasa perbahasan.

Pertama sekali saya ingin menjawab isu yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Muadzam Shah berhubung dengan kejadian kolam pengolahan efluen pecah di salah sebuah kilang sawit di Muadzam Shah. Kerajaan Negeri melalui PBT akan mengawal dan memperketatkan kawalan pelepasan efluen sedia ada dengan menjadikannya sebahagian daripada syarat-syarat membaharui lesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bilut, Yang Berhormat Padang Tengku, Yang Berhormat Semambu, dimaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail telah bersetuju untuk mengurangkan bayaran bulanan sewa premis PBT sebanyak 50% bagi bulan Jun hingga September 2021 dengan jumlah keseluruhan dianggarkan sebanyak RM5.2 juta iaitu satu inisiatif untuk bantuan COVID kepada peniaga-peniaga. [Ahli Dewan menepuk meja].

Untuk makluman Yang Berhormat Semambu, berkaitan dengan soalan yang dikemukakan, pihak KOSPEK dalam tindakan menyelaraskan akaun-akaun penyewa untuk memberi diskaun kepada para penyewa. Pemakluman kepada para penyewa akan dibuat dalam masa terdekat.

Bagi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dewan Negeri Semambu juga berkaitan dengan isu kelulusan *homestay* di negeri Pahang. Pengusaha *homestay* tidak perlu mengemukakan permohonan kepada majlis bandaraya sepertimana yang dinyatakan dalam Pelan Pemulihan Negara. Walau bagaimanapun, semua pengusaha perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dewan Negeri Inderapura, berkaitan dengan peniaga di tepi jalan ya. Pihak er… sebenarnya pihak MBK telah membuat pemantauan di kawasan berkenaan dan mendapati bahawa kawasan-kawasan yang berisiko tinggi atau atas faktor keselamatan dan kebersihan memang tidak dibenarkan tapi boleh dibenarkan berniaga di kawasan-kawasan yang lain.

Sebanyak jumlah permit khas yang harian telah diluluskan oleh pihak MBK kepada penjaja jalanan adalah sebanyak sehingga kini 1,443 unitlah, permit khas telah diberikan kepada penjaja yang melibatkan dia… menjaja di kawasan perjalanan. Ini termasuklah pendekatan yang telah diambil oleh pihak MBK bagi peniaga pasar malam di mana pihak MBK telah meluluskan sebanyak 15 buah tapak baru untuk peniaga pasar malam dengan meluluskan permit khas serta mengenakan syarat-syarat tertentu di mana jumlah peniaga tidak melebihi 8 orang dalam satu-satu masa hari berniaga untuk setiap tapak yang telah diluluskan. Ini, tujuan kita untuk menghindari jangkitan penyakit COVID ya.

Untuk jawapan kepada Yang Berhormat Dewan Negeri Triang, berkaitan dengan caj RM0.60/jam tempat letak kereta. Kadar ini jugalah sama di tempat-tempat lain seperti di Rompin, Majlis Daerah Pekan dan juga di daerah Cameron Highlands ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Aspek perumahan. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Sungai Lembing dan juga Semantan berkaitan dengan er… projek pelaksanaan Rumah Rakyat Pahang, di mana Kerajaan Negeri telah berjaya membina sebanyak 98 unit pada tahun 2020 dan sedang dalam pembinaan sebanyak er…3… 206. Jadi, keseluruhan yang telah dibina untuk Rumah RRP pada tahun 2020 dan pada tahun ini sebanyak 304 kepada golongan-golongan yang memerlukan rumah yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap.

Makna pada tahun ini, sebanyak 2 fasa telah diluluskan iaitu 200 unit bagi fasa pertama tahun 2021 dan pada bulan September yang akan datang diluluskan lagi sebanyak 104 unit bagi fasa 2 tahun 2021 yang dijangka siap pada sebelum akhir tahun inilah. Keseluruhan fasa ini melibatkan kos pada tahun sebanyak RM6,825,000.00 yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada golongan yang bersasar dan Kerajaan Negeri bercadang untuk setiap tahun melaksanakan sebanyak 100 hingga 200 unit Rumah Rakyat Pahang bagi mereka yang memerlukan rumah. [Ahli Dewan menepuk meja]. Jumlah ini dijangka dapat dimanfaatkan kepada sehingga 1,000 Keluarga Isi Rumah Miskin yang berdaftar dalam sistem eKasih dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Pada soalan er… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya sekali lagi Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas keprihatinan Kebawah Duli Tuanku terhadap keperluan Rumah Rakyat Pahang di kalangan rakyat miskin dan Rumah Mampu Milik yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih, saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kerajaan dan Perumahan serta Jawatankuasa Kerajaan Tempatan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan

Undangan Negeri kali ini. Saya ucapi… ucap… akhir ucapan penggulungan saya ini dengan serangkap pantun ya.

Cantik sungguh anak Pak Tahir,
Simpuh memetik pucuk kangkung,
Titah Ucapan Tuanku telah dizahir,
Sembah maklum mohon menyokong.

Dengan ini, saya memohon menyokong ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Sekian, terima kasih.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon tanya 1 soalan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

1 soalan, okey. Ringkas ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, berkenaan dengan caj letak kereta. 60 sen di Triang dan bandar Bera. Saya ingin tanya pihak Kerajaan apakah kriteria dan bagaimanakah kadar ini ditentukan? Kenapa Bera lebih mahal daripada Temerloh dan Bentong?

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang di-Pertua, kadar 60 sen… adalah melibatkan di Kuantan pun 60 ringgit… 60 sen sejam. Di Kuantan bandar raya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Kuantan bandar raya, Bera, Majlis Daerah sahaja.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Cameron Highlands pun 60 sen, Rompin 60 sen, Pekan 60 sen. Apa bezanya di tempat-tempat lain? Itu sahaja Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih. Untuk makluman bagi pihak kerajaan menjawab masa diberikan 10 ke 15 minit ya. Saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda Koperasi Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang. Sila.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih Yang di-Pertua.
Assalamualaikum WBT. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Alhamdulillah juga ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin kita berada di dalam Dewan Yang Mulia ini. Di sini saya mengambil bahagian kesempatan bagi mengambil maklum berkenaan Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 23 Ogos 2021 yang lalu.

Yang Berhormat Dato'Sri Yang di-Pertua,
Sepertimana yang sedia maklum, negeri Pahang telah berada di fasa ke-2 Pelan Pemulihan Negara sejak 5 Julai 2021. Namun begitu, ada beberapa sektor ekonomi masih tidak dapat dijalankan dengan sempurna akibat peningkatan kes positif COVID-19. Oleh itu, bagi memperkukuhkan langkah-langkah ini serta menjamin asas ekonomi yang teguh, Kerajaan Negeri berusaha mengambil inisiatif segera untuk melaksanakan langkah-langkah strategik pertumbuhan ekonomi untuk rakyat negeri Pahang. Ini termasuk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).

Antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan, minta izin Yang Berhormat Yang di-Pertua saya nak cuba… nak menjelaskan ucapan izinkan tanggal *mask* sekejap. Sebab baru ni saya ada buat jantung, *check* jantung. Jadi doktor nasihat supaya 100% hirup oksigen berada dalam ini. Jadi pakai *mask* mengurangkan saya punya keoksigenan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jangan angkat tinggi sangat kepala tu. Bawah sikit.

YB. DATO'HAJI NAZRI BIN NGAH

Antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah satu; memberi bantuan dalam bentuk wang tunai melalui Bantuan Prihatin Pahang (BPP) secara bersasar dengan peruntukan sebanyak RM250,000.00 kepada 2,488 orang penjaja dan perniaga kecil sebagai tanda permulaan.

Nombor dua; mempastikan bantuan/insentif Kerajaan Persekutuan dipantau oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri bagi mengelakkan usahawan tidak tercicir. Berdasarkan maklumat agensi LAKSANA, Kementerian Kewangan Malaysia, setakat 18 Jun 2021 lebih RM2.7 bilion telah dimanfaatkan oleh rakyat dan peniaga-peniaga kecil di Negeri Pahang sebagai inisiatif PRIHATIN, PENJANA dan juga PRIHATIN merangkumi PKS, usahawan mikro dan juga syarikat-syarikat kecil sederhana.

Nombor tiga; Kerajaan Negeri juga turut berhasrat untuk memberi pinjaman mikro kredit tanpa faedah yang diperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi membela nasib PKS-PKS yang terjejas akibat penularan wabak pandemik COVID-19.

Perancangan ini masih dalam perbincangan bersama beberapa institusi kewangan bagi melunaskan hasrat Kerajaan Negeri untuk membantu PKS-PKS yang terjejas. Bukan itu sahaja, PKS-PKS yang berjaya nanti akan mendapat pinjaman mikro kredit ini turut diberi moratorium bayaran balik selama satu tahun setelah pinjaman mereka diluluskan.

Yang Berhormat Dato'Sri Yang di-Pertua,
Selain itu, saya ingin menyentuh isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli ADUN Triang iaitu berkenaan kecurian buah sawit yang dikatakan berlaku secara berleluasa pada masa ini. Untuk makluman semua Ahli Dewan, saya tidak menafikan memang ada berlaku kes kecurian sawit tetapi tidaklah berleluasa sangat di negeri Pahang. Jadi masalah ini memang ada berlaku di mana-mana pun, tidak terkecuali di Daerah Bera.

Saya nak tanya Yang Berhormat daripada ADUN Triang, kawasan yang dicuri ini adalah kawasan FELDA ataupun kawasan pekebun kecil yang diberi hakmilik atau pekebun kecil yang tidak diberi hakmilik?

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Kawasan yang dicuri itu merangkumi tiga jenis tanah. Ada tanah hakmilik, ada tanah yang diberi kebenaran *tapping right* dulu dan juga ada tanah yang belum diberi hakmilik. Bukannya tidak berleluasa tetapi pekebun kecil telah bosan untuk membuat laporan polis. Saya boleh tunjukkan laporan polis jika perlu. Seorang pekebun kecil ada 20 lebih… 30 laporan polis tetapi sampai sekarang masalah belum selesai. Sudah enam tahun, 7 tahun.

YB. DATO'HAJI NAZRI BIN NGAH

Okey saya faham. Maksudnya tanah yang dicuri datangnya dari ladang FELDA. Tanah hakmilik… tanah hakmilik pekebun-pekebun kecil ataupun tanah haram oleh pekebun kecil ataupun tanah yang tidak dapat hakmilik lagi. Yang saya fahami apa jawapan daripada Yang Berhormat.

Okay, jika kawasan FELDA, maka FELDA telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Iaitu lawatan secara berkala oleh Ketua-ketua Blok. Lawatan secara berkala oleh pemantau Ketua-ketua Blok yang dilantik di kalangan ahli-ahli blok dan generasi baharu FELDA.

Menutup jalan-jalan tikus serta dan hanya membuka satu jalan sahaja untuk keluar masuk di kawasan ladang kawasan FELDA… kawasan FELDA. Bekerjasama dengan Polis Bantuan FELDA sebagai khidmat rondaan secara harian dan menjadi perintis di kawasan ini telah dilaksana di kawasan Wilayah Jengka dan juga Wilayah Kuantan. Er… kawasan Bera ini dia termasuk di bawah Wilayah Mempaga.

Secara tidak langsung, sekiranya saya akan berbincang dengan pengarah FELDA Wilayah Mempaga, sebab Mempaga ni luas sampai ke Bera. Daripada Bentong, Raub, Bentong sampai ke Bera. Jadi saya akan memberi tahu mereka untuk segerakan kawalan supaya ianya tidak dicuri.

Kecurian buah ni sangat meningkat dan saya ingat ada ketika ini termasuk kawasan Jengka kawasan saya, kerana ketika itu harganya terlalu tinggi. RM900 lebih. Itulah manfaat er… kepada peneroka-peneroka, pada pencuri-pencuri buah kerana harga ketika itu sangat tinggi. Jika harga turun tidak ada siapa nak curi buah tersebut. Secara langsungnya, kelima-lima tindakan ini mengawal dan mengurangkan masalah kecurian buah kepala sawit.

Yang Berhormat Dato'Sri Yang di-Pertua,
Sebagai Kerajaan prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini, pelbagai usaha telah kita lakukan bagi memastikan harga barangan keperluan berpatutan dan stabil. Kerajaan Negeri bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna berusaha gigih melancarkan operasi-operasi pemantauan untuk menjejaki peniaga-peniaga yang menaikkan harga barangan secara keterlaluan.

Lantaran itu, seramai 80 orang Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Negeri Pahang bertugas setiap hari menjalankan rondaan pemantauan pergerakan harga barang di 74 premis yang dipilih di seluruh negeri Pahang. Pemantauan dan pemeriksaan bekalan barangan ini setiap hari adalah untuk mempastikan tidak berlakunya kekurangan bekalan makanan, mengenalpasti premis yang berhadapan dengan pembelian panik, analisa terhadap purata kenaikan penurunan harga barangan terpilih juga membantu pembeli mengenai keberadaan bekalan barangan terpilih melalui harga barangan terpilih yang stabil.

Dan di sini saya ingin menegaskan bahawa… bahawa rantaian bekalan keperluan barang makanan di negeri Pahang saya ingat mencukupi dan memenuhi keperluan pengguna-pengguna. Dalam keadaan kita dilanda… negara… negeri dilanda pandemic COVID.

Yang Berhormat Dato'Sri Yang di-Pertua,
Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Bilut dan Triang di atas soalan cadangan yang dikemukakan kepada kerajaan di dalam Sidang Dewan Yang Mulia ini. Ini menunjukkan betapa Yang Berhormat prihatin terhadap kesejahteraan rakyat, kemakmuran Negeri Pahang yang tercinta. Syabas Yang Berhormat.

ADUN Bilut mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan kewangan kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) bagi meneruskan kelangsungan hidup akibat perniagaan yang terpaksa ditutup berikutan pematuhan kepada fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara.

Cadangan ini adalah sangat baik dan mulia. Kerajan Negeri telah melaksanakan inisiatif Bantuan Prihatin Pahang secara bersasar *one-off*, di mana golongan B… untuk golongan B40. Mereka yang… golongan-golongan B40, yang mereka terpaksa tutup perniagaan dan operasi perniagaan dan mereka kehilangan pekerjaan. Bantuan ini

berbentuk wang tunai, barangan keperluan. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga mempastikan bantuan-bantuan Kerajaan Persekutuan dapat dicapai oleh golongan tersebut melalui Gerakan Khas Prihatin, JP… J… G…GKP yang mana dapat manfaatkan kepada 18 ribu… 18 ribu… lapan… 14 orang penerima di Negeri Pahang berjumlah RM148.4 juta. Bantuan ini umpamanya akan terus diadakan berterusan di masa akan datang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Sesungguhnya, semua fokus pemerkasaan ekonomi mencerminkan komited… komitmen, kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mempastikan usahawan, syarikat mampu meneruskan kelangsungan hidup dan perniagaan. Kerajaan Negeri juga tidak sesekali meminggirkan golongan usahawan mikro dan penjaja kecil selaras dengan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap semua rakyat di negeri Pahang.

Besarlah harapan kita semoga seluruh rakyat Pahang tanpa mengira kaum berusaha ke arah memperkasakan ekonomi setiap masa, selaras dengan apa yang telah diwariskan oleh pemimpin-pemimpin kita dahulu.

Akhir kata, saya berharap, Yang di-Pertua, saya berharap agar semua cabaran, dugaan, ujian yang telah kita hadapi menjadi satu pengalaman, kekuatan untuk mengorak langkah yang lebih jauh. Seterusnya, saya menjunjung sepenuhnya Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena Pembukaan Dewan Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 23 Ogos 2021 baru-baru ini.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.
[Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang. Sila.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua er… kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut sama-sama dalam Sesi Penggulungan Dewan Yang Mulia pada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas Titah Diraja Sempena Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 serta sokongan dan dorongan tanpa berbelah bagi buat Kerajaan Negeri Pahang, pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bak kata pepatah 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada'.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas keprihatinan dan sokongan padu Yang Amat

Berhormat Menteri Besar dalam usaha untuk menaik taraf infrastruktur digital dan inisiatif digital di negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
COVID-19 telah mencetuskan banyak perubahan dalam aspek kehidupan kita. Ini adalah norma-norma baharu yang terpaksa kita lalui dalam menjalani kehidupan seharian yang mencabar pada masa ini. Di antara yang paling ketara adalah peralihan banyak aspek kehidupan kita daripada pendekatan fizikal kepada digital. Diantaranya pengajaran dan pembelajaran dari rumah.

PDPR diperkenalkan oleh pihak sekolah dan juga semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Bekerja dari rumah, BDR dikuatkuasakan untuk kakitangan awam dan juga swasta. Pelbagai proses kerja kerajaan kini juga telah beralih dari kaedah secara manual kepada dalam talian.

Perubahan dan peralihan serta amalan norma-norma baharu dalam kehidupan kita hari ini menyebabkan kita sangat bergantung kepada capaian internet. Berdasarkan data dari sumber SKMM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, peningkatan trafik internet negara telah meningkat sebanyak 32% pada 2 minggu pertama, Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan pada 2020.

Peningkatan mendadak ini telah menyebabkan kesesakan kepada rangkaian yang menyebabkan kelajuan internet menurun begitu mendadak ataupun berkurangan dengan begitu mendadak.

Masalah berkaitan liputan internet semasa pandemik COVID-19 ini bukan hanya berlaku di Pahang sahaja, tetapi ianya melibatkan di seluruh negara. Data daripada SKMM telah merekodkan peningkatan aduan tentang rangkaian komunikasi yang tidak memuaskan pada tahun 2019. Aduan yang diterima adalah sebanyak 20,146 pada 2019, dan manakala pada tahun 2020 telah meningkat kepada 153,167 aduan.

Bagi negeri Pahang pula, sebanyak 641 aduan diterima 2019 sebelum COVID-19. Manakala bagi tahun 2020 sejak berlakunya pandemik COVID-19 ini telah meningkat kepada 7,388 aduan, iaitu meningkat sebanyak lebih daripada 100%. Sehingga 30 haribulan Jun 2021, sebanyak 7,839 aduan telah kita terima. Aduan ini dijangka akan terus meningkat sehingga penghujung tahun 2021.

Selaras dengan permintaan yang semakin meningkat, ditambah dengan keperluan yang mendesak, maka Kerajaan Negeri Pahang bersama dengan SKMM pada masa ini sedang giat untuk melaksanakan usaha menambah baik liputan, dan perkhidmatan internet di seluruh negeri Pahang melalui pelan yang kita namakan Pelan Jalinan Digital Negara iaitu JENDELA.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Secara umum, matlamat JENDELA adalah untuk memperluaskan lagi liputan jalur lebar mudah alih dengan rangkaian 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negeri Pahang kepada sasaran 96.9% dan menyediakan rangkaian jalur lebar tetap di 118,226 premis di seluruh negeri Pahang dalam tempoh pelaksanaan 2020 hingga ke akhir tahun 2022.

Berdasarkan daripada rekod dari SKMM juga, kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di negeri Pahang terus mencatatkan peningkatan seperti berikut. Pada 2018, hanya berada kadar liputan 4G adalah 65.6% sahaja. 2019 (70.5%), 2020 (89.3%) manakala pada tahun 2021 (90.25%).

Pencapaian kadar liputan yang terus meningkat dari tahun ke tahun ini membuktikan bahawa usaha-usaha yang kita jalankan selama ini telah mengeluarkan hasil. Kerajaan Negeri percaya JENDELA yang sedang giat dijalankan sekarang akan dapat dilaksanakan dengan teratur, baik, mengikut jadual dan mencapai matlamatnya. Dengan siapnya semua pembangunan dan naik taraf infrastruktur komunikasi di bawah Fasa 1 JENDELA pada penghujung tahun 2022, perkhidmatan internet jalur lebar tetap dan mudah alih di negeri Pahang akan menjadi lebih baik.

Dengan kekangan dan keterbatasan oleh pelbagai garis panduan dan SOP-SOP yang dikuatkuasakan serta PKP yang berpanjangan, pastinya pelaksanaan projek yang telah dirancangkan di bawah Fasa 1 JENDELA amat mencabar. Bilangan pekerja yang dihadkan, material seperti besi, peralatan elektronik yang keputusan bekalan akibat operasi ditutup di Lembah Klang, antara cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan JENDELA ini.

Namun demikian, pelaksanaan JENDELA di Pahang masih lagi mengikut sasaran masa perancangan… semasa perancangan. Beberapa projek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah pelaksanaan JENDELA Fasa 1 2020 sehingga 2022. Ini merangkumi projek naik taraf rangkaian jalur lebar talian tetap, pembinaan menara baru, naik taraf rangkaian stesen pemancar ke 4G bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih. Antara projek yang dikenalpasti adalah seperti berikut.

Yang pertama, untuk menaik taraf projek jalur lebar talian tetap, *fixed broadband* dengan izin Yang di-Pertua. Sebanyak 118,226 premis di seluruh Negeri Pahang telah disasarkan untuk dilengkapkan dengan rangkaian gentian optik. Pelaksanaannya telah mula… telah bermula daripada tahun 2020. Sehingga 30 haribulan Jun, sebanyak 21,340 premis telah pun dilengkapi dengan rangkaian gentian optik ini. Bakinya 96,920 premis lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan dan akan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2022.

Bagi projek peluasan jalur lebar mudah alih, sebanyak 270 menara baharu telah ditetapkan untuk dibina di seluruh Pahang. Sehingga 30 haribulan Jun 2021, sejumlah 26 menara telahpun siap dibina dan beroperasi. Manakala 244 menara lagi sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022. Perinciannya adalah seperti berikut. Contoh… Daerah Kuantan yang siap beroperasi adalah 1, dalam pelaksanaan 32. Pekan yang siap beroperasi adalah 2 dan dalam pelaksanaan 20. Rompin 4 siap beroperasi, dalam pelaksanaan 29. Maran 1 siap beroperasi, 10 dalam pelaksanaan. Bera 5 siap beroperasi dan 11 dalam pelaksanaan. Temerloh 2 siap beroperasi, 12 dalam pelaksanaan. Bentong 1 siap beroperasi, 14 dalam pelaksanaan. Raub 2 beroperasi, 23 dalam pelaksanaan. Cameron Highlands 23 dalam pelaksanaan. Lipis 4 beroperasi, 48 dalam pelaksanaan. Jerantut 4 siap beroperasi dan 22 dalam pelaksanaan.

Dalam usaha yang sama di bawah perkhidmatan jalur lebar mudah alih, sebanyak 1,673 stesen pemancar sedia ada akan dinaik taraf dari rangkaian sedia ada iaitu

2G/3G kepada rangkaian 4G. Rangkaian 3G akan ditamatkan sama sekali secara berperingkat sehingga tahun.. akhir tahun 2021 untuk pemantapan rangkaian 4G.

Sehingga 30 Jun 2021, sebanyak 324 stesen pemancar telah dinaik taraf dan baki 1,349 stesen pemancar lagi sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap secara berperingkat sehingga pertengahan tahun 2022.

Peluasan jalur lebar di kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil seperti Perkampungan Orang Asli juga tidak ketinggalan. Ini bagi memastikan masyarakat Orang Asli juga boleh mendapat akses kepada jalur lebar. Oleh yang demikian, bagi Negeri Pahang, sebanyak 69 lokasi kawasan Orang Asli telah dikenal pasti dan akan mendapat kemudahan capaian jalur lebar satelit yang dijangka siap pada penghujung tahun 2021. Inisiatif ini adalah tambahan kepada 22 Perkampungan Orang Asli yang turut mendapat perkhidmatan jalur lebar di bawah pembinaan menara baru.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Kita Kerajaan Negeri amat berharapkan semua kerjasama yang baik dari kalangan Ahli-ahli Dewan dalam menyampaikan maklum balas kepada Pihak Kerajaan agar setiap permasalahan capaian internet di kawasan masing-masing dapat dikenal pasti dan diatasi dengan lebih berkesan. Maklum balas boleh kita salurkan kepada Kerajaan Negeri melalui pelbagai saluran antaranya melalui laman web: *jendela.my* dan atau melalui e-mel kepada *aduan.pahang@mcmc.gov.my*.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Kerajaan Negeri Pahang memberikan sokongan padu kepada pelaksanaan JENDELA melalui pembentukan polisi dan dasar. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I) yang telah menetapkan supaya semua kawasan pemajuan baharu mengambil kira keperluan kemudahan komunikasi jalur lebar sama ada jalur lebar tetap ataupun jalur lebar mudah alih. Ini akan memudahkan dan mempercepatkan penyediaan infrastruktur komunikasi di kawasan-kawasan pembangunan baharu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Menyentuh perbahasan Yang Berhormat ADUN daripada Cheka, usaha-usaha penerangan tentang JENDELA dan pelaksanaannya di peringkat daerah-daerah di seluruh Pahang sedang giat dijalankan. Pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan SKMM Pahang akan membentang dan membincangkan tentang perancangan JENDELA dan pada masa yang sama mendapat maklum balas daripada pemimpin-pemimpin tempatan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat supaya pelaksanaan JENDELA ini dapat memenuhi keperluan semua pihak dan mencapai matlamatnya.

Kerajaan Negeri Pahang juga bersama dengan pihak SKMM telah pun mengadakan beberapa siri taklimat berkenaan status pembangunan infrastruktur komunikasi dan inisiatif Jalinan Digital Negara melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah di daerah seperti Pekan, Cameron Highlands, Lipis dan Jerantut. Manakala daerah-daerah lain akan disusuli kemudian.

Di samping itu, beberapa siri lawatan telah diadakan oleh SKMM bersama Kerajaan Negeri melibatkan syarikat telekomunikasi dan sebahagiannya turut saya hadiri iaitu di DUN Jelai, Cheka, Kerdau, Jenderak, Padang Tengku, Tahan, Guai, Triang dan

terkini... dan terakhir sekali di DN Muadzam Shah dengan tujuan untuk bertemu pemimpin masyarakat di samping meninjau lokasi yang mempunyai masalah liputan dan juga lokasi yang terlibat dalam pembangunan infrastruktur komunikasi.

Usaha sebegini akan tetap kita teruskan walaupun dalam keadaan kekangan akibat PKP pada hari ini. Ini bagi membolehkan semua pemimpin tempatan dapat memahami tentang apa yang sedang dilaksanakan dan usaha kerajaan untuk menambah baik liputan dan perkhidmatan internet melalui JENDELA.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Bagi DUN Pulau Manis, soalan daripada DUN Pulau Manis, rakan saya. Di bawah inisiatif JENDELA sebanyak 4 menara baru akan dibina iaitu di Kampung Mencupu Pulau Manis, Kampung Pelak, Kampung Permatang Jambu Air dan Kampung Pulau Rusa. Pada masa yang sama terdapat juga sebuah menara 4G yang telah pun siap dan mula beroperasi pada bulan Mei 2021 yang lalu, yang terletak di Kampung Langgar.

Usaha menaik taraf stesen pemancar juga akan dijalankan di DUN Pulau Manis. Sebanyak 36 stesen pemancar akan dinaik taraf kepada rangkaian 4G. Pelaksanaannya adalah secara berperingkat bermula dari bulan Julai 2021 hingga siap kesemuanya menjelang suku pertama tahun 2022.

Bagi lokasi khusus iaitu di Kampung Jaya Gading dan Kampung Pulau Manis Gambang, perancangan untuk pembinaan menara baharu telah pun diambil kira dengan tambahan 2 menara baharu di lokasi ini dan akan bermula dalam masa terdekat dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2022.

Selain daripada teknologi jalur lebar mudah alih, melalui pelan JENDELA juga, sebanyak 1,000 premis telah disediakan dengan capaian gentian optik berkelajuan tinggi dan manakala 800 lagi premis dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan dan dijangka siap secara berperingkat sehingga tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua,
Semenjak bermulanya COVID-19 pada suku pertama pada tahun 2020, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif khususnya untuk para pelajar yang terpaksa melalui proses PDPR. Antaranya ialah Insentif Pembelajaran Secara Online bernilai RM50.00 setiap seorang kepada 19,254 pelajar yang menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2020 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM962,700.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan bantuan sebanyak 1,100 komputer riba berjumlah RM1.5 juta kepada pelajar di bawah senarai Bantuan Kanak-Kanak (BKK) Pahang yang menduduki SPM tahun 2021.

Melalui inisiatif CERDIK, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang juga turut terlibat dalam inisiatif pembekalan peranti digital kepada murid-murid B40 iaitu sebanyak 11,052 unit yang melibatkan 130 buah sekolah bagi tahun 2021. Peranti ini merupakan sumbangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

Pandemik COVID-19 ini telah mewujudkan kebergantungan kepada internet yang tinggi di kalangan rakyat terutamanya para pelajar, sama ada di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar dan penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mendesak Kerajaan untuk bertindak segera dalam menghasilkan sebuah rancangan yang dapat menangani isu akses kepada internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih termasuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR).

SKMM bersama dengan syarikat telekomunikasi telah pun menjalankan pelbagai program inisiatif bagi membolehkan rakyat Malaysia termasuk golongan B40 terus berpeluang menikmati perkhidmatan internet. Ini termasuk penawaran internet secara percuma sebanyak 1GB setiap hari sehingga akhir tahun 2021 di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang merupakan kesinambungan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang lalu. Pelaksanaan program dan inisiatif ini boleh... membolehkan semua rakyat terus berpeluang menikmati perkhidmatan internet yang merupakan keperluan asas bagi hampir semua aktiviti harian.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 108 buah Pusat Internet Komuniti (PIK) yang disediakan oleh... yang diselia oleh SKMM di seluruh negeri Pahang turut membantu meningkatkan kemahiran dan literasi digital para pelajar selain memastikan liputan internet dapat dinikmati oleh semua golongan.

Sokongan dan dokongan semua pihak adalah amat penting bagi negeri ini bagi mendepani cabaran norma-norma baharu ini untuk negeri Pahang melonjak ke tahap yang lebih tinggi sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur. Marilah kita sama-sama agar... berdoa agar kita terus dijauhi daripada ancaman pandemik COVID-19 ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Akhir kalam, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah turut terlibat dalam perbahasan pada kali ini terutamanya yang telah mengemukakan soalan-soalan Dewan berkaitan *portfolio* saya iaitu ADUN Pulau Manis, ADUN Beserah, ADUN Kemayan, ADUN Cheka, ADUN… dan ADUN-ADUN yang turut sama memberikan soalan-soalan tambahan, pandangan dan idea terhadap pembangunan komunikasi dan multimedia negeri Pahang. Dengan segala perancangan-perancangan yang telah dan akan dilaksanakan nanti, sudah tentu akan lebih memaju dan mensejahterakan negeri Pahang Darul Makmur, Insya-Allah.

Seterusnya saya menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT, dengan limpah dan izinnya dapat kita bersama-sama dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Sidang Dewan Undangan Negeri yang Ke-14.

Pertamanya, saya ingin menyembah ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas Titah Diraja sempena Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang Ke-9.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin mulakan dengan menjawab beberapa pertanyaan daripada sahabat-sahabat mewakili kawasan masing-masing. Pertamanya berkenaan dengan beberapa cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Padang Tengku yang mencadangkan pelantikan penggerak masyarakat bagi Orang Asli Kaum Bateq dan turut menyediakan rumah untuk mereka.

Keduanya penglibatan penduduk Orang Asli di dalam program atau aktiviti Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang terhampir, cadangan untuk mengadakan aktiviti bulanan kepada masyarakat Orang Asli serta cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk turut memberikan sumbangan kewangan bagi melaksanakan aktiviti dan program yang diadakan.

Kesemua cadangan-cadangan ini telah diambil maklum dan Kerajaan Negeri akan meneliti dan memperhalusi kesemua cadangan tersebut bersama-sama pihak seperti Pejabat Daerah dan Tanah serta JAKOA memandangkan masyarakat Orang Asli juga mempunyai Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung ataupun JPKKOA itu sendiri.

Tambahan, Kerajaan Negeri juga sentiasa mementingkan pembangunan sosial dan minda masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. Cadangan untuk mengadakan aktiviti bulanan kepada masyarakat Orang Asli adalah suatu perkara yang sangat baik dan Kerajaan Negeri sentiasa berbesar hati untuk membantu memberikan sumbangan sama ada dari segi kewangan mahupun kerjasama bersama agensi terlibat bagi menjayakan melaksanakan aktiviti yang dirancang.

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga turut merangka dan melaksanakan program peningkatan intelek dan pendidikan bersama komuniti Orang Asli melalui Unit Hal Ehwal Orang Asli, di mana program ini melibatkan ceramah motivasi serta menyantuni pelajar-pelajar Orang Asli.

Seterusnya, Yang Berhormat Padang Tengku juga ada mencadangkan bagi mewujudkan tadika di kawasan Orang Asli untuk menerapkan pendidikan awal dan boleh membaca dalam kalangan Orang Asli. Pendidikan awal dalam masyarakat

Orang Asli sentiasa dijaga rapi, di mana sepanjang tahun Kerajaan Negeri bersama JAKOA akan memperuntukkan projek bina baru Tabika dan baik pulih Tabika JAKOA bagi memastikan tiada yang tercicir.

Sebagai contoh, bagi tahun 2021 telah dicadangkan projek bina baru tabika yang menelan kos RM 1 juta seunit di dua (2) Kampung Orang Asli iaitu di Daerah Lipis iaitu Kampung Orang Asli Sungai Garam dan satu di Kampung Sempar. Cadangan Yang Berhormat Padang Tengku untuk projek-projek pembinaan dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan Kampung Bencah Kelubi juga telah diambil maklum oleh Kerajaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri bersama-sama JAKOA.

Kerajaan akan mohon kepada pihak KPLB Negeri agar projek-projek ini dijadikan keutamaan dan dapat dilaksanakan pada tahun 2021 ataupun 2022. Kerajaan Negeri sangat komited dalam menyediakan kemudahan asas Masyarakat Orang Asli terutamanya bagi kawasan DUN Padang Tengku.

Selain itu, Yang Berhormat Ketari ada bertanyakan tentang perkembangan baki tanah Orang Asli yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan memohon supaya Perwartaan Tanah Orang Asli dipercepatkan. Secara dasarnya semua…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato'… Dato' Pengerusi, Dato' Yang DiPertua, saya nak mencelah sikit. Saya… berkenaan Orang Asli juga, saya nak minta perhatian khusus diberikan kepada Kampung Bencah Kelubi…Bencah Kelubi ni, di mana di situ ada penganut Islam yang perlu kita jaga. Itu persoalan, dan yang tadika tu. Saya setujulah dengan Sungai Garam tu, tapi di Kampung Orang Asli Bencah Kelubi ni, mestilah diberi keutamaan, sebab di situ sekarang ini ada kegiatan tadika yang dibuat oleh pihak swasta, yang kita percayai ada unsur-unsur menghasut di situ untuk mereka ini keluar daripada Islam. Penekanan itu yang saya hendak diutamakan. Terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Yang Amat Berhormat Padang Tengku, insya-Allah pandangan ini akan diambil kira. Secara dasarnya semua baki tanah Orang Asli yang belum diwartakan telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 15 November 2017 iaitu untuk diwartakan di tanah… untuk diwartakan di bawah Akta 134, Akta Orang Asli 1954 dan Kanun Tanah Negara (KTN).

Baki tanah tersebut adalah seperti berikut;
Pewartaan 76 buah kampung seluas 8,958.17 hektar yang telah mendapat kelulusan MMK sebelum tahun 2006 di bawah Rizab, di bawah Seksyen 7 (Rizab Orang Asli). Yang ini telah diwartakan.

Pewartaan 139 buah kampung yang melibatkan seluas 38,242.16 hektar yang telah mendapat kelulusan MMK (Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri) selepas tahun 2006 di bawah Seksyen 6 (Kawasan Penempatan Orang Asli), dan

Pewartaan 2 buah kampung (Kampung Bencah Kelubi & Kampung Prosdet Pantos) seluas 517,62 hektar di Daerah Lipis di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN). Di mana telah dicadangkan diwartakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2021.

Jadi kesemua 139 buah kampung yang telah dicadangkan di bawah Seksyen 6 Akta 134 Orang Asli telah dimasukkan di dalam perancangan permohonan Rancangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang telah diselaraskan oleh Kerajaan Negeri dan JAKOA bagi mendapatkan peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kerja-kerja ukur kawasan perkampungan tersebut bagi membolehkan permohonan pewartaan diangkat kepada Kerajaan Negeri.

Untuk makluman, pada Tahun 2021 JAKOA Pahang telah menerima kelulusan untuk mengukur 14 buah kampung yang melibatkan daerah Lipis, Pekan, Rompin, Temerloh, Jerantut, Bera, Bentong dan Cameron Highlands, dan sedang dalam tindakan kerja ukur oleh juru ukur yang telah dilantik oleh JAKOA. Manakala baki 125 kampung akan dimasukkan di dalam perancangan RMK-12 dan seterusnya untuk mendapatkan peruntukan kewangan yang secukupnya. Maknanya 125 buah kampung lagi yang belum diwartakan.

Pewartaan Tanah Orang Asli adalah merupakan antara keutamaan dalam perancangan kemajuan masyarakat Orang Asli oleh Kerajaan Negeri dan JAKOA. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri dan JAKOA sentiasa bekerjasama untuk mengangkat keperluan kewangan bagi menyelesaikan kerja pengukuran kawasan Orang Asli secepat mungkin melalui Kerajaan Persekutuan secara tahunan berdasarkan perancangan RMK-12 dan seterusnya. Kerjasama ini memainkan peranan penting dalam mempercepatkan proses permohonan pewartaan kawasan kampung Orang Asli yang telah diangkat oleh JAKOA.

Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan ini selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli mewakili keseluruhan masyarakat Orang Asli negeri Pahang mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas sumbangan tunai berjumlah RM240,000.00 dan sumbangan bakul makanan Bantuan Prihatin Pahang 2.0 dengan jumlah RM1.5 juta kepada masyarakat Orang Asli di negeri Pahang.

Selain itu juga, saya ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di atas kejayaan menjalankan Program Bantuan Rumah Masyarakat Orang Asli bagi tahun 2021 melibatkan peruntukan sebanyak RM1.26 juta di mana 16 unit rumah telah dibina baru dan 28 unit di… er…. 28 unit rumah dibaik pulih. Kerajaan Negeri dan JAKOA Pahang sentiasa memantau dan mengambil maklum situasi dan permasalahan masyarakat Orang Asli negeri Pahang dengan pelbagai perancangan termasuklah pembangunan, sosioekonomi, pendidikan, kesihatan dan kebajikan agar kemakmuran hidup dapat dinikmati oleh mereka bersama.

Seterusnya, er…. pandemik ini secara keseluruhan memberi kesan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Masyarakat luar bandar terutama golongan B40, miskin dan miskin tegar di luar bandar sentiasa diberi perhatian untuk meningkatkan ketahanan dalam mengharungi impak pandemik COVID-19.

Prasarana luar bandar yang berkualiti dan mencukupi adalah amat penting bagi menyokong pembangunan ekonomi dan sosial luar bandar serta dapat mewujudkan persekitaran kehidupan yang kondusif sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak meminggirkan golongan luar bandar.

Oleh demikian, untuk tahun 2021 Kerajaan Negeri dengan kerjasama erat Pejabat Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Pahang telah dan sedang melaksanakan pelbagai projek dan program pembangunan fizikal serta sosial di kawasan luar bandar dengan peruntukan keseluruhan yang disalurkan berjumlah RM291.8 juta yang merangkumi 64 projek iaitu melibatkan tiga bahagian utama Pembangunan Luar Bandar iaitu Prasarana, Kesejahteraan Rakyat, Pembangunan Tanah Dan Wilayah serta peruntukan kepada agensi-agensi KPLB di Negeri Pahang seperti Majlis Amanah Rakyat er… Majlis Amanah Rakyat iaitu MARA, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Kemajuan (KEMAS).

Sebenarnya, peruntukan untuk tahun 2021 adalah satu peningkatan sebelum tahun 2020 iaitu kelebihan sebanyak RM56.9 juta. Pelaksanaan pembangunan ini merangkumi pelbagai jenis projek seperti Projek Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar, Program Ameniti Sosial, Lampu Jalan Kampung, Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung ataupun PROSPEK serta Pembangunan Pem… Pemaju Kawasan er…. PPK.

Terima kasih saya ucapkan kepada pihak KPLB Pahang untuk peruntukan ini. Kerajaan Negeri dan KPLB Pahang adalah merupakan peneraju utama pembangunan luar bandar di negeri Pahang. Melalui kerjasama ini, kita akan dapat terus giat membantu kumpulan sasar di samping terus menjalankan peranan dalam melengkapkan kemudahan infrastruktur luar bandar. Penerusan penyediaan kemudahan infrastruktur berkualiti ini amat penting dalam menyokong merancakkan semula pembangunan ekonomi setelah pandemik ini berakhir.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Seterusnya, mengenai penjenamaan semula Majlis Pengurusan Komuniti Kampung iaitu MPKK kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung JPKK. Hal ini telah dilaksana dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 08 Julai 2020. Sejajar dengan keputusan ini, Kerajaan Negeri telah menjenamakan semula kesemua 543 buah MPKK di seluruh negeri Pahang kepada JPKK Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung.

Ianya merupakan sebuah organisasi bagi mentadbir serta mengurus sesebuah kampung dan memainkan peranan sebagai satu medium penghubung antara pentadbir peringkat negeri dan daerah bersama komuniti kampung dalam memupuk semangat kerjasama bagi menjayakan agenda pembangunan ekonomi, infrastruktur dan sosial di kampung-kampung.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah sedikit Yang di-Pertua. Saya nak penjelasan sedikit MPKK atau JKKK? Ada… ada kekeliruan sedikit kat situ. Terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih er…. pertanyaan tadi. Sebenarnya, memang bukan hanya YB. agak keliru. Kita di kampung pun ini keliru. Untuk makluman pada peringkat awal sebenarnya ianya dikenali sebagai er…. JKK dan semasa Pilihan Raya Yang Ke-14, apabila kerajaan baru memerintah, ianya ditukar kepada MPKK… MPKK. Dan selepas 22 bulan, haa… kan ditukar semula kepada ini kerajaan baru yang mana Kementerian er…. di bawah Pembangunan Luar Bandar pada ketika itu telah menukar semula daripada MPKK ini kepada JPKK. Dan kita er…. di Kerajaan Negeri Pahang er…. telah memutuskan di dalam Mesyuarat Majlis er…. Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Pahang telah memutuskan menggunapakai er… ini istilah JPKK ini tadi. Kita tak daya dah nak menukar JKK, MPKK, JPKK. Maknanya kita teruskanlah dengan JPKK yang ada sekarang ini. Kesemua 543 organisasi JPKK di negeri Pahang menunjukkan prestasi yang baik…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' Yang di-Pertua,
Minta… mencelah sedikit. Er…. makna tak daya nak menukar dah disebutkan tadi, tapi sekarang dah banyak bertukar. Ini kerajaan pun sekarang dah bertukar Perdana Menteri pula. Jadi tak boleh tunggu sedikit ke? Kita tengok perkembangan, esok tukar yang nama pula… kan? Jadi er…. ini bertukar bertukar JKK pun memang dah marah ini. Tukar, baru ini tukar baru… baru ada setengah lagi JKK yang belum bertukar daripada MP… akaun daripada MPKK kepada JKK haa… sekarang nak tukar pula ke JK er…. JKPP apa tadi? Haa… lepas itu esok tak tahu apa pula er…. ini tunggu kabinet dulu la saya ingat. Okey, terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih pandangan daripada Padang Tengku. Er…. kita sebenarnya mempunyai sedikit permasalahan di mana Kerajaan Negeri er…. telah meluluskan pengurusan pentadbiran ini kepada er…. JPKK ini sebanyak RM5,000.00 haa… bagi tahun 2021 ini. Jadi dalam proses ini, makna mungkin juga kita menggunakan er…. menyelesaikan peruntukan tahunan yang ada ini kepada er…. JPKK ini dahulu untuk kampung dan selepas itu kalau ditakdirkan kerajaan baru ini bertukar haa… bertukar semula la. Kalau tidak kita bimbang duit yang ada lebih kurang RM2.5 juta ini esok dia… [ketawa] dia hanyut. Haa… inilah masalah kita ini haa… kan. Jadi insya-Allah la maknanya kita akan cuba selaraskan dan selesaikan isu ini… JPKK ini tadi.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tak kira namanya apa, saya rasa kerja khidmat di kampung tetap diteruskan. Er…. saya difahamkan bahawa elaun untuk pengerusi RM500.00 daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi adakah Kerajaan Negeri er…. bercadang untuk menambah elaun kepada mereka khasnya dalam tempoh COVID ini memang sibuk jawatankuasa ini membantu rakyat.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Untuk makluman BY. Triang, sepatutnya JKK ataupun JPKK ini ianya dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, yang mana sebelum daripada ini zaman Barisan Nasional itu er…. peruntukan ini dibiayai oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan semasa kerajaan-kerajaan baru ini, ianya telah dihentikan dan oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif maknanya kita Kerajaan Negeri membayar dan melibatkan peruntukan lebih kurang RM8 juta. Lebih kurang RM8 juta untuk kita… Kerajaan Negeri sendiri membiayai er…. institusi JKK yang ada di negeri Pahang.

Jadi walau bagaimanapun sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar er…. negeri Pahang ini biasanya ianya er…. berpandu kepada kedudukan kewangan negeri. Kalau kedudukan kewangan negeri itu okey, mungkin cadangan daripada Triang ataupun ramai dari Ahli-ahli Yang Berhormat kita termasuklah sahabat saya daripada Dong mencadangkan supaya ditingkatkan dan kita pun tengah berunding, insya-Allah maknanya ada sedikitlah sumbangan kepada JKK oleh… JPKKK oleh Kerajaan Negeri ini tadi. Ini di dalam perbincangan. Jadi JPKKK Negeri Pahang setakat ini membuktikan bahawa mereka berdiri teguh menyokong Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang dan mampu menangani semua cabaran ini serta memastikan pentadbiran di peringkat kampung sentiasa utuh dan berjalan dengan lancar.

Terima kasih dan sekalung penghargaan saya ucapkan kepada semua ahli JPKK Negeri Pahang atas segala usaha dan pengorbanan yang ditunjukkan. Akhir kata, saya mewakili portfolio saya berharap agar segala peruntukan, perancangan dan inisiatif yang telah diumumkan akan dapat merancakkan pembangunan kawasan luar bandar dan mendatangkan manfaat yang baik kepada semua rakyat luar bandar dan masyarakat orang asli di negeri Pahang. Dengan ini saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang. Sila.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

[Bacaan dalam bahasa Arab]. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas kesudian memberi laluan kepada saya untuk bersama berkongsi dalam membahaskan titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada kali ini. Seterusnya saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Tuanku Pemangku Raja Pahang.

Terima kasih dan sama-sama kita rafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT dengan limpah kurnia serta inayah-Nya dapat kita bersama dalam Dewan Yang Mulia ini bagi sama-sama membahaskan Titah Ucapan, yang telah sama-sama kita dengar dan sama-sama kita akan buat renungan demi kemajuan Negeri Pahang Darul Makmur.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Besar Pahang seterusnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan ADUN yang dari jauh datang bersama dalam sidang yang mulia ini demi membawa cadangan permasalahan dan sebagainya untuk sama-sama kita perjuangkan apa yang rakyat tuntut selama ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya ingin mengambil kesempatan pada tengah hari yang mulia ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah juga kepada semua NGO-NGO seperti Majlis Tindakan Sosial Pahang, Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Daerah, Gabungan NGO-NGO seluruh negeri Pahang, Bulan Sabit Merah, Petronita, MYC, Belia Tamil, Persatuan India Prihatin, JPMS dan banyak lagi yang tidak dapat saya sebut pada pagi ini kerana NGO ini, Yang Berhormat Yang di-Pertua, merupakan pihak yang turut yang sama membantu Kerajaan Negeri dalam banyak perkara termasuklah antaranya memberikan bantuan kepada pihak yang terkesan.

Dalam perkara ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan ADUN yang banyak membangkitkan tentang hal-hal atau *portfolio* yang berkaitan dengan *portfolio* ini, seperti mana yang dibangkitkan oleh ADUN Teruntum yang mana mempersoalkan ataupun bertanyakan dalam tempoh 2018 hingga 2020 berapakah jumlah peruntukan, maka telah kita jawab iaitu sebanyak RM15 juta lebih telah diperuntukkan kepada NGO oleh Kerajaan Negeri Pahang selama ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang, namun begitu saya akan adakan sedikit tambahan dalam ucapan saya ini iaitu juga saya masih lagi berkitar kepada sumbangan yang dibuat ataupun permohonan oleh Kelab-kelab, Persatuan, NGO dan Pertubuhan Bukan Kerajaan melalui YB ataupun Exco Belia atau terus kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dengan disertakan kertas-kertas cadangan, program dan aktiviti.

Ini adalah antara aktiviti-aktiviti, program-program yang menujukkan impak positif, yang memberi nilai tambah kepada sosioekonomi masyarakat akan diberi keutamaan. Kelulusan peruntukan akan ditentukan berdasarkan kesediaan peruntukan semasa negeri pada ketika ini. Alhamdulillah, atas kebijaksanaan dan kestabilan pemerintahan Kerajaan Negeri Pahang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bersama jentera pentadbiran negeri, sedikit sebanyak alhamdulillah peruntukan dapat disalurkan kepada banyak pihak yang menikmati peruntukan tersebut.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh ADUN Beserah, sememangnya sumber manusia juga merupakan nadi kepada pembangunan sesebuah negeri. Saya

mengucapkan terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat dari Beserah ini, yang sentiasa bertungkus lumus melihat kawasan, melihat perkara yang melibatkan sumber manusia bersama dengan saya, termasuklah beberapa isu-isu yang terbangkit di Gebeng, di ASB dan sebagainya.

Namun, alhamdulillah Kerajaan Negeri sentiasa cakna ya, juga sedar mengenai keperluan untuk mempunyai perancangan dan pengisian sumber manusia sebagaimana yang dibangkitkan, yang mencukupi khususnya bagi memenuhi pekerja teknikal untuk memenuhi keperluan para pelabur yang melabur ke negeri Pahang ini. Ini adalah sangat penting kerana jika tidak ada keserasian kedua pihak ini, maka kita akan menemui kegagalan ataupun kelemahan yang membuatkan kerugian kepada Kerajaan Negeri.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Yang Berhormat Yang di-Pertua, iaitu dikenali sebagai *Pahang Labour Council* dan sentiasa mengadakan *engagement* di antara pihak industri dan juga pusat kemahiran di negeri Pahang ini. Ini bertujuan untuk memastikan kursus yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan industri semasa ketika ini. Dalam keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan, semua tahu dan kita sedar ramai golongan yang terkesan termasuklah para graduan dan juga anak-anak muda yang lain.

Untuk makluman, Yang Berhormat ADUN Pulau Manis dan Yang Berhormat ADUN Sungai Lembing, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan nasib golongan tersebut terbela dan kemahiran dapat ditingkatkan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Sebagai contoh, pada tahun ini sahaja beberapa program telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran anak muda adalah seperti berikut: Antaranya; Jobs@Pahang - *Offshore Marine in Hospitality Management,* dengan izin*,* Gradpreneur@Pahang – *Business Junior,* dan Gradpreneur@Pahang - Niaga*.*Com.

Ini antara program… adalah yang ditaja sepenuhnya Kementerian Pengajian Tinggi dan dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Pahang serta Kolej Yayasan Pahang dengan pelaburan kerjasama oleh Yayasan Pahang sebanyak RM1.8 juta. Program ini adalah terbuka kepada lepasan diploma dan ijazah, graduan anak Pahang dan mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi. Skim Perantisan Nasional yang dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan pula adalah sebahagian daripada Pelan Pemulihan Anak Muda pada ketika ini. Anak-anak muda boleh melihat laman tersebut untuk memohon dan kini sedang dibuka.

Untuk makluman juga, Kerajaan Negeri melalui PERKESO telah melaksanakan tanggungjawab berkaitan perlindungan keselamatan sosial kepada rakyat di negeri Pahang melalui penguatkuasaan Akta 4 iaitu (Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969) dan Akta 800 antara ataupun (Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017) dengan pembayaran keseluruhan faedah sebanyak RM18 juta setakat Julai 2021 meliputi perlindungan kepada lebih 17,729 majikan dan 229,819 pekerja.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Selain itu bagi memastikan industri terus dapat bertahan selain menjamin pengekalan pekerjaan sedia ada oleh majikan yang terkesan dalam tempoh pandemik COVID-19, PERKESO juga akan meneruskan usaha penyaluran insentif Program Subsidi Upah kepada majikan-majikan yang terus mengekalkan keseluruhan pekerja mereka. Daripada bermulanya pandemik sehingga takat Julai 2021, PERKESO telah menyalurkan lebih kurang RM473.43 juta kepada lebih 11,682 majikan yang melibatkan 81,297 pekerja. Hampir setengah bilion, Yang Berhomat Dato' Yang di-Pertua. PERKESO turut menyalurkan bayaran faedah sebanyak RM0.82 juta kepada lebih 1041 kes tuntutan melibatkan COVID-19 setakat Julai 2021. Maknanya orang yang kena kuarantin di rumah pun, sekiranya disabit dengan jangkitan tersebut dengan pekerja, juga boleh mohon tuntutan dan peruntukan daripada PERKESO ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Bagi memastikan golongan lepasan sekolah, graduan, penganggur dan orang kehilangan pekerjaan, golongan mudah terjejas seperti OKU, peserta Program *Return To Work*, bekas banduan, miskin tegar, gelandangan dapat memperoleh peluang pekerjaan. PERKESO pada tahun 2021 setakat Julai, telah mengadakan lebih 92 aktiviti berkaitan temuduga dengan kewujudan Portal Pekerjaan MYFutureJobs telah menjana lebih 59,691 peluang pekerjaan serta melibatkan 42,918 pencari kerja berdaftar serta berjaya mengembalikan bekerja lebih 5,005 pencari kerja di seluruh negeri Pahang ini. Alhamdulillah, kini PERKESO juga giat melaksanakan penyaluran lain-lain insentif kerajaan melalui Belanjawan 2021 dan PEMULIH yang masih berterusan sehingga 31 Disember 2021.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Seterusnya bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketari. Bagi daerah Bentong, Kementerian Belia dan Sukan telah memiliki sebuah Kompleks Sukan Komuniti Pelangai yang sedang dalam proses naik taraf dengan peruntukan RM3 juta dan akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Bentong pada tahun ini. Tahniah dan syabas kepada daerah Bentong.

Selain itu, pihak kementerian juga telah membaiki 3 buah gelanggang sukan sedia pada akhir tahun 2020 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM80,000.00. Gelanggang tersebut adalah Gelanggang Futsal Kampung Batu 1, Gelanggang Futsal Taman Saga dan Gelanggang Sukan Kampung Ulu Pareh.

Memandangkan di Bahagian Pahang Barat masih tidak memiliki kompleks dan kemudahan sukan yang lengkap, pihak kementerian telah menyenaraikan pembinaan sebuah kompleks sukan mini di daerah Bentong dalam RMK-12 dan menjadi keutamaan kementerian. Selain itu, Bentong juga merupakan pusat latihan utama atlet SUKMA.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Sikit lagi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Dalam masa yang sama juga anak muda di kalangan belia dan beliawanis, kita tidak tinggalkan. Kita terus mempedulikan mereka, cakna dan terus memberi keprihatinan.

Justeru, Pejabat Dewan Undangan Negeri Pahang dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan serta Majlis Belia Negeri Pahang pernah menganjurkan Dewan Belia Pahang pada tahun 2019. Tahniah dan syabas atas pengendalian dewan tersebut.

Majlis Belia Negeri Pahang berhasrat untuk menganjurkan sekali lagi Dewan Belia Pahang ini sebagai medium untuk mengangkat suara anak muda Pahang. Dewan Belia Pahang juga penting sebagai salah satu program kepimpinan yang juga sebagai salah satu kelangsungan Sekolah Kepimpinan Tun Abdul Razak.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Program Kemahiran Insaniah Negeri Pahang, dalam usaha untuk menangkapi masalah pengangguran dan pekerjaan di negeri Pahang, Majlis Belia Negeri Pahang akan berusaha membantu belia dengan mewujudkan program latihan kemahiran insaniah *soft skills* yang amat diperlukan, khusus untuk membantu belia di dalam *upskilling dan reskilling,* iaitu kemahiran yang amat diperlukan buat masa sekarang.

Begitu juga penglibatan Majlis Belia Negeri Pahang dan badan-badan gabungan serta NGO-NGO di dalam Pahang International Youth Forum atau ringkasannya PIYF, iaitu adalah salah satu program antarabangsa yang disusun dalam salah satu sambutan Jubli Emas, Majlis Belia Negeri Pahang. Pahang *International Youth Forum* akan menghimpunkan belia-belia dari negara-negara rakan kongsi Majlis Belia Negeri Pahang dan yang bergabung dengan *World Assembly of Youth*, dengan izin, *Committee for ASEAN Youth Cooperation and Asia Youth Council*.

Pahang *International Youth Forum* memfokuskan perbincangan berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dan Alam Sekitar, Sosial dan Urus Tadbir seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, *Environmental, Social and Good Governance* (ESG) sepertimana yang dititahkan sebelum ini. Dengan pelaksanaan Pahang *International Youth Forum* ini, dihasratkan akan meletakkan Pahang dalam peta pembangunan belia, bukan sahaja di Malaysia, bahkan di peta belia dunia.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Saya ingin memetik satu perkara berhubung dengan *Internet of Things. The Internet of Things* dengan izin*, describes the network of physical objects, so known as, "things" that are embedded with sensors, software, and other technologies that is used for the purpose of connecting and exchanging data with other devices and systems over the Internet* - Wikipedia. Sumber ini sedikit sebanyak ya apa… makna, apa benda yang dimaklumkan ataupun dicadangkan oleh Pahang *International Youth Forum* oleh Majlis Belia Negeri Pahang, mudah-mudahan apa jua aktiviti, apa jua program akan dikaitkan dengan pencapaian dan penggunaan internet dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Seterusnya, dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga ada menyebut tentang penggemblengan tenaga dan peluang serta ruang untuk anak muda dalam Agro Pertanian. Jadi penglibatan anak muda dalam usaha pertanian sebagaimana saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku harus digemblengkan bersama antara Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Belia dan Sukan serta Jabatan Pertanian dengan memberikan sokongan dan dorongan dalam bentuk latihan oleh agensi-agensi berkaitan.

Usahawan muda pertanian atau agropreneur dalam bidang pertanian dan penternakan. Galakan dorongan dan sokongan kepada usaha ini, boleh diperluaskan ke seluruh negeri Pahang, dengan menggerakkan Majlis Belia Negeri Pahang melalui Jabatan Belia dan Sukan bagi pemilihan anak muda yang terlibat dalam usaha ini. Alhamdulillah sejak 2 bulan yang lalu kita telah membuat *engagement* dengan Majlis Belia Negeri Pahang dengan satu projek yang dibangunkan oleh MARDI di daerah Rompin berkaitan dengan tanaman *Roselle*. Tanaman *Roselle* ini akan dibuat secara berkelompok di Kampung Perpat, daerah Rompin yang mana pengeluaran *Roselle* di Rompin adalah antara pengeluaran terbesar *Roselle* dalam negara kita, Malaysia. Jadi dengan ada satu *pilot* projek ini, diharap akan dibuka di daerah-daerah lain secara bersasar. Insya-Allah.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Sedikit makluman untuk Sidang Dewan, untuk saya kongsikan bersama di sini iaitu dengan maklumat Olimpik baru-baru ini. Sikit sahaja Yang di-Pertua, iaitu baru-baru ini penglibatan atlet-atlet kita. Kita ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Dato' Azizul. Walaupun atlet Terengganu tapi membawa nama Malaysia, dan er… saudari Cik Shazrin merupakan atlet negeri Pahang hanya mencapai er… nombor 26 peringkat Olimpik tetapi memperbaiki prestasi semasa di Rio De Janeiro Brazil satu ketika yang lalu.

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Dengan maklumat serba sedikit itu, saya mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana sangat cakna pada rakyat. Khususnya di kalangan anak-anak muda yang saya sebutkan baru-baru ini dalam menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh ADUN Teruntum. Hampir RM1 juta yang telah dibelanjakan dalam bentuk kit makanan dan kewangan *cash* untuk anak-anak muda di seluruh negeri Pahang melibatkan 11 daerah.

Jadi saya mendoakan dan rakan-rakan di luar sana semoga negeri Pahang terus aman makmur, maju dan terus mendapatkan hasil negeri, pertambahan dari masa ke semasa agar terus negeri Pahang di bawah er… Kerajaan Negeri Pahang ini oleh Yang Amat Berhomat Menteri Besar Pahang dapat menghulurkan lagi pembangunan-pembangunan dan apa jua yang boleh dikongsikan bersama rakyat jelata dibawah sana, dan terima kasih kepada semua rakan-rakan Exco dan rakan-rakan ADUN er…Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan juga negeri serta semua NGO-NGO di luar sana, anak-anak muda di seluruh negeri Pahang. Dengan kata-kata itu, saya menyokong Titah Diraja. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan Dan Kesihatan Negeri Pahang, silakan.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk bersama-sama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan yang lain mengambil bahagian dalam er… Perbahasan Usul Menjunjung Kasih di atas keberangkatan dan Titah Pembukaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang baru-baru ini. Dan dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan junjungan kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas perkenan baginda berangkat, dan menyempurnakan Titah Ucapan pada sidang pembukaan baru-baru ini.

Terima kasih juga kepada seluruh Ahli Dewan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan tidak kurang pentingnya seluruh Ahli Dewan yang mengambil bahagian dan memberi perhatian serta pandangan dalam hal-hal dan isu-isu berkaitan dengan portfolio Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan, alhamdulillah.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah bersama-sama Ahli Dewan yang lain di atas pelantikan Ahli Parlimen Bera, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-9. Semoga pelantikan ini dapat memberikan impak yang besar dalam pemulihan negara khususnya pembangunan negeri Pahang dan Bera khususnya.

Di kesempatan ini juga Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mendahulukan tahniah dan penghargaan kepada seluruh jentera kerajaan, yang mana dalam era pandemik yang sangat mencabar daripada awal er… pandemik COVID-19 ini melanda negara kita sehingga ke hari ini, alhamdulillah kita walaupun dalam keadaan keletihan, kepenatan er… *stress* dan sebagainya masih lagi kita tidak lari daripada memikul tanggungjawab yang telah diberikan kepada kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Di dalam ucapan Titah Pembukaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tuanku telah menggariskan beberap… beberapa perkara yang perlu diberikan penekanan oleh semua pihak di kalangan bukan sahaja ahli politik, pentadbir awam, penjawat awam, pihak swasta dan juga seluruh rakyat. Antara yang ditekankan adalah soal pematuhan prosedur operasi standard dalam mengekangkan… mengekang COVID-19 dan juga *Environmental, Social, Governance* atau pun ESG.

Sidang Dewan yang Dimuliakan, negeri Pahang telah mencapai Fasa 2 dalam Pelan Pemulihan Negara berdasarkan indikator yang telah ditetapkan. Negeri Pahang juga telah memenuhi sebenarnya indikator untuk beralih ke Fasa 3. Data menunjukkan 40% iaitu kira-kira 480,000 penduduk dewasa sudah lengkap 2 dos vaksin yang merupakan salah satu indikator bagi Fasa 3.

Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Agensi yang berkaitan telah melaksanakan pemantauan yang ketat dan memberikan kempen kesedaran pada masyarakat untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang berfungsi di setiap daerah dari semasa ke semasa melakukan pemantauan pada

aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan di seluruh negeri Pahang untuk pastikan peniaga-peniaga mematuhi SOP yang ditetapkan.

Selain itu, Pejabat Setiausaha Negeri melalui Unit Antarabangsa juga telah melaksanakan pemantauan yang berterusan di kawasan-kawasan perindustrian bagi memastikan pekilang-pekilang mematuhi SOP bagi mengelakkan penularan wabak ini. Pemeriksaan-pemeriksaan di kilang-kilang di daerah Bentong, daerah kecil Gebeng dan beberapa di daerah lain dilakukan secara rawak dan beberapa kilang telah dikenakan kompaun kerana kegagalan pematuhan SOP.

Pembinaan infrastruktur seperti ECRL dan CSR yang dapat meningkatkan akses kepada rakyat yang sedang giat dilakukan sekarang ini, juga er…terjejas pelaksanaannya. Sebenarnya pembangunan infra ini amat penting dalam memacu pembangunan ekonomi di negeri Pahang dan juga di semenanjung.

Namun begitu, aspek penjagaan alam sekitar seperti mana yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja sentiasa… projek ini sentiasa memberikan aspek penjagaan alam sekitar dan pelaksanaan projek pembangunan sentiasa diberikan perhatian yang serius oleh pihak-pihak berkuasa Kerajaan Negeri.

Melalui Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran, kita sentiasa melakukan pemantauan berkala bagi memastikan setiap pemaju projek mematuhi EIA atau pun *Environment Impact Assessment* yang sedia ada. Ini adalah untuk memastikan e…matlamat ESG yang disebut itu dapat kita patuhi.

Selain itu, aspek integriti dalam jabatan agensi kerajaan sentiasa ditingkatkan, ditekankan oleh kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk mengelakkan sebarang ruang untuk berlakunya penyalahgunaan kuasa yang boleh memberikan kesan terhadap er… penyampaian sistem pentadbiran kerajaan juga kesan terhadap alam sekitar.

Kerajaan Negeri melalui kerjasama JAS, JPS dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memantau pelaksanaan projek ECR… ECRL sebagai contoh untuk mengelakkan pencemaran air yang menjejaskan pelbagai aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain seperti penternakan ikan sangkar yang dibangkitkan oleh Semantan dan lain-lain lagi.

Kerajaan Negeri sentiasa memberikan komitmen dalam memastikan projek-projek ini dapat dilaksanakan secara lestari dan juga dapat er… tidak terjejas dengan pandemik yang berlaku sekarang ini. Antara jawatankuasa yang berfungsi untuk memantau projek ECRL di negeri Pahang adalah Mesyuarat Jawatankuasa Induk ECRL Negeri, Mesyuarat Koordinasi Bulanan Projek yang diadakan setiap bulan. Selain daripada itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan ECRL Negeri Pahang juga melibatkan Jawatankuasa di peringkat Kerajaan Persekutuan dan di antara negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa prihatin terhadap isu-isu pencemaran bunyi yang disebabkan kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan berhampiran dengan perumahan penduduk. Kerajaan melalui PBT, Jabatan Alam Sekitar serta jabatan teknikal yang berkaitan sentiasa memantau kerja-kerja pembinaan bagi memastikan pencemaran bunyi yang menjejaskan penduduk dapat dielakkan.

Untuk kepentingan pada masa akan datang, dalam mengamalkan prinsip ESG dalam pelaksanaan pembangunan negeri Pahang, Kerajaan Negeri melalui jabatan agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Alam Sekitar akan sentiasa mencari kaedah yang lebih moden untuk memastikan kelestarian alam sekitar, alam flora dan fauna. Semua jabatan agensi yang berkaitan akan memberikan penekanan yang serius dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan untuk mengirangkan… mengurangkan impak kerosakan alam sekitar.

Merujuk kepada portfolio kesihatan yang di bawah tanggungjawab saya, perkara ini mendapat… alhamdulillah mendapat perhatian hampir se… seluruh Ahli Dewan yang pastinya perhatian ini datang daripada kesedaran bahawa kita sama-sama memikul tanggungjawab dan kita sama-sama berusaha untuk mengekang wa… wabak yang sedang melanda dan untuk mengembalikan negara kita, kehidupan kita kepada keadaan sebelum ini. Semua pihak perlu memainkan peranan dalam memahami er… soal COVID ini dan cuba mematuhi SOP-SOP yang ditetapkan.

Satu perkara mungkin yang perlu kita beri perhatian kita memperkatakan *frontliner,* saya fikir kita juga harus melihat se… setiap ketua keluarga merupakan *frontliner* yang harus kita upayakan kerana merekalah yang akan er… menjadi barisan hadapan yang paling utama untuk memastikan majoriti er… keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negeri Pahang ini dapat dijaga.

Jumlah keseluruhan kes di negeri Pahang sehingga 23 Ogos adalah sebanyak 38,786 kes dengan kadar insiden sebanyak 2159/100,000 kes aktif dengan keboleh jangkitan dalam tempoh 14 hari adalah sebanyak 9,272 kes. Terdapat 414 kematian yang dilaporkan di Pahang setakat ini. Untuk makluman lanjut berkaitan dengan pecahan kes bagi setiap daerah er… Ahli-ahli Yang Berhormat boleh la er… kita akan edarkan ya, walaupun senarai yang kita edar nanti er… sudah luput waktu tapi kita percaya melalui *trend* data-data itu Ahli-ahli Yang Berhormat dapat er… memahami keadaan lebih mendalam dan kita boleh *study trend* yang berlaku er… dengan izin, Yang Berhormat.

Seterusnya sebahagian besar daripada rakyat negeri Pahang dan juga diwakili dalam Dewan ni oleh Wakil Rakyat kita memandang serius soal vaksinasi negeri Pahang yang kelihatannya agak perlahan. *Trend* ini bukan sahaja berlaku di negeri Pahang kalau dibandingkan *trend* vaksinasi di seluruh negeri, di negeri-negeri seluruh negara, negeri Pahang bukanlah yang tercorot walaupun bukan teratas kerana dasar Jawatankuasa Vaksinasi Negara yang mendahulukan negeri-negeri yang berkepadatan penduduk tinggi khususnya di Lembah Klang untuk diberikan vaksin terlebih dahulu.

Dan sepertimana yang saya sebutkan semalam insya-Allah menjelang Oktober ya, sekiranya vaksin yang dijanjikan itu sampai kita tidak ada masalah untuk menjalankan vaksinasi melalui 171 Pusat Vaksinasi yang ada dan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang menyatakan pembelian 6 juta dos er… pada dua minggu yang lalu, itu satu khabar yang gembira untuk kita untuk menyakinkan bahawa kita akan mampu mewujudkan imuniti ini dalam masa yang terdekat.

Berapa minit lagi saya ada Dato' Sri Yang di-Pertua?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Habis dah masa minta gulunglah minta ringkaskan.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Habis dah? Jadi sebenarnya banyak sekali maklumat yang dibekalkan oleh urusetia. Jadi saya tidak berhajat untuk melampaui masa saya percaya sememangnya apa segala yang kita rancang ya peringkat kerajaan sedang berjalan walaupun terjejas banyak tapi alhamdulilah kita *restrategise* pendekatan-pendekatan kita ya.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Cuma untuk pengakhirnya Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi pandangan untuk *respond* kepada apa yang dibangkitkan oleh Beserah semalam berkaitan dengan isu *reset our mind* ya, berkaitan dengan apa… bagaimana pandemik yang berlaku ini sudah mengubah gaya hidup kita. Kita dalam soal apa dengan pengurusan COVID ini kelihatan seolah-olah sentiasa terhimpit untuk memilih antara satu. Seolah-olah terpaksa memilih diantara telur dan ayam, dan dalam hal pandemik kita sentiasa seolah-olah terpaksa memilih antara ekonomi atau nyawa.

Tapi kalau kita melihat kepada taksiran ekonomi yang saya rasa mudah untuk kita faham teori-teori ekonomi moden, antara yang popular adalah apa yang dikenalkan oleh Lionel Robbins yang mengatakan bahawa ekonomi adalah satu sains. Sains lawannya fiksyen, Yang Berhormat ya.

Sains maksudnya logik kita boleh tengok. Ekonomi adalah sains yang mengkaji gelagat manusia, *human behavior* dalam memenuhi dua perkara iaitu keperluan dan kehendak manusia. Keperluan dan kehendak ini sebenarnya tidak terbatas. Jadi macam mana manusia ini bergelagat memenuhi keperluan dan kehendak yang tidak terbatas menggunakan sumber-sumber yang terbatas.

Jadi ini yang berlaku sekarang ini secara apa umumnya sebagaimana kata Beserah tadi, dalam keadaan sekarang ni pandemik ini sebenarnya dah boleh mendisiplinkan kita semula. Kalau sebelum ini keperluan-keperluan kita yang sebenarnya sikit, kita rasa banyak, kehendak-kehendak yang banyak itu kita banyakkan, tetapi disebabkan kekangan ini akhirnya kita dapat mendisiplinkan kehidupan kita dengan lebih baik.

Jadi dalam erti kata lain banyak sebenarnya yang memberikan kerosakan dalam sistem ekonomi ini adalah soal kehendak-kehendak ataupun nafsu kita yang melampau.

Jadi saya percaya kerajaan walau bagaimanapun Yang Berhormat, tidaklah boleh kita bukanlah kerajaan yang apa komunis yang nak menentukan segalanya. Kita mengamalkan dasar ekonomi terbuka tapi melalui kesedaran pendidikan yang saya percaya akhirnya ekonomi kita akan bergerak ke arah yang lebih baik. Maksudnya

aktiviti-aktiviti yang tidak sihat yang kita sebutkan semalam itu, akhirnya melalui pendidikan, kesedaran, kita serahkan kepada rakyat untuk mendahulukan yang mana ya.

Jadi itu sahaja kesimpulannya. Saya rasa ini memerlukan apa perhatian, kefahaman mendalam untuk kita sama-sama usahakan. Silakan Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Sikit je Dato' Yang di-Pertua. Balik kepada *progress* vaksinasi kita. Saya mencadangkan bahawa, adakah PPV kita boleh operasi pada hujung minggu? Disebabkan sehari pun sudah panjanglah dalam proses kita melawan COVID.

Saya jangka kalau kita dapat gandakan lagi dalam beberapa minggu ini, kita boleh meredakan keresahan rakyat yang mana ramai telah mendaftar sejak bulan Mac, Beserah pun dah sebut ya tapi sehingga hari ini belum dapat lagi temu janji khususnya di Pahang. Saya rasa ramai yang masih tunggu-tunggu. Ini bab pertama.

Kedua saya jangka dalam dua bulan akan datang, perkara yang sebaliknya mungkin berlaku yang mana tahap ataupun kadar pendaftaran ya, adakah ianya telah mencapai satu tahap yang memuaskan? Saya tidak pasti. Tetapi kalau belum, apakah langkah yang boleh diambil, termasuk merangkumi usaha kita semua memastikan semaksimunnya rakyat boleh mendaftar untuk dapatkan vaksinasi. Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soal vaksinasi daripada pemerhatian saya di seluruh negeri Pahang kita tidak berkira soal hari, asalkan vaksin itu sampai ke negeri Pahang kita apa cara sekalipun kita akan… kita akan apa berikan kepada rakyat secepat mungkin. Dan sepertimana saya katakan kita harapkan tidak ada apa ini ganguan dalam penyampaian vaksinasi ke negeri.

Seperkara lagi yang disebut oleh Wakil Semambu tadi soal pendaftaran. Sebenarnya kita terima hakikat ya, sistem pendaftaran MySejahtera yang diwujudkan sebelum… yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan itu er… adalah satu sistem yang *ad hoc* yang kita buat secara mengejut dan ada kekurangan-kekurangan yang tidak dapat dielakkan sebenarnya.

Pada asalnya sistem MySe… pendaftaran vaksin MySejahtera itu diwujudkan bukan tujuannya untuk vaksinasi. Sistem itu pada asalnya diwujudkan untuk pemantauan pesakit-pesakit ataupun kes-kes COVID ini. Itu pada asalnya.

Jadi apabila kerajaan membuat keputusan, ini pada fahaman saya, bila kerajaan membuat keputusan untuk memberikan vaksin yang memerlukan satu sistem data lengkap, maka sistem itu yang digunakan. Dan sebenarnya dari segi teknikal ada kekurangan pada sistem MySejahtera… pengkalan data MySejahtera itu kerana pendaftaran itu tidak disertakan dengan alamat er… apa ni pendaftar secara jelas.

Jadi apabila kita nak mengerakkan kelompok-kelompok masyarakat itu bagi tujuan vaksinasi secara berkelompok di lokasi-lokasi yang ditetapkan, kita tak boleh. Itu ada sikit limitasinya

Dan ada juga yang bertanyakan tentang SICP, sebenarnya seperti mana kita katakan tadi peringkat awal perancangan awal vaksinasi itu sebenarnya Kerajaan Negeri Pahang bukanlah mendahului tetapi tidak ketinggalan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus maklum dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri kita ingin bersama-sama kita nak beli vaksin kita nak membantu kerajaan memberikan vaksinasi jadi pada ketika itu MySejahtera belum lagi diputuskan sebagai saluran untuk vaksinasi ya.

Jadi kita er… kita mendahului sedikit dan sebenarnya dari segi data kita lebih lengkap. Tetapi apabila kita er…berusha untuk *merge* untuk menggabungkan data daripada SICP dan MySejahtera itu, secara teknikalnya ada pelbagai masalah yang timbul.

Jadi saya harap Ahli-ahli Dewan dan rakyat secara umumnya kena memahami bahawa pandemik ini kita tak jangka ya, semua pihak telah memberikan apa ni komitmen, kepakaran yang terbaik, tetapi masih ada masalah yang berlaku. Jadi saya berfikir kita sebagai Wakil Rakyat, sebagai rakyat jelata cara yang paling baik untuk kita membantu yang paling mudah, janganlah kita menyusahkan. Jadi, alhamdulilah sebahagian besar daripada rakyat kita Dato' Sri Yang di-Pertua sangat *obedient* dengan izin ya er… patuh alhamdullilah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, boleh ringkaskan sikit ya…

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

…itu sahaja Yang Berhormat, itu sahaja, jadi semoga kita teruskan kepatuhan kita dan kerjasama ini. Saya dengan ini er… menyokong Usul Menjunjung Kasih er… di atas perkenan Tuanku bertitah dan membuka Sidang Dewan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Besar. Dengan ini saya menyokong Usul Yang Amat Berhormat. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bismillahirrahmanirahim, assalamualaikum WBT [Bacaan dalam Bahasa Arab]

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana sebagaimana rakan-rakan yang lain diberi peluang untuk mengambil kesempatan menggulung atas apa yang telah kita perbincangkan di dalam Dewan Yang Mulia selama ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri

Besar bersama dengan Dato' Speaker dan Urus Setia yang telah berjaya untuk mengadakan Persidangan ini seterusnya menyila Kebawah Duli Yang Maha Mulia er… Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bagi merasmikan Persidangan Dewan ini.

Dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku adalah bukti bahawasanya, kesungguhan dan keprihatinan Tuanku kepada Negeri Pahang Darul Makmur dan Persidangan ini demi kebajikan dan kemakmuran Negeri Pahang Darul Makmur jua. Dan sesungguhnya dengan perasmian itu juga, sebenarnya Kebawah Duli Tuanku boleh sahaja berangkat di istana dan diadakan secara maya, tetapi Tuanku sendiri berangkat dan memberi sokongan kepada kita semua bagi memberi semangat untuk memastikan negeri Pahang terus maju dan makmur. Menjunjung Kasih ke sisi Kebawah Duli Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Dengan ringkasnya, saya bersyukur ke hadrat Ilahi di atas kesungguhan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di dalam meneraju Kerajaan Negeri, maka saya juga bahagian daripada rakan-rakan yang lain bertanggungjawab di dalam portfolio agama dan pendidikan telah diberi peluang dan ruang untuk membawa pendidikan dan agama di negeri Pahang ini dengan sebaik-baiknya.

Banyak di dalam soal pendidikan dan agama, peruntukkan telah diberikan bagi memastikan warga-warga didik di sekolah-sekolah agama, KAFA, Takmir, Masjid dan sebagainya dilaksanakan programnya dengan sebaik mungkin. Tetapi apakan daya di suasana er… pandemik COVID-19 sebagaimana di dalam agensi-agensi yang lain menghadapi kekangan-kekangan tertentu, maka jabatan agama juga, sekolah-sekolah di negeri Pahang juga turut terlibat secara serius untuk mengendalikan pentadbiran agama dan pendidikan sebagaimana norma biasa yang pernah kita alami satu ketika dulu.

Namun itu tidak menjadikan jentera kita kecewa dan berputus asa, mereka terus berdiri tegak untuk melaksanakan agenda kerajaan kita bagi memastikan pendidikan agama dan juga bagi memastikan pendidikan di sekolah-sekolah kebangsaan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Sebab itulah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah meminta er… supaya semua mereka ini… kebajikan mereka ini dapat dikenalpastikan sehingga jutaan ringgit telah dibelanjakan. Insya-Allah saya akan pastikan jumlah-jumlah itu akan diagihkan kepada rakan-rakan ADUN untuk dimaklumkan belanja-belanja yang telah diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ataupun di dalam Dewan Yang Mulia ini di dalam pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bagi meringkaskan ucapan saya.

Namun demikian ada beberapa persoalan yang dikemukakan oleh rakan ADUN di dalam Dewan ini er… bagi menanyakan seumpamanya dari Bilut, yang menanyakan tentang er… tidakkah Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu mangsa-mangsa COVID-19 yang telah meninggal dunia akibat daripada er… berlakunya penularan kuman itu kepada pesakit.

Alhamdullilah dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang belum lagi soalan ini dikemukakan maka Yang Amat Berhormat telah mengenalkan tabung itu dengan sokongan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, mangsa-mangsa yang apa er… mati akibat penularan COVID-19 ini bolehlah menuntut er… bayarannya dengan… daripada Kerajaan Negeri Pahang, insya-Allah dengan jumlah-jumlah yang ditetapkan, tidaklah dapat nak er… menyediakan apa namanya keranda berlorek emas Dato' Sri, tapi sedikit kemudahan itu insya-Allah boleh diberikan kepada mereka yang terlibat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Begitu juga sahabat saya daripada Padang Tengku, menanyakan tentang pengembangan dakwah Orang Asli. Alhamdullilah, Agensi-agensi Kerajaan kita JAKOA, Majlis Agama Islam Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang, Pejabat Daerah, BPEN telah berganding bahu turun padang bagi memastikan supaya perkara ini dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

Namun demikian, saya insya-Allah sendiri bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan ke sana, bagi memastikan apa yang disarankan oleh rakan saya daripada Padang Tengku supaya diadakan tempat operasi yang lebih agresif. Ini adalah satu pandangan yang baik dan saya akan membuat penelitian bersama dengan Jabatan Agama Islam Pahang untuk dibentangkan di dalam majlis… Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang seandainya sesuai dengan keupayaan kita dan juga sesuai dengan kemampuan kita. Saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang tidak pernah menolak perkara yang baik untuk kebaikan rakyat di Negeri Pahang Darul Makmur.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Juga rakan daripada Semambu, menanyakan tentang soal menunaikan solat Jumaat di masjid untuk dibenarkan kepada er… jemaah-jemaah. Saya terkenang kepada Firman Allah SWT [Bacaan Ayat Al-Quran]. Surah Fussilat ayat 33.

Tahniah saya ucapkan rakan saya daripada Semambu, alangkah baiknya "sebaik-baik seruan itu yang dipanggil oleh seseorang itu mengajak orang membuat baik dan beramal soleh dan sedang dia mengatakan saya nak masuk Islam", ini orang yang terbaik, orang yang terpuji, alhamdullilah.

Sebelum persoalan ini dikemukakan, Kerajaan Negeri telah membuka masjid-masjid mendahului negeri-negeri lain untuk membenarkan mereka beribadat menunaikan Jumaat dan menunaikan fardhu, tetapi oleh kerana penularan COVID-19 masih lagi melanda negara kita, bahkan dunia termasuklah negeri kita Pahang Darul Makmur terpaksalah *task force,* pihak yang berwajib yang memerhati tentang perkembangan COVID ini menentukan SOP-SOP supaya janganlah masjid juga jadi tempat penularan.

Dalam pada itu ada juga beberapa buah masjid yang terlibat, maka terpaksalah penguatkuasaan dilaksanakan di masjid-masjid berkenaan. Alhamdullilah, kita dapat laksanakan solat dan ibadat dengan sebaik-baiknya. Terima kasih di atas kecaknaan rakan saya daripada Semambu tentang soal menunaikan ibadat solat Jumaat ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Juga soalan daripada er… Ketari, mengenai keupayaan anak-anak kita di peringkat er… TADIKA untuk menguasai penulisan, pembacaan yang lemah. Adakah ini tidak ada data-data yang dibuat oleh pihak JPN, Jabatan Pendidikan dan pihak-pihak yang berwajib dan berkenaan tentang penguasaan mereka di dalam apa namanya membaca dan menulis.

Sebenarnya Dato' Sri Yang di-Pertua, tidaklah kita nafikan mungkin kerana kegagalan mereka mendapatkan apa bekalan internet yang lemah tetapi tidak itu sebenarnya 100% kerana ramai di kalangan anak-anak kita yang berjaya menulis, berjaya membaca setelah mereka mengambil pendidikan melalui internet. Ada video-videonya daripada anak-anak kita yang belajar, saya nak tayang pun waktu ini maknanya jadi panjang pula nanti.

Kalau ada minat nak ke video itu nanti, kita boleh beri juga. Tetapi sebenarnya selain daripada penguasaan dan pembekalan internet yang lemah, sebenarnya ada di kalangan ibu bapa kita juga dan anak-anak kita itu sendiri lemah menggunakan peralatan moden dan akhirnya mereka gagal dan mereka sendiri tidak mendaftar, tidak mengikuti kelas-kelas itu secara konsisten dan istiqamah, akhirnya mereka juga gagal. Itulah beberapa persoalan yang dikemukakan kepada saya dan insya-Allah jika ada lagi kelonggaran, kekurangan daripada apa yang dikemukakan, saya berusaha untuk menjawab secara bertulis.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mohon menyokong Usul yang telah diterima… yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan disokong oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Sri Sharkar terhadap Titah Kebawah Duli Tuanku di dalam Perasmian Dewan pada kali ini. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Yang Berhormat dan mereka yang berada di dalam Dewan Yang Mulia ini. Pertamanya, insya-Allah saya baru sahaja mendapat nota mengatakan bahawa kita semua perlu meringkaskan hujah pada hari ini kerana kita nak selesaikan juga urusan-urusan kita yang lain pada hari ini juga.

Jadi, sebelum saya meneruskan ucapan saya er… saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan yang menyentuh tentang portfolio saya,

Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Khususnya kepada rakan-rakan saya, saya tak dapat nak baca teks ini disediakan panjang.

Jadi, saya nak ringkaskan ya, dan saya nak ucap terima kasih juga kepada Urus Setia yang menyediakan teks ucapan yang panjang lebar ini Dato' Sri Yang di-Pertua dan insya-Allah saya akan jawab secara bertulis kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang ada mengemukakan soalan-soalan dan menyentuh perkara yang berkaitan dengan portfolio saya sewaktu di dalam hujah perbahasan mereka.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Sebelum itu saya ingin menyembahkan setinggi-tinggi junjung titah ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Saya juga ingin merakamkan ucapan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di atas lantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-9.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Secara ringkasnya keseluruhan Titah Diraja baru-baru ini yang paling menyentuh hati dan perasaan saya ialah pandangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan juga ingatan Baginda kepada kita semua untuk mengamalkan politik matang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Bagi saya politik matang ini jugalah yang menjadi teras kepada perpaduan bukan sahaja di dalam negara kita tetapi juga kepada negeri kita ini dan saya yakin melihat kepada apa yang telah dibahaskan sepanjang 3 hari kita di Dewan ini. Ahli-ahli Dewan telah pun memahami dan menjiwai apa itu politik matang dan kebetulan pula kita sekarang berada dalam bulan kemerdekaan Dato' Sri Yang di-Pertua, dan kita semua perlu menghayati dan menjiwai prinsip Rukun Negara yang ada 5, yang kadang-kadang ramai yang lupa, bukan sahaja generasi muda tetapi kita juga hanya menghafal Rukun Negara apabila kita berada dalam bulan kemerdekaan.

Saya suka nak mengingatkan kembali 5 prinsip Rukun Negara kita, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan. Ia juga sekiranya diamalkan oleh kita semua, insya-Allah politik matang seperti dititahkan itu akan menjadi amalan kepada kita semua.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin mengingatkan kepada semua pemimpin dan juga kita semua Ahli-ahli Dewan untuk kita memainkan peranan masing-masing untuk kita membimbing rakyat di kawasan masing-masing tentang erti perpaduan dan menghayati serta menjiwai prinsip Rukun Negara ini dan akhir-akhir ini kita tengok bagaimana anak-anak muda generasi muda begitu berani, begitu biadap sekali Dato' Sri Yang di-Pertua, mengkritik Institusi Diraja dan saya kira ini semua tidak boleh kita biarkan dan ini semua menjadi tanggungjawab kita Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini untuk mempertahankan Institusi

Diraja dan untuk kita membimbing, menge*educate* dengan izin, Dato' Sri Yang di-Pertua, anak-anak muda kita, generasi kita hari ini, untuk memahami apakah pentingnya Institusi Diraja dalam negara yang kita semua cintai ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Kebiadapan anak-anak muda ini, saya kira tanggungjawabnya adalah di atas bahu kita dan saya mohon kepada Ahli Dewan ya, seperti saya katakan tadi untuk kita membimbing anak muda, kita juga untuk memastikan semua parti, tak kira parti UMNO, MCA, MIC, DAP, PKR, PAS, kita semua mesti memastikan ahli-ahli parti dan pengikut-pengikut kita menjunjung prinsip Rukun Negara ini. [Ahli Dewan menepuk meja]

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Dan saya juga merasa terharu apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja memberikan kredit dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan cara bagaimana kita cakna dan menjaga kebajikan rakyat di negeri kita khususnya dalam tempoh pandemik COVID-19 ini, dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menyebut sejumlah wang yang besar, peruntukan yang besar telah pun dibelanjakan untuk kita er… menghargai ataupun menyantuni rakyat kita yang terkesan akibat daripada COVID-19 ini.

Saya tidak nak menyebut secara *detail* di sini dan insya-Allah sekiranya ada Ahli Dewan yang inginkan maklumat-maklumat yang berkaitan, semalam saya bersama dengan ADUN daripada Semambu er… daripada Teruntum ya, bagaimana dia kata banyak yang dia sendiri selaku Wakil Rakyat tak faham, tak tahu saluran-saluran ya, insya-Allah kita sentiasa diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk cari dan bantu.

Kita tak perlu tunggu rakyat datang kepada kita, kita cari rakyat kita yang mempunyai masalah dan kita sama-sama bantu dan sekiranya ada Ahli-ahli Dewan tak kira daripada kalangan pembangkang sekalipun, ada maklumat-maklumat tentang mereka yang terkesan di negeri ini, salurkan kepada kita untuk kita sama-sama bantu mengatasi masalah mereka.

Ini juga termasuk Dato' Sri Yang di-Pertua, kita sedang mengesan anak-anak yang menjadi yang menjadi yatim piatu akibat dari ibu-bapanya meninggal kerana masalah… kerana penyakit COVID ini dan sekarang ini saya telah pun ada maklumat sebanyak 5 keluarga yang telah pun kita ziarah ya, termasuk satu keluarga Cina di Karak ya, yang mana ibu dan bapanya meninggal selang dalam tempoh 10 hari sahaja dan kita telah pun melawat mereka dan mengambil butir-butir maklumat anak-anak ini untuk kita berikan bantuan sama ada melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mahupun melalui Yayasan Pahang untuk mereka meneruskan pendidikan mereka.

Jadi, saya harap ya, Ahli-ahli Dewan dapat membantu kita mencari mereka yang malang ini khususnya anak-anak yang ditinggalkan oleh kedua ibu-bapa akibat daripada penyakit COVID-19 ini dan er… *point* saya yang terakhir Dato' Sri Yang di-Pertua, ialah hari ini mungkin ramai yang tak tahu, mungkin ada yang tahu, hari ini adalah 25 hari bulan Ogos 2021 adalah Hari Wanita Kebangsaan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Suka saya untuk menyingkap sikit sejarah bagaimana 25 Ogos dipilih sebagai Hari Wanita Peringkat Kebangsaan. Ia bertepatan dengan hari penubuhan Kaum Ibu UMNO iaitu pada 25 hari bulan Ogos tahun 1949 dan ianya kita raikan Hari Wanita Kebangsaan ini pada tahun 19… kalau tak silap saya 1975… kalau tak silap saya ya, dan kita sebenarnya merayakannya terlebih… 15 tahun terlebih awal daripada Bangsa-Bangsa Bersatu menyambut Hari Wanita Antarabangsa yang jatuh pada 8 hari bulan Mac setiap tahun ya.

Dan alhamdulillah dengan penubuhan Kaum Ibu UMNO pada 25 Ogos 1949 ya, martabat kaum wanita sejak daripada itu telah pun diangkat ya kita telah ada ramai menteri kabinet. Namun begitu, saya juga ingin menyahut seruan rakan-rakan saya di peringkat persekutuan juga yang sekarang ini memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menambah jumlah menteri wanita dalam kabinet yang akan dilantik nanti, kerana apa Dato' Sri Yang di-Pertua, kerana dalam 188 negara, kita ini antara yang corot, kita ni antara tangga yang ke-116, kalau tak silap saya ya, dan sebenarnya di seluruh dunia wanita yang menjadi ketua, negara sama ada sebagai perdana menteri ataupun sebagai presiden ada 24 semuanya. Dah ada 24 orang ya dan kebanyakannya di negara Eropah Timur ya di Lithuania, banyak lagi negara-negara termasuk di Finland kan… di New Zealand ya dan di Singapura presidennya adalah seorang wanita ya.

Jadi, kita juga pencapaian terbaik kita di Malaysia ini, apabila kita pernah ada Timbalan Perdana Menteri ya. Jadi, alhamdulillah di Pahang juga saya lihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga tidak mensia-siakan peranan yang telah dimainkan oleh kaum wanita dan banyak sekali peruntukan yang telah diberikan kepada kaum wanita di negeri ini melalui Majlis Pembangunan Wanita Pahang er… setakat ini sahaja lebih RM2.5 juta telah pun disalurkan melalui Majlis Pembangunan Wanita Negeri Pahang untuk kita memperkasakan wanta di negeri Pahang ini.

Dan yang kita… rakan saya minta sebut kita ada dua orang er… Pegawai Daerah Wanita iaitu di Kuantan, di Jerantut, kita ada Yang di Pertua… tadi tak nak sebut, dia tak nak menghargai, bila *time* kita dia sibuk je Dato' Seri di-Pertua nak… nak… nak menyebut kan. Er… tapi tak apalah saya bagi peluang nanti mungkin rakan saya daripada Lanchang dia nak sebut nanti kan.

Jadi, ini juga adalah satu pengiktirafan kepada kita ya… dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri yang memberi kepercayaan kepada kaum wanita dan saya teringat sebenarnya kata-kata er… saya nak menyebut ha yang ni saya kena sebut kata-kata daripada COO Facebook, Sheryl Sandberg nama dia ha Shelly Sandberg nama dia ya. Dia menyebut bahawa….

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Minta laluan.

YB. DATO'SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Boleh… boleh. Sebab wanita minta laluan.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Ya. *Thank you so much*. [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua,
Saya rasa amat gembira bila er… Kuala Sentul beritahu yang beliau telah datang ke Karak untuk menemui anak yatim piatu er… yang kehilangan ibu bapa mereka akibat Covid dan er… dari hari pertama kami sedang dengar tentang Titah er… Tuanku yang mengatakan kita mesti *practise* politik matang. Okay, lain kali bila datang ke kawasan saya, panggilah saya, saya pun akan ikut. *We practise whatever we preach*. Kita jangan *preach* sahaja tapi kita tak *practise* tak baiklah. Itu bukan politik matang. Saya kan ADUN kawasan Sabai. Lain kali panggil saya akan ikut. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey YB. Okey.

YB. DATO'SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Sabai. Sebenarnya saya sendiri belum pergi lagi. Saya baru hantar wakil pergi tengok dapat maklumat ya. Nanti bila saya pergi nanti saya akan jemput wakil daripada Sabai untuk bersama-sama.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Minta laluan sekali lagi. Er… hantar wakil lagi baik kalau panggil saya sebab saya lebih tahu kan kawasan saya. Mungkin senang kerja wakil. Terima kasih.

YB. DATO'SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Ha dia bukan wakil politik. Ini pegawai kita jabatan. Saya rasa tak ada masalah ya, kalau kita nak ganggu wakil rakyat sentiasa pun susah juga. Jadi diorang ni pergi *recce* dulu YB ya. Nanti dah dapat, kita dah dapat maklumat sebagainya kita akan jemput YB daripada Sabai bersama-sama.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Itu kan tugas kita, bukan ganggu. *Thank you*.

YB. DATO'SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Baik, baik.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sabai saya ingat okay. Kita jemput nantilah.

YB. DATO'SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Okey terima kasih Sabai. Saya dah… mana ni tadi saya punya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Hari Wanita.

YB. DATO'SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Hari Wanita. (ketawa).

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat masa pun dah sampai YB.

YB. DATO'SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Ha masa… masa ringkas saya nak sebut juga.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya bagi satu minit lagi YB.

YB. DATO'SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Seminit je lagi. Dato' Sri di-Pertua,
Er… saya nak menyebut ini adalah kata-kata daripada Shelly Sandberg COO daripada Facebook yang menyebut bahawa dengan izin Dato'Sri di-Pertua. *"In the future there will be no female leaders, there will just be leaders".* Maknanya satu hari nanti di masa hadapan, orang tak akan menyebut dan membezakan lagi sama ada ada pemimpin lelaki ataupun pemimpin wanita yang ada hanyalah seorang pemimpin yang hebat di kalangan kita, insya-Allah.

Dengan kata-kata itu saya dengan ini menyokong usul Titah Ucapan Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih YB. Baiklah sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri Pahang. Sila Dato' Sri.

YB. DATO'SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pertamanya terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk terlibat sama dan mengambil bahagian dalam penggulungan bagi pihak kerajaan.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan junjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah berangkat mencemar duli merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 23 Ogos 2021 bersamaan 14 Muharam 1443 Hijrah.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani dan Bioteknologi, saya amat tersentuh dan terharu atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja yang bertitah menyentuh berkaitan dengan sektor pertanian negeri Pahang.

Sememangnya sektor pertanian merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negeri Pahang. Tuanku juga telah bertitah mencadangkan dan menasihatkan bagi terus memperkasa sektor pertanian ini melalui pengamalan teknologi moden khususnya er… penggunaan *Internet of Things,* dengan izin, IOT dan mempertingkatkan lagi produk… dalam mempertingkatkan lagi produktiviti dan kualiti hasil pertanian.

Melalui pendekatan ini insya-Allah keperluan sumber asas seperti tanah yang luas dapat ditangani secara lebih lestari dan pada masa yang sama dapat memenuhi prinsip *Environmental, Social And Governance,* ESG dengan izin.

Ucapan tahniah juga kepada Yang Berhormat Dato'Sri Ismail Sabri Bin Yaakob Ahli Parlimen Bera yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri yang Ke-9 pada 21 Ogos 2021 yang lalu. Sebagai bekas Menteri Pertanian Malaysia tentunya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan lebih prihatin terhadap pembangunan dan kemajuan sektor pertanian negara dan juga tidak lupa insya-Allah Pahang.

Pahang mengharapkan agar Kerajaan Pusat dapat terus memperkasakan sektor pertanian dan Agro Makanan Negeri Pahang selaras dengan bidalan orang-orang tua dahulu mengatakan bahawasanya berkasih dengan yang sayang dan minta pada yang ada. Serta saranan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Pahang First insya-Allah.

Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada rakan-rakan er… Ahli Dewan Yang Mulia ini yang telah membangkitkan dan menyentuh mengenai sektor pertanian khususnya sahabat-sahabat saya daripada Pulau Manis, Beserah, Muadzam Shah, Jengka, Semantan dan Chini.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan kepelbagaian dan warga agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian atas input-input yang telah diberikan dalam pastikan perjalanan dan kelancaran sesi Sidang Dewan kita pada kali ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Sektor Pertanian di negeri Pahang melalui cabaran yang cukup getir di kala negara masih belum menang dalam menangani wabak pandemik COVID-19. Awal tahun 2021, sebahagian besar daerah di negeri Pahang menerima ujian dari Allah swt melalui penurunan air hujan yang amat tinggi sehingga mengakibatkan banjir yang bukan hanya meragut nyawa manusia dan ternakan malahan merosakkan harta benda serta tanaman.

Sektor Pertanian telah merekodkan anggaran kerosakan tanaman, ternakan dan perikanan bernilai RM 22.26 juta yang melibatkan 2,434 petani, peladang, penternak dan nelayan.

Pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan serta agensi-agensi lain telah memohon kepada Kerajaan Pusat agar dapat menyalurkan bantuan dana daripada Tabung Bencana Tanaman Padi dan Tabung Bencana Pertanian untuk membantu mengurangkan ya, mengurangkan kerugian yang dihadapi oleh golongan sasar yang terlibat.

Alhamdulillah, permohonan pihak Kerajaan Negeri telah dipenuhi dan pada awal bulan Ogos, Jabatan Pertanian telah menerima peruntukan bernilai RM3.435 juta yang melibatkan seramai 1,106 pesawah melalui Tabung Bencana Tanaman Padi yang dibayar tunai melalui akaun pesawah dan RM843,738.00 yang melibatkan seramai 714 petani dari Tabung Bencana Pertanian bagi kerosakan tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Bantuan dari Tabung Bencana Pertanian ini disalurkan dalam bentuk input pertanian dan sekarang ini insya-Allah dalam peringkat perolehan oleh pihak jabatan.

Kerajaan sangat prihatin terhadap golongan petani berpendapatan rendah khususnya golongan B40 yang terkesan akibat pandemic COVID-19. Bermula dari tahun 2020, berbagai insentif telah disediakan kepada golongan tersebut melalui program yang disediakan seperti tanaman… tanaman er… sayur-sayuran, tanaman buah-buahan, tanaman kontan serta herba dan rempah ratus.

Sehingga kini seramai 11,447 petani telah mendapat manfaat dengan nilai peruntukan sebanyak RM 5.11 juta.

Selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, agar semua sektor termasuk pertanian mengamalkan prinsip ESG: *environmental social* dan *governance,* dengan izin.

Maka para pengusaha digalakkan untuk mendapatkan pensijilan myGAP bagi mengeluarkan bahan makanan yang berkualiti dan selamat dimakan di samping memberi ruang yang lebih besar untuk menembusi pasaran ke luar negara.

Sehingga Jun 2021, sebanyak 1,105 ladang telah mendapat pengiktirafan dengan memperolehi sijil myGAP dan myOrganik. Jabatan juga menggalakkan amalan pengurusan perosak bersepadu dalam pengurusan tanaman bagi mengurangkan penggunaan racun makhluk perosak.

Selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, untuk memberikan impak yang berkesan dalam jangka masa panjang penglibatan orang muda, para belia dalam sektor pertanian amatlah kritikal.

Justeru itu, golongan belia digalakkan untuk menyahut seruan kerajaan dengan mengambil kepakaran di institusi sedia ada yang mengeluarkan tenaga mahir demi masa depan negara.

Sektor pertanian yang sedang rancak dibangunkan oleh kerajaan meliputi Industri Asas Tani yang berperanan untuk memberi nilai tambah kepada produk mentah yang dikeluarkan. Kini IAT terus berkembang dengan nilai pengeluaran RM75 juta setahun dalam tahun 2020 dan terus meningkat dengan bertambahnya aktiviti pemprosesan makanan. Sehingga Jun 2021 sebanyak RM30 juta produk Industri Asas Tani telah dapat dihasilkan dari seluruh negeri Pahang.

Insya-Allah melalui program Pertanian 4.0, Jabatan Pertanian dengan kerjasama rakan strategik membangunkan teknologi pertanian pintar dan juga *Dashboard Connected Farming System,* dengan izin, untuk *big data collection,* dengan izin, kepada petani ataupun usahawan.

Antara objektif utama program ini bagi memperluaskan penggunaa aplikasi teknologi dalam sektor Agromakanan melalui teknologi IoT: *Internet of Thing,* dengan izin. Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak 15 hektar telah dikenalpasti di daerah Kuantan, Raub, Temerloh, Bentong dan Bera untuk er… dinaikkan taraf sistem pengairan sedia ada kepada sistem pengairan pintar *Smart Irrigation* dengan izin lengkap dengan teknologi IoT.

Saya ingin respons kepada er… perkara yang telah dibangkit… isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Jengka ya tentang cadangan untuk mewujudkan TKPM di dalam kawasan DN Jengka. Alhamdulillah, sebenarnya dengan kerjasama daripada semua jabatan, kemungkinan kita telah mengenal pasti beberapa kawasan yang boleh dibangun dan di er… laksanakan TKPM di kawasan Jengka ini.

Insya-Allah kita akan nanti berurusan dengan pihak-pihak yang berwajib dan er… kita jangkakan insya-Allah, dengan komitmen daripada semua, er… pihak PTG, YB er… Yang Berhormat Dato' Sri SS, PTG, dan er… Pejabat Tanah dan Daerah Maran, Jabatan Pertanian dan lain-lainnya, insya-Allah hasrat daripada ADUN Jengka ini er… mungkin dapat direalisasikan insya-Allah.

Sektor perikanan. Sektor perikanan amat penting di negeri Pahang yang membekalkan protein utama kepada rakyat daripada sumber laut, akuakultur dan juga sungai. Ia menjana ekonomi negeri dan pendapatan rakyat menyumbang dari peringkat huluan hingga ke hiliran.

Jumlah pengeluaran ikan ataupun 'ikan makan' negeri Pahang bagi subsektor perikanan laut, akuakultur dan sungai pada tahun 2020 ialah berjumlah 117,317 *metric tan* yang bernilai RM940 juta. Walaupun dalam tempoh pandemik COVID-19 bermula pada tahun 2020, pengeluaran ikan tangkapan, akuakultur dan perikanan sungai di negeri Pahang berada dalam kedudukan lima negeri terbaik di Semenanjung Malaysia dan adalah yang terbaik bagi pantai timur.

Berpandukan Dasar Sekuriti Makanan Negara, *food security* dengan izin, kerajaan sentiasa berusaha mempastikan bekalan ikan mencukupi, mampu milik, selamat dan stabil melalui strategi memperkukuhkan kelestarian atau kemampanan sumber perikanan laut, akuakultur dan sungai. Dan jabatan perikanan sentiasa berusaha ke arah itu.

Bagi menghadapi cabaran pandemik COVID-19, semenjak tahun 2020 dan 2021, kerajaan melalui Jabatan er… Perikanan telah membantu masyarakat serta kumpulan sasar di Negeri Pahang melalui bantuan di bawah Dasar Jaminan Makanan bernilai er… jumlahnya RM6.7 juta yang meliputi pelbagai aktiviti.

Bagi tahun 2021 ini, pengukuhan perundangan berkaitan perikanan akan melibatkan perwartaan dua perundangan baharu negeri iaitu berhubung penyu dan akuakultur serta pindaan Perikanan Darat Sungai yang bertujuan untuk mengurus, membangun dan memulihara sumber perikanan, serta memberi perlindungan kepada spesis terancam, habitat dan alam sekitar.

Perundangan baharu tersebut juga secara tidak langsung dapat menjana hasil kepada Kerajaan Negeri melalui meliputi kutipan bayaran fi pelesenannya.

Saya juga ingin nak respons kepada er… soalan yang telah dibangkitkan oleh ADUN Kuala Semantan. Sebenarnya semasa PKP er… semua agensi, Jabatan Pertanian… er… Perikanan dengan kerjasama daripada FAMA telah juga membantu memasarkan hasil er… ternakan melalui jualan di *outlet* pemasaran seperti pasar tani kekal, pasar tani kekal… pasar tani kekal, pasar tani er… dan juga melalui er… pemasaran *online* melalui AgroBazaar dan er… melalui LKIM, pemasaran juga dibuat melalui online iaitu NEKMATBIZ untuk tujuan yang sama.

Untuk makluman, dalam tahun 2020, sejumlah er… 203,000 ekor benih ikan bernilai RM29,000.00 telah diberi percuma kepada 149 penternak di negeri Pahang manakala sehingga Julai 2021, sejumlah 226,000 er… benih ikan juga bernilai RM53,000.00 juga diberikan kepada 97 er… penternak di negeri Pahang.

Menyentuh sektor veterinar, Kerajaan Negeri melalui Jabatan er… Perkhidmatan Veterinar sentiasa mempastikan supaya pengeluaran makanan hasilan ternakan seperti daging ayam dan telur, daging lembu dan kerbau, dan hasilan tenusu mencukupi dan selamat untuk makanan rakyat.

Bagi memastikan pembangunan bidang er… penternakan dipertingkatkan pada tahun 2021, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM3.7 juta melalui pelbagai program yang telah pun dilaksanakan.

Bagi er… bagi memastikan keselamatan hasilan ternakan dari ladang sentiasa diurus dengan baik, program pensijilan MyGAP diteruskan. Sehingga kini sebanyak 149 ladang ternakan telah mendapat pensijilan MyGAP. Usaha berterusan ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mempastikan ternakan di negeri Pahang mencapai tanda aras pengurusan penternakan yang baik.

Saya juga ingin nak menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kuala Semantan berkaitan dengan er… isu er… pemasaran telur masin yang biasanya melibatkan telur itik. Jabatan Perkhidmatan Veterinar merekodkan seramai 16 orang penternak mengusahakan penternakan itik penelur di daerah Temerloh. Penternak-penternak ini memasarkan telur itik terus ke kedai-kedai makan di sekitar Temerloh.

Permintaan bagi telur itik pada ketika ini amat tinggi dan tidak mencukupi sehingga pembeli di kalangan kedai-kedai makan tersebut terpaksa mendapat sumber telur itik dari pasar… pasar raya di kawasan-kawasan luar pada daerah. Sehubungan itu, Jabatan Veterinar er… bersedia untuk membantu penternak itik penelur dan pengusaha telur masin yang mempunyai masalah jualan hasil ladang untuk dihubungkan untuk dipasarkan er… dengan lebih berkesan.

Jadi... Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, mungkin ada perkara-perkara yang telah saya tidak dapat sentuh pada ketika ini, insya-Allah saya akan membuat jawapan secara bertulis kepada rakan-rakan Yang Berhormat Ahli Dewan Yang Mulia. Jadi dengan ini saya bersama dengan rakan-rakan lain juga ingin menjunjung kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dalam sesi pembukaan dan seterusnya doakan insya-Allah, mudah-mudahan Pahang Terus Maju. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah menggunakan masa 15 minit secukupnya. Baiklah, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang. Sila, Yang Berhormat Dato' Sri.

YB. DATO' SRI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucap syukur kerana kita dapat mengadakan persidangan kita pada kali ini.

Walaupun lebih daripada setahun, setahun 8 bulan kita tidak mengadakan persidangan, tetapi alhamdulillah di atas komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri dan juga beberapa perkara yang perlu kita... yang perlu kita selesaikan iaitu sebagai kuasa pengimbang di antara pembuat dasar dan juga Wakil-wakil Rakyat iaitu pembuat undang-undang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di atas Titah Diraja yang telah disampaikan dan titah tersebut banyak menyentuh perkara-perkara terutama sekali dari segi pembangunan negeri Pahang. Saya juga ingin mengucap terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah pun er... telah pun apa namanya er... telah pun membawa Usul untuk diperbahaskan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Dulu kita bersidang Perdana Menteri yang lain. Sekarang ini persidangan sudah setahun lebih kita tak bersidang, Perdana Menteri yang lain. Sebelum ini Perdana Menteri yang lain pula. Jadi ini menunjukkan bahawa dinamika politik Malaysia ini yang matang dan kita boleh berpakat di antara satu sama lain. Inilah kehebatan politik Malaysia.

Kalau dulu kita sentiasa cakap tukar-tukar kerajaan ini macam Thailand tapi sekarang ini orang Thailand pun cakap tukar-tukar kerajaan macam Malaysia. Tak apa, ini adalah merupakan kematangan politik yang mesti dilalui oleh semua ahli-ahli politik dan juga rakyat Malaysia.

Sekarang ini, Perdana Menteri yang baru, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob secara kebetulannya orang Pahang, secara kebetulannya orang Bera. Tahniah kepada rakan-rakan yang ada, yang ADUNnya... yang DUNnya di dalam Bera.

Antara ucapan beliau selain daripada Keluarga Malaysia, beliau menyatakan bahawa rentas politik. Maksudnya, kalau sekiranya sebuah negara itu tidak ada sebuah parti yang kuat, sudah tentulah kestabilan politik tidak ada. Jadi sebab itu kita ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Beliau berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dan begitu juga dengan idea-idea yang baru, menambah pendapatan negeri, kerana apa? Kerana ada kestabilan politik [Ahli Dewan menepuk meja]. Jadi kita semua berlapang dada, sama ada seperti rakan-rakan saya juga sebut, "Apa saja parti politik, yang paling penting kepada kita untuk menyelesaikan masalah yang ada di depan kita iaitu COVID-19".

Masalah kegawatan ekonomi dan juga kemudian apabila ianya telah selesai, maka kita serahkan kepada rakyat untuk rakyat membuat pilihan parti manakah yang mampu, yang boleh, yang dianggap sebagai parti yang boleh melaksanakan tugas dan tanggungjawab, kerana apa? Kerana semua parti politik di Malaysia ini kecuali parti KITAlah, parti KITA ya, dulu ada parti KITA kan? Yang lainnya, UMNO pernah memerintah, PKR pernah menjadi pemerintah, DAP pernah jadi pemerintah, ini PAS pun pernah jadi pemerintah, BERSATU pun pernah, semua parti politik pernah jadi, jadi rakyat boleh menilai.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya juga seperti rakan-rakan yang lain tidak akan bercakap panjang, walaupun banyak ya apa namanya disediakan oleh Urus Setia dan saya ucap tahniah kepada Urus Setia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang diketuai oleh Dato' Sri SS. Semalam semua kena *interview* hah, nak bagitahu kepada rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri, kami Exco semasa persediaan jawapan ini, semua jawapan tersebut, semua soalan-soalan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan ditapis oleh Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu melalui Jawatankuasa kita, kemudian ditanya seorang-seorang, persediaan satu persatu jadi bila sampai pada saya, dia cakap apa Yang Berhormat Yang di-Pertua. Dia cakap, "Ini Wakil Lanchang ini, tak payahlah, dia dah *seasoned*", dia kata. Maknanya bila sampai saya, rupanya dia nak balik cepat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya nak ucap terima kasih kepada rakan-rakan yang telah menanyakan soalan ataupun menyebut tentang *portfolio* sama ada pertanian, sama ada alam sekitar begitu juga dengan komoditi dan juga perladangan. Terdapat rakan-rakan seperti Teruntum, Bilut, Jengka, Semambu, Muadzam Shah, Ketari, yang ini saya akan jawab dalam jawapan bertulis dan kerana apa? Kerana seperti yang saya nyatakan bahawa kita Dewan Undangan Negeri Pahang terpaksa mengambil keputusan untuk

mempersingkatkan persidangan kita kerana kita ada masalah lebih besar yang kita kena selesaikan. Yang Berhormat Yang di-Pertua tentu tahu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentu tahu dan lain-lain ini nanti dia akan tahu.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya juga ya, untuk portfolio saya, satunya alam sekitar. Saya akan sentuh sedikit apabila saya membawa RUU nanti. Untuk pelancongan begitu juga, saya akan sentuh sikit kerana apa? Kerana saya akan membawa RUU tentang perbadanan ladang-ladang. Cuma saya nak sebut ya, DUN tahun 2020 dari segi pelancongan, kita hanya menerima lebih kurang RM7.4 juta sahaja dan tahun 2019, kita menerima RM13.9 juta.

Kita kehilangan ya, untuk negara, kita kehilangan RM45 bilion ya, untuk negeri Pahang kalau mengikut angka daripada pelancongan ataupun Tourism Pahang, kita kehilangan lebih daripada RM6 bilion, RM7 bilion, tahun lepas sahaja.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, kalau nak sebut tentang terkesan, semuanya terkesan. Ini masalah dunia Yang Berhormat Yang di-Pertua, yang mana virus ini dia boleh tukar-tukar. Dia boleh *mutatic*, dia *muted*, maknanya dia boleh tukar-tukar. Maknanya daripada Alpha pergi Beta, Beta pergi Gamma, Gamma pergi Delta, Delta pergi Theta, Lambda sekarang. Bukan Labamba ya, Lambda. Kemudian esok pergi pulak Chita, macam-macam, ini semua bahasa-bahasa Greek, Costa Rica.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Bagi alam sekitar kita sentiasa, kerana itulah untuk alam sekitar ini kerajaan begitu serius dengan kita menggubal RUU iaitu RUU Majlis Biodiversiti, bagi perladangan dan juga apa namanya komoditi, kita dapati bahawa komoditi bertambah baik, harga sawit melonjak dan harga getah Yang Berhormat Yang di-Pertua, yang ini saya nak sebut sikit, getah ini Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya pernah pergi mesyuarat bersama dengan Menteri Perladangan kerajaan lepaslah, kerajaan ini belum tahu lagi siapa ya.

Untuk mendapat pendapatan RM1,000.00, seseorang penoreh getah itu mesti mempunyai 5 ekar tanah. Jadi getah ini bukan satu tanaman yang apa nama... yang *sustainable* lagi, untuk kita menggalakkan. Maknanya kalau kita nak cari RM2,000.00, kita terpaksa ada 10 ekar tanah getah. Siapa ada 10 ekar tanah getah?

Jadi saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri supaya selepas ini insya-Allah kita akan berusaha mencari apa yang kita sebut menanam *high value crops* iaitu apa nama tanaman yang boleh memberikan, apa namanya pulangan yang lebih. Saya bagitahu kepada Menteri, *you* tanamlah getah. Kami nak tanam musang king ya tak, pasal musang king seekar RM120,000.00 setahun dari segi pendapatan. Kalau ada 6 ekar, kiralah. Saya sebut 6 ekar tu sebab saya ada 6 ekar.

Jadi itulah banyaknya pendapatan saya esok. Kalau berbuah. Kalau dia pakat musang king saya tak berbuah, saya kena tebang baliklah ya, tapi jangan tanam di tanah haram. Maknanya *reserve* jangan tanam ya, YB ya. Bagitau. Sebab kalau *reserve* ini, *reserve* yang apa kita sebut sebagai hutan simpan, yang itu kerajaan kena ambil tindakan. Kalau nak, tapi walau bagaimanapun Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita harap supaya ia…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta laluan. Tuan *Speaker,* yang agak saya pelik adalah Kerajaan Negeri, mereka menebang hutan simpan yang tanam musang king di hutan simpan kekal Batu Talam, tapi pada masa yang sama dalam hutan yang sama, hutan simpan yang sama, mereka boleh bagi 1,000 hektar juga tanah di hutan simpan, bagi satu syarikat besar. Apa kriteria daripada Kerajaan Negeri?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Kalau nak tanam, jangan tanam dulu. Mohon dulu, kalau mohon dulu, kita akan buat pertimbangan. Hutan ini, hutan simpan ini ada yang boleh kita ganti balik, yang kita tak nak itu, dia tanam haram dulu, tak boleh.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

YB, mereka telah tanam semula 20 tahun. Siapa yang bagi mereka tanam pada awal-awalnya. Jika mereka sudah tanam ada hasil, boleh bincang dengan pekebun-pekebun. Kenapa nak tebang mereka… nak tebang pokok mereka. Mereka ini adalah mata pencarian mereka. Ini tidak adil kerana apa yang Kerajaan Negeri cakap adalah, kami… mereka nak tahan memberikan jaminan alam sekitar kepada hutan simpan, tapi sekarang…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa soalannya Yang Berhormat?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita boleh bahaslah, kalau kita nak bahas. Kita Kerajaan Negeri ni, kita komited. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah komited, sebab itulah, kita buat apa… Majlis Biodiversiti. Kemudian kita tambahkan lagi. Contohnya Tasik Chini kita tambah, kerana apa? Tambahkan lagi *reserve* kerana apa? Kita bersungguh-sungguh.

Jadi *if not now, when?* dengan izin, *if not us, who? If… apa lagi*… satu lagi, saya dah lupa dah. Maknanya Kerajaan Negeri mesti memulakannya. Kita tahu bahawa ianya tidak popular tetapi mesti bermula, dan yang lain-lainnya kita juga akan ambil tindakan.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta laluan, YB.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tras duduk, YB. Tras …

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Wakil-wakil daripada….

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Duduk dulu.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Beza antara syarikat besar dengan apa yang dibuat oleh pekebun-pekebun ini, dia begini. Kalau kita mohon… kalau kita mohon dulu sebelum kita tanam, kita buat permohonan. Jadi kalau sekiranya kawasan tersebut, apa namanya ni, kawasan hutan simpan…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

YB. mereka pernah memohon.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tras.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Syarikat yang nak tanam ini. Apa namanya ni… mereka membuat permohonan, satu, yang keduanya, Yang Berhormat Yang di-Pertua bila dia tanam haram, dia tak bayar cukai. Cukai tanah tak bayar, Kerajaan Negeri rugi, cukai pendapatan tak bayar kerajaan pusat rugi dan sebagainya. Kalau kita nak bahaskan perkara ini, sepertilah kita membuat perbahasan sama ada… apa *chicken or egg*, tapi apa pun Kerajaan Negeri bertegas. Kita telah membuat keputusan dan insya-Allah ya, insya-Allah kita akan terus ya mempastikan bahawa kelestarian Pahang ini. Negeri Pahang ini akan terus terjamin.

Yang Berhormat Yang di-Pertua …

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB. Yang Berhormat, masa.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

…saya juga seperti lain-lain. Tidak ingin bercakap panjang. Saya ucap terima kasih berbanyak-banyak. Terima kasihlah kepada semua rakan-rakan, terima kasih, dan insya-Allahlah seperti yang saya nyatakan tadi, bahawa er… politik matang, politik baru. Kita *reset* balik, kita tengok bagaimana rentas politik dan sebagainya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ya, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Untuk kita pertimbangkan. Sekian, dengan ini saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya memaklumkan beberapa perubahan Aturan Urusan Mesyuarat, atas beberapa perkara penting yang tak dapat dielakkan. Aturan Urusan Mesyuarat pada hari esok akan kita bawa pada sesi petang ini dan kita jangka ada beberapa hal saja yang perlu kita selesaikan selepas saya tempohkan untuk Yang Berhormat nikmati sedikit jamuan dan jugak menunaikan solat Zohor dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) telah mengesahkan dan mendapati terdapat seorang urus setia yang bertugas di bahagian luar dewan, suspek positif COVID-19. Setelah dibuat RTK *Antigen Rapid Test Kit* dan akan dibuat ujian pengesahan lagi sekali. PCR di Klinik Kesihatan Bandar Kuantan hari ini. Yang Berhormat tak perlu risau atau gundah gulana, beliau adalah petugas luar, bukan di dalam dewan ini.

Walau bagaimanapun kita perlu mengambil langkah-langkah berjaga-jaga dan berhati-hati, dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Terutamanya kita dinasihat tidak berada terlalu lama dalam dewan yang tertutup seperti ini. Daripada lebih…melebihi dari 5 atau 6 jam mengikut SOP yang ditetapkan. Sanitasi, penjarakan sosial, tidak berhimpun terlalu ramai. Jadi saya mencadangkan Yang Berhormat dan pihak kerajaan berucap dalam masa yang pendek sebentar tadi. Insya-Allah bila keadaan negara selesai mengatasi COVID ini kita akan bersidang seperti mana biasa dengan masa yang lebih, cukup untuk Yang Berhormat menyuarakan hujah-hujah.

Jadi begitu juga saya memaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara rasminya akan berada di Kuantan esok pada 26 Ogos iaitu Khamis untuk bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, juga ke Majlis Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di Istana Abdulaziz Kuantan. Jadi atas beberapa faktor yang juga memerlukan kerjasama kita, saya telah bersetuju untuk membawa Aturan Susunan Mesyuarat pada hari esok ke Sidang Petang ini.

Baiklah, untuk itu saya… kita telah pun mendengar 10 orang Wakil Kerajaan telah menjawab dan Usul Menjunjung Kasih Keatas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan telah dicadang, disokong serta dibahaskan pada 24 Ogos dan dibahaskan pada sebelah pagi tadi. Seramai 10 orang pihak kerajaan telah menjawab.

Sekarang saya menjemput ya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Usul tersebut. Saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga tidak akan mengambil masa yang lama dan mana-mana yang perlu dan penting kita akan menjawab secara bertulis.

Baiklah, sekarang saya dengan hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat penggulungan. Silakan Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, selamat tengah hari dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana dengan pantas telah membuat *adjustment* Persidangan Dewan kita pada hari ini, dan perbincangan saya dengan Yang Berhormat hanya mengambil masa 5 minit. Setelah Yang Berhormat memaklumkan apa yang telah dimaklumkan kepada kita tadi, dan keputusan pantas itu telah membolehkan… sepatutnya jadual kita sehingga esok, kita boleh tamatkan pada hari ini. Jadi saya ucapkan syabas, tahniah kepada Yang Berhormat [Ahli Dewan menepuk meja] Dato' Sri Speaker, yang juga dikenali sebagai *game changer*.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya seperti mana rakan-rakan yang lain juga mengucapkan junjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencemar duli berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Majlis Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Undangan Negeri Pahang Ke-14 pada Isnin yang lalu. Sesungguhnya keberangkatan baginda serta melafazkan Titah Diraja telah meniupkan semangat tinggi dalam kalangan patik-patik pacar-pacar sekalian. Intipati Titah Diraja oleh Baginda menjadi panduan yang amat berguna kepada Kerajaan Negeri serta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menggulung perbahasan bagi pihak kerajaan serta jawatankuasa-jawatankuasa di bawah saya, sempena Titah Diraja oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sebagai menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Ke-14.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan kerana sepanjang er… 4 hari… 3 hari; Isnin, Selasa, Rabu, 3 hari persidangan Dewan kita pada hari ini er… berjalan dengan lancar dan licin tidak ada apa-apa perkara yang di luar dugaan yang berlaku.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada semua 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi perbahasan yang berlangsung Selasa lepas dan saya juga sangat terima kasih kerana setiap daripada mereka telah mematuhi masa yang telah ditetapkan oleh Yang di-Pertua. Jika ada pun yang lebih

sedikit pun adalah atas sebab-sebab yang munasabah yang diberikan secara saksama oleh Yang di-Pertua.

Mudah-mudahan Allah SWT memudahkan segala urusan kita. Begitulah juga hendaknya doa kita agar Allah SWT mengurniakan rahmat-Nya kepada kita semua serta memberkati Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya ingin mengambil kesempatan untuk menjawab beberapa soalan ataupun pertanyaan daripada rakan-rakan Ahli Dewan, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat er… insya-Allah tidak lama er… terutama sekali daripada Sungai Lembing yang meminta supaya mempertimbangkan supaya aktiviti perlombongan bauksit terutamanya yang melibatkan peneroka-peneroka FELDA di Bukit Goh dan Bukit Kuantan dilaksanakan sedemikian rupa agar ianya memberi pulangan sewajarnya kepada mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Sungai Lembing, Kerajaan Negeri telah pun bertindak menangani isu ini dengan menetapkan agar Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang menjadi agensi kerajaan bagi menyelaraskannya. Dalam usaha penyelarasan ini, sudah pasti kepentingan para peneroka diambil kira serta menawarkan situasi menang-menang kepada semua, terutamanya kepada anak peneroka selaku pemilik tanah.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Beserah mengenai peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan bagi mengisi kekosongan di kilang-kilang milik pelabur asing terutamanya di kawasan perindustrian er…. perindustrian Gebeng, memang usaha telah diambil agar tidak berlaku *mismatch* antara keperluan pekerja mahir dan separa mahir oleh pihak kilang dengan tawaran tenaga kerja oleh institusi pendidikan serta kemahirannya.

Saya juga telah difahamkan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, er… Yang Berhormat daripada Tioman pernah mengadakan perbincangan dengan pihak *Alliance Steel* di Gebeng supaya er… untuk meningkatkan bilangan pekerja daripada tempatan. Kalau dulunya er…. 60% : 40% maknanya 60% *local*, 40% daripada syarikat berkenaan dan saya difahamkan sekarang kita telah er…. meningkatkan 70% pekerja tempatan, 30% daripada luar.

Ini adalah usaha-usaha yang telah kita buat dan kita juga er…. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah pun er…. mengadakan perbincangan supaya di masa-masa yang akan datang penglibatan pekerja tempatan itu adalah di er... diperbanyakkan. Maknanya kalau 10 orang, 7 mesti daripada kita, 3 daripada ar… syarikat mereka.

Kadang-kadang ada pekerja yang memerlukan kemahiran profesional dan sebagainya yang mungkin kita tidak boleh bekalkan mereka terpaksa mengambil pekerja mereka. Maknanya perkara ini memang telah kita ambil tindakan yang sewajarnya dan saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat daripada Beserah.

Manakala Ahli Yang Berhormat daripada Bilut, ada menyebut tentang pewujudan tabung khas kepada ahli keluarga mangsa golongan B40 bagi urusan pengebumian mangsa COVID-19. Sebenarnya Tabung Pengurusan Kematian COVID-19, Kerajaan

Negeri telah pun ditubuhkan bagi membuka peluang orang ramai atau syarikat yang membuat sumbangan ke tabung ini. Maknanya, kita *offer,* kita tawarkan kepada mereka yang ingin menderma kepada Tabung Pengurusan Kematian COVID ini dan dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri er… telah menyediakan sedikit peruntukan, mana-mana waris boleh membuat tuntutan er… urusan pengkebumian dengan syarat tidak melebihi RM2,000.00.

Jadi kita dapati er…. biasanya lazimnya kosnya tidak melebihi RM2,000.00 kecuali mungkin ada satu, dua, tiga kes la yang lebih daripada itu, tetapi Kerajaan Negeri meletakkan tidak lebih daripada RM2,000.00 dan er… saya juga dimaklumkan bahawa garis panduan bagi pelaksanaan inisiatif ini masih lagi di peringkat kajian dan insya-Allah akan dimaklumkan dalam masa yang terdekat.

Begitu juga daripada Ahli Yang Berhormat daripada Semambu dan Ketari yang membangkitkan tentang perlombongan nadir bumi ataupun REE, *Rare Earth Elements* dalam Hutan Simpanan Kekal Hulu Jelai. Yang menariknya, dakwaan kononnya seluas 660 hektar kawasan terbabit akan dinyahwartakan ataupun di*gazette* sedangkan ini adalah tidak benar, ya.

Saya ingin ulang lagi sekali, bahawa ini adalah tidak benar. Yang sebenarnya, sepertimana yang telah saya sebut, permohonan untuk perlombongan REE di kawasan berkenaan belum didaftarkan pun sebagai Pajakan Melombong ataupun ML.

Oleh itu, soal penyahwartaan tidak timbul. Selain ML, keperluan seterusnya oleh pihak terlibat mestilah memperolehi kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar ataupun EIA daripada Jabatan Alam Sekitar serta sijil Skim Pengendalian Melombong ataupun OMS dengan izin, *operational mining schemes,* yang dikeluarkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains.

Lagipun sehingga kini, belum ada lagi Prosedur Operasi Standard bagi kerja-kerja perlombongan REE dan masih di peringkat cadangan penggubalan sepertimana dimaklumkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli pada Majlis Mineral Negara pada 16 Februari lepas.

Manakala Ahli Yang Berhormat daripada Semambu dan Cheka dan juga Ketari ada membangkitkan tentang soal vaksinasi di negeri ini dan telah pun dijawab oleh penggulungan oleh rakan saya iaitu er… Exco yang berkaitan berkenaan dengan kesihatan. Sekali lagi, saya ingin tegaskan bahawa sehingga kini kita berada atas landasan betul menuju ke arah imuniti kelompok sebelum menjelang musim tengkujuh pada bulan November.

Sepertimana semua maklum, sehingga 22 Ogos lepas sebanyak 1,311,845 dos telah diterima. Agihan seterusnya yang bakal diterima ialah 150,980 dos bagi minggu keempat bulan Ogos, 660,000 dos pada bulan September dan 582,087 dos pada bulan Oktober.

Berdasarkan agihan ini, sekiranya ianya benar-benar menurut dijadualkan, Pahang akan menerima keseluruhan sebanyak 2,704,912 dos dengan sasaran untuk menyuntik seramai 1,175,800 orang penduduk dewasa 18 tahun ke atas, dos diperlukan ialah sebanyak 2,351,600 dos.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang menggerakkan usaha bagi mengenal pasti bilangan sebenar penduduk dewasa bagi negeri Pahang yang berumur 18 tahun ke atas termasuklah golongan pendatang asing dan pemegang kad UNHCR. Berdasarkan maklumat tambahan penduduk ini, Kerajaan Negeri akan membuat pertimbangan untuk permohonan bekalan vaksin tambahan sekiranya perlu.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada menulis surat kepada Menteri Luar yang mana beliau telah mendapat 1 juta dos yang dibekalkan oleh negara luar dan beliau telah pun bersetuju untuk membekalkan kepada kita 300,000 daripada 1 juta dos yang diperolehi secara percuma tapi malangnya berlaku perubahan kepimpinan.

Beliau tidak sempat untuk tandatangan surat tersebut tetapi insya-Allah kita akan buat *follow-up* dan selebih daripada itu Kerajaan Negeri juga ada membeli sendiri dos ya, yang banyak disumbangkan oleh *state GLC* lebih kurang 50,000 dos. Kita beli sendiri juga.

Jadi er…. sebab itulah berkenaan dengan dos ini, Kerajaan Negeri telah buat yang sehabis baik daripada semasa ke semasa, malah saya sendiri memantau bekalan vaksin ini kepada Kerajaan Negeri Pahang. Walau macam mana pun, hasrat kita, hajat kita tetapi sekiranya bekalan ini tidak sampai ke negeri, kita tidak boleh buat apa-apa sebab yang kawal bekalan ini ialah Kerajaan Pusat. Sebab itulah kalau tuan-tuan tengok dalam *Facebook* saya, ada seorang insan daripada JKKB telah meminta supaya mempercepatkan suntikan dos ini.

Dia minta Kerajaan Negeri Pahang cepat, dia kata *slow.* Saya jawab dalam itu, saya kata macam mana mahu cepat barang tiada. Barang bukan Pahang punya, barang Kuala Lumpur punya. Ada barang kita boleh buat, kita boleh cucuk satu (1) hari 32,000. Betul tidak Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri. Kita menyediakan suntikan 23,000 sehari dan purata ialah lebih kurang 20,000 sehari. Makna kita telah menyediakan segala-segalanya, tetapi kalau barang tidak sampai tidak boleh buat apa-apa juga ya.

Walau bagaimanapun kita berusaha dari segi pentadbirannya dan saya sendiri daripada segi politiknya, kita sentiasa berhubung dengan Kerajaan Persekutuan supaya dapat membekalkan dos ini supaya kita dapat mencapai *herd immunity* dalam masa yang segera.

Saya ingin juga mengambil kesempatan juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pulau Manis yang antara lain menyebut moto; 'Tiada Janji, Lihat Bukti', daripada Pulau Manis. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, moto ini telah saya gunakan sejak tahun 2004 lagi. Sebab pada masa itu ketika saya mula-mula menjadi Wakil Rakyat, ada kawan-kawan saya menasihati saya, dia kata jangan berjanji sebab banyak janji tak boleh ditunai.

Sebabnya dia kata, kita kena minta macam Wakil Rakyat biasa, kena minta daripada Kerajaan Negeri, kena minta dengan MB, kena minta dengan Kerajaan Persekutuan, ada dapat, ada yang tidak dapat.

Sedangkan kita dah berjanji. Jadi dia kata lebih baik tengok-tengok ada jer, contohnya; masa saya jadi… pengalaman saya mereka minta masjid di FELDA Sungai Koyan. Saya tidak berjanji tetapi tengok-tengok masjid ada lagi. Maknanya apa yang diminta oleh rakyat, kita cuba tunaikan dan tengok-tengok ada sahaja saya rasa rakyat lebih menghargai apa yang mereka minta daripada kita berjanji tetapi kita tidak tunaikan.

Seterusnya daripada ADN Pulau Tengku, yang antara lain menyebut tentang 'aman'nya negeri Pahang berbanding apa yang berlaku di peringkat pusat melibatkan Kerajaan Persekutuan. Ini Yang Berhormat, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, ini adalah kestabilan politik, yang penting adalah kestabilan politik supaya kita boleh fokus untuk memajukan negeri kita dan saya cuma boleh nyatakan di sini bahawa negeri kita, Pahang ini adalah dianugerahkan mempunyai pelbagai *resources* dan itulah yang saya sering katakan dan malah sahabat saya daripada Lanchang telah memperkenalkan slogan iaitu "Inilah Pahang", dengan izin – "*This Is Pahang*".

Ini adalah slogan yang diperkenalkan oleh Exco Pelancongan dan memang kita bawa jenama ni sampai ke mana-mana, sampai ke Kuala Lumpur. Bila orang bercakap pasal Pahang, termasuk politik dan sebagainya, termasuk hubungan kita dengan… daripada PAS, Muafakat Nasional, kita kata "Inilah Pahang" – "*This Is Pahang"*. Ini satu perkara yang boleh [Ahli Dewan menepuk meja] kita tonjolkan untuk nak tunjukkan negeri kita adalah istimewa berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, ADUN Padang Tengku juga ada menyebut tentang kerjasama yang perlu diminta daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya memberi diskaun 50% ke atas premis miliknya. Yang ini, mungkin Yang Berhormat daripada Padang Tengku tercicir bas agaknya ataupun terlepas pandang.

Sebenarnya saya telah mengumumkan pada 14 Julai lepas iaitu pemberian diskaun selama empat (4) bulan pada bulan Jun, Julai, Ogos dan September. Tak tahulah kot Yang Berhormat minta lagi sehingga bulan Oktober pula dan sebagainya, insya-Allah kita akan pertimbangkan. Sehingga hari ini, kita telah bagi Jun, Julai, Ogos dan September diskaun dan ianya telah memberi faedah kepada 6,237 penyewa, peniaga, penjaja dengan implikasi kewangan kira-kira RM5.2 juta.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat daripada Cheka, juga membangkitkan soal bekalan air di kawasannya. Masalah tersebut disebabkan oleh kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air (L.R.A) Mela telah mencapai tahap maksima. Apabila sahaja berlaku kerosakan paip, masa yang lama diperlukan untuk menstabilkan semula bekalan air.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri telah mendapat kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, yang telah meluluskan peruntukan hampir RM50 juta di bawah sistem bekalan air di Mela Fasa Ke-2.

Kerja-kerja yang akan dilaksanakan merangkumi pembinaan loji baharu, rumah pam, sistem paip dan kerja-kerja berkaitan. Proses konsep reka bentuk telah pun dibentangkan oleh pihak perunding kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sebagai langkah jangka pendek, Pengurusan Air Pahang (PAIP) sentiasa membaiki dengan segera sebarang kerosakan berlaku sama ada kerosakan paip ataupun kerosakan sistem mekanikal di loji rawatan air berkenaan. Penghantaran bekalan air

melalui lori tangki juga dibuat bagi membantu pengguna yang mengalami terputus bekalan.

Seterusnya pembahas yang terakhir yang ke-16, Ahli Yang Berhormat daripada Dong. Saya juga ucapkan terima kasih kepada beliau kerana telah menyentuh beberapa kali pujian yang telah dilafazkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja dalam Titah Diraja berkenaan.

Saya ingin jelaskan di Dewan Yang Mulia ini, bahawa kejayaan yang dilafazkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang adalah atas usaha bersama Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, adalah kerja secara berpasukan dan saya mendapat kerjasama yang sangat baik daripada rakan Exco dan juga daripada pihak Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan. [Ahli Dewan menepuk meja].

Jadi yang lebih menariknya, kadang-kadang saya minta tiga, lima perkara yang dibuat. Ini adalah satu perkara yang sangat baik dan sekiranya ini diteruskan, insya-Allah kita akan mendapat… mencapai kejayaan lebih lagi di masa-masa yang akan datang dan Ahli Yang Berhormat daripada Dong turut membangkitkan tentang persepakatan antara UMNO dan PAS dalam Muafakat Nasional.

Dalam hal ini, sukacita saya nyatakan bahawa, Muafakat Nasional serta kerjasama dengan Barisan Nasional (BN) Negeri; dengan izin, *Is Our Way Forward*, waima apapun yang berlaku di peringkat pusat, kita akan teruskan kerjasama [Ahli Dewan menepuk meja] kita dalam Muafakat Nasional, insya-Allah.

Walau bagaimanapun, terpulang kepada rakan-rakan daripada PAS, tetapi yang saya tahu semua inginkan Muafakat Nasional dan ini telah disahkan oleh Yang Berhormat daripada Beserah, semasa apa… apa Yang Berhormat daripada Kuala Sentul "bikin panas", "bikin panas" yer? Jadi Yang Berhormat daripada Kuala Sentul telah menanyakan satu soalan cepumas dan telah pun diviralkan. Bahawa Yang Berhormat dari Beserah pun mengatakan lebih kurang "*This Is Pahang"*. Apa pun yang berlaku "*This Is Pahang*" kita hendak cara Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] iaitu Muafakat Nasional. Terima kasih banyak-banyak.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya fikir itu sahajalah yang dapat saya jawab dan sedikit penjelasan daripada saya. Saya berharap apa yang saya jawab ini, adalah memadai dan sekiranya ada apa-apa yang belum terjawab insya-Allah jawapan secara bertulis akan menyusul yang akan saya perincikan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan Dewan ini dan kita akan masuk semula dalam Dewan dalam pukul 2.45 petang. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat berada di persekitaran Wisma Sri Pahang, janganlah keluar, kemungkinan kita akan terdedah dengan perjumpaan-perjumpaan baru yang boleh mengakibatkan penularan COVID ini.

Jadi dalam tempoh lebih kurang setengah jam, kita masuk balik ke dalam Dewan dan kita akan menyelesaikan beberapa... beberapa Aturan Urusan Mesyuarat yang saya jangka tidak memakan masa melebihi satu jam, sekurang-kurangnya satu (1) jam setengah. Jadi, ya, ya... Baiklah…

YB. DATO' SRI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya mencadangkan kita teruskan sahajalah. Bila rehat-rehat ini, kebanyakan kita semua ini boleh jamak kalau dari segi sembahyang er… sembahyangnya. Jadi kita teruskan, supaya kita selesai dalam masa 10, 15, 20 minit, sebab apa yang kita hendak buat ini semua yang baik-baik belaka. Tidak ada yang kita hendak buat apa nama yang tidak baik. Sama ada Rang Undang-undang atau pun yang lain-lainnya, dan yang terbaik, insya-Allah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Pandangan yang baik, Dato' Sri.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Ini cadangan saya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, terima kasih. Sebelum dari itu saya ingin er… Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah dicadang dan disokong. Bukan Usul ini, Usul yang Titah Ucapan ya, yang dicadang dan disokong. Soalnya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan di Dewan ini untuk mendapat kelulusan.

Ahli-ahli Yang Berhomat yang bersetuju, sila nyatakan "ya".

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhomat tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Terima kasih. Baiklah, saya mengalu-alukan pandangan Yang Berhormat Exco sebentar tadi. ADUN Lanchang dah menyokong tapi saya ingin mengambil masa dalam 30 minit supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin boleh berehat, boleh… dan juga membolehkan…

YB DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Ini Yang Berhormat Yang di-Pertualah yang hendak ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tidak, Yang Berhormat, yang sebenarnya urus setia sedang menyiapkan beberapa perkara. Jadi dalam setengah jam sahaja, kami akan selesai insya-Allah. Jadi Yang Berhormat bolehlah er… keluar meregang-regangkan kaki tangan dan sebagainya. Mungkin boleh juga yang mana hendak sembahyang, solat boleh kita selesaikan.

This is Dewan Pahang. Inilah Dewan Pahang. [Ahli Dewan ketawa sambil menepuk meja]. Jadi, saya dikurniakan satu idea yang baik kerana kita dapat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Exco, Ahli-ahli Dewan, pembangkang ataupun pihak kerajaan semuanya memberi kerjasama yang baik, kerana kita mempunyai satu nada, satu suara, satu perjuangan bahawa kita berkhidmat, bekerja untuk Pahang Darul Makmur.

Jadi dengan kata-kata itu insya-Allah kembalilah ke dalam Dewan, jangan cuba hendak lari-lari. Tolonglah saya penuhi kerusi-kerusi di Dewan ini untuk masa tempoh 1 jam sahaja, kerana kita jangan lupa sesungguhnya COVID ini berada di sisi kita. Kita seolah-olah mengandaikan bahawa kita ini tenang dan selamat dan sebagainya.

Jadi penularan COVID ini sudah berada di sisi kita. Ada anak kehilangan ibu bapa, ada ibu bapa kehilangan anak, suami isteri dan sebagainya. Ini satu tsunami COVID yang cukup bahaya. Walaupun kita menjalankan tugas sepertimana biasa anggaplah kita sekarang berada dalam norma baharu menjalankan tugas yang amanah dalam keadaan COVID yang sentiasa menanti dan mengancam kita.

Jadi, kita akan kembali dan berjumpa dalam pukul 2.45 petang. Saya tangguhkan Persidangan ini. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditempohkan pada jam 2.21 petang]

[Persidangan disambung semula]

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat (1) : **Rang Undang-undang Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021 DN 1/2021.**

Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021.

YB. DATO' HAJI NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

> **"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara-perkara lain yang berbangkit daripada pengurniaan taraf bandar raya kepada Majlis Perbandaran Kuantan"**

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-undang tersebut, dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' HAJI NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021, dibaca bagi kali yang kedua.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara-perkara lain yang berbangkit daripada pengurniaan taraf bandar raya kepada Majlis Perbandaran Kuantan"

YB. DATO' HAJI NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah

"**Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara-perkara lain yang berbangkit daripada pengurniaan taraf bandar raya kepada Majlis Perbandaran Kuantan"**

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

dan yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara-perkara lain yang berbangkit daripada pengurniaan taraf bandar raya kepada Majlis Perbandaran Kuantan"

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1;
Fasal 2;
Fasal 3;

dan Fasal 4;

YB. PENGERUSI

Fasal 1;
Fasal 2;
Fasal 3;
dan Fasal 4; menjadi sebahagian daripada Undang-undang. Dengan ini saya mohon Ahli Yang Berhormat membuat cadangan.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' HAJI NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju."

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

PENGERUSI

Ahli–ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak." Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021, dibaca bagi kali yang ketiga.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa:

> **"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara-perkara lain yang berbangkit daripada pengurniaan taraf bandar raya kepada Majlis Perbandaran Kuantan"**

telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO' HAJI NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju."

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA

Ahli–ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak." Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keempat (2): **Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021. Kertas DN 19/2021**.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA

"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya"

YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya"

Saya mohon mencadang.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong usul itu.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, YAB Dato' Sri Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri,

Saya akan membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dengan huraian Rang Undang-undang Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021. Enakmen yang dicadangkan bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang serta mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

Rang Undang-undang ini mengandungi 10 bahagian dengan 63 Fasal sebagaimana yang telah disertakan.

YB. YANG DI-PERTUA

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah

> **"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya"**

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Ya.

YB. YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf kerana RUU ini dibentang pada petang ini jadi tak sempat untuk dibaca habis tapi saya ada sedikit persoalan. Dalam RUU ini, adakah dimasukkan juga isu-isu projek yang terbengkalai?

Kalau… kerana kita sedia maklum banyak juga projek-projek terbengkalai di sekitar negeri Pahang terutamanya kalau lihat di Bentong ada beberapa projek terbengkalai sehingga kini. Jadi agak satu pembaziran dan juga kita harap kalau ia dimasukkan maka akan ada satu undang-undang yang lebih ketat dan ia boleh diguna semula, dan dibaiki semula lah sebagainya. Mungkin boleh buat sedikit penerangan. Terima kasih.

YAB. DATO SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,
Salah satu tujuan kita menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang ini adalah untuk kita mempercepatkan proses, mengenalpasti projek-projek yang bermasalah supaya ianya dapat diatasi dengan segera.

Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Ketari kerana membangkitkan perkara ini dan itu juga merupakan hasrat penubuhan ini dan saya suka juga mengingatkan bahawa projek-projek terbengkalai ini ada yang projek daripada Persekutuan dan ada juga daripada Kerajaan Negeri.

Jadi dengan adanya Lembaga ini sudah tentu lah mana-mana projek yang Kerajaan Negeri berikan keutamaan tetapi yang Kerajaan Persekutuan pun kita akan ambil kira dan kita akan panjangkan pada Kerajaan Persekutuan. Ini bagi tujuan menyekat birokrasi dan mempercepatkan sekiranya satu-satu masalah yang berbangkit kemudian. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju"

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dan yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya"

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

YB. PENGERUSI

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

SETIAUSAHA

Fasal 1 hingga Fasal 63.

YB. PENGERUSI

Fasal 1 hingga Fasal 63; Menjadi sebahagian daripada Undang-undang. Dengan ini saya mohon Ahli Yang Berhormat membuat cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju."

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli–ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak.” Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021, dibaca bagi kali yang ketiga.

YAB. DATO SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang Di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa

> **“Suatu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya”,**

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO’ ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju.”

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak.” Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat (3): **Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021, Kertas DN 20/2021**.

Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021.

YB. DATO' SRI HAJI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

> **"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya"**

BACAAN KALI KEDUA

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' SRI HAJI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021, dibaca bagi kali yang kedua.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

> **"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya"**

Saya mohon mencadang.

YB. DATO' SRI HAJI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Dato**'** Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah

> **"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya"**

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tanah Rata, ingin berbahas?

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

3 minit Yang Berhormat ya.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

3 minit?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih. Saya cuba ringkaskan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya di sini ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak kerajaan bagi mengusahakan Perbadanan Taman Negeri Pahang ni bagi mewujudkan satu suasana untuk pengurusan yang lebih efisen dan cekap taman negeri ini. Namun begitu, saya… setelah kita meneliti RUU tersebut saya ingin mengambil perhatian pihak kerajaan bagi mengambil kira beberapa aspek supaya mengkaji semula RUU ini.

Pertamanya kita melihat pada objektif prinsip asas bagi membentuk Enakmen ini tidak termaktub dalam RUU ini. Kita boleh ambil contoh kalau berbanding dengan Enakmen Taman Negara Johor Tahun 1989 dalam Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor itu pendahuluan dia ada tulis. Saya juga ada *print* keluar.

Suatu Enakmen bagi mengadakan Peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan sistem pengawalan taman-taman negara termasuklah pemeliharaan, pengurusan

sumber-sumber semulajadi dan kehidupan liar dan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengan dia. Dan juga dalam Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor itu yang fasal 4 dia juga menyatakan tujuan menubuhkan taman-taman negara ialah untuk memelihara dan melindungi hidupan liar dan hidupan tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kaji bumi, kaji purba sejarah atnologi dan lain-lain.

Tetapi apabila kita melihat pada RUU kita pada petang ini er… pada pendahuluan dia hanya saja suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021. Ini kita boleh lihat bahawa er… Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor adalah lebih nyata dan jelas dari segi memelihara dan memulihara alam sekitar. Lepas itu kita tukar pada bahagian 2 Fasal 4 iaitu keanggotaan perbadanan ini. Kita lihat tiada perwakilan daripada NGO er… yang mesra alam sekitar dan kepakaran dari bidang berkaitan dan pemimpin komuniti tempatan.

Oleh itu, er… tetapi kita mendapati bahawa adanya 5 orang wakil yang akan dilantik oleh Dato' Sri Menteri Besar tetapi dia ada kriteria disini. Oleh itu saya disini mencadangkan juga supaya kriteria wakil-wakil yang dilantik akan memasukkan seperti atas perlantikan dia memasuki kepakaran er… daripada bidang-bidang yang berkaitan katanya alam sekitar.

Dan juga kalau kita lihat Bahagian 4 Fasal 16 iaitu kewajiban perbadanan… kewajiban perbadanan saya rasanya perkataan kewajiban ini adalah kurang wajar sebab biasanya untuk RUU yang lain yang menubuhkan sesuatu perbadanan kata perkataan yang selalunya digunakan adalah fungsi kepada perbadanan fungsi dia dan bukannya kewajiban dia.

Oleh itu saya di sini untuk mengkaji semula guna perkataan ini dan juga beberapa Subfasal 16... Subfasal 16 saya rasanya perlu dikaji semula dengan lebih jelas iaitu yang A Subfasal 16A, apakah tujuan untuk mengenal pasti memperkenalkan mempromosikan Biodiversiti Taman Negeri apakah matlamat yang kita nak capaikan ini kita tak tahu saja tulis disana sahaja.

Dan Subfasal 16F… Subfasal 16F iaitu kenapa perlunya adanya pembangunan kediaman, perindustrian dan komersial untuk mempromosikan Taman Negeri Pahang ini khususnya perkataan ini perindustrian kenapa adanya perlunya perindustrian dalam Taman Negeri.

Apakah justifikasi kita untuk memerlukan perindustrian untuk mempromosikan Taman Negeri ini, kita nak tahu juga apakah justifikasi dia dan kenapa ada untuk perenggan G kenapa ada perkataan katanya membantu apakah perkataan ini membantu maksudnya sebab ini terlalu meluas dan tidak jelas.

So saya disini mohon penjelasan lebih terperinci dan yang… yang selain itu adakah juga pihak kerajaan perasan bahawa perenggan G dan I, Subfasal G dan I ini mereka bercanggah antara satu sama lain sebab Subfasal G menyatakan perbadanan ini membantu mengusaha, membangun dan menyelaras Taman Negeri, manakala I dia menyatakan perbadanan ini mengurus, mentadbir dan mengawal Taman Negeri. Jadi

disini timbulnya kekeliruan atas apakah fungsi utama, fungsi sebenarnya perbadanan ini.

Dan juga Bahagian 4 Fasal 17 iaitu Kuasa Am Perbandaran Subfasal D, *donkey* D apakah maksud ini pemeriksaan sebab kita nak mohon penjelasan juga apakah maksud pemeriksaan ini?.

Lepas itu Subfasal G… G perenggan G, Bahagian 4… Subfasal 17 SubFasal G. SubFasal G di sini dia kata terlibat dengan sebarang aktiviti komersial. Jadi bagi saya perkataan sebarang aktiviti komersial ini terlalu luas dia membuka ruangan yang amat besar untuk perbadanan ini.

Dan berikutnya Subfasal H memberi bantuan dalam apa jua bentuk kepada mana-mana pihak untuk membangunkan Taman Negeri, ini juga kuasa am ini terlalu luas.

Dan juga subfasal K melibatkan diri dalam mana-mana kontrak perjanjian dan perkiraan dengan mana-mana pihak atau pihak berkumpulan dan melakukan apa sahaja tindakan atau perkara yang perlu ada… yang perlu atau benar untuk dilaksanakan, ini juga kuasa yang diletakkan pada perbadanan ini terlalu luas.

Yang akhirnya Bahagian 6 Fasal 29… Bahagian 6 Fasal 29 iaitu penubuhan Taman Negeri. Di sini timbulnya satu soalanlah sebab Fasal ini seolah-olah membuka ruang kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil alih tempat lain sebagai Taman Negeri Pahang sedangkan dalam jadual hanya satu Taman Negeri sahaja yang dimasukkan dalam jadual iaitu Taman Negeri Endau Rompin sahaja tapi melihat pada Fasal ini seolah-olah Pihak Berkuasa Negeri adanya motif nak mengambil alih tempat lain sebagai Taman Negeri.

Oleh itu saya di sini juga memohon er… saya sini juga mohon penjelasan yang seterusnya. Bagi saya kesimpulannya RUU ini dia lebih berbaur komersial berbanding dengan pemeliharaan dan pemuliharaan yang lestari sebab banyak perkataan membangun, mempromosikan info dalam RUU ini dia lebih berbaur komersial jadi tidak banyak perkara pemeliharaan pemuliharaan yang lestari disentuh dalam RUU ini.

Dan saya juga ada tanya pendapat daripada NGO-NGO dan *stakeholder* alam sekitar yang lain bahawa RUU ini tidak mengambil kira dan tidak menjalankan peninjauan ataupun perundingan umum, ataupun dengan izinnya *public consultation* er… apabila membentukkan dia. Jadi saya rasanya er… pendapat daripada *stakeholder-stakeholder* berkenaan ataupun kepakaran daripada NGO berkenaan mereka tidak diambil kira ataupun pendapatan… pendapat mereka tidak diambil kira. Bagi saya adanya sesuatu tidak kurang wajar.

Oleh itu saya di sini saya berpendapat bahawa RUU ini bagus. Saya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana ingin menjaga dan membentuk sebuah Taman Negeri yang bagus untuk negeri kita. Saya merakamkan penghargaan pada pihak kerajaan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat masa dah cukup boleh Yang Berhormat pendekkan sikit apa yang perlu nak… Ya, sila.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan. Sebab saya rasa RUU ini kurangnya… kurang rapi dan kurang lengkap. Oleh itu wajarnya kita menjalankan perundingan dengan *stakeholder- stakeholder* yang berkenaan sebelum dia dibaca jadi disini saya memohon supaya untuk menangguhkan RUU ini sebelum mendapat pandangan daripada masyarakat *civil* dan s*takeholder* yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Hormat Yang di-Pertua,
Sebelum saya memberikan sedikit penerangan tentang apakah rasionalnya Kerajaan Negeri menubuhkan ataupun kita membawa Rang Undang-Undang ini, saya nak tanya Wakil daripada Tanah Rata *stakeholder* itu siapa? Saya nak tanya dia.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Stakeholder-stakeholder itu adalah katanya NGO-NGO mesra alam sekitar seperti PEKA, seperti Sahabat Alam semua itu adalah *stakeholder* adalah yang bukannya er… katanya takde lama punya tapi mereka betul-betul perjuangkan pemeliharaan dan juga pemuliharaan alam sekitar.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Dato' Yang di-Pertua,
Mereka itu NGO Yang Berhormat Yang di-Pertua mereka bukan *stakeholder*. *Stakeholder* ini adalah Wakil daripada Tanah Rata, Wakil daripada Semambu, Wakil daripada Bilut kerana kita diplih oleh rakyat itu tujuan dia.

Kalaulah semua mesyuarat ataupun Rang Undang-Undang nak kita luluskan nak tanya semua orang Yang Berhormat Yang di-Pertua, maka satu stadium itu ye dak, sebab setiap orang ada satu stadium itu pun tak cukup. Sebab itulah dalam sistem demokrasi berparlimen *west minister* ini diwakilkan kepada kita, iaitu Wakil-wakil Rakyat yang di pilih menerusi Pilihan Raya. Ha, ini dia *stakeholders* yang sebenarnya.

Jangan, jangan, jangan Yang Berhormat daripada apa… Tanah Rata *confuse* ataupun keliru. Mereka bukan *stakeholders,* mereka hanya NGO dan mereka tidak ada hak ya, mereka ahli-ahli NGO boleh memberikan pandangan mereka tetapi Kerajaan Negeri apabila kita membuat satu rang undang-undang, kita telah memikirkannya, apakah kesan dan apakah tujuan dan kesannya.

Jadi, saya… saya nak apa namanya menarik perhatian Wakil daripada Tanah Rata ya… yang 1, yang 2, yang 3 tadi saya tak dapat, saya tak dapat ambil *your note,*

dengan izin tetapi saya nak memaklumkan bahawa yang saya ingat dia bagi tahu bahawa Wakil daripada Tanah Rata menyebut tentang dia nak membandingkan RUU ataupun Enakmen Taman Negara Johor, ya betul?

Okey, saya nak maklumkan bahawa kita secara khususnya, kita telah meletakkan segala objektif dan tujuan untuk kita mengadakan rang undang-undang ini, RUU ini dan enakmen ini adalah pada kewajipan perbadanan tersebut. Ianya bukan hanya tertakluk kepada satu taman negeri, ianya juga tertakluk kepada seluruh kawasan-kawasan, saya nak sebut di sini ya, kawasan-kawasan sama ada… kita ada 145 kawasan-kawasan tersebut termasuklah zon tanah tinggi, zon semula jadi, zon pantai, pulau, rekreasi, sejarah, budaya dan agro ya. Saya nak bagi tahu juga kawasan-kawasan ini 31 destinasi ini disenaraikan bertaraf antarabangsa, 14 destinasi ini bertaraf domestik dan selain daripada 27 taman eko-rimba telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal.

Tujuan kita adalah, nak memastikan bahawa pengurusan taman-taman ini… taman-taman, saya minta maaf kalau dia tambah dua tu saya setujulah… sebab taman-taman, dia taman je ni, dia ni agak *confuse* sikit, dia sepatutnya taman-taman termasuklah kawasan-kawasan seperti Lentang, termasuklah kawasan-kawasan seperti air terjun di Bentong apa nama? Chamang. Ini semuanya kita perbadankan supaya ada satu badan yang mempunyai punca kuasa untuk mereka memastikan bahawa taman-taman ini bukan setakat dijaga tetapi juga ianya memberikan pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

Sebagai contoh dan kita tahu bahawa Kerajaan Negeri tidak mampu untuk menguruskan semuanya. Kita akan bagi kepada pihak individu, kepada pihak apa namanya ini, ini… swasta ataupun persendirian yang mempunyai kepakaran kerana kita tahu tak disebabkan oleh COVID ini kita kehilangan RM6 bilion duit terutama sekali daripada kehadiran pelancong. Daripada RM13 bilion tinggal tujuh daripada 13 er… 14… hampir RM14 juta kepada RM7 juta sahaja.

Jadi, kerana sekarang ini adalah masa yang sesuai untuk kita *reset,* untuk kita pastikan bahawa taman-taman ini, taman-taman ini bukan sahaja setakat kita menjaga flora dan faunanya tetapi juga dalam masa yang sama kita nak pastikan bahawa taman-taman ini dijaga. Ini bila kita *check* taman ni dijaga oleh siapa? Ini dijaga daripada JKKK. Kalau JKKK kita tidak ada punca kuasa untuk kita panggil JKKK tersebut untuk kita *train* mereka, tak ada. Ini tujuan dia supaya taman-taman kita ini dia bertaraf antarabangsa, tak ada lagi telefon, SMS ke saya… "Dato', tak apa ni… tandas teruk Dato'", "Dato', apa namanya sampah berselerak Dato'", tak ada lagi.

Ini tujuan dia, tapi mesti ada satu badan yang mempunyai punca kuasa dan semua…semua taman-taman ini, sama ada mereka hutan lipur ataupun rekreasi, sejarah dan sebagainya…mereka akan dimasukkan ya ke dalam apa yang kita katakan perbadanan ini dan kita perbadanan ini akan pegang bagi pihak Kerajaan Negeri dan dalam masa yang sama dia tidak akan di hak milik kepada siapa-siapa.

Jadi, sebab itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita buat ini selelah kita mengkaji, mengkaji kegagalan yang telah kita buat. Kita belajar daripada kegagalan kita, bagaimana kita mengurus. Saya *respect* Jabatan Hutan, terima kasih kepada Pengarah tapi Jabatan Hutan kerja dia bukannya nak *collect* apa namanya *to*

commercialize taman-taman ini. Mereka ada kerja hakiki mereka iaitu *conservation* menjaga hutan… ini Jabatan Hutan.

Jadi, sebab itulah sama ada ianya di bawah Majlis Perbandaran, ianya di bawah Dewan Perbandaran, Majlis Daerah ataupun Pejabat Hutan ataupun lain-lain yang kepunyaan Kerajaan Negeri, maka perbadanan ini nantilah yang akan menguruskannya nak memastikan supaya ianya dapat kita capai kepada *standard* ya, maknanya *they will be a* apa *new source of income,* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua seperti yang disebut saya lupa dah ADUN mana sebut tadi. Hah… tak pun Tanah Rata juga, dia yang sebut.

Yang lain-lain ini Yang Berhormat Yang di-Pertua ya, yang lain-lain ni saya rasa jelas bahawa matlamat kita hanyalah satu nak mempastikan bahawa taman-taman negeri *it's not* taman negeri. Minta maaf… taman-taman negeri dijaga dengan baik untuk kita wariskan kepada generasi yang akan datang. Kalau kita bagi kepada mereka yang tidak mempunyai kepakaran kerana punca kuasa yang kita tidak ada, maka susah ya kita tengok Mossy Forest ye dak… bagaimana taman apa namanya Mossy Forest sebagai contoh, ini sebagai contohlah dan taman-taman yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sikit?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

ADUN Beserah, sila. Bolehlah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya hanya ingin memberi sedikit pandangan berkaitan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanah Rata. Ada *valid* juga *point* yang dia beri kepada kita. Contohnya dalam Fasal yang berkaitan dengan anggota perbadanan ini. Kita boleh buat sedikit pindaan 5 orang wakil yang dilantik oleh Menteri Besar itu boleh kita *specify*kan dari sudut kepakaran mereka di dalam menjaga dan juga memulihara persekitaran alam sekitar dan ekosistem. Kalau kita boleh *specify*kan dia akan merungkaikan banyak orang kata keresahan dan juga salah tafsir daripada perundangan perlembagaan yang telah… yang kita cuba untuk er… apa ni perbadankan ini.

Yang kedua, saya rasa apa yang dikhuatirkan oleh sahabat daripada Yang Berhormat Tanah Rata tadi, boleh kita lihat ada dalam Fasal 50 dalam bentuk kesalahan dan penalti dinyatakan dengan jelas skop yang boleh *do's and don't,* dengan izin. Ada perkara yang tidak boleh dilakukan oleh perbadanan ini termasuklah membuat apa-apa, mengeluarkan apa-apa mineral, mengeluarkan sebarang spesies flora dan fauna, melaksanakan sebarang aktiviti. Itu semua yang tak boleh dah, maksudnya kalau kekeliruan timbul dalam fasal yang sebelum ini, telah dijawab dalam Fasal 50. Dia ada bidang kuasa yang dibatasi.

Oleh itu, saya rasa saya bersetuju dan menyokong RUU ini, cuma perlu dimasukkan *clause* melibatkan kepakaran ini, pihak-pihak yang berkepakaran di dalam menguruskan perbadanan ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya nak menambah sedikitlah pandangan daripada Tanah Rata minta RUU ini ditangguhkan dulu saya rasa satu permintaan yang akan juga menangguhkan perkara yang baik untuk negeri kita. Sebab enakmen ini Dato' Sri Yang di-Pertua, kita boleh pinda kemudiannya kita luluskan dulu hari ni ya. Sekiranya ada apa-apa perkara yang berbangkit kemudian, yang mungkin kita rasakan perlu untuk kita tambah baik, kita masih boleh pinda enakmen tersebut.

Jadi, saya rasa tidak perlu sepertimana cadangan Tanah Rata untuk tangguh dan berkenaan dengan keanggotaan walaupun Tanah Rata tadi menyebut perlu dispesifikkan. Saya kira Kerajaan Negeri, tentunya Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menimbangkan ahli-ahli lantikan ini, mereka yang memang relevan ya, dengan taman-taman negeri. Takkan dia nak lantik orang yang tak relevan ya, orang yang tak boleh nak bercakap, orang yang tak tahu berkaitan dengan taman negeri.

Jadi, saya kira RUU yang kita kita bentang hari ini, perlu kita luluskan dan tidak perlu untuk kita tangguhkan kerana penangguhan sekiranya dibuat juga akan menangguhkan lagi perkara yang baik untuk negeri kita. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan tersebut. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Menyokong ya. Baik, pihak kerajaan ada nak memberi ulasan lagi? atau boleh kita buat pengundian.

YB. DATO'SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih kepada Wakil daripada Tanah Rata, Wakil daripada Beserah dan juga sahabat saya Wakil daripada ini Exco Kerajaan Negeri iaitu Kuala Sentul. Insya-Allah, Yang di-Pertua niat kerajaan, suci. Niat kita adalah untuk kita memelihara. Soal istilah dan sebagainya ini seperti yang dinyatakan oleh sahabat kita, kita boleh pinda,

Kerana itulah kalau kita tengok apa yang di bawa Rang Undang-undang sebelum ini yang di bawa oleh wakil kita iaitu Exco Perumahan bahawa Rang Undang-undang apa enakmen itu sudah ada dah, tetapi Enakmen Perbandaran. Sekarang dibawa untuk dipinda kerana apa, kerana sekarang ini Bandar Kuantan telahpun dinaikan taraf sebagai Banda Raya.

Jadi sebab itulah kita perlukan pandangan, sebab itulah kita ada pembangkang dan kerajaan supaya dia ada *check and balance,* di dalam kita membuat apa-apa keputusan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya..

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Er… Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya tertarik bila ADUN Tanah Rata bangkit tentang *stakeholder,* makna *stakeholder* kan. Mereka yang ada kepentingan. Hanya saya nak tanya, bila kita gubal Akta Dadah Berbahaya ini, adakah *stakeholder*nya penagih dadah, pengedar dadah, pengedar ni *trafficker* ni dikira *stakeholder* sebab dia kepentingan dengan dadah ni.

Jadi, saya tak tahu mungkin kita boleh buat kajian, apabila kita buat Akta Dadah Berbahaya ini tadi pihak kerajaan memanggil semua pengedar-pengedar dadah yang hebat ini tadi dan juga er… apa ini penagih-penagih dadah kita tanya, kita akan buat Akta Dadah Berbahaya misal contohnya. Boleh buat begini?

Saya rasa *stakeholder* ini… macam tadi, balik kepada apa yang disarankan oleh sahabat saya ni Wakil Lanchang, ini Exco Kerajaan Negeri. S*takeholder* ni kita kena diwakili oleh *reliable stakeholder,* bukan pihak-pihak yang kita rasakan ada kepentingan secara *direct* sebagai contoh tadi akta… Akta Dadah Berbahayalah. Saya tak rasa kerajaan libatkan pengedar-pengedar dadah, waima penagih-penagih dadah pun dalam penggubalan akta seumpama itu, yang pentingnya kita tengok *what is our priority*. Terima kasih.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat saya ingat kita… kita, Yang Berhormat Tanah Rata, sila duduk Yang Berhormat ya.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Tuan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat duduk… duduk dulu. Saya ingat saya dah bagi masa yang cukup panjang dan juga ulasan-ulasan pun dah jelas daripada pihak kerajaan.
Jadi sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

SEBAHAGIAN AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”.

SEBAHAGIAN AHLI-AHLI DEWAN

Tidak

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ulang lagi sekali Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

SEBAHAGIAN BESAR AHLI DEWAN

Setuju

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak setuju, sila nyatakan “Tidak”.

SEBAHAGIAN KECIL AHLI DEWAN

Tidak

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya dapati suara setuju lebih ramai daripada tidak setuju. [Ahli Dewan menepuk meja]. Jadi Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

> **“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.”**

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 hingga Fasal 56.

YB. PENGERUSI

Fasal 1 hingga Fasal 56, menjadi sebahagian daripada Undang-undang. Dengan ini saya mohon Ahli Yang Berhormat membuat cadangan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Minta maaf Yang Berhormat Yang di-Pertua, Dato' Sri Menteri Besar dia ketawakan saya sebab saya tak sabar-sabar nak naik [ketawa] tak sabar-sabar nak bangun. Sepatutnya Yang Berhormat Yang di-Pertua dulu kena baca.

YB. PENGERUSI

Ayat tak habis nak naik, naik apa?. [ketawa]. Sila.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua Pengerusi... Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' SRI HAJI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

SEBAHAGIAN BESAR AHLI DEWAN

Setuju

YB. PENGERUSI

Ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak".

SEBAHAGIAN KECIL AHLI DEWAN

Tidak

YB. PENGERUSI

Suara bersetuju lebih ramai daripada tidak. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021, dibaca bagi kali yang ketiga.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa:

> **"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya",**

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui dengan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO' SRI HAJI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak".

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keempat (4): **Rang Undang-undang Enakmen Biodiversiti Pahang 2021. Kertas DN 21/2021.**

Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Biodiversiti Pahang 2021.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

> **"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Majlis Biodiversiti Pahang dan Pusat Biodiversiti Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya"**

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Biodiversiti Pahang 2021, dibaca bagi kali yang kedua.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

”Suatu Enakmen untuk menubuhkan Majlis Biodiversiti Pahang dan Pusat Biodiversiti Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya”

Saya mohon mencadang.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato‘ Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah

“Suatu Enakmen untuk menubuhkan Majlis Biodiversiti Pahang dan Pusat Biodiversiti Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya”

Dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang...

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB. Tanah Rata. Masa saya bagi tiga minit ya.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Untuk Rang Undang-undang yang Majlis Biodiversiti Pahang ini sama juga, perkara yang sama yang saya akan bangkitkan iaitu Bahagian, Dua Fasal Keempat; Keahlian Majlis, iaitu kalau berbanding dengan Rang Undang-undang sebelum ini ia adalah lebih... bagi saya adalah lagi teruk, sebabnya dia tiada Wakil daripada Kerajaan Persekutuan dan juga apa yang saya kata tadi, tiada Wakil daripada *stakeholder-stakeholder* yang berkenaan.

Apabila saya kata *stakeholder-stakeholder* yang berkenaan iaitu saya maksudnya alam sekitar ini, alam sekitar ini adalah kurniaan Tuhan kepada kita manusia. Kita setiap manusia adalah kepentingan pada bumi yang kita pijak ini. Oleh itu kita setiap orang pun *stakeholder*. Okey, saya faham, saya faham saya *stakeholder* dalam Dewan ini sebab saya mewakili er… rakyat-rakyat yang perlu saya bantu.

Dan pada masalah ini ialah kalau kita memerha… kita meneliti ketiga-tiga Rang Undang iaitu Rang Undang-Undang yang sebelum itu iaitu Perbadanan… Perbadanan Taman Negeri Pahang dan yang ini Majlis Biodiversiti ini, rang… Rang Undang-Undang ini, dia diletakkan pada meja kita, Ahli-ahli Dewan, dia letak di meja kita pada hari Isnin ini. Dia bukannya kita diberitahu sebelum ini.

Oleh itu, bukan sahaja Ahli-Ahli Dewan Negeri er… Ahli-ahli Dewan dalam Sidang Dewan Yang Mulia ini tiada masa untuk mengkaji. Orang di luar, kepakaran di luar, mereka pun tidak ada masa untuk mengkaji.

Itu sebabnya saya kata, kita perlu masa untuk meninjau pendapat daripada kepakaran er… daripada bidang yang berkenaan. Apabila saya kata *stakeholder* daripada bidang berkenaan, itu bermaksudnya mereka tentulah adalah kepakaran masing-masing dan bukannya orang yang bukan-bukan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat er… Yang Berhormat Benta. Penagih dadah, apa ni semua orang-orang bukan… orang bukan-bukan. Mestilah orang *stakeholder* yang ada ke…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat Tanah Rata, lebih baik Yang Berhormat berhujah terus, apa masalah atau isu yang nak dibangkitkan. Okey.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Er… terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya nak bawa ialah juga keahlian untuk Majlis Biodiversiti ini tidak begitu lengkap dan tidak begitu er… kita katanya dengan izinnya kata *comprehensive* sebab hanya wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri saja. Tidak ada wakil daripada Kerajaan Persekutuan.

Dan kalau kita lihat pada er… Fasal M, tidak melebih 10 ahli yang dilantik oleh Menteri Besar dan disini saya mencadangkan supaya kalau er… kalau pihak kerajaan nak pinda pada masa yang akan nanti, saya harap kerajaan boleh letakkan kriteria-kriteria yang tertentu untuk 10 ahli yang dilantik ini supaya mereka betul-betul mempunyai kepakaran daripada bidang-bidang yang tertentu dan berkaitan.

Ini yang saya harapkan dan saya rasanya ini juga tidak begitu dengan izinnya tidak *comprehensive*. Dan sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Pihak kerajaan ada memberi ulasan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat khususnya daripada Tanah Rata. Apa yang kita buat ini kita telah bincang dengan teliti dan kita telah pun kemukakan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri supaya menilai apa yang kita buat dan er… ada *clause-clause* tertentu yang kita tidak muktamadkan.

Maksudnya ialah macam perlantikan. Lima orang, kita tidak sebut dengan jelas supaya ini tidak mengekang kita untuk melantik er… mereka yang daripada golongan profesional dan er… sudah pastilah apa yang kita bentang pada hari ini adalah untuk membawa er… kebaikan kepada negeri Pahang.

Sebab sebelum ini tidak ada satu badan yang khusus, seperti mana yang berlaku di Chini sebagai contohnya. Jadi dengan adanya Majlis Biodiversiti ini, saya percaya ada usul-usul di mana sebelum sesuatu tindakan dibuat, Majlis ini akan dapat membantu Kerajaan Negeri ini memberi pandangan dan sebagainya.

Jadi berkenaan dengan perlantikan ini, saya harap Yang Berhormat Daripada Tanah Rata jangan bimbang. Takkanlah kita nak lantik orang yang tidak ada kepakaran sebagai contohnya. Kerana tujuan kita menubuhkan ini adalah untuk membantu Kerajaan Negeri. Sudah tentulah kita akan lantik daripada golongan profesional.

Dan ini boleh dapat dilihat sepertimana kita tubuh Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands. Dimana kita tentukan ada golongan profesional didalamnya. Ada *engineer* dan sebagainya. Dan kita dapati Alhamdulillah setakat ini, keadaan di Cameron Highlands bertambah elok. Banyak tanah-tanah yang telah didaftarkan. Kita tidak membuat rampasan sewenang-wenangnya, malah kita berbincang dengan mereka yang er… mengerjakan tanah tersebut secara haram.

Jadi ini adalah perkara yang saya ingat bukan besar sangat. Yang penting kita dah masuk, ada 5 orang dalam tu, dan kerajaan negeri 10, 10 ini ramai. Kita boleh letak *engineer*, kita boleh letak arkitek, alam sekitar… pakar alam sekitar dan sebagainya.

Jadi, boleh tengok insya-Allah bila ia dilaksanakan kalau umur kita panjang, ada rezeki dalam Dewan ini, kita boleh lihat nanti apakah bila dengan adanya penubuhan ini, adakah ianya lebih baik daripada tidak adanya Majlis Biodiversiti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya nak sikit je menambah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menjawab apa yang telah dinyatakan oleh wakil daripada Cameron Highlands er… wakil daripada Tanah Rata.

Cumanya, antara lain nya Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita nak ada satu Majlis yang mempunyai punca kuasa. Pertamanya, melindungi kelestarian alam sekitar di negeri Pahang dan dalam masa yang sama juga, mereka juga dapat er… menjadi pelindung kepada harta intelektual yang berkaitan dengan bio… biologi.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya nak maklumkan bahawa berapa banyak orang *patent*, orang buat *trademark*, kompaun di dalam tumbuhan-tumbuhan kita. Sedangkan tumbuhan-tumbuhan kita itu daripada negeri Pahang. Bila kita nak buat *research,* kita terpaksa er… kita terpaksa ambik, minta kebenaran daripada dia.

Saya mempunyai pengalaman ketika saya memegang Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, dimana dia ada geran, sebanyak RM1 juta diberikan kepada mereka yang mempunyai er… apa nama nya mempunyai ini… ini kajian… pengajian… *research.*

Apabila, kerana kita tidak ada enakmen seperti ini, tidak ada kuasa seperti ini, apabila selesai habis duit RM1 juta tu, kemudian kita bagitahu sebab kita terpaksa buat *agreement* dengan dia. Tapi, apabila kita buat itu, apabila sampai pada peringkat mereka *patern*, mereka *patern* atas nama mereka sendiri.

Jadi banyak sebenarnya kompaun-kompaun, tumbuh-tumbuhan, fauna dan flora yang ada di situ, yang sebenarnya dianya boleh dapat manfaat kepada Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Negeri terpaksa… terpaksa membiarkan sahaja kerana kita tak ada punca kuasa.

Dengan adanya Majlis ini, sesiapa sahaja yang ingin datang untuk membuat *research* tentang tumbuh-tumbuhan. Manalah tahu, ada tumbuh-tumbuhan yang besok boleh er… boleh menyembuhkan penyakit COVID sebagai contoh, kita pun tak tahu, maka dia terpaksa melalui majlis ini dan Majlis Biodiversiti ini untuk kita apa nama nya er… untuk kita pertimbangkan dan IP nya ataupun *Intellectual Property* ataupun harta inteleknya dia terpaksa kongsi, ianya atas kepunyaan negeri Pahang ataupun kita terpaksa berkongsi dengan kita. Yang Berhormat Yang di-Pertua, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang berhormat.
Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih dan yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA

Suatu Enakmen untuk menubuhkan Majlis Biodiversiti Pahang dan Pusat Biodiversiti Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA

Fasal 1 hingga Fasal 52.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Fasal 1 hingga Fasal 52, menjadi sebahagian daripada Undang-undang. Dengan ini saya mohon Ahli Yang Berhormat membuat cadangan. Yang Berhormat…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Pengerusi… Dato' Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Biodiversiti Pahang 2021 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

SEBAHAGIAN BESAR AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli–ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak".

SEBAHAGIAN KECIL AHLI DEWAN

Tidak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Suara majoriti lebih besar daripada suara tidak. Dengan itu, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Biodiversiti Pahang 2021, dibaca bagi kali yang ketiga.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,
Saya mohon memaklumkan bahawa

> **"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Majlis Biodiversiti Pahang dan Pusat Biodiversiti Pahang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya"**

telah dipertimbangkan dan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya juga nak maklumkan bahawa antara lain kenapa kita buat, kita membawa Rang Undang-undang Enakmen Biodiversiti ini kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah menyebut tentang keperluan punca kuasa ini di dalam ucapan ataupun pembentangan belanjawan tahun 2019 bagi Bajet tahun 2020, 2 tahun yang lepas sebelum kita menghadapi COVID ini.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,
Saya mohon menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Biodiversiti Pahang 2021 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju."

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli–ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak".

SEBAHAGIAN KECIL AHLI DEWAN

Tidak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Suara setuju lebih ramai daripada tidak, terima kasih. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Biodiversiti Pahang 2021, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

USUL

Perkara Ke-5: Usul.

Perkara Ke-5 (1) - **Usul Pelantikan Ahli Dewan Negara (1)**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang membawa cadangan.

YAB. MENTERI BESAR PAHANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi

> **"Bahawa Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju melantik YH. Dato' Ajis bin Sitin, DIMP., AMP. menjadi Ahli Dewan Negara menurut kehendak Perkara 45 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan selama tiga (3) tahun mulai tarikh angkat sumpah jawatan"**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin menyentuh sedikit mengenai latar belakang Dato' Ajis Sitin. Beliau dilahirkan di Kuala Lipis, berasal daripada Kampung Orang Asli Kuala Koyan, daripada suku kaum Semai. Beliau memiliki kelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Kepujian Kelas Ke-2. Beliau memulakan tugasnya sebagai Jurutera Kerja Jalan di JKR Pahang, sebelum itu pernah berkhidmat dengan syarikat swasta.

Jawatan terakhir beliau ialah sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli dan saya harap dengan perlantikan beliau ini dapat membantu Kerajaan Negeri dan juga dapat memperkemaskan lagi masyarakat Orang Asli di negeri Pahang yang kita percaya masih banyak lagi yang perlu kita lihat untuk membantu mereka ini. Saya percaya dengan kelulusan dan pengalaman yang ada pada Dato' Ajis Sitin, beliau boleh melaksanakan tugasnya sebagai seorang Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila YB.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya memohon menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan disokong oleh Yang Berhormat Padang Tengku. Dengan ini, saya buka Usul ini untuk dibahas. Tiada. Usul ini telah dicadang, disokong dan dibahas. Tiada perbahasan.

Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan "Ya".

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Usul tersebut diluluskan [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ke-5 (2) - **Usul Pelantikan Ahli Dewan Negara (2)**

YAB. Menteri Besar Pahang membawa cadangan.

YAB. MENTERI BESAR PAHANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi

> **"Bahawa Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju melantik YH. Dato' Juhanis binti Abd Aziz, DIMP., AMP., AMN., PPN. menjadi Ahli Dewan Negara menurut kehendak Perkara 45 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan selama tiga (3) tahun mulai tarikh angkat sumpah jawatan"**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ingin memaklumkan serba sedikit latar belakang Dato' Juhanis. Beliau merupakan Ketua Wanita UMNO Bahagian Temerloh dan telah pun memegang pelbagai jawatan di dalam NGO dan juga dalam politik.

Sebagai contohnya dalam NGO pernah menyandang jawatan sebagai Ahli Majlis Majlis Daerah Temerloh, Majlis Perbandaran Temerloh. Selepas itu, Persatuan Ibu Tunggal Daerah Temerloh, PERKIM Wanita Temerloh, lebih kurang 14 jawatan yang beliau sandang dalam NGO dan begitu penglibatan beliau dalam politik bermula semenjak daripada tahun 1988. Saya percaya dengan perlantikan beliau sebagai

Senator akan dapat membantu Kerajaan Negeri untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat di negeri Pahang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada sokongan?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mohon menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan saya kira ini adalah satu pengiktirafan yang sangat tinggi yang diberikan kepada kepimpinan wanita di negeri Pahang sempena Hari Wanita pada hari ini [Ahli Dewan menepuk meja] dan bagi pihak wanita di seluruh negeri Pahang, sekali lagi saya merakamkan setinggi penghargaan dan saya yakin mungkin selepas ini lebih ramai lagi yang akan dilantik, bukan saja menganggotai Ahli Dewan Negara tetapi akan menjadi Ahli Dewan Rakyat dan juga akan menambah lagi bilangannya di Ahli Dewan Negeri. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Usul ini telah dicadang, disokong dan dibahas. Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan "Ya".

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Usul tersebut diluluskan.

URUSAN-URUSAN AM

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ke-6: **Urusan-urusan Am.**

Kertas-kertas Mesyuarat.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019:
Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pahang
Kertas DN 2/2021

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019: Siri 1
Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Pahang
Kertas DN 3/2021

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)
Berakhir 31 Disember 2019
Kertas DN 4/2021

Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Berakhir 31 Disember 2019
Kertas DN 5/2021

Penyata Kewangan Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Berakhir 31 Disember 2019
Kertas DN 6/2021

Penyata Kewangan Majlis Bandar Raya Kuantan
Berakhir 31 Disember 2019
Kertas DN 7/2021

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Temerloh
Berakhir 31 Disember 2019
Kertas DN 8/2021

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Bentong
Berakhir 31 Disember 2019
Kertas DN 9/2021

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pekan
Berakhir 31 Disember 2019
Kertas DN 10/2021

Penyata Kewangan Majlis Daerah Lipis
Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas DN 11/2021.

Penyata Kewangan Majlis Daerah Jerantut
Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas DN 12/2021

Penyata Kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands
Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas DN 13/2021

Penyata Kewangan Majlis Daerah Maran
Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas DN 14/2021

Penyata Kewangan Majlis Daerah Rompin
Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas DN 15/2021

Penyata Kewangan Majlis Daerah Bera
Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas DN 16/2021

Penyata Kewangan Majlis Daerah Raub
Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas DN 17/2021

Penyata Kewangan Tourism Pahang (PKBF)
Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas DN 18/2021

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketujuh: Penangguhan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Sebelum saya membagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar membawa Usul Penangguhan, sukacita saya memaklumkan saya telah mendapat satu nota permintaan daripada ADUN Pelangai untuk memberikan sedikit penghujahan di Dewan Yang Mulia ini. Sebelum saya izinkan, sukacita saya maklumkan bahawa Yang Berhormat Pelangai mulai menjadi ADUN pada tahun 1986 Penggal Ke-7 dan sekarang Penggal Ke-14. ADUN 2 Penggal, Exco 2 Penggal dan Menteri Besar 4 Penggal.

Sekarang berusia 71 tahun dan saya nampak masih lagi sihat dan segar. Jadi saya sebagai Yang di-Pertua Dewan merasakan bahawa kehadiran beliau patutlah kita hargai, dan saya tahu dengan pengalaman yang matang hampir 35 tahun dalam Dewan Yang Amat Dato' Sri sudah tentu memahami peraturan-peraturan, *Standing Order*, semuanya mahir dalam kepalanya. Sudah tentu saya percaya beliau akan mengikuti dan akan menunjukkan segala pandangan bersandarkan kepada *Standing Order* yang kita tahu. Malah beliau lebih arif lagi, tambah pula merupakan seorang pelajar undang-undang.

Jadi tak perlulah saya ulas panjang, hanya saya nak mengingatkan kepada Yang Berhormat ADUN Pelangai, oleh kerana kita telah bermula sejak jam 9.30 pagi tadi. Jadi mengikut arahan Kementerian Kesihatan dan MKN kita tidak dibenarkan terlalu lama dalam Dewan kerana apa ni penularan COVID-19 yang begitu berleluasa sekali dan suka saya memaklumkan bahawa seorang urusetia kita telah pun di suspek sebagai COVID-19. Jadi kemungkinan masa yang agak tertentu Yang Berhormat

ADUN Pelangai bolehlah menyampaikan idea-ideanya di Dewan Yang Mulia ini. Dengan segala hormatnya saya mempersilakan ADUN Pelangai.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Awak boleh dengar ya, jelas ya. Tuan Yang di-Pertua, COVID ini, dia punya virus itu, keluar melalui 2 lubang. Lubang mulut, lubang hidung. Dia masuk pula melalui 3 lubang, lubung mulut, lubang hidung, mata. Itu sebab pakai cermin mata ini. Tak sempat nak menghadiah satu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, satu kepada Tuan Yang di-Pertua. Tetapi elok juga tak hadiahkan, takut dia orang kata tumbuk rusuk sebab nak ambik peluang berucap.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Pertama sekali saya ucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kerana beri saya peluang bercakap. Kata-kata manis tadi merupakan pujian yang agak tinggi tapi saya nak katakan memanglah saya telah masuk Penggal Ke-8 menjadi ADUN di negeri Pahang ini. Walau apapun saya mengambil kira pesanan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua supaya mematuhi masa. Jadi saya boleh bercakap 3 minit, boleh 15 minit, boleh 20 minit, pagi esok pun boleh tapi saya ambil kira keadaan kita pada masa ini maka saya akan sebut mengikut *point* aje. 1, 2, 3, 4, 5 dan kalau boleh sama banyak.

Perkara yang saya nak bawa ini adalah yang berkaitan dengan kepentingan rakyat tapi sebelum itu elok juga saya katakan, saya tak dapat hadir sebelum ini terutamanya buat COVID *test* tu, hari Selasa. Kemudian itu seluar pula entah ke mana, pergi letak. Tak berjumpa. Tadi bersiap-siap nak basuh seluar tengok-tengok dapat tau pula Dewan hari akhir. Maka jaket saya dan seluar dah lain, dah jenis patut dia mesti sama. Kalau nak lain, ini mengajar cara *dress code.* Kalau jaket lain seluar lain, mesti dia lawan warna, kalau jaket hitam seluar cerah. Kalau seluar hitam jaket cerah, tak apa tapi kalau sama-sama warna ini tak kena, tapi tak ada arahlah. Nak pakai kain pelekat kang nampak dak orang tak kena juga.

Yang seterusnya Titah Diraja sebagaimana biasa, mantap. Nampak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja Pahang seperti juga Paduka ayahanda Tuanku Yang di-Pertuan Agong, seperti juga Paduka Nenda Almarhum Tuanku Sultan Haji Ahmad Shah, prihatin dan sentiasa meletakkan kepentingan negeri kedepan daripada kepentingan segala-galanya dan ucapannya amat... titah atau Titah Diraja ini amatlah mantap dan kita ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana sedikit sebanyak menyediakan bahan-bahan Titah Diraja tersebut.

Saya sempat mendengar di hujung telinga, Ucapan Penggulungan Yang Amat Menteri Besar. Saya nak menyatakan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seorang pemimpin yang prihatin memahami denyut nadi rakyat dan semasa menjawab Ucapan Perbahasan 16 anggota Dewan walaupun tak hadir saya tahu 16 orang berucap. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan jawapan yang saya sendiri berasa sangat sukacita jelas bahawa apa yang saya sebutkan selama ini bahawa Yang Amat Berhormat adalah Menteri Besar yang prihatin kepada rakyat. Insya-Allah akan dipandu, diberi hidayah oleh Allah SWT untuk memimpin seterusnya.

Apabila Yang Amat Berhormat menjawab soalan dari Beserah. Minta maaf bukan Beserah sebelum itu, dari Bilut yang minta supaya dipertimbangkan urusan pengkebumian mangsa COVID-19. Saya ucap tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah mengwujudkan tabung pengurusan kematian COVID-19. Selain daripada itu, saya ingin sebutkan sikit apa yang saya tahu tentang COVID. Kita kena ingat ya, bila kita vaksin kali pertama, kali kedua, dia bukan gerenti kepada kita tidak kena COVID.

Ini kena ingat, kita dah vaksin tu, itu hanya untuk *build up,* dengan izin. Kita punya antibodi punya sistem untuk melawan virus yang mungkin datang nanti dan er... untuk makluman, selepas vaksin pertama, vaksin kedua antibodi kita adalah rendah. Seorang kawan saya bila pergi cek antibodi lavel dia 30 patut 150. Kawan kepada dia kosong, dan ada sorang kawan saya pula, dia vaksin bulan dua, kena COVID bulan 5.

Satu yang baiknya, paru-paru dia tidak terjejas, dia boleh lagi *treadmill* 12 kilometer tanpa letih. Paru-paru sihat sebab vaksin dua kali, tapi bau kentut dengan... minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa asam pedas tidak terasa. Kentut dia tak terbau, kentut isteri langsung tak terbau. Begitu jugalah asam pedas, tidak terasa apa-apa. Itu.. itu faedah pada vaksin ini.

Tetapi seorang kawan saya, katerer kantin sekolah anak dia, suami isteri masuk icu, suami meninggal, isteri nasib baik hidup. Kerana yang ini semua dah dapat dua vaksin. Yang seorang lagi tu mak saudara dia sendiri minggu lepas, sudah dua dos vaksin, mati. Kena COVID, mati. Jadi ingatlah ya er…. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan Ahli-ahli Dewan, siapa dah vaksin itu, jangan ingat dia kuat. Saya difahamkan sebulan setengah sehingga dua bulan baru antibodi sistem dia *develop* balik.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Dalam hubungan ini yang penting adalah SOP. Kita kena ingat *coronavirus* ini, COVID ini dia akan menjadi seperti selsema dan juga batuk kering. Selsema disebabkan virus, batuk kering *tuberculosis* disebabkan oleh bakteria. Dia akan macam itu. Itu sebab kita perlukan mewujudkan *herd immunity* ini untuk kita semua, esok semua vaksin ada yang kena tapi boleh dirawat, insya-Allah. Itulah sebab kena mematuhi SOP. Bertentangan dengan apa yang telah di*recommend*kan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terutama sekali Ketua Pengarah dia, Tan Sri Dr. Noor Hisham.

Saya nak menyatakan di sini lebih 50 orang saudara-mara saya, pupu-poyang saya, kawan-kawan saya, termasuk seorang Menteri Kabinet, termasuk seorang Setiausaha Akhbar pada Menteri Kabinet, positif COVID tapi diberi *Ivermectin*. Saya lupa nak bawa tadi. Diberi Ivermectin, Alhamdulillah er…. hari kelima sihat. Menteri berkenaan level 4 telah makan tapi ini… ini dia punya itu sahaja ini dia punya er…. *strip* Dato' Sri. Dia kalau dapat dia punya er…. dia punya … saya ingat cukuplah setakat ini. Dah masa panjang sangat ini. [ketawa] Saya mohon duduklah Tuan Yang di-Pertua, panjang sangat boleh?

Kita nak menunjuk pada Ahli-ahli Dewan. Pertama, semasa Persidangan Dewan kita boleh bercakap sebelum Menteri Besar menutup, Speaker menutup, dan yang keduanya, bila kita tengah-tengah bercakap er…. ada perkara…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Pelangai, tapi tak semua Ahli Dewan boleh.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak semua Ahli Dewan boleh, sebab kita menghormati Menteri Besar, menghormati Yang Berhormat juga.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Haa… iyalah. Itulah. Kalau orang lain tak merasa ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak merasa. [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Hah… itulah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, doktor yang merawat menteri berkenaan Tuan Yang di-Pertua, mengatakan hari pertama seulas pil, kedua, ketiga, keempat kelima, seulas pil. Kemudian stop seminggu, hari yang 12 seulas lagi. Stop seminggu hari yang ke 19 seulas lagi. Maknanya satu *strip* ini, dia ada 10, kita makan 7 sahaja. Jangan lebih, jangan *overdosed*. Tapi kadang-kadang dia ikut juga berat badan. Kalau gemuk sangat, dia makan dua. Kalau budak 12 tahun ke atas, makan separuh. Separuh-separuh. Maknanya 5 hari berturut-turut berhenti seminggu seulas lagi. 5 hari berturut-turut er… berhenti seminggu seulas lagi. 7 ulas sahaja.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya pelik, walaupun ini bukan urusan negeri, urusan *Federal* saya pelik kenapa DG, KKM, NPRA masih sampai sekarang tidak mengiktiraf *Ivermectin*. Mereka nak buat kononnya *double blind test.* Tak payah test dah… tak payah *double blind… double blind*nya. Kita dah dapat lihat *practical experience* sendiri ramai orang elok. Jepun pun dah mengiktiraf *Ivermectin*, Malaysia je belum. Jadi itulah saya berharap Yang Berhormat er…. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar mungkin boleh membawa perkara ini dalam er…. Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara.

Ini yang terakhir Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, musim COVID ini musim susah, rakyat susah. Kita ada pendapatan tetap tak ada masalah, tapi orang miskin, teruk. Wakil rakyat tahulah. Saya dah pencen pun orang mesej hari-hari. Tak bagi duit tak boleh. Kita er…. ada orang menghisap rokok, ada orang minum *Starbucks*… *Starbucks* RM20.00. Itu ada orang dapat curut *free*… menghisap curut *free*. Berapa satu, tak bagi orang er…. itu sebab kalau nak bersedekah, mesti sedekah kita itu lebih daripada apa yang kita makan hari-hari.

Kalau misalnya, kita beli roti canai 50 sen, nak sedekah ke orang sekurangnya RM1.00, contoh. Sekarang mana ada roti canai 50 sen. Iya, rakyat susah. Jadi saya minta kalau bolehlah kerajaan menimbangkan denda cukai tanah… denda cukai tanah. Kalau dapat tak payah dikenakanlah tahun ini. Ini ramai orang merayu dekat saya ini, kalau dapat kita kecualikan sebab ramai yang er… tidak mampu untuk membayar.

Saya ucap tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dalam jawapan kepada Ahli Padang Tengku tadi menyatakan ada beri diskaun 50% ke atas premis milik Pihak Berkuasa Tempatan. Ini juga satu langkah yang baik dan saya ada seorang kawan orang menyewa kedai dia, tak bayar, dia er… dia redha sahaja sebab orang itu susah. Dia dalam keadaan susah ini maka kita harap-harap dapatlah pertimbangkan.

Yang perkara yang kedua, orang mengadu hal kat saya, *stockpile* ada 20,000 tan. Kerajaan tak bagi keluarkan. Orang ini dah belanja duit, dah belanja apa semua. Jadi saya bagitahu diaorang tengoklah kalau patut berunding, berundinglah. Jadi saya akan bawa jugalah beberapa perkara itu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Orang ini nak berniaga, dia keluar duit. Kita jangan kita nak mendenda, nak membatal suka-suka hati. Hah… kononnya er…. kalau awak tak boleh berniaga, awak tak ada duit, kenapa awak berniaga. Orang berniaga duit ini semua pakai pinjaman bank. Saya ingat lagi kata-kata arwah Tun Ghafar Baba. Orang berniaga ini banyak pinjam bank, tak ada orang berniaga duit selambak keluar duit begitu, berniaga. Tak ada. Jadi kita pertimbang sedikit kalau boleh mana-mana yang kita boleh pertimbangkan.

Kemudian itu, kita tengok. Saya dengar khabar pasir tak laku. Tak ada orang beli sekarang ini. Kita sebenarnya dengan adanya aktiviti sedikit sebanyak ini perlombongan dan sebagainya, itulah merancakkan kedai kopi. Ada yang menggaji orang… 80 orang. 80 kali 3 mulut 240 orang, tapi kalau kita buat susah-susah begini termasuklah juga membatalkan perkara yang telah lulus. Haih… teruk macam ini dah lulus dibatal… lulus, batal. Berat. Orang ini keluar duit.

Jadi saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan. Contohnya anak syarikat Kerajaan Negeri sendiri kena batal ladang perhutanannya. Belanja RM18 juta, batal memang sedap, *sign* sahaja surat kita menanggung er…. orang menanggung itu. Tetapi untuk orang-orang begini, saya minta maaf pada Allah SWT kalau siapa bertanggungjawab menyusahkan orang Allah SWT akan tunjuk, insya-Allah. Dah banyak tengok dah, dah banyak tengok kes macam ini.

Jadi saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar, janganlah kerja-kerja elok ini dicacatkan oleh orang-orang yang kita harapkan. Ini bukan salah Menteri Besar tidak. Ini pelaksanaan ni. Er…. kita ingat kita mesti tegas, mesti keras. Kerajaan bukan begitu. Kerajaan memudahcarakan bukan nak menghukum sahaja kerjanya. Mati orang kalau macam itu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Selama ini, saya beritahu saya tidak pernah mencampuri urusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tanyalah ada tak sekali pun, menelefon dia er…. Dato' tak boleh buat begini buat begini er…. Dato'. Tak pernah saya berjumpa Dato' Sri 2 kali hal orang ramai. Dah pencen 3 tahun ya, berjumpa Menteri Besar baru 2 kali. Itupun

hal orang ramai. Kalau tidak tak berjumpa kecuali kalau ada mesyuarat. Sekarang mesyuarat saya tak datang, sebab saya takut. Takut COVID, kita dah tua. Ini hari ini terpaksalah datang sebab takut esok tak datang catit dah batal pula ADUN. Kalau boleh pilihan raya kecil tak apa. Ini kita menjalankan tugas terus saya datang.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Minta maaf ya. Saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar teruskanlah kerja-kerja yang baik ini. Insya-Allah, Allah SWT ada akan memandu, memberi, melindungi Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam menjalankan tugas-tugas ini. Tinggal lagi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi kalau boleh timbang, pertimbangkanlah untuk mudahkan rakyat. Tetapi saya nak beritahu rakyat terutama orang kampung memang susah sekarang ini. Nak cari makan pun susah. Nak makan sesuap nasi er…. pagi petang pun sakit. Janganlah sebab kita mewah, gaji elaun sebagainya hah… ini esok pula Ahli-ahli Perbadanan pun ramai kosong. Balik-balik saya tengok SUK, SUK jadi dia punya ini. Lepas itu SFO…SFO je. 20 perbadanan, 20 jadi er…. ahli Perbadanan SUK dengan SFO.

Jadi, saya bersetuju dengan er…. Ahli daripada kerajaan tadi er…. Lanchang. Rang Undang-Undang apa pun kita kaji balik. Kalau patut bawa balik pinda ke, akan datang kita pinda. Kita *fine-tune* balik. Sebab tak adil juga kepada ahli-ahli kita semua dapat pagi tadi ke, 2, 3 hari lepas nak mengkaji satu-satu. Saya pun dah tengok tadi hanya beberapa bahagian terutama er…. termasuk keahlian. Hah… itu kena ada sedikit.

Itu sahajalah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf ya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tolonglah jangan berasa hati. Saya sayang sangat ke Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini. Kalau dia menangis, saya meraung. Kalau dia sedih, saya menangis. [Ahli Dewan ketawa] Hah… itulah dia punya er…. tak sebab Allah SWT dah tentukan dah. Wan Rosdy Menteri Besar, adalah sebab itu. Ada sebab dia dan setakat ini beliau telah menunjukkan rekod sangat baik. Saya cukup kagumlah. [Ahli Dewan menepuk meja] Tengok, pergi sa… pergi tolong orang, luluskan peruntukan. Tak ada komplen, tak ada masalah. Kalau inilah caranya, dibuat oleh Menteri Besar insya-Allah. Pilihan raya terutama dengan sokongan orang PAS pula, kita sapu bersih lepas ini, insya-Allah [Ahli Dewan menepuk meja]. Tapi bersih semuanya tak boleh juga, kesian pula orang belah sana pun elok juga. Ada seorang berdua pun okeylah.

Itu lah sahaja Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua pun salah seorang kepada *Speaker* yang berpengalaman dan *fair, game changer...* dengan izin – *sorry to say* ... Your …

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nak tambah masa lagi ke?

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

… your reponsibilty…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dengan izin, *you need some more time*?

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Dengan izin… dengan izin, *you have accted fairly, judiciously…*

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

ADUN Pelangai nak sambung lagi ker nak berhenti dah

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Nak duduk dah ni tapi nak… nak… bukanlah membodek nak mengangkat Yang Berhormat Yang di-Pertua yang tua sikit. Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua berpengalaman telah dapat memberikan sidang Dewan dengan baik, *even* dulu lagi telah macam hakim, *acting judiciously* kata orang putih tadi. Maknanya pembangkang, Kerajaan semua diberi peluang.

Jadi itu la sahaja Yang di-Pertua saya ucapkan banyak terima kasih sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dapat mengendalikan pentadbiran Kerajaan dengan baik dengan baik insya-Allah kita jumpa lagi mudah-mudahan Allah Taala lindungi kita semua, maka jaga SOP, jangan keluar tidak tentu arah, jangan bersuka-suka. Ramai yang dah dua vaksin ini kena dan 0.5% mati. 0.5% [tidak jelas] mati, itu yang kena ingat sikit.

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya mohon.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Demikianlah nasihat, teguran, pandangan, ingatan, yang jujur dan ikhlas. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat jangan kita salah anggap walaupun nampak kasar, keras tapi hatinya cukup mulia. Dato' Sri ADUN Pelangai *he speak from his heart* . Tahniah Dato' Sri. Jadi saya kira dalam Dewan ini ibarat ... ibarat apa ini anak-anak buah yang mendapat latihan, teguran daripada Dato' Sri Diraja juga semasa menjadi Menteri Besar. Baiklah kita ke agenda yang seterusnya saya jemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat ucapan penangguhan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Mesyuarat Pertama Penggal ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-14 yang berlangsung selama tiga hari ini insya-Allah akan berakhir dalam masa yang terdekat. Saya… pertama kali sudah tentulah mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Timbalan Yang di-Pertua kerana telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, sungguh baik hingga kita dapat menyaksikan persidangan Dewan kita ini selama tiga hari telah berjalan dengan baik dan lancarnya.

Yang lebih menariknya ialah apabila kita melakukan perubahan di saat-saat akhir, iaitu sepatutnya Dewan kita berakhir pada hari esok tetapi atas sebab-sebab tertentu seperti mana yang sedia kita maklum, pengarah ataupun Majlis Keselamatan Negeri telah memberi pandangan, nasihat, cadangan kepada kita supaya kita perlu hentikan secepat mungkin persidangan Dewan kita ini kerana terdapat salah seorang anggota petugas yang walaupun tidak sampai ke dalam Dewan ini, di luar dewan telah ada yang didapati positif.

Jadi kita merasa bimbang dan saya telah memberitahu kepada *Speaker* adakah kita boleh tamatkan pada hari ini, Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker* terus menjawab *it can be done* jawab dalam bahasa orang putih. Tahniah pada *Speaker* [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, pembahas kita yang ketujuh belas, Yang Berhormat Dato' Sri Diraja daripada ADUN Pelangai seperti biasa memberi pujian, teguran, pandangan yang sinis, nasihat dan yang tersurat dan yang tersirat, semuanya kita telah dengar tadi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Pelangai kerana saya percaya apa yang beliau bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini adalah daripada hati yang ikhlas demi kebaikan kita bersama, demi kebaikan rakyat negeri Pahang dan juga supaya kita terutamanya saya dapat memikirkan sesuatu yang lebih baik seperti mana yang disarankan oleh ADUN Pelangai.

Dan seperti biasa insya-Allah, saya bersama rakan-rakan EXCO akan buat yang terbaik untuk mempertimbangkan apa-apa yang patut kita bantu kepada rakyat negeri Pahang terutamanya kepada penjaja, peniaga, nelayan dan lain-lain lagilah yer.
Saya semasa mendengar ucapan ADUN Pelangai tadi, saya teringat salah seorang daripada pembangkang ada menyatakan supaya pertimbangkan semula peruntukan dan ada salah seorang Yang Berhormat tadi hantar mesej kepada saya bahawa Perak mendapat agihan yang sama. Tetapi sukacita ingin saya maklumkan di Dewan pada hari ini, peruntukan yang diberhentikan sekejap tempoh hari, insya-Allah Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri tadi dia mengangguk sahaja, maknanya yang kita sudah bagi kepada rakan-rakan pembangkang kita akan bagi semula pada tahun ini [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan kerana kita dapat mengadakan mesyuarat dengan mematuhi SOP, penjarakan sosial dan saya berharap supaya tidak adalah kes kluster COVID-19 Dewan Undangan Negeri Pahang, Nauzubillah. Tetapi melihat kepada apa yang kita amalkan sama ada kita berehat atau semasa di dalam Dewan, kita telah mematuhi dan kita telah membuat yang terbaik.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Negeri kita insya-Allah akan memasuki fasa ketiga. Pelan Pemulihan Negara, dia ada tiga faktor, sebelum MKN memutuskan sama ada kita boleh beredar daripada fasa kedua ataupun fasa ketiga. Bagi negeri kita, tiga faktor tersebut ialah kita telah ... rakyat negeri Pahang telah mendapat suntikan bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas, iaitu melebihi 40% dan… manakala pesakit yang berada di unit rawatan rapi adalah juga rendah dan kadar kebolehjangkitan di kalangan komuniti juga rendah dan

saya percaya perkara ini akan dipertimbangkan dan dalam masa terdekat pihak Majlis Keselamatan Negera akan membuat keputusan.

Dan apa yang boleh kita perolehi apabila telah kembali kepada fasa ketiga iaitu banyak kelonggaran yang akan kita dapati antaranya ialah seminar, bengkel, kursus, latihan, persidangan, ceramah, taklimat, program akan dibenarkan tetapi masih lagi tertakluk kepada SOP yang ditetapkan dengan tidak melebihi 50% kapasiti premis atau maksimum 100 orang. Ianya jauh lebih baik dari fasa kedua yang kita ada pada hari ini. Walau bagaimanapun pihak penganjur masih digalakkan supaya melaksanakannya sidang video ataupun atas talian.

Selain daripada itu, kelonggaran diberikan juga kepada perkhimatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas eskpres, bot ekspres, teksi, *e-hailing,* kenderaan membawa pekerja seperti bas, van pekerja serta pengangkutan awam pada kadar 50% juga kapasiti penumpang. Begitu juga aktiviti ataupun sukan secara individu atau yang tidak bersentuhan bagi orang awam adalah turut dibenarkan dengan perwartaan SOP sukan dan rekreasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia Dan Sukan.

Saya percaya dengan kelonggaran di bawah fasa tiga nanti insya-Allah kehidupan seharian kita sungguh pun tidak kembali normal seperti sebelum COVID-19 tetapi sekurang-kurangnya ia lebih melegakan dan lebih menyelesakan daripada sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua
Saya juga ingin menyentuh sedikit beberapa hari lagi kita akan menyambut Hari Kebangsaan yang Ke-64 iaitu masih lagi dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara.
Kita sedia maklum tema sambutan kali ini ialah Malaysia Prihatin yang bermaksud seluruh rakyat Malaysia termasuk di negeri-negeri berganding bahu memerangi wabak pandemik COVID-19 yang masih melanda dunia, negeri dan negara kita. Dengan bersandarkan keprihatinan kerajaan sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

Tema ini sangat bertepatan dengan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri sebelum ini mengenai inisiatif prihatin iaitu singkatan kepada Pakej Rancangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang merangkumi aspek ekonomi kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Pada hari Isnin lepas saya telah hadir pada Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Sempena Hari Kebangsaan yang ke-64 di Pekarangan Kompleks Bandaraya Kuantan. Ianya pula disusuli dengan acara sambutan secara sederhana yang dianjurkan untuk memastikan semangat patrotisme dan cintakan negara dapat terus mekar serta diamalkan oleh rakyat negara dan negeri kita.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru, menyaran kepada semua pemilik bangunan dan premis perniagaan supaya mengibarkan bendera Malaysia dan Pahang sebagai tanda patrotisme kita yang tinggi kepada negara dan negeri. Saya percaya dengan patrotisme yang tinggi ia akan menjadi penyumbang utama kepada perpaduan yang sentiasa kita gagaskan khususnya dalam negara dan negeri berbilang kaum sepertimana Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya yakin dan percaya kita tidak sekali-kali tersalah langkah sekiranya semua daripada 32 juta rakyat negara dan lebih 1.7 juta rakyat Pahang akur dan patuh kepada kedua-dua Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Kita semua tahu Rukun Negara misalnya menetapkan 5 prinsip iaitu:

Kepercayaan Kepada Tuhan
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-undang dan;
Kesopanan dan Kesusilaan

Saya tidaklah berhajat untuk mengulas satu persatu, tetapi insya-Allah sekiranya kita patuh kepada Rukun Negara, kita akan menjadi rakyat yang sangat prihatin dan bertanggungjawab sebagai Rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ingat itu sahajalah yang dapat saya akhiri… yang dapat saya sampaikan ucapan saya dan sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Timbalan Dato' Sri Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat serta seluruh pegawai dan urus setia Dewan, PDRM, Jabatan Kesihatan dan semualah *frontliners* yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Sidang Dewan pada kali ini, dan yang lebihnya untuk memastikan kita semua mematuhi SOP serta kesihatan kepada kita semua.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya ucapkan terima kasih daun keladi dan sebelum saya akhiri ucapan saya. Saya ada 2 rangkap pantun yang ingin saya sampaikan.

Jangan diguna pisau yang tumpul,
Menghiris sayur tiada kesan,
Jika hari ini kita berkumpul,
Esok lusa kita balik kawasan.

Menghiris sayur tiada kesan,
Inikan pula daging yang liat,
Esok luas balik ke kawasan,
Berbaktilah kita kepada rakyat.

[Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Dengan ini saya mengusulkan Persidangan Dewan Negeri pada kali ini ditangguhkan. Wabillahi taufik wal hidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhomat Dato' Sri Menteri Besar. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menutup tirai persidangan kita sebentar lagi sukacita saya megucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan yang telah memberikan kerjasama yang amat baik semasa persidangan kita berjalan selama 3 hari.

Ya, kita bersidang dalam suasana penularan wabak yang tidak pernah kita duga, tidak pernah kita mimpi dan telah mengubah segala-galanya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat memahami, mengikuti dan menerima perubahan dan aturan yang telah ditetapkan semata-mata untuk menjaga keselamatan diri kita dan diri Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Apa pun peluang untuk Yang Berhormat berhujah mengutarakan isu-isu rakyat dan pengundi tidak pernah saya sekat, ianya… dan tidak pernah saya halang. Proses semak dan imbang berjalan dengan lancar, tertib dan penuh wibawa. Tahniah saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Saya bersama-sama dengan Timbalan Yang di-Pertua ingin merakamkan ucapan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, urus setia Dewan yang bertugas di belakang tabir, Jabatan JKR, JKM, PDRM, Bomba, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Klinik Kesihatan Bandar Kuantan dan jabatan-jabatan lain yang banyak membantu kita khususnya dalam membantu kita semasa membuat pemeriksaan COVID, *sanitize* Dewan ini dan perkara-perkara berkaitan dengan keadaan semasa. Terima kasih kerana telah menghulurkan kerjasama yang ikhlas. Anda semua telah memberikan kerjasama yang sangat baik, sekalung tahniah dan terima kasih daripada saya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada *frontliners* yang telah bertungkus lumus sentiasa sabar dan komited dalam memikul amanah untuk mengatasi isu COVID ini. Kita belum berjaya dan kita juga belum kalah. Marilah kita memanjatkan doa kehadrat Allah SWT, mudah-mudahan isu yang melanda ini akan diangkat dan selamatkan kita semua.

Akhir kalam, saya mengucapkan selamat pulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jagalah kesihatan baik-baik dan jagalah keluarga dan jagalah pengundi yang sentiasa mengharapkan bantuan dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat terutama semasa penularan kes ini.

Marilah kita sama-sama membawa satu nada, satu semangat, satu suara dan satu slogan Pahang Terus Maju, Pahang 1st dan inilah Pahang. Marilah kita membaca surah Al-Asr mudah-mudahan kita mendapat kerahmatan daripada Allah SWT. [Bacaan ayat Al-Quran] Dengan ini saya tangguhkan Dewan ini pada jam 4.54 petang dan akan kita berjumpa lagi pada tarikh yang akan ditentukan nanti. Insya-Allah. Sekian, terima kasih. Persidangan ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan pada jam 4.54 petang]